



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

Laporan Tahunan
2019

© Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2019
Maklumat yang terdapat dalam laporan tahunan ini adalah tepat setakat 31 Disember 2019.

Rasional Muka Depan

Muka depan *Laporan Tahunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2019* merupakan kesinambungan daripada reka bentuk pada tahun lalu. Motif alunan sulaman menggambarkan usaha berterusan SC ke arah menjadikan pasaran modal yang Mudah Diakses, Cekap dan Bertanggungjawab.



KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGERUSI

SOROTAN 2019

BAHAGIAN 1 Meningkatkan Akses Kepada Pasaran Modal

- 3 Pengenalan
- 3 Memanfaatkan Teknologi Digital Untuk Meluaskan Akses Kepada Pasaran Modal
- 10 Memperluas Keupayaan Pasaran Modal Islam
- 16 Membangunkan Tawaran Nilai Malaysia Sebagai Pusat SRI Serantau
- 21 Memudahcarakan Kebingkasan Pasaran Modal
- 26 Mendukung Perlindungan Pelabur

Infografik dan Rencana

- 4 ECF dan P2P Platform Kewangan
- 5 Penamatan Pendanaan Ekuiti Ramai Pertama di Malaysia
- 7 Malaysia Co-investment Fund
- 9 Memupuk Ekosistem Fintech Malaysia – aFInity
- 13 Rangka Kerja Sukuk SRI yang Disemak Semula Untuk Penggalakan Terbitan Strategi-5i
- 19 Inisiatif Utama SRI Dalam Pasaran Modal Malaysia
- 20 Meningkatkan Kemudahan Akses Melalui Inisiatif Islam dan Kemampunan pada 2019
- 25 Skim Persaraan Swasta: Pertumbuhan Aset dan Keahlian Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023

BAHAGIAN 2 Mewujudkan Pasaran Modal yang Lebih Cekap

- 31 Pengenalan
- 31 Penditan Ke Arah Pengalaman Pelabur yang Lebih Baik dan Kecekapan Operasi
- 34 Menggalakkan Kecairan Dalam Pasaran Modal
- 35 Mengukuhkan Ekosistem Pasaran Utama
- 38 Menggalakkan Daya Saing Dalam Industri Unit Amanah

Infografik dan Rencana

- 32 BRIDGe: Kumpulan Penditan Industri Pembrokeran
- 35 Menyediakan Fleksibiliti Dalam Jualan Singkat dan Penggerakan Pasaran
- 40 Perkembangan Perniagaan Pengurusan Aset: Perspektif Malaysia

BAHAGIAN 3 Mengukuhkan Akauntabiliti dalam Pasaran

- 47 Pengenalan
- 47 Menggalakkan Pemakaian Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat
- 51 Memperkuuh Daya Tahan Pasaran Modal Terhadap Amalan Rasuah
- 55 Memastikan Daya Tahan Pasaran
- 63 Memperkuuh Tatalaku Dagangan dan Tadbir Urus Dalam Kalangan Peserta Pasaran
- 67 Memperkuuh Tatalaku dan Tadbir Urus Pengantara
- 74 Menggalakkan Integriti Pasaran

Infografik dan Rencana

- 48 Pelancaran Corporate Governance Monitor 2019
- 50 Keutamaan Strategik Tadbir Urus SC (2017-2020) – Kemajuan Pelaksanaan
- 57 Ujian Tekanan Makro
- 65 Kajian Pasaran Mengenai Individu Berlesen dan Berdaftar
- 77 Sorotan Penguatkuasaan 2019 – Mencapai Pencegahan Berkesan

BAHAGIAN 4 **Membina Institusi yang Mudah Diakses, Cekap dan Bertanggungjawab**

- 83 Pengenalan
83 Pengawal Selia yang Kolaboratif,
Terbuka dan Mudah Diakses
85 Membina Tenaga Kerja yang
Cekap
88 Mendukung Standard Integriti
dan Akauntabiliti Tertinggi

Infografik dan Rencana

- 86 Nilai-nilai Korporat SC Bernafas
Baru

BAHAGIAN 5 **Tinjauan dan Prospek Pasaran Modal**

- 91 Rangkuman
91 Perkembangan Global Pada 2019
96 Perkembangan Pasaran Modal
Malaysia pada 2019
109 Prospek bagi 2020

Infografik dan Rencana

- 104 Pembangunan Kewangan:
Memangkin Pembangunan
Ekonomi di Malaysia

BAHAGIAN 6 **Penyata, Statistik dan Aktiviti**

- 116 Ahli Lembaga
122 Pasukan Eksekutif
124 Ahli Majlis Penasihat Syariah
126 Struktur Organisasi
128 Pernyataan Tadbir Urus
137 Penyata Kewangan
173 Cadangan Korporat
179 Pengurusan Pelaburan
186 Pasaran Modal Islam
192 Modal Teroka dan Ekuiti Swasta
195 Pendanaan Ekuiti Ramai dan Pembiayaan Antara Rakan Setara
200 Pemberian Kebenaran dan Pelesenan
205 Penguatkuasaan
224 Inisiatif Pemerksaan Pelabur
229 Aduan dan Pertanyaan
230 Penerbitan
232 2019 Sekilas Pandang
239 Akronim dan Singkatan

Pernyataan Misi

Untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan derivatif yang adil, cekap, terjamin dan telus, serta untuk memudahcaraikan pembangunan teratur bagi pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing.

Perutusan Pengerusi

“ Dengan sukacitanya saya membentangkan laporan tahunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang menerangkan tentang inisiatif kami pada tahun 2019. ”

Pasaran modal yang maju dan cekap adalah penting dalam memenuhi objektif pembangunan ekonomi sesebuah negara. Ketika Malaysia beralih ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, pelaburan diperlukan terutamanya dalam industri bernilai tambah tinggi dan mampan. Hasil limpahan positif ke atas pewujudan pekerjaan dankekayaan isi rumah, seterusnya mampu memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang inklusif dan dikongsi secara meluas.

Pelaburan pada skala ini memerlukan ekonomi yang bingkas, disokong oleh pasaran yang meluas dan cair. Ini akan membolehkan individu, syarikat dan institusi meraih nilai dengan menggerakkan pelaburan untuk membiaya ekonomi sebenar. Sehubungan ini, kepercayaan adalah penting untuk menarik penyertaan pelabur dalam pasaran modal.

Untuk memupuk kepercayaan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) komited untuk membina pasaran dengan peraturan yang jelas dan wajar dari segi komersial. Agar lebih dipercayai, peraturan tersebut hendaklah digunakan secara adil dan konsisten dengan mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat – termasuk orang ramai.



“ Pada 2019, pasaran bon dan sukuk mencatatkan jumlah aliran masuk portfolio bukan pemastautin sebanyak RM19.9 bilion manakala pasaran ekuiti menyaksikan aliran keluar sebanyak -RM11.1 bilion. Ini menjadikan jumlah terkumpul aliran masuk bersih ke dalam pasaran modal adalah sebanyak RM8.7 bilion, berbanding aliran keluar bersih sebanyak -RM33.6 bilion pada tahun sebelumnya. ”

Bagi memastikan peraturan dipatuhi, kami bukan hanya bergantung kepada kekuahan kawal selia sahaja. Baris pertahanan pertama ialah tadbir urus dan kawalan dalam organisasi itu sendiri, dengan disiplin tambahan datang dari orang ramai yang bermaklumat dan berhati-hati.

Dengan meletakkan tanggungjawab ke atas peserta pasaran terhadap tingkah laku mereka sendiri, kami sedar bahawa pertumbuhan tidak akan tercapai dalam persekitaran tanpa risiko. Oleh yang demikian, rangka kerja kawal selia tersebut mestilah membolehkan pengambilan risiko komersial yang sah, tertakluk kepada penzahiran penuh dan tepat pada masanya, serta amalan pengurusan risiko yang berkesan.

Walau bagaimanapun, ketika kami menyediakan persekitaran yang memudah cara bagi urus niaga *bona fide*, kami juga berwaspada dengan tatalaku perniagaan yang tidak baik yang boleh menghakis kepercayaan orang ramai dan integriti pasaran.

Sehubungan itu, penyeliaan, pemantauan dan penguatkuasaan SC memainkan peranan untuk menghalang tingkah laku peserta pasaran yang tidak memenuhi keperluan kawal selia.

Pertumbuhan berterusan di tengah-tengah cabaran mendatang

Dengan wujudnya perlindungan tersebut, pasaran modal Malaysia kekal berdaya tahan dan teratur meskipun menghadapi persekitaran luaran yang mencabar.

Apa yang penting ialah pasaran modal terus menyalurkan pembiayaan kepada ekonomi Malaysia pada 2019, dengan RM139.4 bilion dikumpulkan melalui ekuiti, bon dan sukuk (2018: RM114.6 bilion). Bilangan tawaran awam awal di Pasaran Utama, ACE dan LEAP juga meningkat kepada 30, walaupun jumlah terbitan ekuiti susut kepada RM6.6 bilion (2018: RM9.2 bilion).

Penerbitan mampan membolehkan pasaran modal berkembang sebanyak 3% kepada RM3.2 trilion pada 2019, dengan bon dan sukuk belum tebus menyumbang sebanyak RM1.5 trilion dan selebihnya sebanyak RM1.7 trilion adalah daripada permodalan pasaran ekuiti.

Industri pengurusan dana kekal sebagai sumber mudah tunai yang penting, dengan jumlah aset bawah pengurusan meningkat kepada RM823.2

bilion pada 2019 (2018: RM743.6 bilion). Peningkatan sebanyak 11% itu didorong oleh keuntungan penilaian dalam ekuiti permodalan kecil dan sederhana serta suntikan bersih yang lebih tinggi daripada pelaburan semula dividen, dan mencatat lonjakan yang diharapkan daripada penguncupan sebanyak -4% pada 2018.

Jumlah keseluruhan mudah tunai pelaburan domestik juga membolehkan pengantaraan aliran portfolio rentas sempadan yang terurus. Pada 2019, pasaran bon dan sukuk mencatatkan jumlah aliran masuk portfolio bukan pemastautin sebanyak RM19.9 bilion manakala pasaran ekuiti menyaksikan aliran keluar sebanyak -RM11.1 bilion. Ini menjadikan jumlah terkumpul aliran masuk bersih ke dalam pasaran modal adalah sebanyak RM8.7 bilion, berbanding aliran keluar bersih sebanyak -RM33.6 bilion pada tahun sebelumnya.

Ke arah pasaran bertaraf AAA

Daya tahan pasaran menunjukkan kekuahan rangka kerja kawal selia SC. Ini menyokong keputusan saya untuk menumpukan tahun pertama sebagai Pengerusi Eksekutif dengan meningkatkan kefungsian pasaran kepada penggunaannya, terutamanya penerbit dan pelabur.

Matlamat yang saya sasarkan adalah agar wujud sebuah pasaran modal yang Mudah Diakses bagi demografi yang paling luas, termasuk segmen yang kurang diberi perhatian seperti perniagaan kecil; Cekap dalam bertindak terhadap peluang dan perubahan dalam landskap yang berdaya saing, namun pada masa yang sama Bertanggungjawab terhadap semua pihak berkepentingan yang berkaitan.

Pasaran yang mempunyai ciri-ciri ini, Mudah Diakses, Cekap dan Bertanggungjawab, mampu mempercepatkan pembangunan ekonomi Malaysia dengan memberi perkhidmatan kepada populasi perniagaan dan pelabur yang lebih besar. Ia juga dapat meningkatkan daya saing keseluruhan dan memperkuuh kepercayaan dengan memberi tumpuan terhadap tadbir urus dan akauntabiliti.

Oleh yang demikian, program kerja SC bagi 2019 merangkumi inisiatif untuk memperluas akses pasaran, menggalakkan pasaran yang lebih cekap dan memperkuuh budaya tatalaku, tadbir urus dan akauntabiliti yang baik.

Mengembangkan saluran pembiayaan alternatif

Meskipun pembiayaan perniagaan merupakan fungsi utama sesebuah pasaran modal, sebelum ini, pelbagai halangan struktur mengehadkan akses kepada pelaburan, dan oleh itu menyebabkan mereka tersisih daripada pasaran modal.

Walau bagaimanapun, hari ini kemajuan teknologi telah menyediakan kaedah yang berkesan dari segi kos untuk mengurangkan kebimbangan tersebut, melalui saluran seperti pendanaan ekuiti ramai (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P).

Dengan menyediakan medium elektronik yang mudah untuk melabur dalam perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), platform pembiayaan ini bukan sahaja membolehkan perniagaan yang kurang diberi perhatian memperoleh modal malah dapat menarik generasi baharu pelabur digital yang bijak.

Kini terdapat 10 platform ECF dan 11 pembiayaan P2P yang berdaftar dengan SC, di samping lapan pengendali baharu yang diluluskan pada 2019 sahaja. Sepanjang tahun ini, hampir RM444 juta pembiayaan telah disalurkan kepada PMKS – peningkatan ketara daripada RM196 juta yang dikumpulkan pada 2018. Segmen ECF juga menyaksikan kejayaan penamatan tiga penerbit, yang membolehkan pelabur memperoleh keuntungan dan menarik kecairan ke dalam bidang ini.

Memperakui kesan pemangkin kepada pembiayaan perniagaan baru muncul, telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta kepada Malaysia Co-Investment Fund (MyCIF) untuk melabur bersama dengan nisbah 1:4 bersama pelabur swasta. Sebanyak RM10 juta lagi turut diperuntukkan khusus kepada syarikat sosial.

Memperluas ekosistem pasaran digital

Berikutnya minat orang ramai yang mendalam terhadap aset digital sebagai satu instrumen pelaburan, pada 2019, SC secara rasmi telah menetapkan aset ini sebagai sekuriti dan memperkenalkan rangka kerja untuk mengawal selia Bursa Aset Digital (DAX). Rangka kerja tersebut memberi penjelasan mengenai kedudukan kawal selia terhadap aset digital dan menentukan standard bagi integriti serta kelayakan dan kesesuaian. Sehingga kini, tiga pengendali telah diluluskan.

Ketika Belanjawan 2018, Kerajaan juga mencadangkan satu mekanisme yang dibolehkan oleh teknologi untuk menangani kekangan pembiayaan pembelian rumah di Malaysia, terutamanya dalam kalangan pembeli rumah kali pertama. Susulan satu perundingan awam, SC telah melancarkan rangka kerja kawal selia untuk pendanaan harta tanah ramai (PCF) dan mendaftar pengendali pertamanya pada September 2019.

Kesedaran pelabur yang lebih tinggi turut membawa kepada perkembangan bagi Pengurus Pelaburan Digital (DIM), iaitu perkhidmatan pengurusan portfolio budi bicara berautomasi. Dianggap menarik kerana mudah diakses, fleksibel dan kos kemasukan yang rendah, aset bawah pengurusan telah meningkat melebihi RM54 juta, dengan tiga firma baharu telah diluluskan pada 2019 – termasuk DIM Islam pertama – dan tiga lagi diberikan kelulusan pada dasarnya.

Meneraju pembangunan ICM

Dengan aset patuh Syariah merangkumii 64% daripada pasaran modal, Malaysia bukan sahaja peneraju global dalam pasaran modal Islam (ICM) tetapi juga perintis dalam inovasi dan kepimpinan pemikiran dalam bidang ini.

Pada Mac 2019, kami menganjurkan Sidang Meja Bulat SC-OCIS yang ke-10 bersama Pusat Pengajian Islam Oxford (OCIS), yang memberi tumpuan terhadap pelaburan berimpak. Pada April, kami bekerjasama dengan Bank Dunia dan

Hab IOSCO Asia Pasifik menganjurkan persidangan mengenai peranan kewangan Islam dalam menggalakkan keterangkuman kewangan.

Pandangan daripada pelbagai peserta digabungkan dalam usaha pembangunan SC, seperti kerja kami dalam merangka struktur untuk dana wakaf, yang membolehkan pulangan disalurkan kepada aktiviti berimpak sosial. Inovasi produk ini adalah berpandukan *Islamic Fund and Wealth Management Blueprint (Rangka Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam)* dan dijangka akan dilancarkan pada 2020.

Menyedari bahawa kewangan Islam boleh memberi penyelesaian kepada keperluan pembiayaan mampan dunia, pada 2014, SC memperkenalkan *Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI)* untuk menarik pelaburan ke dalam projek hijau, sosial dan mampan. Untuk memperluaskan pangkalan penerbit dan pelabur, pada 2019, kami menyemak semula rangka kerja tersebut untuk meningkatkan standard penzahiran dan menyelaraskan keperluan dengan prinsip dan amalan terbaik yang diterima di peringkat antarabangsa.

Pembiayaan pembangunan mampan

Memandangkan terdapat keperluan mendesak dunia hari ini untuk memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan PBB, usaha kami untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat SRI serantau harus dipercepatkan. Bagi tujuan ini, pada November 2019, SC telah melancarkan *Sustainable and Responsible Investment Roadmap for the Malaysian Capital Market* (Pelan Hala Tuju SRI), pelan lima tahun yang mengandungi 20 saranan strategik yang disandarkan kepada strategi 5i sedia ada kami.

Oleh kerana kemampunan merupakan satu perkara utama, kerjasama adalah penting untuk menjajarkan semua pihak berkepentingan dengan objektif ini. Di peringkat tempatan, SC dan Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama mengenai Perubahan Iklim (JC3) untuk

menjalankan usaha kolaboratif untuk membina daya tahan iklim dalam sektor kewangan. Ahli JC3 terdiri daripada Bursa Malaysia dan 19 peserta industri.

Sebagai penggerak awal SRI, SC turut memainkan peranan utama dalam usaha berkaitan kemampunan di peringkat antarabangsa melalui platform seperti Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO), Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Pasaran Modal (WC-CMD).

Meningkatkan kecekapan pasaran utama

Pada masa yang sama, SC juga menumpukan usaha untuk meningkatkan kecekapan dalam segmen-segmen pasaran modal yang sedia ada.

Usaha paling utama ialah pembaharuan kepada pasaran ekuiti utama, khususnya proses kelulusan bagi tawaran awam awal (IPO). Adalah penting untuk proses tersebut diperkemaskan agar kepastian dan kecekapan kos yang lebih tinggi dapat disediakan kepada syarikat yang disenaraikan di Malaysia, dan pada masa yang sama tidak menjelaskan kekuuhan proses kelulusan dan ketekunan wajar.

Setelah berunding dengan para pengamal industri dan pihak berkepentingan lain, SC komited untuk meliberalisasikan Rangka Kerja Penasihat Utama yang Diluluskan (APA) dengan memperkenalkan konsep Penasihat Utama yang Diluluskan (RPA), Individu Berkelayakan (QP) dan Pegawai Kanan (SO). Garis panduan untuk perkara ini akan diperkenalkan pada 2020.

Langkah liberalisasi awal ini akan diikuti oleh pengawasan post-hoc yang lebih ketat. Pada 2019, SC menjalankan semakan tematik terhadap APA terpilih untuk mengukur kesediaan mereka terhadap rangka kerja ini. Usaha ini akan diperluaskan pada masa hadapan, dengan penilaian yang lebih ketat terhadap pematuhan sebenar RPA kepada keperluan kawal selia ketika pelaksanaan cadangan korporat.

Memupuk daya saing

Oleh kerana kecekapan merupakan kunci bagi para pengantara untuk terus berdaya saing, SC telah menubuhkan Kumpulan Pendigitan Industri Pembrokeran (BRIDGe) yang ahlinya terdiri daripada BNM, Bursa Malaysia dan peserta industri.

Pada 2019, kumpulan kerja BRIDGe telah memuktamadkan langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan dalam industri pembrokeran. Ini termasuk proses pendigitan kemasukan pelanggan melalui pengesahan tanpa bersemuka dan pembukaan akaun CDS secara dalam talian, membolehkan kelancaran pasca dagangan dan penyelesaian melalui had penyelesaian yang lebih tinggi, dan membolehkan pelabur mengambil bahagian secara elektronik dalam urusan korporat seperti terbitan hak dan pelan pelaburan semula dividen. Cadangan tersebut melengkapi usaha SC untuk menggalakkan penggunaan e-prospektus, e-nota kontrak dan e-penya.

Memandangkan skim pelaburan kolektif kekal sebagai saluran utama bagi pelabur untuk mengakses pasaran modal, pada 2019, SC telah melaksanakan semakan semula terhadap *Guidelines for Unit Trust Funds (GUFT)* (*Garis Panduan Dana Unit Amanah*) dan landskap skim persaraan swasta (PRS).

Kami juga mengambil langkah untuk meningkatkan kerancakan pasaran dan memperluas pilihan pelabur dengan meluluskan enam dana dagangan bursa (ETF) leveraj dan berbalik, dan pada masa yang sama meliberalisasikan keperluan bagi jualan singkat dan pembuatan pasaran, serta rangka kerja bon runcit dan sukuk.

Meningkatkan standard tatalaku korporat

Sebagai pengguna pembiayaan luar terbesar di pasaran, SC menuntut standard tatalaku, kebertanggungjawaban dan tadbir urus yang tinggi daripada syarikat awam tersenarai (PLC)

Malaysia. Kami menjalankan pemantauan aktif terhadap aktiviti PLC, dengan memberi tumpuan terhadap bidang berisiko, urus niaga korporat dan pelaporan kewangan, di samping itu juga sentiasa mengemukakan pertanyaan kepada juruaudit berkanun dan penerbit itu sendiri.

Untuk memantau pelaksanaan *Kod Tadbir Urus Korporat* (MCCG) SC, pada 2019, SC telah mengeluarkan *Corporate Governance Monitor* (Pemantauan CG) yang pertama. Ia merekodkan tahap penerimaan positif dalam pelbagai amalan terbaik MCCG, khususnya tanggungjawab lembaga pengarah, jawatankuasa audit serta pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Dalam satu perkembangan yang menggalakkan, syarikat permodalan sederhana dan kecil merupakan antara syarikat awal yang menerima pakai amalan baharu yang diperkenalkan seperti penzahiran imbuhan dan had tempoh perkhidmatan ke atas pengarah bebas. Kami berharap Pemantauan CG tersebut akan menjadi rujukan yang berguna kepada lembaga pengarah dan pengurusan kanan PLC dalam memperkuuh tadbir urus mereka serta bagi pelabur dan pihak berkepentingan lain.

Berlandaskan *Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023*, SC menyemak semula dasar pencegahan rasuah PLC dan mendapat hanya 59% mempunyai dasar tersebut, dan kebanyakannya memerlukan pengukuhan lanjut. Berikutan pemerhatian ini, Keperluan Penyenaraian telah dipinda di mana semua PLC dikehendaki mempunyai dasar dan prosedur pencegahan rasuah dan pemberi maklumat, dan risiko pencegahan rasuah dimasukkan dalam rangka kerja penilaian risiko tahunan para penerbit.

Meningkatkan pemantauan terhadap peserta pasaran

SC melaksanakan program risiko sistemik dan pemantauan pasaran yang komprehensif, dan mengadakan pembabitan bersama rakan pengawal selia lain secara kerap untuk memastikan pihak

berkuasa berkongsi pandangan yang sama mengenai pasaran. Pada 2019, kami juga menjalankan ujian tekanan makro terhadap risiko mudah cair dana pelaburan dan telah mengeluarkan *Prinsip Panduan mengenai Kesinambungan Perniagaan* untuk meningkatkan daya tahan perkhidmatan pasaran modal yang kritikal terhadap sebarang gangguan.

Pemantauan SC terhadap pasaran diperkuuhkan oleh rejim penyeliaan yang ketat ke atas entiti berlesen, penyedia infrastruktur pasaran kewangan dan organisasi seliaan sendiri (SRO). Di samping penyeliaan berterusan terhadap pematuhan, pengawal selia juga menjalankan pemeriksaan di tempat operasi dan, jika berkaitan, melakukan semakan tematik terhadap risiko utama terhadap segmen tertentu. Topik yang disemak pada 2019 termasuk pengendalian terhadap maklumat material bukan awam (MNPI) oleh syarikat pengurusan dana (FMC) dan penyumberan luar kepada penyedia perkhidmatan teknologi.

Penghindaran salah laku melalui penguatkuasaan

Pada 2019, SC terus menggunakan kuasa penuhnya untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang sekuriti.

Kami memperoleh peningkatan dalam penalti sivil dan jumlah wang yang lebih besar dipulangkan daripada kes dagangan orang dalam dan penzahiran palsu berjumlah RM33.8 juta. Ini membolehkan pemulangan semula wang sebanyak hampir RM1.3 juta kepada lebih 600 pelabur yang terjejas. Lebih tumpuan juga diberikan terhadap penipuan sekuriti, yang merangkumi 25% kes aktif pada 2019.

Tindakan jenayah dan sivil kami melalui mahkamah dilengkapi dengan tindakan pentadbiran. Pada 2019, 99 sekatan termasuk penalti kewangan, pembatalan lesen dan celaan telah dikenakan terhadap pengantara, penasihat profesional, PLC dan pengarahnnya.

Di samping pelanggaran yang dikesan melalui aktiviti pemantauan dan penyeliaan SC, aduan daripada orang ramai merupakan saluran penting untuk mengesan pelanggaran undang-undang, termasuk yang dilakukan oleh individu tidak berlesen.

Bagi memastikan pelabur dimaklumkan dan berwaspada terhadap salah laku tersebut, SC telah menjalankan program pendidikan dan capaian pelabur yang menyeluruh, termasuk InvestSmart® Fest 2019 di Kuala Lumpur, Bersama InvestSmart® Borneo di Kota Kinabalu serta pelbagai acara dan siaran media. SC turut bersama mempengerusikan Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) yang telah melancarkan *Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Malaysia 2019-2023* pada Julai 2019.

Keutamaan dalam melangkah ke hadapan

Tahun 2020 menandakan satu pencapaian ekonomi yang penting bagi Malaysia. Ketika kita terus berhadapan dengan persekitaran luaran yang mencabar di tengah-tengah pertumbuhan ekonomi yang sederhana, SC akan mempergiat usaha untuk mewujudkan pasaran modal domestik yang Mudah Diakses, Cekap dan Bertanggungjawab. Ini termasuk inisiatif untuk memperluas akses pembiayaan bagi penerbit yang kurang diberi perhatian, memberi tumpuan kepada syarikat peringkat pertengahan tidak tersenarai dan memudahkan penerbitan hutang oleh penerima pelaburan dana ekuiti swasta dan modal teroka.

SC juga akan memperluaskan rangkaian peluang pengumpulan dana dan pelaburan alternatif, dengan tahap kematangan yang lebih tinggi dalam ekosistem pasaran digital. Kami akan terus memudahkan cara pembangunan dalam aset digital baharu seperti tawaran awal bursa (IEO), dan memperkuuh segmen ECF, pembiayaan P2P dan DIM yang sedia ada, termasuk memperkenalkan penyelesaian Islam yang lebih inovatif.

Usaha untuk mengembangkan ekosistem pasaran digital akan dilengkapi oleh pelaburan sedia ada bagi memperkuuh keupayaan SC sendiri – terutamanya kepakaran kami dalam menyelia


model perniagaan digital dan kelas aset serta penggunaan analitik yang lebih besar, demi memastikan kami kekal efektif dalam pasaran yang semakin didorong oleh teknologi.

Kami juga sedar akan persaingan yang semakin meningkat di peringkat antarabangsa dalam pasaran modal Islam, yang memerlukan SC memperbaharui tumpuannya untuk memajukan lagi segmen ini.

Penekanan yang sama akan diberikan kepada pelaksanaan Pelan Hala Tuju SRI, bagi memastikan bidang bersinergi akan menjadi sumber kelebihan daya saing bagi pasaran modal. Khususnya, kriteria alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) akan dimasukkan dalam kaedah penyaringan Syariah bagi PLC. Objektifnya adalah untuk menggalakkan pewujudan indeks dan dana berkaitan ESG untuk menyediakan kepelbagaian pilihan pelaburan. Kriteria penyaringan ESG juga merupakan langkah pertama yang penting untuk menggalakkan PLC menggunakan pakai amalan perniagaan yang lebih mampan.

Akhir sekali, setelah menubuhkan Jawatankuasa Pencegahan Rasuah dan membangunkan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi, SC akan terus meningkatkan standard tadbir urus dan kebertanggungjawaban kami bagi memastikan institusi ini terus beroperasi dengan integriti dan kebebasan.

Pencapaian SC ini menjadi kenyataan melalui hasil kerja keras warganya dan saya dengan seikhlas hati merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan sekerja semua, terutamanya Pasukan Eksekutif. Panduan dan nasihat daripada ahli-ahli Lembaga kami memberikan semak dan imbang yang penting bagi organisasi ini dan saya mengucapkan terima kasih atas ketekunan dan dedikasi yang disumbangkan.



DATUK SYED ZAID ALBAR

SOROTAN 2019

Saiz pasaran modal dan pengumpulan dana


Sorotan Utama

Keseluruhan pasaran modal berkembang sebanyak 3%, dipacu terutamanya oleh pasaran modal Islam

Pengurangan menyeluruh dalam pengumpulan dana ekuiti, tetapi kenaikan ketara dalam IPO

Pertumbuhan kukuh bon korporat mengekalkan landskap keseluruhan pengumpulan dana bon

Pertumbuhan dari 2018



RM3.2
trilion

RM2.0
trilion

RM6.6
bilion

RM2.0
bilion

RM384.9
bilion

RM132.8
bilion

Saiz pada 2019

Pengumpulan Dana

Pertumbuhan pengumpulan dana yang kukuh dicatatkan dalam segmen lain dalam pasaran modal, walaupun terdapat pengurangan dalam terbitan sekunder. Secara khusus, pengumpulan dana alternatif semakan menjadi komponen pengumpulan dana yang besar dalam pasaran

Saiz pengumpulan dana pada 2019



Pengumpulan dana alternatif

Sorotan Utama


ECF/P2P

Platform ECF/P2P terus mengadakan pembabitan bersama lebih banyak PMKS, dan mengembangkan kumpulan pelabur

VC/PE

Pelaburan VC/PE dalam syarikat-syarikat peringkat pertumbuhan menyaksikan pertumbuhan yang ketara, walaupun penurunan keseluruhan pelaburan VC/PE

Pertumbuhan dari 2018



Penglibatan pada 2019

* Angka 2018 telah diselaraskan kepada angka RMO terkini yang dilaporkan.

Saiz pada 2019

TAHUKAH ANDA?

Sejak dimulakan, sejumlah 8,182 kempen berjaya dilaksanakan, dengan 1,943 PMKS dibiaya melalui platform ECF/P2P

SOROTAN 2019

Pengurusan dana

Pertumbuhan kukuh 11% dalam keseluruhan asset bawah pengurusan (AUM), lonjakan semula daripada pertumbuhan negatif pada 2018



Pertumbuhan keseluruhan AUM 2019



Pertumbuhan keseluruhan AUM Islam 2019

Sorotan Utama

2019 menyaksikan prestasi kukuh dalam unit amanah, REIT dan PRS

Pertumbuhan dari 2018

+13%

NAV Unit Amanah

+6%

Permodalan Pasaran REIT

+30%

PRS NAV

RM482.1 bilion

RM43.8 bilion


RM3.5 bilion

Saiz pada 2019

Pasaran Modal Islam (ICM) dan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI)

ICM dan SRI kekal sebagai fokus utama pada 2019

Pelancaran *SRI Roadmap for the Malaysian Capital Market*



Peningkatan kepada Rangka Kerja Sukuk SRI



Pada November 2019, Rangka Kerja Sukuk SRI telah disemak semula untuk menyeragamkan lagi keperluan SC dengan prinsip dan amalan terbaik yang diterima di peringkat antarabangsa

Sukuk SRI bagi projek tenaga boleh diperbaharui diterbitkan pada 2019

RM17 JUTA
PASUKHAS
GREEN ASSET



RM470 JUTA
TELEKOSANG
HYDRO ONE



RM550 JUTA
CYPARK
REF



RM245 JUTA
EDRA
SOLAR



Digital

Fokus bagi membolehkan lebih banyak saluran dan model perniagaan digital untuk meningkatkan kepelbagaiannya dalam pasaran kita

	Pendanaan ekuiti ramai	Pembentukan antara rakan setara	Bursa digital	Pendanaan hartanah ramai	Pengurusan Pelaburan Digital	Broker digital	Jumlah
Diluluskan pada 2019	+3	+5	+3	+1	+5	-	17
Jumlah kumulatif diluluskan setakat 2019	10	11	3	1	7	1	33

TAHUKAH ANDA?

Dalam jangka masa 2 tahun, DIM telah mencatatkan sejumlah AUM melebihi RM74 juta daripada lebih 20,000 akaun.

SOROTAN 2019

Tadbir Urus Korporat (CG)

Sorotan Utama

Pemakaian amalan terbaik tadbir urus korporat oleh PLC menyaksikan peningkatan*

Peningkatan



* Seperti telah dilaporkan dalam *CG Monitor 2019*.

Memperkuuh daya tahan pasaran modal terhadap rasuah Rangkuman langkah pencegahan rasuah SC bagi PLC dan pengantara pasaran



Semakan

59% PLC mempunyai langkah pencegahan rasuah



Tindakan diambil

SC mengemaskini Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia untuk mengukuhkan rangka kerja pencegahan rasuah seluruh PLC



Peraturan

Semua PLC dikehendaki-

- Mempunyai polisi dan prosedur pencegahan rasuah dan pemberian maklumat
- Memasukkan risiko pencegahan rasuah ke dalam rangka kerja penilaian risiko tahunan syarikat

TAHUKAH ANDA?

27 daripada 36 amalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) telah diterima pakai oleh lebih 70% daripada 841 syarikat tersenarai (*CG Monitor 2019*).

Penguatkuasaan

Sorotan Utama



Lebih ramai bilangan pelabur yang menerima kembali wang pelaburan mereka



Lebih tumpuan terhadap siasatan penipuan sekuriti



Lebih banyak penggunaan instrumen penguatkuasaan lain, seperti tindakan pentadbiran



Lebih tumpuan terhadap aktiviti tidak berlesen berkaitan aset digital



TAHUKAH ANDA?

Pada 2019, SC mengadakan lebih daripada 1,300 pembabitan bersama pelbagai pihak berkepentingan berhubung pembangunan pasaran dan produk, menggalakkan inovasi dalam penawaran perkhidmatan dan produk, serta menyediakan panduan kawal selia melalui rundingan.

BAHAGIAN

1



BAHAGIAN

1

MENINGKATKAN AKSES KEPADA PASARAN MODAL

PENGENALAN

Pada 2019, SC menumpukan usahanya untuk meluaskan akses kepada pembiayaan dan pelaburan. Untuk memacu pembangunan dan inovasi pasaran modal yang lebih besar, terdapat keperluan untuk meningkatkan upaya akses pasaran modal dan memudahcarakan peruntukan sumber yang cekap.

Pasaran modal terus berperanan sebagai pemboleh pertumbuhan jangka panjang yang berterusan merangkumi semua penerbit, pelabur, pengantara dan syarikat melalui pendekatan yang menyeluruh. Beberapa langkah yang diambil termasuk memperluas akses kepada ekosistem pasaran modal digital, mengembangkan keupayaan pasaran modal Islam, membangunkan tawaran nilai Malaysia sebagai pusat Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) serantau, memudahcarakan kerancakan dalam pasaran modal dan menggalakkan perlindungan pelabur.

MEMANFAATKAN TEKNOLOGI DIGITAL UNTUK MELUASKAN AKSES KEPADA PASARAN MODAL

Saluran pengumpulan dana alternatif dan pengendali pasaran baharu

Untuk menangani keperluan unik perniagaan, terutamanya syarikat mikro, kecil dan sederhana (PMKS), SC memudahcarakan kaedah pembiayaan alternatif yang menghubungkan penerbit dengan kumpulan pelabur yang kurang diberi perhatian melalui saluran penyampaian yang lebih murah, cepat dan mudah. Saluran alternatif ini juga mensasarkan untuk memenuhi permintaan pelabur-pelabur yang kurang diberi perhatian.

Platform pendanaan ekuiti ramai (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P) masih menyediakan sumber modal alternatif untuk membiayai aktiviti perniagaan PMKS. Mula diperkenalkan pada 2015, kini terdapat 21 pengendali platform pembiayaan berasaskan pasaran di Malaysia, termasuk tiga pengendali pembiayaan ECF baharu dan lima pengendali P2P yang diluluskan pada 2019.

Dengan kadar kejayaan kewenangan pengumpulan dana melebihi 8,000, rangka kerja pendanaan ramai kekal sebagai akses alternatif modal yang berstruktur dan berdaya maju kepada syarikat peringkat permulaan dan PMKS, yang pada masa yang sama meluaskan akses kepada para pelabur.

TAHUKAH ANDA?

Pada penghujung 2019, pasaran pembiayaan ECF dan P2P telah menyediakan hampir RM706 juta pembiayaan alternatif kepada 1,943 PMKS di Malaysia.

Pertumbuhan mampan ECF dan pembiayaan P2P pada 2019 juga memberi manfaat kebanyakannya kepada sektor perkhidmatan. Bagi pasaran ECF, beneficiari utama termasuk sektor ‘Borong dan Perdagangan Runcit; Pebaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal’ dan ‘Maklumat dan Komunikasi’, masing-masing merangkumi 20% dan 11% daripada jumlah dana yang dikumpulkan. Kebanyakan pembiayaan P2P adalah bagi sektor ‘Borong dan Perdagangan Runcit; Pebaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal’, yang menyumbang 42% daripada jumlah dana yang dikumpulkan.

Dari segi pelabur, platform ECF dan pembiayaan P2P masih lagi menarik penyertaan yang menggalakkan daripada para pelabur termasuk segmen runcit dan belia, sejajar dengan agenda SC untuk menghasilkan pasaran modal yang lebih inklusif.

ECF*

P2P*

PLATFORM KEWANGAN

10

PENGENDALI PLATFORM



11

PENGENDALI PLATFORM

RM74 JUTA

DIKUMPULAN SETAKAT INI
80 KEMEN BERJAYA DILAKSANAKAN



RM632 JUTA

DIKUMPULAN SETAKAT INI
8,102 KEMEN BERJAYA DILAKSANAKAN

77 PMKS

51% ADALAH
PROJEK BERTUMPU TEKNOLOGI



1,866 PMKS

75% ADALAH PROJEK
BUKAN BERTUMPU TEKNOLOGI

40%

BERUSIA BAWAH
35 TAHUN

53%

RUNCIT

96%

PELABUR DI MALAYSIA



98%

PELABUR DI MALAYSIA

20%

BORONG DAN
PERDAGANGAN
RUNCIT; PEMBAIKAN
KENDERAAN BERMOTOR
DAN MOTOSIKAL

11%

MAKLUMAT
DAN
KOMUNIKASI



42%

BORONG DAN
PERDAGANGAN
RUNCIT; PEMBAIKAN
KENDERAAN BERMOTOR
DAN MOTOSIKAL

*Data dikumpulkan sejak permulaan ECF pada 2015 dan P2P pada 2016.

KAJIAN
KES:

Penamatan Pendanaan Ekuiti Ramai Pertama di Malaysia

Skolafund ialah satu platform digital yang memadankan mahasiswa berkelayakan yang kurang berkemampuan dengan pelbagai sumber pembiayaan melalui pendanaan ramai. Sehingga kini, Skolafund telah mengumpul sebanyak RM1.6 juta melalui platformnya, membiayai 592 pelajar dari keluarga berpendapatan rendah hingga sederhana. Dengan lebih 29,000 penderma berdaftar, Skolafund telah melancarkan 350 kempen, di mana 189 telah dibiaya sepenuhnya.

Pada 2017, ECF telah membantu Skolafund mengumpul RM300,000 daripada 26 pelabur untuk memperluaskan perniagaan mereka. Khususnya, kempen perdanaan ramai memberi para pelabur peluang untuk memiliki ekuiti dalam perniagaan Skolafund dengan saiz kemasukan serendah RM10, dengan itu menunjukkan sifat inklusif ECF.

Pada 9 Oktober 2019, Skolafund telah diambil alih oleh salah satu platform derma pendanaan ramai terbesar di Asia. Ia mencatat sejarah bagi ECF yang pertama di Malaysia yang ditamatkan dengan jayanya – satu pencapaian cemerlang dalam perkembangan ECF di negara ini. Memanfaatkan kuasa teknologi digital dan masyarakat yang saling berhubungan dengan kesedaran sosial yang tinggi, penamatan kempen ini telah memberi manfaat kepada pelabur dengan pulangan 10% atas pelaburan mereka, menunjukkan bahawa syarikat berimpak sosial merupakan segmen yang pantas berkembang dan menarik.

PENAMATAN ECF — PERTAMA



Pulangan pelaburan 10%
diberikan kepada pelabur



PERSIDANGAN 2019 FINTECH

22 - 23 OKTOBER

Inisiatif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dengan kerjasama

Rakuten
Trade

MDEC

PNB
Permodalan Nasional Berhad

SCxSC merupakan acara utama SC, satu platform perbincangan bagi pembangunan fintech di peringkat global dan tempatan yang berkaitan dengan pasaran modal. Kini dalam tahun ke-6, SCxSC 2019 memberi tumpuan terhadap pertumbuhan dan kecekapan dalam ekosistem fintech.

"Sedikit sejarah ringkas – SCxSC pertama kali dianjurkan pada 2014. Objektif kami pada awalnya adalah untuk membina kesedaran mengenai ECF dan P2P sebagai sumber pengumpulan dana alternatif kepada syarikat peringkat permulaan dan PKS

Masa berlalu dan 5 tahun kemudian pada 2019, banyak kemajuan telah dicapai. Peserta awal telahpun berkembang, sejajar dengan peningkatan dalam pangkalan pelanggan mereka dan kesedaran awam."

SYED ZAID ALBAR
PENGERUSI, SC

KEUSAHAWANAN FINTECH

LITERASI FINTECH

TEKNOLOGI INOVATIF

INISIATIF DIGITAL SC

FOKUS



33%
INSTITUSI
KEWANGAN

17%
PENYEDIA
TEKNOLOGI

50%
LAIN-LAIN*

7%
PERTAMBAHAN
PENYERTAAN WANITA



Nota: *Lain-lain termasuk agensi kerajaan, syarikat bukan kewangan / teknologi dan ahli akademik.

64
PENCERAMAH



11 ANTARABANGSA
53 TEMPATAN

27
TAPAK
PAMERAN



PLATFORM
ECF & P2P
PENGENDALI
DAX

40%
PESERTA BERUSIA
35 BAWAH
TAHUN



33
SESI

BUAL BICARA
CERAMAH
TEKNOLOGI
SEMBANG SANTAI



JEFFREY
CRUTTENDEN
PENGASAS
BERSAMA,
ACORNS



ELI
BROVERMAN
PENGASAS
BERSAMA,
BETTERMENT



KAREEM
TABBAA
KETUA PEGAWAI
PRODUK,
WAHED INVEST

#SCxSC19



Malaysia Co-investment Fund



Dalam Belanjawan 2019 Kerajaan mengumumkan sebanyak RM50 juta akan diperuntukkan untuk mewujudkan satu dana pelaburan bersama yang ditadbir oleh SC, untuk bersama-sama dengan pelabur swasta melabur dalam platform ECF dan P2P. Dana tersebut bertujuan untuk menggalakkan lagi akses kepada pembiayaan bagi PMKS melalui platform ECF dan P2P sebagai kaedah alternatif bagi pengumpulan dana. Ia juga bermatlamat untuk bertindak sebagai kaedah yang cekap dan telus untuk menyalurkan dana kerajaan kepada penerima PMKS yang disasarkan.

Susulan pengumuman tersebut, Malaysia Co-investment Fund (MyCIF) telah ditubuhkan untuk memudahkancaarkan pembiayaan bagi PMKS dan menyediakan ketelusan dalam penggunaan dana awam kepada syarikat yang disasarkan. Pada Oktober, MyCIF memulakan pelaburan bersama dalam kempen ECF dan pembiayaan P2P.

Dalam Belanjawan 2020, sebanyak RM50 juta lagi diperuntukkan kepada dana sedia ada, dan tambahan RM10 juta diagihkan khusus kepada syarikat sosial.

MyCIF melabur bersama pada nisbah 1:4 di samping pelabur swasta, yang membolehkan dana awam memberi manfaat kepada lebih banyak PMKS. Pelaburan bersama hanya akan dilakukan selepas wang yang mencukupi dikumpulkan daripada pelabur swasta, membolehkan MyCIF untuk memanfaatkan 'budi bicara khalayak ramai' dalam menentukan kelayakan PMKS untuk pelaburan bersama.

PMKS yang menerima pelaburan bersama daripada MyCIF dikehendaki melaporkan prestasi perniagaan mereka kepada Jawatankuasa MyCIF, dengan memberikan data yang berguna untuk mengukur hasil dana. Jawatankuasa MyCIF dianggotai oleh wakil daripada SC, Kementerian Kewangan dan pengurus dana bebas. Oleh kerana MyCIF melabur dalam terma-terma komersial serupa dengan pelabur swasta yang lain, dana tersebut dijangka akan berdikari akhirnya dan tidak bergantung kepada dana daripada kerajaan.

MyCIF telah memberi manfaat kepada pelbagai syarikat dari perniagaan tradisional hingga platform berteknologi. Ini termasuk platform dalam talian bagi perkhidmatan perbidanan, penyedia sistem pengurusan perintis jualan, pengedar alat ganti motosikal berprestasi tinggi dan penyedia titik jualan dagangan digital.

Pewujudan Rangka Kerja Pendanaan Ramai Hartanah

Semasa Bajet 2019, Kerajaan mencadangkan untuk mengkaji mekanisme berteknologi dan inovatif baharu untuk menangani cabaran pembiayaan pembelian rumah di Malaysia, terutamanya yang berkaitan dengan pembeli rumah yang tidak memperoleh pembiayaan melalui kaedah tradisional.

Satu inisiatif tersebut adalah penubuhan platform pendanaan ramai hartanah (PCF) yang dipacu oleh sektor swasta yang menawarkan kaedah alternatif tambahan bagi warga Malaysia untuk membiayai

pembelian rumah pertama mereka, termasuk melalui pilihan pembiayaan yang boleh disesuaikan.

Pada Mac 2019, SC menerbitkan kertas perundingan awam untuk mengkaji rangka kerja kawal selia yang sesuai untuk platform PCF tersebut. SC menerima minat dan maklum balas yang menggalakkan daripada beberapa pihak berkepentingan, termasuk pemaju hartanah, jurunilai, bank dan bakal pembeli rumah.

Berikutnya perundingan awam tersebut, rangka kerja PCF telah dikeluarkan pada 17 Mei 2019. Rangka kerja ini menetapkan keperluan dan kewajipan pengendali PCF untuk memudahkancaarkan

kempen PCF, termasuk menyediakan maklumat yang adil, jelas dan tepat pada masanya kepada pembeli rumah dan pelabur sebelum menyertai kempen dan juga kepastian penamatan kempen pada penghujung tempoh yang dipersetujui.

Pada 25 September 2019, SC mendaftarkan EdgeProp sebagai pengendali pertama PCF.

Mewujudkan Rangka Kerja Aset Digital

Tahun 2016 hingga 2018 menyaksikan perkembangan dan pertumbuhan segmen aset digital. Di Malaysia, minat mendalam pelabur dan penerbit terhadap kelas aset baharu ini memerlukan perumusan peraturan yang jelas untuk mentadbir aktiviti tersebut, termasuk penawaran aset digital sebagai instrumen pelaburan atau pengumpulan dana.

Untuk membolehkan inovasi aset digital dan pada masa yang sama mengurus risiko yang berkaitan dengannya, pada Januari 2019, SC memberikan penjelasan kawal selia mengenai status aset digital di Malaysia melalui pengenalan keperluan kawal selia bagi operasi Bursa Aset Digital (DAX) serta preskripsi aset digital sebagai sekuriti.

Rangka kerja ini menyediakan struktur sistematik untuk dagangan aset digital dan mengambil kira kepentingan pelabur Malaysia dalam pendedahan kepada kelas aset baharu ini. Rangka kerja ini juga memastikan integriti dan piawaian layak dan sesuai dipenuhi.

Pada Jun 2019, SC mendaftarkan tiga pengendali DAX. Pengendali DAX yang pertama, Luno telah memulakan operasi. Dua pengendali lagi, SINEGY dan Tokenize dijangka akan memulakan operasi mereka pada 2020.

SIDANG MEJA BULAT FINTECH SC

17 Mei 2019

Menteri Kewangan, YB Tuan Lim Guan Eng bertemu dengan wakil industri fintech di sidang meja bulat yang dianjurkan oleh SC. Pertemuan tersebut membincangkan kemajuan industri fintech dalam memupuk inovasi digital bagi memenuhi keperluan pembiayaan PMKS dan membolehkan keterangkuman kewangan yang lebih meluas bagi penerbit dan pelabur Malaysia.

Tumpuan telah diberikan kepada topik-topik pembangunan, termasuk usaha untuk mengembangkan akses perkhidmatan digital di seluruh sektor dan lokasi, akses mudah kepada maklumat pelaburan, dan keupayaan untuk memperoleh produk dan perkhidmatan pasaran modal pada kos yang lebih rendah.

Lapan pengendali pasaran berdaftar (RMO) baharu diumumkan ketika sidang meja bulat tersebut, yang menjadikan jumlah RMO kepada 21 pada penghujung 2019, yang terdiri daripada 10 platform ECF dan 11 platform P2P. SC juga mengeluarkan rangka kerja PCF ketika sidang meja bulat tersebut, susulan pindaan yang dibuat kepada *Guidelines on Recognized Markets*.



Memupuk Ekosistem Fintech Malaysia – aFINity

'Perikatan Komuniti FinTech' atau 'aFINity' dilancarkan oleh SC pada 2015 berfungsi sebagai pusat tumpuan inisiatif pembangunan pasaran modal dalam bidang fintech. Sehingga kini, aFINity mempunyai 350 ahli berdaftar dari pelbagai kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza, termasuk penginovasi, usahawan, pelabur dan pihak berkuasa kawal selia yang lain. Pada 2019, aFINity mengadakan lebih 360 pembabitan bersama lebih 290 organisasi dan individu.

Kerjasama dengan Pengawal Selia Sekerja Serantau dan Global

Sebagai sebahagian daripada aFINity, SC bekerjasama sebagai rakan teknikal bersama Bank Dunia dan Cambridge Centre for Alternative Finance (CCAF) di University of Cambridge Judge Business School untuk menghasilkan laporan 2019 yang bertajuk, *Regulating Alternative Finance: Results from A Global Regulator Survey*.

Laporan ini menyediakan data empirik daripada pengawal selia perkhidmatan kewangan di 111 bidang kuasa mengenai landskap semasa pengawalseliaan kewangan alternatif. Dengan memberi tumpuan kepada pembiayaan P2P, ECF dan tawaran token awal (ICO), ia bertujuan untuk menganalisis secara komprehensif kaedah pengawal selia dari ekonomi membangun dan maju mengawal selia dan mengawasi aktiviti kewangan alternatif dalam talian tersebut.

TAHUKAH ANDA?

Malaysia dikenal pasti sebagai salah satu bidang kuasa yang paling kerap diukur rujuk di peringkat global. Malaysia juga muncul sebagai peneraju serantau, terutamanya dalam bidang ECF.

Sumber: *Regulating Alternative Finance: Results from A Global Regulator Survey*

Minggu MyFintech

Di bawah inisiatif aFINity, SC juga mengambil bahagian dalam Minggu MyFintech Bank Negara Malaysia (BNM) pada Jun 2019, di mana sesi demonstrasi mengenai pembiayaan P2P dan pengurusan pelaburan digital (DIM) telah dijalankan untuk meningkatkan kesedaran mengenai cara fintech membolehkan peluang pembiayaan dan pelaburan baharu dalam pasaran modal.

Sebagai sebahagian daripada Minggu MyFintech, SC juga menganjurkan Hari Pelabur ECF untuk mendidik orang ramai mengenai mekanisme penjanaan modal dan pelaburan. Ini dilakukan menerusi pembabitan bersama secara langsung dengan pengumpul dana ECF terpilih ketika sesi promosi perniagaan.

PENDEMOKRASIAN PENGURUSAN PELABURAN



4
**SYARIKAT
DIM
BERLESEN**

PENGURUS PELABURAN
DIGITAL ISLAM PERTAMA



**AUM
RM74.69 JUTA**



**23,083
PELANGGAN**

92% BERSUMBERKAN TEMPATAN

Memudahcaraikan pelaburan digital

Untuk mendemokrasikan pengurusan pelaburan, SC melancarkan rangka kerja Pengurusan Pelaburan Digital (DIM) pada 2017. Ia membenarkan pengurus dana sedia ada dan bakal pengurus dana menggabungkan teknologi inovatif ketika menawarkan perkhidmatan pengurusan portfolio budi bicara berautomasi kepada rangkaian pelabur yang lebih luas.

Dalam usaha untuk meningkatkan akses pelabur kepada pelaburan yang fleksibel, telus dan dipelbagai, SC melesenkan tiga lagi syarikat pelaburan digital pada 2019. Wahed Technologies Sdn Bhd merupakan pengurus pelaburan digital Islam yang pertama dilesenkan di Malaysia pada tahun ini, sementara UOB Asset Management Bhd adalah yang pertama dibenarkan mengubah lesennya untuk merangkumi perkhidmatan DIM. Tiga lagi firma juga diberikan status kelulusan pada dasarnya dan dijangka beroperasi pada awal 2020.

Industri DIM terus berkembang, mencatatkan jumlah aset bawah pengurusan (AUM) melebihi RM74 juta dalam tempoh dua tahun. Syarikat peringkat permulaan dan pengurus dana sedia ada telah memanfaatkan segmen ini dan

mengguna pakai inovasi untuk berurusan dengan pelanggan dengan lebih berkesan, dan pada masa yang sama menjadikan pelaburan mampu dilaksanakan dan boleh diakses oleh semua.

MEMPERLUAS KEUPAYAAN PASARAN MODAL ISLAM

Malaysia mengekalkan penerajuannya dalam pasaran modal Islam (ICM), terutamanya berkaitan dengan penerbitan sukuk dan dana Islam – memantapkan usaha untuk mengukuhkan peranannya sebagai pusat antarabangsa terkemuka bagi dana dan pengurusan kekayaan Islam. ICM mewakili 63.57% daripada pasaran modal Malaysia, dengan saiz pasaran sebanyak RM2,035.58 bilion setakat Disember 2019, pertumbuhan 8.23% sepanjang 2018.

Tahun ini menyaksikan terbitan sukuk bernilai RM102.39 bilion, iaitu 77.09% daripada jumlah terbitan korporat; manakala AUM Islam adalah berjumlah RM180.52 bilion, merangkumi 21.93% daripada industri pengurusan dana. Sekuriti patuh Syariah merangkumi 64.06% daripada jumlah permodalan pasaran ekuiti dan bernilai sebanyak RM1,096.62 bilion.

Memperluas instrumen kewangan sosial Islam melalui produk inovatif

Wakaf merupakan konsep endowmen Islam yang biasanya dikaitkan dengan pembangunan sosial dan objektif yang baik kepada masyarakat. Menggunakan dana yang disesuaikan untuk tujuan wakaf, menjana pulangan mampan boleh disalurkan ke arah pembiayaan aktiviti berimpak sosial.

TAHUKAH ANDA?

Rangka Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam

- Pada 2017, SC melancarkan *Islamic Fund and Wealth Management Blueprint* (IFWMB) lima tahun untuk merangka hala tuju strategik bagi industri dana dan pengurusan kekayaan Islam di Malaysia.
- IFWMB mengandungi tiga teras strategik:
 - Mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab global untuk dana Islam;
 - Menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi SRI patuh Syariah; dan
 - Membangunkan Malaysia sebagai penyedia antarabangsa perkhidmatan pengurusan kekayaan Islam.
- Industri pengurusan dana Islam juga menyaksikan penawaran produk pelaburan baharu dan berinovatif. Ini termasuk ETF Islam berasaskan emas, dana SRI Islam serta sukuk sosial dan hijau.
- Setakat Disember 2019, terdapat 23 syarikat pengurusan dana Islam yang menawarkan perkhidmatan penuh.

Untuk memudahcaraan pembangunan suatu konsep wakaf yang dikaitkan dengan pasaran modal, SC mengkaji untuk memanfaatkan produk pelaburan seperti skim pelaburan kolektif, di mana pulangan yang dijana akan disalurkan kepada projek atau inisiatif wakaf.

Dengan mengambil kira keputusan daripada perundingan terperinci bersama industri, SC sedang membangunkan struktur dana wakaf untuk rujukan pengurus dana yang berminat untuk menerbitkan produk sedemikian.

Insentif cukai bagi pengurusan dana Islam



Pengecualian cukai yang berakhir pada 2020 untuk syarikat pengurusan dana yang menguruskan dana Islam telah dilanjutkan sehingga 2023.

Syarikat DIM Islam pertama di Malaysia

Berikutan saranan IFWMB untuk memudahcaraan model perniagaan digital, produk dan perkhidmatan Islam yang baharu, SC melesenkan Wahed Technologies sebagai firma DIM Islam pertama di Malaysia pada 9 Ogos 2019. Ini menyediakan para pelabur akses kepada pelbagai portfolio patuh Syariah dengan cekap dan telus, dan memudahcaraan hubungan dengan pasaran antarabangsa menerusi syarikat induknya, Wahed Invest yang beroperasi di lebih 130 negara.

PERSIDANGAN HAB ASIA PASIFIK SC-BANK DUNIA-IOSCO

29 – 30 April 2019

Persidangan 2019 merupakan pengajuran bersama yang kedua antara SC, Hab Pengetahuan dan Penyelidikan Global Kumpulan Bank Dunia (WBG) di Malaysia, dan Hab Asia Pasifik IOSCO. Persidangan itu juga merupakan kerjasama kali ketiga antara SC dan WBG.

Bertemakan ‘Kewangan Islam: Pemangkin Keterangkuman Kewangan’, 200 pengamal industri, pembuat dasar dan pakar dalam kewangan Islam berhimpun dan membincangkan peranan kewangan Islam untuk meningkatkan keterangkuman kewangan, termasuk penggunaan instrumen kewangan sosial Islam dan teknologi kewangan.

Perbincangan utama lain termasuk:

Penggunaan mampu kewangan Islam bagi menangani keterangkuman kewangan

Penggunaan instrumen kewangan Islam (iaitu elemen dasar, kawal selia dan institusi) untuk menggalakkan perkongsian kemakmuran

Mempertingkat akses pembiayaan kepada PMKS

Penggunaan teknologi untuk menyokong kewangan Islam dalam memudahkan carakan keterangkuman yang lebih baik

Pembentangan kajian kes mengenai pendanaan ramai dan rekod transaksi digital

FINANCIAL INCLUSION

a Lumpur



“Produk dan perkhidmatan Islam bagi keterangkuman kewangan menjanjikan masa depan dan perkongsian yang lebih baik. Oleh yang demikian, peningkatan proses pendigitalan pasti akan mengurangkan kos dan menjadikannya lebih pantas, mudah dan menarik. Sehubungan itu, pasaran modal menyediakan kaedah konvensional dan patuh Syariah kepada para usahawan dan PMKS untuk mengakses sumber pembiayaan alternatif. Platform pendanaan ekuiti ramai dan pembiayaan antara rakan setara, serta modal teroka dan ekuiti swasta, tersedia untuk memenuhi keperluan mereka pada peringkat perniagaan yang berbeza-beza.”

– SYED ZAID ALBAR, PENGURUSI, SC

Rangka Kerja Sukuk SRI yang Disemak Semula Untuk Penggalakan Terbitan

Peningkatan kepada Rangka Kerja Sukuk SRI yang Disemak semula

Dianggarkan bahawa menjelang 2030, sehingga AS\$90 trillion¹ diperlukan untuk membiaya pelaburan infrastruktur di seluruh dunia, memberikan kewangan mampan dan peluang untuk menjadi sebahagian daripada penyelesaian pelaburan dan pembiayaan lazim.

Dengan memanfaatkan kepimpinan Malaysia dalam ICM, dan penajaran prinsip pendasar antara kewangan Islam dan SRI, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menerajui secara strategik pembangunan agenda SRI.

Pada 2014, SC memperkenalkan Rangka Kerja Sukuk SRI (Rangka Kerja), yang bermatlamat untuk memudahcarakan pewujudan ekosistem SRI untuk pelabur dan penerbit.

Rangka kerja tersebut memudahcarakan penerbitan sukuk SRI sosial pertama pada 2015 serta sukuk hijau pertama di dunia pada 2017.

Pada November 2019, Rangka Kerja tersebut telah disemak semula untuk menyeragamkan lagi keperluan SC dengan prinsip dan amalan terbaik yang diterima pakai di peringkat antarabangsa, dan untuk meningkatkan ketelusan dalam penzahiran maklumat. Sehingga Disember 2019, 10 sukuk SRI berjumlah RM4.77 bilion telah diterbitkan.

Semakan ini termasuk penambahan projek-projek SRI yang layak, pengukuhan keperluan penzahiran dan pelaporan serta penjelasan mengenai peranan penyemak luar. Pindaan ini dijangka meluaskan pangkalan pelabur dan penerbit.

Mengapa Sukuk SRI?

- 1 Memudahcara keperluan pembiayaan bagi projek yang memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu



- 2 Kepelbagai pelabur



- 3 Menarik pelabur dengan mandat SRI dalam pelaburan mereka:



HIJAU



SOSIAL



MAMPAH



WAKAF HARTANAH / ASETH

¹ The Sustainable Infrastruktur Imperative: Financing for Better Growth and Development, Bangsa-Bangsa Bersatu.

Rangka Kerja Sukuk SRI yang Disemak Semula Untuk Penggalakan Terbitan

(Sambungan)

Komponen Utama Rangka Kerja Sukuk SRI yang Disemak Semula



PENGGUNAAN HASIL

Hasil yang diperoleh daripada penerbitan sukuk hanya digunakan untuk membiayai aktiviti atau urus niaga berkaitan dengan projek SRI yang layak.

Pembentangan projek SRI yang layak termasuk yang berikut:

- Pembelian boleh terima patuh Syariah daripada pembiayaan yang timbul daripada pembentangan projek SRI yang layak;
- Pemerolehan projek SRI yang layak;
- Pembentangan semula pinjaman sedia ada atau kemudahan pembentangan yang digunakan untuk membiayai projek SRI yang layak; atau
- Perbelanjaan sokongan lain seperti penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan projek SRI yang layak.



PENGURUSAN HASIL

Hasil yang diperuntukkan kepada projek SRI yang layak dikreditkan ke dalam akaun yang telah ditetapkan atau dipantau dengan sewajarnya.



PELAPORAN

Pelaporan tahunan mengenai:

- Amaun asal yang diperuntukkan kepada projek SRI yang layak;
- Amaun yang digunakan oleh projek SRI yang layak;
- Amaun yang tidak digunakan dan dimana amaun tersebut diperuntukkan atau dilaburkan sementara ia belum digunakan; dan
- Senarai projek SRI yang layak yang mana hasil telah diagihkan sertauraian ringkas mengenai projek SRI yang layak tersebut dan impak atau jangkaan impak projek tersebut.



PROSES PENILAIAN DAN PEMILIHAN PROJEK

Mewujudkan proses dalaman untuk menilai dan memilih projek SRI yang layak.

Sumber: *Sustainable and Responsible Investment Sukuk Framework – An Overview*, SC

Mengembangkan kaedah pendanaan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui melalui sukuk SRI


Pasaran sukuk telah memainkan peranan penting dalam menyediakan modal kepada projek-projek infrastruktur termasuk yang di bawah model perkongsian awam dan swasta. Bagi memenuhi hasrat Malaysia untuk mencapai gabungan 20% tenaga boleh diperbaharui menjelang 2025², sukuk SRI boleh memainkan peranan penting dalam memperuntukkan dana kepada projek tenaga boleh diperbaharui.

Di bawah Rangka Kerja tersebut, 2019 menyaksikan penerbitan pertama sukuk hijau kuasa hidro oleh Pasukhas Green Assets pada Februari dan juga penerbitan Sukuk SRI Lestari ASEAN yang pertama di Malaysia oleh Edra Solar pada Oktober. Jumlah sukuk SRI yang diterbitkan pada 2019 bagi projek tenaga yang boleh diperbaharui berjumlah RM1.28 bilion, dikumpulkan daripada empat penerbit unik yang berbeza.

Perkembangan yang menggalakkan ini adalah bukti kedudukan kukuh Malaysia sebagai pusat inovatif bagi kewangan dan pelaburan mampan, dan meneguhkan komitmen SC dalam memacu agenda hijau. Ini juga menunjukkan bahawa Rangka Kerja tersebut ialah inkubator untuk inovasi produk yang menyokong agenda kemampunan dan sukuk.

² Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

PROJEK SRI YANG LAYAK



Sumber: Sustainable and Responsible Investment Sukuk Framework – An Overview, SC

Langkah-langkah sokongan untuk menggalakkan pertumbuhan

Sejajar dengan agenda kemampunan, SC juga melaksanakan langkah-langkah sokongan untuk menarik minat penerbit kepada segmen ini. Insentif ini termasuk potongan cukai untuk penerbitan sukuk SRI serta Skim Geran Sukuk SRI Hijau.

SUKUK SRI BAGI PROJEK TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

DITERBITKAN PADA 2019

RM17 JUTA	RM470 JUTA	RM550 JUTA	RM245 JUTA
PASUKHAS GREEN ASSET	TELEKOSANG HYDRO ONE	CYPARK REF	EDRA SOLAR



JUMLAH SRI SUKUK DILULUSKAN / DISERAHKAN*

31 DIS 2017
RM4.25
BILION

31 DIS 2018
RM4.74
BILION

31 DIS 2019
RM6.20
BILION

* Data kumulatif sejak 2015.

MEMBANGUNKAN TAWARAN NILAI MALAYSIA SEBAGAI PUSAT SRI SERANTAU

Mempercepat perkembangan SRI

Untuk mempercepat pembangunan ekosistem SRI, SC telah melancarkan *Sustainable and Responsible Investment Roadmap for the Malaysian Capital Market* (Pelan Hala Tuju SRI) pada 26 November 2019. Pelan Hala Tuju SRI adalah penting dalam merangka hala tuju peranan pasaran modal dalam memacu pembangunan Malaysia yang mampam.

Pelan Hala Tuju lima tahun SRI tersebut mengenal pasti 20 saranan strategik, yang dipadankan dengan Strategi-5i yang diperkenalkan pada 2014. Strategi-5i adalah penting dalam memacu pembangunan ekosistem SRI yang memudah cara dalam pasaran modal Malaysia dan memberi tumpuan kepada pengembangan rangkaian instrumen SRI, meningkatkan pangkalan pelabur SRI, membina pangkalan penerbit SRI yang kukuh, menyemai budaya tadbir urus dalaman yang mantap, dan mewujudkan kerangka maklumat dalam SRI ekosistem.

Pelan Hala tuju SRI membangunkan inisiatif SC untuk memperkuuh kedudukan Malaysia selaku peneraju pelaburan mampam di rantau ini.

Usaha bersepdu terhadap perubahan iklim

Dalam meneruskan lagi kerjasama untuk membina daya tahan terhadap perubahan iklim dalam sektor kewangan Malaysia, Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim (JC3) ditubuhkan pada 27 September 2019, dan dipengerusikan bersama oleh SC dan BNM. Ahli-ahlinya terdiri Bursa Malaysia dan 19 peserta industri yang lain.

Pada mesyuarat pertamanya, JC3 memperakui keperluan mendesak untuk memacu langkah-langkah bagi memastikan peralihan yang lancar dan teratur ke arah ekonomi rendah karbon.

STRATEGI-5i

Membangunkan ekosistem SRI yang memudah cara dalam pasaran modal Malaysia



MEMPERLUAS RANGKAIAN INSTRUMEN SRI

Memudahcarakan pembangunan produk pasaran modal SRI untuk meluaskan dan mengembangkan kelas asset SRI

- Menggalakkan keserasian piawaian dan prinsip antarabangsa
- Menggalakkan penerbitan sukuk hijau, sosial atau lestari kerajaan
- Membangunkan taksonomi SRI bagi pasaran modal
- Memudahcarakan penerbitan lebih banyak produk SRI



MENINGKATKAN PANGKALAN PELABUR SRI

Dari segi pelaburan, terdapat keperluan untuk menarik minat pelabur institusi dan individu bagi meningkatkan pangkalan pelabur SRI yang seterusnya akan meningkatkan permintaan terhadap produk SRI

- Meningkatkan peranan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan dan pelabur institusi dalam SRI
- Menarik pelabur antarabangsa
- Menggalakkan pelaburan SRI oleh pelabur runcit
- Meningkatkan keupayaan pengantaruan SRI pengurus pelaburan



MEMBANGUNKAN PANGKALAN PENERBIT SRI YANG KUKUH

Dari segi penawaran, usaha harus ditumparkan untuk membina pangkalan penerbit yang kukuh dan dipelbagai, yang terdiri daripada syarikat tersenarai dan tidak tersenarai serta organisasi pelbagai hala

- Meningkatkan akses kepada SRI melalui kaedah pendanaan alternatif
- Menyokong pembangunan saluran tawaran awam bagi syarikat hijau dan berimpak sosial
- Mengukuhkan peranan institusi kewangan dalam SRI
- Bekerjasama dengan institusi pembangunan pelbagai hala



MENTYEMAI BUDAYA TADBIR URUS DALAMAN YANG MANTAP

Pembangunan metriks dan penzahiran untuk mengukur kemampuan bagi memudahcarakan keputusan pelaburan untuk menyemai amalan tadbir urus yang baik dalam SRI

- Memperkasa penzahiran kemampuan syarikat awam tersenarai
- Menggalakkan pemakaian amalan perniagaan mampam, termasuk penzahiran dalam kalangan syarikat kecil dan sederhana
- Meningkatkan tadbir urus lembaga pengarah terhadap kemampuan, termasuk risiko iklim dan peluang
- Meningkatkan penilaian risiko dan pendekan kawal selia terhadap SRI



MERANGKA REKA BENTUK MAKLUMAT DALAM EKOSISTEM SRI

Pembentukan platform yang menyediakan data kepada pelabur SRI, yang membolehkan peluang pelaburan dinilai dengan lebih baik untuk memastikan ketelusan dan kemudahan akses kepada pasaran SRI

- Meningkatkan ketelusan maklumat mengenai produk SRI
- Membangunkan perkhidmatan tambahan untuk SRI
- Menggabungkan kemampuan ke dalam perkhidmatan khidmat nasihat
- Mempercepat usaha mempromosi dan memprofilkan Malaysia sebagai pusat SRI serantau

Ilustrasi – The Edge, 14 Disember 2019

PELANCARAN PELAN HALA TUJU PELABURAN BERTANGGUNGJAWAB DAN MAMPAH SC BAGI PASARAN MODAL MALAYSIA

26 November 2019

Pelan Hala Tuju SRI SC telah dilancarkan oleh YB Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan. Majlis tersebut dihadiri oleh 200 pengamal industri, pembuat dasar dan pakar dalam bidang pelaburan mampan.



"SRI memberi penekanan bukan sahaja kepada pulangan kewangan, tetapi juga kesan positifnya terhadap alam sekitar, tadbir urus, budaya dan pembangunan sosial."

– YB TUAN LIM GUAN ENG, MENTERI KEWANGAN



"Kemampunan merupakan agenda global yang penting kerana kita perlu menangani isu sebenar yang memberi kesan kepada masyarakat, seperti membasmi kemiskinan, menyediakan akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan, serta menangani perubahan iklim."

– SYED ZAID ALBAR, PENGURUSI, SC

Satu perbincangan panel interaktif dianjurkan dan membincangkan peranan pasaran modal dalam mencari penyelesaian berdasarkan pasaran untuk memenuhi keperluan pembangunan mampan dan perubahan iklim dan pemasu utama untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat SRI serantau.

SESI PANEL MENAMPILKAN:



Tan Sri Jemilah Mahmood

Setiausaha Bahagian Kerjasama, Pertubuhan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa/ Pengasas, Mercy Malaysia

"Organisasi bukan berdasarkan keuntungan merupakan penghubung antara kerajaan, perniagaan dan orang ramai. Untuk menjayakan Pelan Hala Tuju SRI, perkongsian antara sektor kerajaan, korporat dan institusi seperti persatuan awam adalah amat penting"



Najmuddin Mohd Lutfi

Ketua Pegawai Eksekutif, BIMB Investments

"Bagi kewangan Islam, ciri-cirinya mempunyai banyak kesamaan dengan SRI dan persekitaran, social dan tadbir urus (ESG). Kita sedia maklum bahawa Malaysia merupakan antara pusat kewangan Islam terkemuka di dunia. Kita mempunyai pasaran Islam yang kukuh dan maju dan kerana itu, kita agak mendahului dalam bidang SRI dan ESG."



Stefan Priesner

Penyelaras Residen UN bagi Singapura, Malaysia dan Brunei Darussalam

"Matlamat UN SDG bertujuan untuk mewujudkan dunia yang lebih baik bukan sahaja untuk generasi sekarang, malah untuk generasi yang akan datang dengan memberi tumpuan kepada pembangunan mampan. Dan kami percaya pasaran modal mampu memainkan peranan utama dalam membiayai matlamat ini."

Ini termasuk menguruskan pendedahan kepada risiko iklim dan memudahcaraan perniagaan untuk beralih ke arah amalan mampan. Pelaksanaan ini akan dijalankan melalui pembentukan empat jawatankuasa kecil, di mana masing-masing akan memberi tumpuan kepada pengurusan risiko, tadbir urus dan penzahiran, produk dan inovasi, serta pembabitan bersama dan kesedaran.

Menerajui agenda kewangan mampan di peringkat global

Langkah awal SC dalam menggalakkan kewangan mampan melalui Strategi 5i telah membolehkannya meneraju inisiatif dalam arena antarabangsa, terutama dalam kalangan pasaran pesat membangun dan rakan sekerja serantaunya. Melalui usaha-usaha penting kewangan mampan dalam forum seperti IOSCO, Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF), dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Pasaran Modal (WC-CMD), SC berjaya membentuk dasar, piawaian dan rangka kerja dalam bidang yang sedang berkembang ini.

Dalam lingkungan IOSCO, SC dan National Securities Commission (CNV) Argentina, bersama-sama mempergerusikan Kumpulan Kerja Kewangan Mampan, Jawatankuasa Pasaran Pertumbuhan dan Pesat Membangun (GEM). SC juga merupakan ahli Rangkaian Kewangan Mampan (SFN), satu inisiatif di peringkat Lembaga IOSCO.

Pada Jun 2019, Kumpulan Kerja GEM telah menerbitkan Laporan mengenai *Kewangan Mampan dalam Pasaran Pesat Membangun dan Peranan Pengawal Selia Sekuriti (Sustainable Finance in Emerging Markets and the Role of Securities Regulators)*. Laporan ini memberikan saranan kepada pengawal selia pasaran pesat membangun untuk dipertimbangkan apabila mengeluarkan peraturan atau panduan berkenaan instrumen kewangan mampan, dengan tujuan untuk menggalakkan pasaran menggunakan amalan kemampanan.

Berikutnya penerbitan Laporan ini, telah dipersetujui bahawa satu Program Capaian Kewangan Mampan GEM dijalankan untuk membimbing pengawal selia dalam melaksanakan tersebut, terutamanya yang berkaitan dengan regim perundangan dan kawal selia tempatan dan domestik serta keadaan pasaran.

Di peringkat rantau ini, usaha-usaha kewangan mampan SC dilaksanakan melalui ACMF – forum peringkat tinggi yang terdiri daripada pengawal selia pasaran modal ASEAN dan WC-CMD, yang bermatlamat untuk mencapai kerjasama rentas sempadan dalam kalangan pasaran modal ASEAN.

SC dan *Securities and Exchange Commission Filipina* merupakan pengurus bersama Kumpulan Kerja Kewangan Mampan ACMF. Tahun 2019 menyaksikan perkembangan ketara penerbitan bon di bawah pemakaian piawaian ASEAN mengenai pembiayaan mampan yang dibangunkan oleh ACMF.

TAHUKAH ANDA?

Piawaian Bon ASEAN

- ACMF membangunkan beberapa piawaian bon untuk menyokong keperluan pembangunan mampan ASEAN:
 - *Piawaian Bon Hijau ASEAN* dilancarkan pada 2017.
 - *Piawaian Bon Sosial ASEAN* dan *Piawaian Bon Lestari ASEAN* dilancarkan pada 2018.
- Setakat akhir 2019, terbitan bon menurut piawaian ASEAN berjumlah AS\$5 bilion, Malaysia mewakili AS\$1.43 bilion atau 29% daripada jumlah keseluruhan terbitan.

INISIATIF UTAMA SRI DALAM PASARAN MODAL MALAYSIA

2019

- Pelancaran **Pelan Hala Tuju SRI**, SC
- Penerbitan **Rangka Kerja Sukuk SRI** SC yang disemak semula
- Penubuhan JC3

2018

- Penubuhan **Skim Geran Sukuk SRI Hijau sebanyak RM6 juta yang dikecualikan daripada cukai**
- Penerbitan **SBS ASEAN** dan **SUS ASEAN**

2017

- Pelancaran **IFWMB** SC
- Penerbitan **sukuk berimpak sosial** oleh Khazanah Nasional (tranche ke-2) dengan bahagian runcit
- Penerbitan **sukuk hijau pertama dunia di bawah Rangka Kerja Sukuk SRI**
- Penerbitan **GBS ASEAN** diikuti oleh penerbitan **Bon Hijau ASEAN pertama**
- Penerbitan **Guidelines on SRI Funds** SC
- **Insentif cukai bagi dana SRI** bagi tempoh tiga tahun dari TK 2018 hingga TK 2020 dan dilanjutkan untuk tiga tahun lagi dari TK 2021 hingga TK 2023 (Belanjawan 2020)
- Pelancaran **Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia** SC yang disemak semula

2016

- **Insentif cukai bagi penerbit sukuk SRI** bagi tempoh lima tahun dari TK 2016 hingga TK 2020 dan dilanjutkan untuk tiga tahun lagi dari TK 2021 hingga TK 2023 (Belanjawan 2020)

2015

- Penerbitan sulung **sukuk berimpak sosial** oleh Khazanah Nasional di bawah Rangka Kerja Sukuk SRI
- Pengenalan **Pelaporan Kelestarian** melalui *Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia*

2014

- Penerbitan **Rangka Kerja Sukuk SRI** SC
- Pelancaran **Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia**
- Penerbitan **Malaysian Code for Institutional Investors**

Sumber: Sustainable and Responsible Investment Roadmap for the Malaysian Capital Market, SC

MENINGKATKAN KEMUDAHAN AKSES MELALUI INISIATIF ISLAM DAN KEMAMPANAN PADA 2019

JAN - JUL

PASUKAN PETUGAS PEMBIAYAAN HIJAU MALAYSIA (MGFT)

SC mempengerusikan MGFT, yang terdiri daripada sembilan ahli lain yang mewakili pengawal selia kewangan, pelabur institusi, bank, pengurus aset dan agensi kerajaan yang terlibat dalam sektor tenaga boleh diperbaharui.

MGFT mengemukakan saranannya yang mengandungi 21 butiran tindakan di bawah lapan strategi besar untuk memudahcarakan kira-kira

RM33 bilion dalam pembiayaan tenaga boleh diperbaharui yang diperlukan untuk memenuhi sasaran negara sebanyak 20% keupayaan tenaga boleh diperbaharui diguna pakai menjelang 2025.

SEP

PROGRAM SARJANA TAMU SC-OCIS

Inisiatif tahunan untuk menjalankan penyelidikan lanjutan terhadap isu-isu kontemporari dalam kewangan Islam. Sarjana tamu bagi 2019/2020 ialah Tarik Akin, Pengarah Kanan Projek di Jabatan Strategi dan Penyelaras, Pejabat Presiden Republik Turki, yang menjalankan kajian bertajuk '*Is Risk-Sharing Asset-Based Redistribution a Viable Solution to Tackle Wealth Inequality?*'.

MAC

SIDANG MEJA BULAT KE-10 SC-PUSAT PENGAJIAN ISLAM OXFORD (OCIS)

Kerjasama tahunan antara SC dan OCIS untuk meningkatkan lagi kepimpinan pemikiran global dalam kewangan Islam. Tema untuk 2019 adalah '*Impact Investing as an Extension to the Islamic Economy*'.

APRIL

PERSIDANGAN HAB ASIA PASIFIK SC-BANK DUNIA-IOSCO 2019

Dengan tema 'Kewangan Islam: Pemangkin bagi Keterangkuman', persidangan ini membincangkan dasar utama, peluang dan cabaran pengawalseliaan dan institusi, dan memfokus kepada peranan kewangan Islam dalam meningkatkan akses kepada pembiayaan.

Untuk keterangan lanjut, rujuk halaman 12.

NOV

PELANCARAN SUSTAINABLE AND RESPONSIBLE INVESTMENT ROADMAP FOR THE MALAYSIAN CAPITAL MARKET

Pelan Hala Tuju SRI tersebut disasarkan untuk mewujudkan ekosistem SRI yang memudahcara dan menentukan peranan pasaran modal dalam memacu pembangunan mampan Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk halaman 19.

PELANCARAN RANGKA KERJA SUKUK SRI YANG DISEMAK SEMULA

Rangka kerja yang disemak semula tersebut meliputi penambahan projek SRI yang layak, keperluan penzahiran dan pelaporan yang dipertingkatkan, dan pencerahan mengenai peranan penyemak luaran.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk halaman 13 dan 14.

Pada 2019, ACMF mula membangunkan *Roadmap for ASEAN Sustainable Capital Markets*. Pelan Hala Tuju tersebut yang akan disiapkan pada 2020, akan menyediakan visi yang sama dan hala tuju yang komprehensif untuk mengukuhkan komitmen ASEAN dalam menggalakkan satu ekosistem bagi pembangunan pasaran modal yang mampan.

Usaha kewangan mampan ACMF di rantau ini telah diiktiraf oleh Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa (ICMA), yang melantik ACMF sebagai ahli Majlis Penasihat 2019/2020 bagi Jawatankuasa Eksekutif Prinsip Bon Hijau dan Prinsip Bon Sosial.

WC-CMD yang dipengerusikan bersama oleh SC dan Kementerian Kewangan Vietnam, sedang menyediakan satu laporan mengenai kewangan mampan di ASEAN, memberi tumpuan kepada sektor kerajaan dan kuasi-kerajaan.

MEMUDAHCARAKAN KEBINGKASAN PASARAN MODAL

Peningkatan peranan industri modal teroka dan ekuiti swasta dalam menyokong pertumbuhan perniagaan

Modal teroka (VC) dan ekuiti swasta (PE) merupakan elemen penting bagi ekosistem keusahawanan Malaysia. Sebagai tambahan kepada modal kewangan, firma VC dan PE menyediakan panduan strategik dan bimbingan perniagaan, serta memanfaatkan rangkaian mereka yang menyokong usahawan dalam usaha membangunkan syarikat yang berjaya dan berdaya saing. Pertumbuhan syarikat-syarikat ini menyumbang kepada pewujudan pekerjaan, inovasi dan kemajuan ekonomi.

Pada 2019, industri VC dan PE di Malaysia menyaksikan komitmen dana berjumlah RM5,998.07 juta seiring dengan 122 syarikat

berdaftar dengan SC. Pelaburan pada 2019 adalah berjumlah RM566.37 juta.

Untuk memastikan pendekatan holistik dalam merumuskan inisiatif untuk industri, ahli baharu yang mewakili pelabur syarikat peringkat permulaan dan pelabur institusi dilantik menganggotai Majlis Pembangunan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia (MVCDC) – sebagai tambahan kepada perwakilan sedia ada dari kementerian, agensi kerajaan dan pengawal selia. MVCDC yang dipengerusikan oleh SC, bermatlamat untuk memudahkan carakan pembabitan yang lebih inklusif antara kerajaan dan sektor swasta, dalam memupuk usaha pembangunan VC dan PE.

Mendorong inovasi dalam pasaran dana dagangan bursa

Dana dagangan bursa (ETF) menawarkan pelabur manfaat yang menarik daripada kepelbagaiannya segera dengan menjelaki indeks secara pasif pada kos yang lebih rendah daripada dana yang diuruskan secara aktif. ETF juga menyediakan pelabur akses mudah kepada rangkaian aset pendasar yang luas, termasuk kelas aset alternatif seperti komoditi dan niaga hadapan.

Selaras dengan penambahbaikan kepada Garis Panduan Dana Dagangan Bursa (*Guidelines on Exchange-Traded Funds*) pada 2018, SC meluluskan enam penerbitan ETF Leveraj dan Berbalik (*Leveraged and Inverse – L&I*) pada 2019, yang kemudiannya disenaraikan di Bursa Malaysia. Pada akhir 2019, nilai aset bersih (NAV) industri ETF adalah sebanyak RM2.14 bilion.

ETF Leveraj bertujuan untuk menyediakan pelbagai pulangan indeks pendasar, manakala ETF Berbalik direka dengan tujuan untuk melindungi nilai terhadap pasaran menurun. Selain menyediakan laluan ke pasaran asing, ETF L&I juga berfungsi sebagai pendedahan ringkas dan mudah kepada niaga hadapan.

KEAHLIAN MVCDC

AHLI BAHARU

PERSATUAN



GLIC



PENGAWAL SELIA



KEMENTERIAN



AGENSI KERAJAAN



Sumber: SC

Insentif cukai untuk
industri modal teroka



Insentif cukai bagi industri VC yang diumumkan dalam Belanjawan 2018 dilanjutkan sehingga 2026.

Insentif tersebut meliputi:

- Pengecualian cukai pendapatan bagi Syarikat Modal Teroka (VCC) bagi semua sumber pendapatan selain daripada pendapatan faedah yang diperolehi daripada simpanan atau deposit tetap dan keuntungan daripada deposit berasaskan Syariah;
- Pengecualian cukai pendapatan bagi Syarikat Pengurusan Modal Teroka (VCMD) bagi perkongsian keuntungan, bonus prestasi atau faedah yang dibawa; dan fi pengurusan yang diterima daripada VCC dengan pengecualian cukai yang disahkan oleh SC;
- Pengurangan cukai pendapatan ke atas amaun pelaburan bagi VCC yang layak yang berdaftar dengan SC tidak lewat dari 31 Disember 2023, sehingga RM20 juta setahun; dan
- Pengurangan cukai pendapatan ke atas amaun pelaburan yang dibuat secara langsung kepada syarikat peringkat permulaan yang layak.

MEMAHAMI

ETF LEVERAJ DAN BERBALIK

LEVERAJ



- 1 Mensasarkan untuk **menghasilkan sehingga dua kali ganda** prestasi harian indeks pendasar.*
- 2 Jika **indeks pendasar memperoleh 1%** keuntungan dalam sehari, ETF mensasarkan **sehingga 2% keuntungan**.
- 3 Yang bermakna **prestasi dan risiko sehingga dua kali ganda**.

BERBALIK



- 1 Mensasarkan untuk **menghasilkan paling tinggi pembalikan sebanyak (-1x)** prestasi harian indeks pendasar.*
- 2 Jika **indeks pendasar kerugian 1%** dalam sehari, ETF mensasarkan **sehingga 1% keuntungan**.
- 3 Yang bermakna anda **memperoleh keuntungan** apabila indeks pendasar **jatuh**.



PELABURAN STRATEGI

- Diuruskan secara pasif
- Melabur secara terus ke dalam kontrak niaga hadapan bulanan/suku tahunan terdekat bagi indeks pendasar

Nota: * Guidelines on Exchange-Traded Funds, SC.

Kemudahan akses yang lebih baik bagi bon korporat melalui rangka kerja bon runcit dan sukuk

Pada 2018, SC memperkenalkan rangka kerja mengenai pasaran bon dan sukuk sedia ada (*seasoning*), yang menyediakan pelabur runcit dengan akses yang lebih besar kepada bon korporat dan sukuk yang sebelum ini disediakan untuk pelabur sofistikated sahaja.

Susulan pengenalan rangka kerja pasaran tersebut, semakan dibuat pada 2019 kepada garis panduan bon runcit yang berkaitan. Semakan ini meningkatkan lagi kemudahan akses pelabur

kepada bon korporat dan sukuk dengan memudahkan pengedara yang layak untuk mengambil bahagian. Pindaan juga dibuat berhubung keperluan penzahiran bagi individu bernilai tinggi. Ini termasuk menyediakan penjelasan lanjut mengenai kaedah maklumat mengenai bon sedia ada disebarluaskan kepada pelabur.

Sejak penyertaan pengedara pertama di bawah rangka kerja pasaran sedia ada (*seasoning*) pada 2019, terdapat peningkatan dalam bilangan bon korporat dan sukuk yang diniagakan oleh pelabur runcit. Pada penghujung 2019, 12 bon sedia ada yang layak tersedia untuk diniagakan.

Mempertingkat skim persaraan swasta untuk mengukuhkan kesejahteraan persaraan ahli

Sejak penubuhannya pada 2012, Skim Persaraan Swasta (PRS) terus menyediakan rakyat Malaysia dengan platform untuk menambah simpanan persaraan mereka. Sebagai pelengkap kepada skim mandatori, pelaburan dalam PRS berfungsi sebagai sumber pendapatan lain bagi ahli pada usia tua mereka serta menyediakan satu kaedah simpanan bagi mereka yang tidak dilindungi secara mandatori oleh skim persaraan yang lain.

Pertumbuhan mampan industri ini berterusan dengan jumlah nilai aset bersih (NAV) mencapai RM3.5 bilion, didorong oleh peningkatan kesedaran mengenai industri PRS dan manfaatnya. Setakat ini, terdapat 455,000 ahli PRS dan lebih 700 majikan yang mengambil bahagian dalam membuat caruman sukarela untuk pekerja mereka di bawah PRS.

Untuk mengukuhkan simpanan sukarela di Malaysia, SC menjalankan kajian strategik terhadap landskap PRS. Skop kajian tersebut termasuk liberalisasi peruntukan aset, lebih fleksibiliti dalam penstrukturkan kedua-dua dana teras dan bukan teras serta penambahbaikan pilihan asal (*default*) bagi ahli.

Kajian strategik tersebut juga merupakan pemangkin bagi penawaran lebih banyak pilihan pelaburan yang inovatif dan dipelbagai. Susulan kajian tersebut, dua dana PRS baharu dilancarkan untuk menyediakan perlindungan insurans kepada ahli. Dana tersebut menawarkan polisi insurans percuma yang meliputi kecederaan, ketidakupayaan atau kematian.

Dalam memperluaskan pemahaman pelabur, Pentadbir Pencen Swasta Malaysia (PPA), pentadbir pusat untuk PRS melancarkan rujukan prestasi dana baharu di laman sesawangnya untuk membantu para pelabur membandingkan pulangan pelbagai dana PRS.

Langkah-langkah berkaitan dengan PRS



Untuk memastikan ahli-ahli PRS mempunyai akses kepada simpanan persaraan sukarela mereka pada masa yang diperlukan serta meringankan beban kewangan mereka, Bajet 2020 membenarkan pengeluaran untuk penjagaan kesihatan dan perumahan tanpa dikenakan sebarang penalti cukai.

Memastikan akses kepada pasaran modal melalui perdagangan antarabangsa

Bagi memudahcarakan akses kepada pasaran Malaysia dan melindungi kepentingan pelabur dan syarikat Malaysia di luar negara, SC secara berterusan melibatkan diri dalam pelbagai jawatankuasa serantau dan antarabangsa dan perjanjian perdagangan. Penyertaan dalam forum ini turut menyokong dan memudahcara agenda keseluruhan perdagangan dan ekonomi antarabangsa Kerajaan.

Penglibatan SC pada masa kini termasuk Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI), dan Jawatankuasa Kerja ASEAN mengenai Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan (WC-FSL). Forum ini ditubuhkan untuk membolehkan usaha ke arah pembangunan pasaran, integrasi yang lebih baik dan liberalisasi akses pasaran.

Di bawah WC-FSL, ASEAN telah melengkapkan *Komitmen Pakej Kewangan Kelapan (Pakej Kelapan)*, yang ditandatangani oleh Menteri-menteri Kewangan ASEAN pada 5 April 2019. Untuk meningkatkan akses kepada pasaran modal melalui Pakej Kelapan, SC komited untuk membenarkan agensi penarafan kredit 100% milik ASEAN di Malaysia. Tawaran ini berkuat kuasa pada 7 Oktober 2019.



SKIM PERSARAAN SWASTA

PERTUMBUHAN ASET DAN KEAHLIAN

NILAI ASET BERSIH



KEAHLIAN



AHLI PRS MENGIKUT KUMPULAN UMUR

KURANG DARIPADA 30



30 HINGGA KURANG DARIPADA 40



40 HINGGA KURANG DARIPADA 50



50 HINGGA KURANG DARIPADA 55



55 HINGGA KURANG DARIPADA 60




MELEBIHI 60



AHLI PRS MENGIKUT GENDER



LELAKI



PEREMPUAN

PILIHAN DANA AHLI PRS

TERAS: DANA PERTUMBUHAN



DANA BUKAN TERAS



TERAS: DANA SEDERHANA



TERAS: DANA KONSERVATIF



PENGELUARAN OLEH AHLI PRS

PERSARAAN



PENGELUARAN SEBELUM PERSARAAN



LAIN-LAIN



AHLI PRS MENGIKUT JENIS PEKERJAAN

BEKERJA



PELAJAR, SURI RUMAH, PESARA



BEKERJA SENDIRI



Sumber: SC

MENDUKUNG PERLINDUNGAN PELABUR

Seiring dengan usaha berterusan untuk meningkatkan kemudahan akses kepada pasaran modal, SC juga telah mengambil langkah-langkah untuk memperkasa pelabur melalui inisiatif pendidikan dan kesedaran serta memastikan terdapatnya kaedah penyelesaian bagi para pelabur sekiranya berlaku pertikaian dengan pengantara pasaran modal.

Pemerkaasan pelabur yang dipertingkat dan kesedaran berterusan mengenai pencegahan penipuan

Melalui platform InvestSmart® SC yang ditubuhkan pada 2014, ia terus menyediakan para pelabur dengan pengetahuan pelaburan yang berkaitan bagi membolehkan mereka melaksanakan pertimbangan yang lebih baik ketika membuat keputusan pelaburan mereka. Usaha-usaha ini menggalakkan penyertaan

pelabur bermaklumat dalam pasaran modal dan melindungi mereka daripada menjadi mangsa penipuan dan skim pelaburan haram.

Inisiatif InvestSmart® juga adalah sejarah dengan *Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Malaysia 2019-2023* (Strategi Kebangsaan) yang dibangunkan oleh Rangkaian Pendidikan Kewangan (FEN), yang dilancarkan pada Julai 2019. FEN dipengerusikan bersama oleh BNM dan SC dengan lima orang ahli lain.

Bagi menyediakan pelabur dengan kaedah untuk mendapatkan ganti rugi melalui platform pakar yang bebas dan adil, SC menubuhkan Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) pada 2010. Pada 2019, SIDREC menerima sejumlah 290 tuntutan dan pertanyaan. Lebih 91% tuntutan yang layak melalui proses penyelesaian pertikaian SIDREC telah diselesaikan melalui pengurusan kes dan perantaraan, tanpa perlu dilanjutkan kepada proses adjikasi.

Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 – 2023

Strategi Kebangsaan ini telah dilancarkan oleh Perdana Menteri YAB Tun Dr Mahathir Mohamad pada 23 Julai 2019 untuk meningkatkan tahap literasi kewangan, menggalakkan tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab dan sikap positif terhadap pengurusan kewangan.

Strategi Kebangsaan tersebut merupakan pelan hala tuju holistik 5 tahun yang menetapkan keutamaan dan pelan tindakan.



ACARA UTAMA 2019

18 – 20 OKTOBER • INVESTSMART® FEST 2019

Tahun ini merupakan penganjuran kali ke-6 InvestSmart® Fest. Diadakan di Pusat Pameran Mid Valley, Pesta ini telah dirasmikan oleh Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

 13,000+ PELAWAT	 50+ PEMPAMER INSTITUSI PASARAN KEWANGAN PERSATUAN PENGANTARA AGENSI KAWAL SELIA DAN KERAJAAN
 41 PENCERAMAH	 370 perundingan percuma bersama perancang kewangan berlesen yang ditawarkan di kaunter khidmat kewangan#FinPlan4U



APLIKASI MUDAH ALIH BIX

Bonds and Sukuk Information Exchange Malaysia (BIX Malaysia) melancarkan aplikasi mudah alih BIX untuk memberi akses segera kepada pelabur maklumat khusus mengenai bon dan sukuk.



SCAMBUSTER WALK HUNT 2019

Bersempena InvestSmart® Fest 2019, SC menganjurkan ScamBuster Walk Hunt ketiga pada 20 Oktober 2019. Acara tersebut diadakan berikutan kejayaan ScamBuster Run 2017 dan 2018. Semua hasil kutipan pada majlis itu disalurkan kepada SC HEART, inisiatif tanggungjawab korporat dan sosialnya.



Aktiviti pendidikan menyeronokkan untuk meningkatkan kesedaran mengenai skim pelaburan haram:

- Laluan 4km dengan petunjuk dan teka-teki di Segi Tiga Emas KL
- Quiz mengenai pengetahuan pelaburan

29 – 30 JUN • BERSAMA INVESTSMART® @ BORNEO – SABAH 2019

Inisiatif pendidikan pelabur yang pertama di Malaysia Timur, InvestSmart® diadakan di Kota Kinabalu. Menteri Kewangan Sabah, YB Tuan Sarifuddin Hata merasmikan acara tersebut bagi pihak Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Shafie Apdal.



 **9,000+**
PELAWAT

 **34**
PENCERAMAH

 **22**
PEMPAMER
PERSATUAN
PENGANTARA
AGENSI KAWAL SELIA
DAN KERAJAAN



PROGRAM MENDEKATI MASYARAKAT 2019

Sepanjang tahun ini, InvestSmart® telah menjalankan dan mengambil bahagian dalam 22 inisiatif pendidikan pelabur, yang terdiri daripada 18 acara pendidikan pelabur dan 4 kempen pengumuman perkhidmatan awam (PSA)

JAN	FEB
PSA – ‘Be a smart investor! Do not invest in something you do not fully understand’ audio melalui stesen radio	Karnival Kewangan BNM, Miri
Marketplace Fair, Bursa Malaysia, Pulau Pinang	
MAC	APR
PSA – Video ‘Silap Labur Duit Lebur’ di semua stesen TV dan pengangkutan awam Prasarana	Karnival Kewangan BNM, Kuala Terengganu
Wanita dalam Kewangan AKPK	InvestSmart® @ SC – ‘Melabur Untuk Masa Hadapan Anda’
MEI	MINGGU AMANAH SAHAM MALAYSIA PNB
InvestSmart® @ SKMM - ‘Pengurusan Kewangan Asas Pelaburan’	Minggu Amanah Saham Malaysia PNB
JUL	BERSAMA INVESTSMART® @ BORNEO, SABAH 2019
Bengkel Literasi Kewangan Belia Nasional, MFPC, Ipoh	
Karnival Kewangan BNM, Melaka	
SEP	OGOS
Karnival Kewangan BNM, Kangar	Bengkel Literasi Kewangan Belia Nasional, MFPC, Kelantan
Program Kebolehpasaran Graduan IPT 2019, Universiti Sains Islam Malaysia	
NOV	OKT
Bengkel Literasi Kewangan Belia Nasional, MFPC, Petaling Jaya	Minggu Pelabur Sedunia IOSCO 2019*
	Siri iklan didik InvestSmart® selama 3 minit mengenai aset digital dan mesej kesedaran Pencegahan penipuan di stesen radio
	InvestSmart® Fest 2019, Kuala Lumpur
	ScamBuster Walk Hunt 2019
DIS	
	PSA – Audio ‘T.I.P.U’ di semua stesen radio
	PSA – Paparan berita di stesen TV
	Festival MoF – Living in Future Time (LIFT) Putrajaya
	InvestSmart® @ SC – ‘Invest Smart • Bijak Labur’

* Acara diadakan dari 30 September hingga 6 Oktober 2019

BAHAGIAN

2



BAHAGIAN

2

**MEWUJUDKAN
PASARAN MODAL
YANG LEBIH CEKAP**

PENGENALAN

Landskap pasaran modal Malaysia telah mengalami perubahan yang berterusan, didorong oleh persekitaran operasi dan kemajuan teknologi yang berubah-ubah, yang menghendaki pasaran modal dipermodenkan untuk manfaat para pelabur dan penerbit.

Pada 2019, SC mengambil tindakan untuk meningkatkan kecekapan dalam pasaran modal. Ini termasuk proses pendigitan rantaian nilai pembrokeran bagi meningkatkan pengalaman pelabur dan kecekapan operasi; meningkatkan kecairan dalam pasaran modal; mengukuhkan ekosistem pasaran utama; dan menggalakkan daya saing dalam industri unit amanah.

Untuk melaksanakannya, SC menjalin kerjasama yang lebih erat dengan penyedia produk dan perkhidmatannya serta para penasihat. Pembabitan bersama yang berterusan dan secara terbuka membolehkan pihak berkepentingan memperakui objektif dan pendirian kawal selia SC, dan SC mampu memberi khidmat kepada pihak berkepentingannya dengan lebih baik dan mengekalkan keyakinan pasaran.

PENDIGITAN KE ARAH PENGALAMAN PELABUR YANG LEBIH BAIK DAN KECEKAPAN OPERASI

Di peringkat global, percambahan peranti digital untuk kegunaan pelabur runcit dan pengalaman baharu pelanggan yang didorong oleh syarikat-syarikat digital telah memberikan pelabur lebih upaya akses dan kemudahan pada kos sifar atau rendah. Ini merupakan tambahan kepada kemunculan model dagangan baharu seperti dagangan algoritma dan pelaburan sosial, percambahan analitik data, dan pmodenan pascadagangan. Untuk bersaing, peserta industri sedia ada di seluruh dunia berusaha untuk mengukuhkan tawaran pelabur dan penyampaian perkhidmatan melalui pendigitan yang lebih besar.

Untuk membolehkan industri pembrokeran saham Malaysia bersaing dengan lebih cekap, SC melancarkan Kumpulan Pendigitan Industri Pembrokeran (BRIDGe) pada Ogos 2018. BRIDGe merupakan perkongsian pelbagai hala antara SC, BNM, Bursa Malaysia dan peserta industri, dengan objektif untuk membangunkan dan melaksanakan penyelesaian seperti:

- Pengalaman pelanggan digital yang baru mengambil bahagian;
- Pengalaman pascadagangan dan penyelesaian yang lancar dan cekap; dan
- Tindakan e-korporat untuk meningkatkan penerimaan dan ketelusan.

BRIDGe

KUMPULAN PENDIGITAN INDUSTRI PEMBROKERAN

Pada 2019, kumpulan kerja BRIDGe memuktamadkan cadangannya, diikuti dengan pelaksanaan berikut yang telah dimulakan:

OBJEKTIF



PENGALAMAN
PENYERTAAN MASUK
PELANGGAN SECARA DIGITAL

CADANGAN

- Membolehkan proses **penyertaan masuk pelanggan digital** dengan intervensi insan yang minimum
- Mewujudkan **senarai pemungkir yang kurang tegar dan membebankan** untuk menyokong penilaian kredit pelanggan semasa proses penyertaan baharu

- Membolehkan pelabur **menyelesaikan dagangan secara dalam talian melalui urus niaga tunggal**

- Memudahcarakan **pemakaian penuh nota e-kontrak** dan **penggunaan e-penyata yang lebih luas**

- Membolehkan **e-pemberitahuan yang lebih luas** untuk semua tindakan korporat

- Membolehkan **pelan pelaburan semula e-dividen (DRP), e-pertukaran saham dan penggunaan e-hak** yang lebih luas

- Membolehkan pelabur **menjalankan dagangan dengan lancar** semasa melaksanakan pernyataan saham



PENGALAMAN PASCADAGANGAN
DAN PENYELESAIAN YANG
LANCAR DAN CEKAP



PENDIGITAN TINDAKAN
KORPORAT

Pendigitalan pengalaman penyertaan masuk pelanggan

Hari ini, kebanyakan broker tidak menawarkan sepenuhnya khidmat penyertaan masuk digital, dan pembukaan akaun Sistem Depositori Pusat baharu memerlukan sekurang-kurangnya satu pertemuan bersemuka dengan pelabur baharu. Tatkala pelabur menginginkan kaedah berurus niaga yang lebih mudah, wujud keperluan untuk membolehkan pengalaman penyertaan masuk secara digital sepenuhnya. Ini termasuk membolehkan pelabur membuka akaun dagangan dan CDS dalam talian dengan penglibatan insan yang minimum.

Kumpulan kerja Penyertaan Masuk Digital BRIDGe telah mengenal pasti keperluan bagi broker untuk menjalankan mekanisme pengesahan pelanggan tanpa bersemuka secara efisien, dan agar Bursa Malaysia berupaya membolehkan pelabur baharu membuka akaun CDS dalam talian. Pada 2019, Peraturan Bursa Malaysia kemudiannya dipinda

untuk mengemas kini mekanisme pengesahan tanpa bersemuka bagi organisasi yang mengambil bahagian. Ciri pembukaan akaun CDS dalam talian ini akan diumumkan pada 2020 bersama inisiatif e-CDS Bursa Malaysia. Kumpulan kerja ini juga merancang untuk membangunkan satu pangkalan data para pemungkir bagi meningkatkan proses penyertaan masuk pelanggan.

Membolehkan proses pascadagangan dan penyelesaian yang lancar

Walaupun penyelesaian dagangan dalam talian adalah semakin popular, penggunaan cek masih lagi kekal bagi urus niaga sekuriti bernilai besar. Satu tinjauan yang dijalankan oleh kumpulan kerja Pascadagangan dan Penyelesaian BRIDGe mendapati bahawa had pemindahan dalam talian harian semasa sebanyak RM30,000 hingga RM50,000 adalah salah satu faktor yang mengehadkan penyelesaian dagangan dalam

Rajah 1

Hasil tinjauan BRIDGe mengenai trend penyelesaian runcit

talian. Pada hakikatnya, lebih daripada separuh dagangan runcit dan perniagaan kecil bernilai lebih RM30,000, dan dua per tiga daripada pedagang nilai besar yang kerap memilih had pemindahan dalam talian yang lebih tinggi.

Untuk mengurangkan potensi risiko penipuan yang berkaitan dengan had penyelesaian secara dalam talian yang lebih tinggi, kumpulan kerja tersebut bersama SC, BNM, bank-bank, broker dan Paynet telah mengenal pasti langkah kawalan yang diperlukan. Pemuktamadan had penyelesaian dalam talian yang lebih tinggi oleh pihak bank bagi sektor pembrokeran dan langkah kawalan yang dicadangkan tersebut akan diteruskan pada 2020.

Kumpulan kerja tersebut juga mengkaji agar lebih banyak penggunaan nota e-kontrak dan e-penanya, selaras dengan penerbitan *Technical Note No. 2/2017 – Clarification On Obtaining Client's Consent for the Purpose of Issuance and Delivery of Electronic Contract Notes by Capital*

TAHUKAH ANDA?

Peraturan Bursa Malaysia memberi mandat untuk menyediakan kemudahan penukaran elektronik bagi membolehkan pelabur menukar waran, stok pinjaman tidak bercagar boleh tukar tidak boleh tebus (ICULS) dan bon boleh ditukar kepada saham secara elektronik.

Markets Services Licence (CMRLS) Holder oleh SC pada 2017, yang memberi mandat kepada penamat nota kontrak fizikal.

Pendigitan tindakan korporat

Hari ini, beberapa tindakan korporat di Malaysia sebahagian besarnya masih dilakukan secara manual seperti pemberitahuan melalui pos, pembayaran melalui cek, pengisian borang fizikal, pembelian setem hasil daripada pejabat pos dan penyerahan langganan secara fizikal. Pelaksanaan secara manual ini sering memberi kesan kepada kadar langganan tindakan korporat. Sebagai contoh, langganan pelan pelaburan semula dividen (DRP) hanya 28%.

Untuk menangani isu ini, kumpulan kerja Tindakan Korporat BRIDGe telah mencadangkan perkara berikut:

- Meningkatkan keupayaan e-pemberitahuan untuk tindakan korporat bermula dengan pengumpulan mandatori alamat e-mel bagi pelabur baharu dan sedia ada yang menjalankan dagangan dalam talian. Ini dimudahkan oleh arahan yang dikeluarkan oleh SC pada Julai 2019;
- Membolehkan e-DRP untuk meningkatkan kadar langganan DRP. Ini melibatkan kerjasama yang berterusan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi membolehkan pengutipan duti setem digital oleh pendaftar saham dan penawaran digital oleh pendaftar saham;

- Membolehkan penukaran e-saham bagi penukaran waran, ICULS dan bon boleh tukar kepada saham. Bursa Malaysia telah melakukan pindaan kepada peraturan penyenaraian mereka untuk membenarkan penyediaan pilihan untuk penukaran secara elektronik kepada pelabur;
- Memudahcarakan penerimaan e-hak yang lebih besar dengan membolehkan had yang lebih tinggi bagi penyelesaian dalam talian untuk menggalakkan lebih banyak penawaran digital oleh pendaftar saham; dan
- Memudahcarakan lebih ketelusan kepada pelabur dan keupayaan untuk berdagang semasa pelaksanaan penyatuan saham. SC telah mengeluarkan arahan, yang

memerlukan broker untuk membenarkan dagangan dalam talian ketika pelaksanaan penggabungan saham.

MENGALAKKAN KECAIRAN DALAM PASARAN MODAL

Penggerak pasaran kekal sebagai elemen penting dalam menggalakkan kecairan dan keluasan pasaran, memandangkan ketersediaan mereka dalam pasaran adalah sebagai pihak yang mengambil bahagian bersama pelabur. Pada 2019, SC meliberalisasikan lagi rangka kerja jualan singkat dan penggerakan pasaran yang bermatlamat untuk meningkatkan kecekapan pasaran.

AHLI-AHLI BRIDGe

Pengawal selia dan Bursa	Broker	Persatuan Industri	Penyedia Perkhidmatan			
 Suruhanjaya Sekuriti Securities Commission Malaysia	 AmInvestment Bank  AFFIN HWANG CAPITAL  CGSCIMB  CITI kenanga  M&A M+Online  Maybank Investment Bank  PUBLIC BANK  TA SECURITIES A Member of The Young  UOB Kay Hian securities  UBS	 PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA	 ASCM Association Of Stockbroking Companies Malaysia	 PayNet PAYMENTS NETWORK MALAYSIA	 BoardRoom Smart Business Solutions	 tricor

Liberalisasi ini berfungsi untuk memperluaskan kumpulan penggerak pasaran untuk merangkumi syarikat asing kendiri sehingga produk penghasilan pasaran di Bursa Malaysia. Di samping itu, rangkaian Sekuriti yang Diluluskan untuk jualan singkat akan dikembangkan bagi meningkatkan kecairan saham permodalan sederhana dan kecil.

Untuk memastikan bahawa aktiviti jualan singkat dijalankan dengan cara yang teratur dan terkawal, had kedudukan jualan singkat bagi sekuriti tertentu kini akan digabungkan bagi rangka kerja Jualan Singkat yang Dikawal Selia dan Jualan Singkat yang Dibenarkan (PSS).

MENGUKUHKAN EKOSISTEM PASARAN UTAMA

Untuk memudahcaraan persekitaran yang kondusif bagi penerbit untuk memanfaatkan pasaran modal Malaysia dalam pengumpulan dana dan pada masa yang sama terus memperkasa pelabur untuk membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat, adalah

penting untuk mengukuhkan asas-asas pasaran utama agar dapat memenuhi keperluan pelbagai kumpulan penerbit dan pelabur dengan lebih baik.

Perkongsian tanggungjawab dalam pengawalan pasaran yang berkesan

Pada 2019, SC bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama untuk memasukkan perspektif pasaran ke dalam rangka kerja tawaran awam awal (IPO) yang dipertingkatkan. Ini adalah bertujuan untuk memantapkan tanggungjawab bersama antara SC dan Penasihat Utama yang Diluluskan dengan tumpuan untuk membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan bermaklumat berdasarkan penzahiran yang mencukupi mengenai risiko dan pulangan.

Proses ketekunan wajar yang mantap adalah elemen asas kepada rangka kerja pengawalseliaan pasaran utama kerana SC bergantung kepada maklumat yang dikemukakan oleh Penasihat Utama yang Diluluskan untuk melaksanakan tugas

MENYEDIAKAN FLEKSIBILITI DALAM JUALAN SINGKAT DAN PENGERAKAN PASARAN



MENINGKATKAN KECAIRAN SAHAM PERMODALAN SEDERHANA DAN KECIL

- **Memperluas kategori institusi yang layak** untuk merangkumi syarikat asing kendiri sehingga produk penghasilan pasaran di Bursa Malaysia Securities seperti ETF Leveraj dan Berbalik yang baruah.
- **Mengembangkan rangkaian sekuriti yang diluluskan** bagi jualan singkat untuk merangkumi semua dana dagangan bursa (ETF) kecuali ETF berbalik. Di samping itu, kriteria permodalan pasaran akan diturunkan daripada kadar semasa RM500 juta ke RM200 juta.



MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGERAK PASARAN

- **Mengecualikan penggerak pasaran** bagi waran berstruktur, niaga hadapan stok tunggal, dan pilihan stok tunggal daripada peraturan 'At-Tick' apabila melaksanakan jualan singkat saham pendasarnya di bawah rangka kerja PSS.
- **Membenarkan penggerak pasaran ETF menjalankan jualan singkat** tanpa pinjaman yang disahkan bagi unit ETF atau sekuriti konstituen.

RANGKA KERJA TAWARAN AWAM AWAL YANG DIPERTINGKAT



mereka dengan cekap. Di samping itu, pelabur yang disasarkan perlu diberi maklumat yang dizahirkan secukupnya dalam dokumen tawaran agar mereka dapat membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat.

Untuk tujuan ini, SC memberi tumpuan kepada penetapan undang-undang dan peraturan berdasarkan prinsip manakala Penasihat Utama yang Diluluskan diberi kelonggaran yang lebih besar dan akauntabiliti yang sepadan untuk mencapai hasil yang diinginkan tanpa menjelaskan kepentingan pelabur.

Rangka kerja IPO yang dipertingkat tersebut dijangka akan dikeluarkan pada 2020.

Bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama

SC secara aktif mengadakan pembabitan bersama pelbagai pihak berkepentingan yang memainkan peranan penting dalam proses biasa IPO seperti Penasihat Utama yang Diluluskan, akauntan pelapor, peguam ketekunan wajar, penilai dan pihak berkepentingan yang lain. Pembabitan bersama ini membolehkan pihak industri mempunyai kefahaman yang lebih baik mengenai jangkaan SC terhadap proses ketekunan wajar yang baik. Pihak industri juga memberikan pelbagai perspektif mengenai pembangunan rangka kerja IPO yang cekap.

Meliberalisasikan Rangka Kerja Penasihat Utama yang Diluluskan

Penasihat Utama yang Diluluskan perlu kekal relevan dan responsif dalam memenuhi keperluan para penerbit yang semakin berkembang tanpa menjelaskan standard tadbir urus yang baik dan profesionalisme mereka. Susulan rundingan kumpulan fokus bersama pihak berkepentingan luar, SC telah menjalankan semakan holistik terhadap rejim Kakitangan Kanan Yang Layak (QSP) yang merupakan tunggak kepada Rangka kerja Penasihat Utama. Dari semakan tersebut, terdapat tiga hala tuju meluas untuk mempertingkatkan Rangka kerja Penasihat Utama, seperti berikut:

1. Penasihat Utama yang Diiktiraf

Penasihat kewangan korporat tidak lagi memerlukan kelulusan SC untuk bertindak sebagai Penasihat Utama yang Diluluskan untuk mengemukakan cadangan korporat tertentu kepada SC seperti permohonan penyenaraian di Pasaran Utama Bursa Malaysia. Sebaliknya, penasihat kewangan korporat yang berkelayakan hanya memerlukan perakuan SC untuk bertindak sebagai Penasihat Utama yang Diiktiraf (RPA). Inisiatif liberalisasi ini bertujuan untuk memperkenalkan inovatif pasaran yang positif dan menggalakkan lebih persaingan dalam industri.

2. Individu Berkelayakan

Dengan pengenalan rejim Individu Berkelayakan (QP) yang akan menggantikan QSP, RPA mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang QP yang bekerja sepenuh masa bagi setiap cadangan korporat tertentu. Walaupun kelulusan SC tidak diperlukan bagi pelantikan QP, RPA hendaklah memastikan bahawa QP memenuhi kriteria minimum yang ditetapkan oleh SC. Dijangkakan bahawa RPA akan diberi kuasa untuk membuat keputusan bagi mencapai hasil yang dipacu oleh pasaran, termasuk memilih QP

daripada kumpulan tenaga kerja yang lebih luas dalam kalangan para profesional bidang kewangan korporat yang berkelayakan untuk melakukan pengemukaan kepada SC.

3. Pegawai Kanan

Untuk mengukuhkan akauntabiliti RPA sebagai pengawal pasaran yang berkesan bagi setiap cadangan korporat yang dikemukakan kepada SC, RPA hendaklah mengenal pasti pegawai kanan (SO) yang mempunyai kuasa atau berpangkat lebih tinggi daripada QP. Terdapat juga piawaian dan obligasi bagi SO dan QP untuk menggalakkan disiplin pasaran dan memelihara kepentingan pelabur.

Garis panduan yang berkaitan sedang dimuktamadkan untuk dikeluarkan pada 2020.


Meningkatkan peranan pengawasan SC terhadap pasaran utama

Pada 2019, SC menjalankan semakan tematik terhadap Penasihat Utama yang Diluluskan yang terpilih untuk mengukur kesediaan industri untuk rangka kerja IPO yang dipertingkatkan. Semakan tematik tersebut menumpukan usaha untuk mengenal pasti bidang penambahbaikan bagi proses ketekunan wajar dan kawalan dalaman. Pemerhatian semakan tematik dan amalan baik yang dicadangkan akan dikongsi bersama industri pada 2020.


Bagi memastikan keberkesanan dan memelihara keyakinan pasaran, SC juga telah berusaha untuk mengukuhkan peranan dan keupayaan pengawasannya untuk memantau secara proaktif, risiko sebenar yang berpotensi atau dijangkakan dalam pasaran utama. Langkah-langkah pengawasan yang dicadangkan tersebut disasarkan untuk menilai tahap pematuhan RPA terhadap keperluan kawal selia yang berkaitan, termasuk proses ketekunan wajar yang dijalankan semasa pelaksanaan RPA atau cadangan korporat tertentu.

Respons Kaji selidik Pelabur Runcit 2019

Adakah anda akan menggunakan prospektus elektronik untuk tujuan pelaburan?



Bagaimana anda lazimnya memohon saham?



Sumber: Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia

Menjadikan prospektus lebih mudah diakses dan relevan kepada pelabur

Akses yang mudah dan mampu milik kepada teknologi telah membolehkan para pelabur mengambil bahagian dalam pasaran modal Malaysia seperti melabur dalam IPO dan terbitan hak. Pada 2019, satu kaji selidik telah dijalankan oleh Jawatankuasa Pembrokeran Saham Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia untuk memahami selera risiko pelabur runcit terhadap penggunaan prospektus elektronik.

Kaji selidik tersebut melibatkan 868 pelabur runcit yang secara aktif melabur dalam IPO. Daripada kaji selidik tersebut, 70% daripada pelabur runcit menggunakan prospektus elektronik sebagai alat untuk membuat keputusan pelaburan. Di samping itu, 54% daripada pelabur runcit memohon saham melalui platform dalam talian yang disediakan oleh bank yang mengambil bahagian.

Pada 2019, SC mengambil langkah proaktif dan responsif agar prospektus lebih relevan kepada pelabur dalam persekitaran pasaran modal yang menuju ke arah digital.

Langkah-langkah ini adalah bertujuan untuk meningkatkan fungsian dan kemudahan melayari prospektus elektronik oleh pelabur. Selain itu, bagi memperkasa pelabur untuk membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat, prospektus elektronik mempunyai pautan kepada bahan bacaan pendidikan yang dikeluarkan oleh SC atau Bursa Malaysia. Garis panduan yang dipertingkat tersebut sedang dimuktamadkan dan dijangka dikeluarkan pada 2020.

MENGALAKKAN DAYA SAING DALAM INDUSTRI UNIT AMANAH

Dana unit amanah kekal sebagai komponen terbesar dalam industri skim pelaburan kolektif Malaysia (CIS). Berlatarbelakangkan landskap pelaburan yang kompetitif, pemeliharaan dan penciptaankekayaan yang berterusan melalui segmen unit amanah memerlukan pengantara untuk memperluas dan mempelbagaikan penawaran produk dan perkhidmatan.

Penyeragaman kawal selia dengan pusat-pusat dana utama

Pada 2019, SC memulakan usaha untuk meningkatkan rangka kerja kawal selia unit amanah untuk meningkatkan daya saing dan kecekapan industri. Usaha-usaha ini adalah untuk memberi manfaat kepada pelabur dengan membolehkan penerbit menumpukan semula usaha menawarkan produk yang lebih dipelbagai ke pasaran dengan lebih cekap.

SC memulakan semakan menyeluruh terhadap *Guidelines on Unit Trust Funds* bagi memastikan bahawa keperluan tersebut selaras dengan piawaian antarabangsa dan bidang kuasa dana utama. Adalah diharapkan semakan tersebut akan membolehkan lebih banyak inovasi produk dan pengantarabangsaan dana di samping meningkatkan daya saing pasaran sehingga akhirnya mampu menawarkan pelabur dengan lebih banyak pilihan dan akses kepada pelaburan yang sesuai dengan matlamat kewangan mereka.

Sebagai sebahagian daripada semakan tersebut, SC mendapatkan maklum balas daripada industri dana unit amanah melalui Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) dan menjalankan kajian tanda aras. Susulan itu, SC telah

mengadakan rundingan bersasar bersama dengan kumpulan fokus yang terdiri daripada syarikat pengurusan unit amanah terpilih. Selanjutnya, pada 2020, SC akan mengadakan perundingan awam yang akan memberi peluang kepada semua pihak berkepentingan untuk memberikan komen.

Masa ke pasaran lebih pantas bagi dana feeder runcit

Pada masa yang sama, SC akan menyemak semula proses pemberian kebenaran kepada dana feeder runcit untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya. Bagi dana yang memenuhi parameter tertentu, syarikat pengurusan kini boleh menyerahkan permohonan tanpa melalui proses perundingan praserahan dengan SC, apabila memfailkan dokumentasi mereka dengan SC mengenai pemilihan dan pemantauan dana sasaran dan proses pengurusan risiko.

Pendekatan ini menggariskan jangkaan SC dalam melaksanakan keperluan bagi dana *feeder runcit* untuk memberi kejelasan kepada syarikat pengurusan dan mengurangkan masa ke pasaran. Proses yang dipertingkat ini disasarkan untuk dilaksanakan pada awal 2020.

Perkembangan Perniagaan Pengurusan Aset: Perspektif Malaysia


Oleh Institut Penyelidikan Pasaran Modal Malaysia

Perubahan Landskap

Industri pengurusan aset Malaysia telah mencapai pertumbuhan yang kukuh sepanjang dua dekad yang lalu, dengan jumlah aset bawah pengurusan (AUM) mengalami kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (CAGR) dua digit. Walau bagaimanapun, CAGR AUM telah mula menyusut berikutan Krisis Kewangan Global, menunjukkan bahawa industri ini mungkin telah mencapai titik lengkok balas, khususnya dalam tempoh lima tahun yang lalu yang menyaksikan pertumbuhan satu digit tahun ke tahun dengan penguncupan pada 2018.

Rajah 1

Aset bawah pengurusan Malaysia 1999 hingga 2018 (RM bilion)



Walaupun pertumbuhan AUM mencerminkan penunjuk utama, angka hanyalah sebahagian daripada fakta yang lebih besar mengenai peralihan ketara yang dihadapi oleh industri pengurusan aset di seluruh dunia yang boleh mendatangkan akibat yang lebih besar. Selain daripada bergelut dengan kitaran ketidaktentuan makroekonomi dan pasaran, industri juga perlu mengharungi perubahan struktur seperti kemunculan pendigitalan, perubahan trend demografi dan pilihan pelabur, kekurangan bakat dan keperluan pengawalseliaan yang lebih ketat yang menghendaki akauntabiliti, tadbir urus dan ketelusan yang lebih tinggi.


Di peringkat global, ini telah menyebabkan lebih banyak penggabungan industri dijalankan, menunjukkan bahawa persekitaran global boleh menjelaskan model perniagaan sedia ada pengurus aset. Di tengah-tengah perubahan ini, perlu diingat bahawa industri pengurusan aset kekal sebagai salah satu teras utama pasaran kewangan pada hari ini, dan memainkan peranan penting dalam ekonomi keseluruhan.

Pandangan daripada Industri

Dalam usaha untuk membangunkan gambaran menyeluruh dan holistik industri pengurusan aset, satu kaji selidik dalam talian telah dijalankan ke atas semua pengurus aset berlesen oleh Institut Penyelidikan Pasaran Modal Malaysia (ICMR).

Rajah 2

Perkaitan peralihan luar terhadap perniagaan



94% daripada pengurus aset menyatakan bahawa perubahan pilihan pelabur merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelan perniagaan dan strategik mereka dalam tempoh 12-24 bulan akan datang.


Perkembangan Perniagaan Pengurusan Aset: Perspektif Malaysia

Oleh Institut Penyelidikan Pasaran Modal Malaysia

(Sambungan)

Rajah 3

Hala tuju meluas permintaan pelabur





Pengurus asset menjangkakan bahawa dalam tempoh lima tahun akan datang, pilihan pelabur akan beralih kepada dana SRI dan mandat swasta (masing-masing 77%) diikuti oleh dana borong (74%). Peralihan ke arah SRI adalah sejajar dengan trend global.

Rajah 4

Peralihan permintaan pelabur dan kekurangan bakat yang berkaitan di semua kelas aset

	Meningkat	Kekurangan tenaga kerja
Ekuiti serantau	86%	88%
Ekuiti global	83%	82%
Alternatif	83%	76%
Pendapatan tetap serantau	80%	79%
Ekuiti pasaran pesat membangun	69%	85%
Pendapatan tetap pasaran pesat membangun	57%	74%
Pendapatan tetap global	51%	76%
Ekuiti tempatan	31%	32%
Pendapatan tetap tempatan	26%	42%

Ketika pengurus aset berpendapat bahawa pilihan pelabur bergerak ke arah ekuiti dan alternatif bukan domestik, mereka juga menekankan bahawa wujud jurang bakat yang besar dalam kelas aset ini, yang menimbulkan keimbangan bahawa pengurus aset mungkin tidak bersedia untuk memenuhi perubahan keperluan pelabur.

Rajah 5**Tahap keutamaan strategi pendigitalan pengurus aset****Rajah 6****Bidang yang perlu dimudahcarakan untuk membantu mengembangkan industri pengurusan aset**

Perkembangan Perniagaan Pengurusan Aset: Perspektif Malaysia

Oleh Institut Penyelidikan Pasaran Modal Malaysia

(Sambungan)

Melangkah ke Hadapan

Sebagai sebahagian daripada penyelidikan tersebut, ICMR menggariskan satu set cadangan untuk menangani isu-isu struktur pendasar yang mencetuskan kebimbangan di seluruh industri. Cadangan ini direka untuk pertimbangan pembuat dasar dan peserta industri secara holistik. Selaras dengan perkara ini, cadangan telah dirumuskan dengan matlamat utama untuk mengukuhkan industri pengurusan aset merentasi rantai nilai, sambil menerajuinya dengan hasil strategik yang mencerminkan fungsi teras industri, iaitu menggalakkan pasaran modal yang inklusif, memperkuuh peranan pengantaraan, dan meningkatkan penciptaan nilai. Cadangan tersebut boleh dikumpulkan dalam tiga tema utama:

1. **Kerancakan semula industri** dengan memudahcarakan kepelbagaiannya dalam seluruh kelas aset dan pasaran geografi serta memperkuuh usaha pengantarabangsaan untuk memperluas pangkalan pelabur, meraih ekonomi skala dan memanfaatkan sinergi;
2. Menyesuaikan dengan pasaran yang sentiasa mengalami perubahan dengan **memasukkan inovasi** dan strategi yang berbeza menerusi pendekatan jangka panjang. Ini termasuk merapatkan jurang antara fintech dan peserta tradisional dengan memanfaatkan ekosistem syarikat permulaan contohnya perkongsian dengan syarikat permulaan fintech peringkat awal melalui pemacu modal teroka; dan
3. **Menyusun keutamaan** sebagai landasan untuk pembangunan melalui perkongsian merentas sempadan untuk memudahcarakan perpindahan pengetahuan dan hubungan timbal balik antara pengurus aset dan pemilik aset. Pembuat dasar dan peserta industri juga harus memanfaatkan ekonomi tingkah laku untuk jangkauan pelabur yang lebih bersasaran dan berkesan.

Dipetik daripada *The Evolving Business of Asset Management: Malaysia's Perspective* yang dilancarkan pada Jun 2019. Laporan ini membentangkan penemuan dari penyelidikan bersama antara ICMR dan rakan penyelidikannya, Institut Penyelidikan Pasaran Modal Nomura, dari Jepun. Laporan penuh boleh didapati secara dalam talian di <https://www.icmr.my/the-evolving-business-of-asset-management>.

ICMR telah ditubuhkan oleh SC sebagai inisiatif pemikir bebas yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan mampan pasaran modal Malaysia melalui penyediaan penyelidikan dan penyelesaian yang tertumpu, pragmatik dan berasaskan bukti. ICMR menjalankan projek-projek penyelidikan melalui pendekatan pelbagai pihak berkepentingan dan kolaboratif, memperoleh buah fikiran dan amalan terbaik daripada pakar antarabangsa serta memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman pengawal selia, pembuat dasar, peserta industri dan ahli akademik Malaysia.

3

BAHAGIAN



BAHAGIAN

3

MENGUKUHKAN AKAUNTABILITI DALAM PASARAN

PENGENALAN

Usaha untuk menggalakkan budaya integriti dalam pasaran modal kekal sebagai satu keutamaan SC. Kami terus mengharapkan terus standard tadbir urus dan akauntabiliti yang tinggi dalam kalangan peserta pasaran untuk melindungi pelabur dan mengekalkan keyakinan pasaran.

Pada 2019, antara perkara yang diberi tumpuan adalah untuk melaksanakan langkah-langkah untuk mengukuhkan daya tahan syarikat tersenarai dan pengantara pasaran modal terhadap ancaman rasuah, sejajar dengan matlamat Pelan Antirasuah Nasional (2019-2023). Antara langkah yang diambil adalah pengenalan terhadap rangka kerja pencegahan rasuah yang kukuh sebagai keperluan bagi syarikat-syarikat tersenarai.

SC juga telah meningkatkan pendekatan penyeliaan dan pemantauan serta keupayaannya, khususnya sebagai respons kepada aset-aset digital yang semakin menonjol dan keperluan untuk memudahkan carakan pembangunan struktur pasaran inovatif.

MENGGALAKKAN PEMAKAIAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS KORPORAT

Memantau dan meningkatkan ketelusan ke atas pemakaian amalan terbaik tadbir urus korporat

SC mengeluarkan edisi pertama *Corporate Governance Monitor 2019* (Pemantauan Tadbir Urus Korporat SC 2019 – CG Monitor), yang dilancarkan oleh Menteri Kewangan, YB Tuan Lim Guan Eng (diwakili oleh Tony Pua, Setiausaha Politik) pada 6 Mei 2019. CG Monitor, yang merupakan penerbitan tahunan, membentangkan data dan perhatian SC berhubung dengan pemakaian *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia*, kualiti penzahiran dalam laporan tadbir urus korporat syarikat-syarikat tersenarai, dan semakan tematik terpilih sepanjang tahun berkenaan.

CG Monitor 2019 mengetengahkan tahap pemakaian positif hampir keseluruhan amalan terbaik MCGC dan mendapat bahawa amalan terbaik pada tahap pemakaian tertinggi adalah yang berkaitan dengan tanggungjawab lembaga

TAHUKAH ANDA?

CG Monitor 2019 juga memaparkan semakan tematik ke atas:

- Para pengarah bebas yang berkhidmat lama – dasar dan amalan mengenai tempoh perkhidmatan dan pelantikan semula;
- Kepelbagaian gender dalam lembaga pengarah dan pengurusan kanan; dan
- Imbuhan CEO 100 syarikat tersenarai teratas di Pasaran Utama Bursa Malaysia.

pengarah, jawatankuasa audit, serta rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Beberapa sorotan daripada CG Monitor dibentangkan dalam Rajah 1.

SC juga mendapat bahawa terdapat beberapa syarikat yang awal dalam penerimaan amalan yang baru diperkenalkan dalam MCGC seperti menyediakan penzahiran terperinci berhubung imbuhan pengurusan kanan dan penetapan had tempoh perkhidmatan selama sembilan tahun bagi pengarah bebas tanpa pelanjutan seterusnya.

PELANCARAN CORPORATE GOVERNANCE MONITOR 2019

6 MEI 2019



“

Pelancaran Corporate Governance Monitor hari ini menandakan pencapaian baharu dalam usaha SC memacu dan menggalakkan tadbir urus korporat yang baik. Laporan ini, yang merupakan hasil pengumpulan dan analisis data yang mendalam daripada laporan tadbir urus korporat, akan membolehkan SC memantau dan mengetengahkan kemajuan (atau kekurangan) tahun ke tahun dalam pemakaian amalan tadbir urus korporat dalam kod tadbir urus korporat dan kualiti penzahiran.

– Syed Zaid Albar, Pengurus, SC

”



Satu perbincangan panel telah dikendalikan oleh Julian Ng, BFM di mana perbincangan tertumpu kepada pemerhatian daripada *Corporate Governance Monitor 2019*. Ahli-ahli panel terdiri daripada:

- **Johan Mahmood Merican**, Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan
- **Ami Moris**, Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank, Kim Eng
- **Jamie Allen**, Ketua Setiausaha Pengasas, Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia


Rajah 1

Sorotan daripada CG Monitor 2019


Pemakaian MCCG



Kepelbagaian gender lembaga pengarah dan pengurusan kanan



Pengarah bebas yang berkhidmat lama



Grant Thornton, 2018

Imbuhan CEO

(100 syarikat tersenarai teratas)



KEUTAMAAN STRATEGIK TADBIR URUS SC (2017-2020)

KEMAJUAN PELAKSANAAN

SC terus melaksanakan inisiatif yang dikenal pasti di bawah Keutamaan Strategik Tadbir Urus Korporat SC 2017-2020 (Corporate Governance Strategic Priorities 2017-2020 – Keutamaan CG). Pada 2019, langkah-langkah telah diambil untuk pelaksanaan Keutamaan Strategik 1 – Meningkatkan Rangka Kerja Kawal Selia Tadbir Urus Korporat khususnya menyokong pelaksanaan berkesan tugas pengarah dan Keutamaan Strategik 2 – Memperkuuh Ekosistem Tadbir Korporat'. Kemas kini kemajuan pelaksanaan Keutamaan CG dinyatakan dalam rajah di bawah.

KEUTAMAAN STRATEGIK 1 – MENINGKATKAN RANGKA KERJA KAWAL SELIA TADBIR KORPORAT

Inisiatif strategik	Status
● Pendekatan strategik dan berbeza dalam <i>Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia</i> baru untuk pemasu penghayatan nilai-nilai tadbir urus korporat.	✓ Dimuktamadkan MCG dikeluarkan pada April 2017.
● Memperkenalkan garis panduan tadbir urus korporat kepada pengantara pasaran modal.	● Masih berterusan Inisiatif strategik ini akan dilaksanakan pada 2020/2021
● Meningkatkan rangka kerja pemantauan dan penguatkuasaan bagi pelanggaran tadbir urus korporat yang serius.	● Masih berterusan SC kini sedang membangunkan rangka kerja untuk menggalakkan pelaksanaan tugas pengarah. Inisiatif ini adalah antara langkah SC yang diluluskan oleh Jawatankuasa Khas Jemaah Menteri mengenai Pencegahan Rasuah yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad.

KEUTAMAAN STRATEGIK 2 – MENGUKUHKAN EKOSISTEM TADBIR URUS KORPORAT

● Menubuhkan Majlis Tadbir Urus Korporat (Majlis CG).	✓ Menepati sasaran Majlis CG akan mula menjalankan fungsinya pada Q1 2020.
● Menggalakkan aktivisme pemegang saham.	✓ Menepati sasaran SC telah membangunkan Senarai Semak Urus Tadbir Korporat (AGM) Mesyuarat Agung Tahunan (Senarai Semak) dengan kerjasama Majlis Pelabur Institusi dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti. Senarai Semak ini bertujuan untuk menggalakkan dialog yang bermakna antara pemegang saham dan lembaga pengarah di AGM, dan akan dikeluarkan pada Q1 2020.

KEUTAMAAN STRATEGIK 3 – MENGGALAKKAN LEBIH KEPELBAGAIAN GENDER DALAM LEMBAGA PENGARAH

● Mengadakan pembabitan bersama lembaga pengarah untuk mempercepat pemakaian kepelbagaian gender dalam lembaga pengarah.	● Masih berterusan Ini ialah usaha berterusan dan SC terus bekerjasama dengan pendukung utama seperti kelab 30% Malaysia.
--	--

KEUTAMAAN STRATEGIK 4 – MEMUPUK BUDAYA TADBIR URUS DARI PERINGKAT AWAL SYARIKAT DAN DALAM KALANGAN BELIA

● Membangunkan set rujukan/permulaan tadbir urus korporat bagi PKS	● Masih berterusan Inisiatif strategik akan dilaksanakan pada 2020.
● Memperkenalkan kurikulum tadbir urus korporat dalam pendidikan tinggi.	● Masih berterusan Inisiatif strategik akan dilaksanakan pada 2020.

KEUTAMAAN STRATEGIK 5 – MEMANFAATKAN TEKNOLOGI UNTUK MENINGKATKAN PEMANTAUAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT DAN AKTIVISME PEMEGANG SAHAM

● Manfaatkan teknologi melalui keupayaan analitik lanjutan untuk memantau dan mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam terhadap amalan tadbir urus korporat.	✓ Dimuktamadkan SC membangunkan sistem dalaman yang manfaatkan analitik lanjutan untuk menganalisis data kuantitatif dan kualitatif mengenai tadbir urus korporat.
● Memudah cara pengundian secara elektronik dan penyertaan pemegang saham di luar kawasan.	● Masih berterusan Inisiatif strategik ini akan dilaksanakan pada 2020/2021.

Inisiatif strategik adalah:

- ✓ **Dimuktamadkan** • • • Dimuktamadkan
- ✓ **Menepati sasaran** • • • Disasarkan untuk dimuktamadkan mengikut tarikh sasaran
- Masih berterusan** • • • Masih berterusan dan disasarkan untuk dimuktamadkan pada 2020/2021
- Ditangguhkan** • • • Ditangguhkan daripada sasaran tarikh pelaksanaan

Pemerhatian yang menggalakkan adalah bahawa antara syarikat yang awal yang menerima amalan tersebut merupakan syarikat permodalan pertengahan dan kecil¹.

Berikutnya penerbitan CG Monitor 2019, SC terus memerhatikan penerimaan menggalakkan terhadap amalan terbaik MCCG oleh syarikat tersenarai, termasuk peningkatan dalam penggunaan pendekatan pengundian dua peringkat² bagi pelantikan semula pengarah bebas dengan tempoh perkhidmatan melebihi 12 tahun.

Maklumat yang dibentangkan dalam CG Monitor akan membantu lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk menyemak amalan mereka dan melaksanakan inisiatif untuk menampung kekurangan yang dikenal pasti. Ia juga bertujuan untuk menyokong para pemegang saham dan pihak berkepentingan lain dalam menilai amalan tadbir urus korporat syarikat, dan melibatkan lembaga pengarah dan pengurusan dengan sewajarnya.

Memperkenalkan Pelaporan Ketelusan Tahunan bagi Firma Audit

Untuk menggalakkan akauntabiliti dalam kalangan firma audit dan menegakkan kualiti audit, pada 14

TAHUKAH ANDA?

Pelaporan ketelusan audit adalah diwajibkan selama dua tahun berturut-turut bagi firma audit yang memenuhi kriteria berikut pada penghujung tahun kalendar:

- Firma audit dengan lebih daripada 50 pelanggan audit entiti kepentingan awam (PIE); dan
- Jumlah permodalan pasaran pelanggan PIE firma audit adalah melebihi RM10 bilion.

Ogos 2019, Lembaga Pemantauan Audit (AOB) SC memperkenalkan keperluan bagi Pelaporan Ketelusan Tahunan ke atas firma audit yang berdaftar dengan AOB.

Di bawah keperluan tersebut, firma audit dikehendaki menzahirkan laporan ketelusan mereka, struktur perundungan dan tadbir urus firma audit, langkah-langkah yang diambil oleh firma untuk menegakkan kualiti audit dan mengurus risiko, serta maklumat mengenai pengukuran penunjuk firma bagi kualiti audit. Laporan ini menyediakan lembaga pengarah dan pemegang saham maklumat yang relevan untuk dipertimbangkan dalam penilaian dan pelantikan juruaudit.

MEMPERKUKUH DAYA TAHAN PASARAN MODAL TERHADAP AMALAN RASUAH

Salah satu keutamaan penting pada 2019 ialah pelaksanaan langkah-langkah pencegahan rasuah holistik bagi SC dan pasaran modal sejajar dengan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad pada 29 Januari 2019. NACP mengenal pasti enam keutamaan dan 115 inisiatif untuk memerangi rasuah. Ini termasuk mengukuhkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam dan menerapkan tadbir urus yang baik dalam entiti korporat.

Penubuhan Jawatankuasa Pencegahan Rasuah SC

Bagi memastikan inisiatif pencegahan rasuah negara dilaksanakan dengan cekap dan sistematik, Kerajaan telah menubuhkan struktur pentadbiran pencegahan rasuah pelbagai peringkat menerusi arahan oleh Pejabat Perdana Menteri pada 2018.

Di bawah arahan itu, semua kementerian dan institusi awam peringkat persekutuan dan negeri dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa

¹ Syarikat permodalan sederhana ialah syarikat dengan permodalan pasaran antara RM1 bilion dan RM2 bilion. Syarikat permodalan kecil adalah yang di bawah RM1 bilion.

² Rujuk kepada Amalan 4.2, MCCG untuk butiran mengenai pendekatan pengundian dua peringkat.

RANGKUMAN LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN RASUAH

SC PADA 2019

SC DAN BADAN SEKUTUNYA

APR

Penubuhan **Jawatankuasa
Pencegahan Rasuah SC**

NOV

Pengiktirafan kakitangan
kanan SC sebagai **Pegawai
Integriti Bertauliah**

BERTERUSAN

Pembangunan **Pelan
Pencegahan Rasuah
Organisasi SC**

SYARIKAT TERSENARAI DAN PENGANTARA PASARAN MODAL

MEI

Semakan terhadap dasar pencegahan rasuah syarikat tersenarai mendapat hanya **59% syarikat tersenarai** mempunyai dasar pencegahan rasuah.

JUL

Kelulusan pelan tindakan SC untuk menyokong NACP termasuk **mengukuhkan langkah-langkah pencegahan
rasuah** syarikat tersenarai oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR).

SEP

SC mengadakan sesi pembabitan bersama badan sekutunya mengenai keperluan di bawah NACP.

OKT

Sesi penggalakan mengenai peruntukan liabiliti korporat, dianjurkan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), yang membabitkan **hampir 600 wakil kanan** syarikat tersenarai dan pengantara pasaran modal.

DIS

Keperluan Penyenaraian dipinda yang menghendaki syarikat tersenarai mempunyai **dasar
pencegahan rasuah dan pemberian maklumat**, dan melaksanakan penilaian tahunan terhadap risiko rasuah.

Pencegahan Rasuah, yang akan dipengerusikan oleh ketua institusi masing-masing. Jawatankuasa Pencegahan Rasuah SC telah ditubuhkan pada 1 April 2019 untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan bagi mengukuhkan langkah tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah di SC. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengurus SC dan ahli-ahli yang terdiri daripada wakil-wakil daripada lembaga SC dan pengurusan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengawasi pelaksanaan inisiatif SC di bawah NACP.

Pembangunan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi SC

Inisiatif mandatori di bawah NACP adalah bagi semua institusi awam untuk membangunkan dan melaksanakan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi (OACP), yang merupakan dokumen dasar yang menangani isu tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah dalam sesebuah organisasi. SC menjalankan satu langkah perancangan untuk melaksanakan OACP, yang membawa kepada penubuhan Pasukan Pembangunan OACP pada November. OACP SC dijadual akan diadakan pada separuh tahun pertama 2020. SC juga akan menjalankan penilaian risiko rasuah dalaman dengan bantuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2020.

Inisiatif Pegawai Integriti Bertauliah

Inisiatif Pegawai Integriti Bertauliah (CeO) oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) merupakan satu inisiatif Kerajaan untuk menerapkan budaya integriti dalam sektor awam dan swasta di Malaysia. CeO ialah satu program untuk melatih pegawai kanan dari sektor awam dan swasta untuk memerangi rasuah dengan melaksanakan langkah tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah yang sesuai. Program ini

dipantau oleh Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB) yang dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPMR dan lima orang ahli, termasuk Pengurus SC, yang dilantik oleh Ketua Setiausaha Negara. Dua orang pegawai SC telah menamatkan program tersebut dan merupakan CeO berkelayakan.

Semakan dasar pencegahan rasuah syarikat tersenarai

Berikutnya peruntukan liabiliti korporat (seksyen 17A³) dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2020, SC telah menyemak pencegahan rasuah syarikat tersenarai.

Semakan tersebut mendapat hanya 59% syarikat tersenarai mempunyai dasar pencegahan rasuah, dan sebahagian besar dasar-dasar ini memerlukan penambahbaikan agar selaras dengan Garis Panduan Prosedur yang Mencukupi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

59%
syarikat tersenarai
yang mempunyai
langkah pencegahan
rasuah

Pengesahan langkah-langkah SC oleh JKKMAR, termasuk pengukuhan langkah pencegahan rasuah syarikat tersenarai

Hasil semakan SC mengenai dasar-dasar pencegahan rasuah syarikat tersenarai dan pelan tindakannya untuk menyokong NACP telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad pada Julai 2019. Sebagai sebahagian daripada pelan tindakan tersebut, SC meminda Keperluan Penyenaraian untuk mengukuhkan rangka kerja pencegahan rasuah semua syarikat tersenarai.

³ Seksyen 17A mengenakan liabiliti ke atas suatu organisasi komersial jika seseorang yang berkaitan dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberi, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang suapan sama ada untuk faedah itu atau orang lain dengan niat untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan untuk komersial organisasi atau untuk mendapatkan atau mengekalkan kelebihan dalam menjalankan perniagaan untuk organisasi komersial.

Pindaan ini menghendaki kesemua syarikat tersenarai mempunyai dasar dan prosedur mengenai pencegahan rasuah, dan merangkumi

risiko pencegahan rasuah dalam rangka kerja penilaian risiko tahunan syarikat.

Rajah 2

PELAN ANTI RASUAH NASIONAL (NACP) STRUKTUR TADBIR URUS



Sesi penggalakan mengenai peruntukan liabiliti korporat

SC bekerjasama dengan SPRM untuk menganjurkan tiga sesi kesedaran untuk para pengarah syarikat tersenarai dan pengantara pasaran modal. Sesi yang dihadiri hampir 600 peserta, membantu meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai kesan peruntukan liabiliti korporat tersebut.

MEMASTIKAN DAYA TAHAN PASARAN

Tahun ini bermula dengan kebimbangan mengenai kelembapan sekata dalam pertumbuhan global berikutan kemunculan semula ketegangan dagangan dan ketidakpastian mengenai kekalutan geopolitik. Pasaran, bagaimanapun, telah disokong oleh usaha pelonggaran melalui pengurangan kadar bank pusat untuk menyokong pertumbuhan. Begitu juga, pasaran modal Malaysia menyaksikan pergerakan yang mencerminkan sentimen sedemikian, di mana indeks ekuiti utama mengalami tekanan menurun yang berterusan apabila pertumbuhan pendapatan kekal tidak aktif sejajar dengan penurunan hasil bon.

Meskipun persekitaran global dan aktiviti pasaran domestik yang mencabar, pasaran modal Malaysia kekal berdaya tahan dan terus menyediakan pembiayaan bagi segmen penting dalam ekonomi domestik.

SC terus memperkuuh pemantauan dan pengawasannya terhadap mana-mana risiko baru muncul daripada ketidaktentuan yang memuncak. Ini adalah untuk mengesan dan menilai trend dan kerentanan yang muncul yang boleh menyumbang kepada peningkatan risiko sistemik.

Pada masa yang sama, SC menggunakan pakai pendekatan yang kukuh dan terkini bagi pengenalpastian, pemantauan, pengurangan dan pengurusan risiko sistemik. Sehubungan ini, di

samping mempunyai pendekatan bersepada melalui proses dan pengaturan yang formal, SC terus menyemak dan meningkatkan rangka kerja untuk memastikan kerelevan dan kecukupan. Kesinambungan perniagaan juga memainkan peranan penting dalam pengurusan risiko sistemik dalam SC, pasaran modal dan sistem kewangan yang lebih luas. Pada 2019, SC telah mengambil langkah seterusnya untuk memacu keupayaan dan kemampuan SC dan pasaran modal dalam menguruskan kerentanan bagi memastikan kesinambungan fungsi kritikal dan daya tahan operasi.

Pemantauan dan penilaian kerentanan dan risiko kepada kestabilan dalam pasaran modal

SC menjalankan pendekatan secara metodologi dan bersepada terhadap fungsi pemantauan dan penilaian risiko sistemiknya (Rajah 3). Struktur tadbir urus yang diwujudkan dalam bentuk Kumpulan Kerja Risiko Pasaran (MRWG) dan Jawatankuasa Pemantauan Risiko Sistemik (SROC) memastikan peningkatan yang seragam dan berstruktur bagi pemantauan dan penilaian risiko sistemik.

Tumpuan pada tahun 2019 adalah kepada pembangunan domestik dan luaran seperti ketegangan geopolitik dan dagangan, pelonggaran dasar monetari, dan kedudukan Malaysia dalam ekuiti global dan indeks pendapatan tetap yang berpotensi untuk memberi kesan kepada kestabilan pasaran modal domestik.

Wujudnya keterhubungan pasaran kewangan dan modal, SC secara aktif mengambil bahagian dalam pelbagai perbincangan pengawalseliaan bersama pihak berkuasa lain melalui kumpulan kerja gabungan-Kumpulan Fokus Risiko Makro bersama BNM, serta menjadi ahli Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Labuan IBFC. Perbincangan kawal selia ini telah dianjurkan bersama sepanjang tahun untuk mengenal pasti bidang risiko dalam pasaran kewangan dan modal di Malaysia.

Rajah 3

Penilaian ke atas pelbagai komponen pasaran modal

SEGMENT PASARAN MODAL	PENILAIAN
 Pasaran ekuiti dan infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> Kecairan domestic yang mencukupi untuk memudahkan aktiviti pelaburan yang cekap. Pemutus litar seluruh pasaran dan had harga ke atas ekuiti merupakan mekanisme pengurusan risiko untuk menangani ketidaktentuan pasaran yang berlebihan. Pada 2019, tiada pemutus litar pasaran dicetuskan. Dana Jaminan Penjelasan Sekuriti dan Derivatif tersedia untuk mengurus kemunculan mendadak tekanan pasaran.
 Pasaran bon	<ul style="list-style-type: none"> Hasil berkurangan sejajar dengan pasaran serantau yang lain di tengah-tengah persekitaran dasar monetari yang mereda. Risiko mungkir bon korporat kekal rendah dengan 0.39% daripada amaun belum tebus jatuh dalam kategori rentan.
 Syarikat awam tersenarai	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan korporat terus terkesan dengan persekitaran operasi yang mencabar di mana leveraj korporat meningkat disebabkan oleh pelaksanaan MFRS 16.
 Aliran pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Pelabur asing dengan peratusan pegangan saham dalam pasaran ekuiti jatuh sedikit di bawah purata 3 tahun di tengah-tengah aliran keluar bersih. Bagi pasaran bon, pegangan asing kekal stabil di tengah-tengah aliran masuk bersih tetapi dihadkan disebabkan terbitan yang telah matang.
 Pengurusan pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Pengurus dana telah mengambil langkah-langkah untuk mengurus risiko kecairan; iaitu rangka kerja pengurusan kecairan sebagai perlindungan terhadap apa-apa keadaan pasaran yang buruk. Tunai dan aset cair yang dipegang adalah mencukupi untuk memenuhi penebusan oleh pelabur.
 Pengantara pembrokeran	<ul style="list-style-type: none"> Broker saham mempunyai modal yang agak baik, disokong oleh penimbang kecairan yang mencukupi untuk menangai mana-mana kemungkinan berpotensi yang timbul ketika tekanan pasaran. Kedudukan semasa modal berdasarkan risiko kekal berada melebihi keperluan kewangan yang ditetapkan.

Menyedari betapa pentingnya kefahaman dan penilaian yang berhubung kait antara pelbagai pasaran dan peserta dalam sistem kewangan yang lebih luas, model ujian tekanan makro dalaman telah dibangunkan untuk menyediakan pemantauan yang lebih holistik dan melengkapai penilaian lain yang dijalankan oleh pengawal selia atau peserta pasaran yang berkaitan. SC juga mengadakan pembabitan bersama peserta pasaran dan pakar bidang untuk memperoleh pandangan dan kefahaman yang lebih baik mengenai trend dan risiko pasaran semasa dan baru muncul, dan untuk mengesahkan kerja penilaian risikonya.

Pelbagai komponen pasaran modal Malaysia terus berfungsi seperti biasa walaupun wujud rintangan dalaman dan luaran. Penilaian SC pada 2019 menunjukkan bahawa tiada kebimbangan langsung risiko utama sistemik utama berikutan keadaan pasaran, kecairan dan infrastruktur semasa.

Program Kesediaan Krisis

Program Kesiapsiagaan Krisis selama dua hari telah dianjurkan bersama dengan Toronto Centre (TC) untuk memperkuuh dan meningkatkan komunikasi

Ujian Tekanan Makro

SC mempunyai mandat yang jelas untuk memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik yang timbul daripada aktiviti dalam pasaran sekuriti dan derivatif seperti yang dinyatakan di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993* (SCMA) dan *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* (CMSA). Ini juga selaras dengan Prinsip 6 Objektif Pengawalseliaan Sekuriti IOSCO di mana sesebuah pengawal selia sekuriti bertanggungjawab untuk menyumbang kepada proses pemantauan, pengurangan dan pengurusan risiko sistemik.

Dalam hal ini, oleh kerana risiko kecairan skim pelaburan kolektif akan memberi kesan ke atas pelbagai segmen pasaran disebabkan peruntukan kepada pelbagai kelas aset, dana pelaburan telah dipilih sebagai segmen pertama untuk menjalani ujian tekanan makro. Untuk tujuan ujian ini, SC menjalankan ujian tekanan makro yang memberi tumpuan kepada risiko kecairan berbanding tekanan penebusan ke atas dana unit amanah dan dana borong (secara kolektif dirujuk sebagai ‘dana pelaburan’). Latihan ini tidak bermaksud untuk menggantikan ujian tekanan sedia ada yang dijalankan di peringkat portfolio oleh peserta pasaran. Sebaliknya, ia bertujuan untuk melengkapkan ujian tersebut dengan pemahaman menyeluruh terhadap seluruh sistem mengenai saluran penularan dan perincian kejutan yang berpotensi yang boleh menjelaskan kestabilan pasaran modal dan kesannya terhadap ekosistem kewangan secara keseluruhan.

Terdapat pelbagai pertimbangan yang dibuat terhadap reka bentuk senario, iaitu bilangan dan jenis faktor kejutan yang diguna pakai kepada portfolio pelaburan dan kaedah pencairan hipotesis yang akan digunakan oleh pengurus dana terhadap dana masing-masing. Ujian tekanan makro menggunakan analisis sensitiviti di mana hanya satu faktor kejutan daripada tekanan penebusan besar yang diguna pakai terhadap bahagian liabiliti dana tersebut iaitu tekanan penebusan. Tiga senario tekanan penebusan diguna pakai dalam ujian tekanan makro berdasarkan pola penebusan lalu.

Bagi meredakan tekanan penebusan, dua pendekatan pencairan biasa dipertimbangkan: dengan menjual pelaburan paling cair kepada yang paling kurang cair (kaedah pembubaran ‘waterfall’⁴ atau ‘horizontal slicing’⁵), atau dengan menjual pelaburan secara prorata (kaedah pencairan pro-rata atau ‘vertical slicing’). Selepas mempertimbangkan kebaikan dan keburukan kedua-dua pendekatan pencairan ini, telah diputuskan bahawa pendekatan ‘horizontal slicing’ adalah yang paling sesuai dan menepati objektif keseluruhan ujian tekanan makro ketika ini kerana ia membolehkan pemerhatian yang terperinci terhadap saluran penularan yang berpotensi dengan segmen pasaran kewangan lain, iaitu kesan penularan silang yang timbul daripada deposit dan penempatan pasaran wang dalam sektor perbankan, serta pendapatan tetap dan pelaburan ekuiti dalam pasaran modal.

Oleh kerana setiap dana pelaburan adalah unik, satu model dalaman telah dibangunkan bagi memastikan semua andaian dan metodologi pendasar boleh diguna pakai kepada sebilangan besar dana pelaburan sebelum keputusan diagregatkan di peringkat makro. Keputusan ujian tekanan makro menunjukkan bahawa dana pelaburan adalah berdaya tahan terhadap pelbagai tekanan penebusan yang diguna pakai dalam ujian ini dan kecairan dalam setiap dana adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan penebusan. Secara keseluruhan, terdapat kesan penularan yang minimum kepada segmen pasaran modal yang lain.

⁴ Liquidity Stress Tests for Investment Funds: A Practical Guide, IMF Working Paper, Oktober 2017.

⁵ Arora, Rohan, et al. Bond Funds and Fixed-Income Market Liquidity: A Stress Testing Approach, Laporan Teknikal No. 115, Bank Kanada, Ogos 2019.

dan kerja penyelarasan krisis dalaman dan luaran bagi memastikan kesiapsagaan terhadap apa-apa peristiwa yang tidak diingini yang boleh menjaskan pasaran modal.

Objektif utama program ini adalah untuk memastikan jabatan-jabatan yang berkaitan di SC berupaya menggunakan pakai aturan luar jangka organisasi dalam menangani risiko ketika berlaku krisis. Hasil yang diharapkan daripada simulasi ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya komunikasi tepat pada masanya dan berkesan, mengenal pasti penambahbaikan bagi rangka kerja pengurusan peristiwa sedia ada dan skop kawal selia serta mempertimbangkan kaedah untuk menangani kelemahan yang dikenal pasti daripada simulasi tersebut.

Prinsip Panduan mengenai Kesinambungan Perniagaan

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan SC untuk meningkatkan daya tahan sistemik pasaran modal, *Prinsip Panduan mengenai Kesinambungan Perniagaan (Guiding Principles on Business Continuity – Prinsip Panduan)* dikeluarkan pada Mei 2019.

Prinsip-prinsip tersebut yang menetapkan jangkaan SC terhadap pendekatan pengurusan kesinambungan perniagaan entiti pasaran modal untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan kritikal dan pemenuhan kewajiban perniagaan jika berlaku sebarang gangguan. Pendekatan pengurusan kesinambungan perniagaan yang komprehensif juga akan membantu mengurangkan sebarang kemungkinan implikasi risiko sistemik yang lebih meluas kepada pasaran modal, dengan mengambil kira landskap pasaran yang semakin berubah-ubah.

Prinsip-prinsip tersebut, yang dibangunkan melalui perundingan bersama pihak industri ini menekankan enam bidang fokus:

- Tanggungjawab lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam memastikan

protokol kesinambungan perniagaan yang kukuh dan berkesan;

- Kepentingan pengenapstian risiko khususnya risiko saling bergantungan dan penumpuan;
- Strategi pemulihan berasaskan risiko;
- Ujian tahunan protokol kesinambungan perniagaan;
- Prosedur pemakluman komprehensif dan pelan komunikasi sekiranya berlaku gangguan utama; dan
- Semakan berterusan mengenai pengaturan kesinambungan perniagaan.

Prinsip Panduan ini boleh diguna pakai bagi semua pengantara berlesen yang merangkumi entiti yang dikawal selia oleh SC sama ada melalui pelesenan, pemberian kebenaran, kelulusan atau pendaftaran seperti yang dikehendaki di bawah CMSA. Pada masa ini, entiti yang tidak termasuk adalah Cagamas, PLC dan institusi kewangan di bawah bidang kuasa BNM serta institusi kewangan yang didaftarkan di bawah Bahagian 1, Jadual 4 CMSA. Mana-mana institusi kewangan yang dilesenkan oleh SC juga masih tertakluk kepada keperluan prinsip-prinsip ini.

Pemantauan proaktif aktiviti korporat

SC terus menjalankan pengawasan melalui pemantauan aktif terhadap bidang risiko, urus niaga korporat, penzahiran dan pelaporan kewangan syarikat tersenarai bagi memastikan maklumat yang berkualiti tinggi, boleh dipercayai dan tepat disebarluaskan bagi pelabur untuk membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat.

Untuk mencapai objektif ini, di samping menjalankan pengumpulan risikan yang komprehensif, SC mengadakan pembabitan bersama syarikat tersenarai, juruaudit berkanun dan pihak berkepentingan yang berkaitan melalui mesyuarat dan surat pertanyaan. Langkah-langkah pengawasan proaktif ini membolehkan SC mengesan pelanggaran korporat dan kes-kes ketidakpatuhan terhadap standard perakaunan.

Bagi memastikan pengawasan terhadap syarikat tersenarai kekal mantap dan dinamik, SC terus mengukuhkan keberkesanan fungsi pengawasannya melalui kerjasama dengan pihak berkuasa lain, di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Di peringkat serantau, SC merupakan sebahagian daripada Kumpulan Pengawasan Penyata Kewangan (FSSG), yang terdiri daripada pengawal selia rakan sekerja di Asia. FSSG menganjurkan bengkel tahunan untuk berkongsi dan bertukar pengetahuan dan pengalaman kawal selia dalam bidang pelaporan kewangan korporat. Ini termasuk perbincangan tentang pemakaian dan pelaksanaan standard perakaunan serta cabaran kawal selia yang baru muncul yang dihadapi oleh bidang kuasa masing-masing. Pada 2019, SC menyertai bengkel tahunan ini yang dihoskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Thailand.

Memastikan pelaporan kewangan yang berkualiti

Pematuhan terhadap *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* (MFRS) adalah penting bagi syarikat tersenarai untuk menghasilkan maklumat kewangan berkualiti tinggi yang secara jujur mewakili kedudukan kewangan dan prestasi perniagaan mereka. Pada 2019, SC terus menyemak penyata kewangan syarikat tersenarai untuk mengesan sebarang ketidakpatuhan yang berpotensi terhadap MFRS. Tindakan kawal selia yang diambil pada 2019 terhadap pelanggaran korporat dan ketidakpatuhan terhadap standard perakaunan yang diluluskan dibentangkan dalam Rajah 4.

Untuk mewujudkan kesedaran dan mengurus potensi perubahan kini yang dibuat dalam *Keputusan Agenda tentang Pindahan dari Masa ke Masa Barang yang Dibina (IAS 23 Kos Pinjaman)* oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa, SC mengendalikan empat dialog yang dihadiri oleh 124 peserta dengan wakil-wakil

dari Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, syarikat tersenarai, juruaudit berkanun, penganalisis penyelidikan dan ahli perbankan.

Pemantauan melalui pendekatan penumpuan risiko

Memandangkan landskap pasaran modal yang pesat berubah, fungsi pengawasan SC melangkaui pemantauan meluas terhadap perkembangan syarikat-syarikat tersenarai. Ia merangkumi pendekatan tertumpu risiko melalui semakan tematik ke atas sektor tertentu, produk pasaran modal, pelaporan kewangan dan perolehan, serta kesan risiko global. Semakan tematik ini membolehkan SC mengenal pasti trend dan perkembangan serta risiko baru muncul dalam pasaran modal.

SC kerap menjalankan analisis perolehan terhadap semua syarikat tersenarai, yang merupakan asas bagi penilaian terperinci ke atas sektor tertentu untuk mengenal pasti faktor dalaman dan/atau luaran yang boleh menjelaskan syarikat tersenarai dalam sektor itu.

Pada 2019, trend menurun diperhatikan dalam perolehan syarikat tersenarai sektor hartanah sepanjang tempoh 2015-2018. Penilaian terperinci mengenai sektor hartanah menunjukkan perkara berikut:

- Kemerosotan nilai boleh terima dan inventori, dan hapus kira perbelanjaan pembangunan dalam beberapa syarikat tersenarai; dan
- Nisbah liputan faedah merosot walaupun tahap penggearan korporat yang konsisten.

Oleh itu, daya tahan syarikat tersenarai telah diuji di bawah beberapa senario tekanan. Hasil daripada ujian tekanan tersebut bagaimanapun menunjukkan bahawa keseluruhan risiko syarikat tersenarai dalam sektor ini boleh diurus. Rangkuman keseluruhan pelaksanaan tersebut dinyatakan dalam Rajah 5.

Rajah 4

TINDAKAN KAWAL SELIA TERHADAP PELANGGARAN KORPORAT DAN KETIDAKPATUHAN KEPADА PIWAIAN PERAKAUNAN YANG DILULUSKAN PADA 2019

JENIS-JENIS PELANGGARAN KORPORAT

- Menggunakan hasil yang dikumpulkan daripada penempatan tertutup bagi pembelian yang meragukan
- Membuat pembayaran kepada pembekal tanpa menerima barang
- Merekodkan baki tunai dan di bank palsu
- Subsidiari bertindak sebagai penjamin kepada pinjaman peribadi pengarah
- Mengemukakan dokumen palsu kepada pihak berkuasa kawal selia
- Mencatatkan secara palsu kerugian daripada inventori

TINDAKAN YANG DIAMBIL DAN HASIL



Mengesan isu yang membabitkan pelanggaran undang-undang sekuriti berjumlah **RM11.4 juta** untuk siasatan lanjut



Mengambil tindakan pentadbiran terhadap tiga syarikat tersenarai, dan 13 pengarah, bekas pengarah dan CFO



Mengeluarkan **empat surat amaran** kepada pengarah dan bekas pengarah

BIDANG KETIDAKPATUHAN TERHADAP PIWAIAN PERAKAUNAN YANG DILULUSKAN

- **PENAKSIRAN ROSOT NILAI**
Penaksiran rosot nilai ke atas loji dan peralatan tidak dilakukan
- **PENILAIAN INVENTORI**
Nilai bawaan inventori tidak ditaksir dengan wajar
- **PENZAHIRAN SEGMENT PENGOPERASIAN**
Angka pendapatan geografi yang dinyatakan secara salah
- **PENGIKTIRAFAN KEPADA PENGECUALIAN HUTANG**
Pengiktirafan kepada pengecualian hutang yang tidak tepat

TINDAKAN YANG DIAMBIL



Mengeluarkan surat penyeliaan kepada dua syarikat tersenarai dan lembaga pengaruhnya, serta lima pengarah

Rajah 5

SEMAKAN TEMATIK KE ATAS SYARIKAT TERSENARAI DALAM SEKTOR HARTANAH



SKOP SEMAKAN

Ini tertumpu kepada syarikat dalam sektor hartanah. Bidang semakan termasuk analisis perolehan dan menilai penggearan dan nisbah liputan faedah syarikat tersenarai tersebut.



PEMERHATIAN

- Trend menurun dalam perolehan syarikat tersenarai dalam sektor hartanah. Faktor utama yang dikenal pasti yang memberi kesan kepada perolehan syarikat tersenarai adalah:
 - Rosot nilai belum terima dan inventori
 - Hapus kira perbelanjaan pembangunan
- Nisbah lindungan faedah yang merosot walaupun penggearan perolehan korporat yang konsisten, yang mencetuskan pelaksanaan ujian tekanan.



UJIAN TEKANAN

Menggunakan kewangan yang diunjurkan sepanjang empat tahun dari segi pendapatan, keuntungan kasar dan perolehan berbanding pertumbuhan keluaran dalam negara kasar nominal dan jualan hartanah.

SENARIO TEKANAN I

GDP nominal diandaikan menurun pada awalnya sebanyak 8%, disusuli oleh kenaikan semula yang kukuh sebanyak 12% pada 2020, sebelum kembali normal ke arah paras asas menjelang 2022.

SENARIO TEKANAN II

GDP nominal diandaikan menurun pada awalnya sebanyak 8%, disusuli oleh tempoh pertumbuhan agak mendatar yang panjang (0%) pada 2020 dan 2021, sebelum pemulihan semula sedikit sahaja sebanyak 2.0% pada 2022.



PEMERHATIAN

Hasil ujian tekanan mendapati bahawa risiko keseluruhan syarikat tersenarai dalam sektor hartanah boleh diurus.

Meningkatkan ketahanan siber

SC menyedari peri pentingnya ketahanan siber bagi pasaran modal memandangkan ancaman siber yang berkembang dalam pasaran kewangan di seluruh dunia. Meningkatkan pengurusan risiko siber adalah kritikal memandangkan kepelbagaiannya peserta dalam pasaran modal.

SC menjalankan semakan tematik dan simulasi siber pada 2019 untuk menilai kemampuan peserta pasaran yang terpilih (Rajah 6).

Simulasi Siber Pasaran Modal

Bagi latihan simulasi siber pasaran modal seluruh sektor pada 2019, pelbagai senario telah disimulasikan untuk memastikan protokol respons insiden dalam peserta mampu menangani insiden siber dan mengekalkan pasaran yang teratur. Hasil daripada latihan simulasi siber tersebut menunjukkan penambahbaikan sebanyak 12% berbanding pada 2018 meskipun meningkatnya kesukaran dalam senario penilaian.

Sesetengah peserta telah memperlihatkan kemahiran dalam tahap ketahanan siber mereka dan lebih bersedia apabila berlakunya serangan siber.

Kelemahan yang dikenal pasti menghendaki peserta memberi perhatian dan ketekunan wajar

untuk menguahkan keselamatan siber mereka. Simulasi ini juga meningkatkan interaksi antara entiti pasaran modal dengan SC dan Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan (NACSA) untuk menyelaras respons dan berkongsi maklumat mengenai pengendalian insiden siber.

Rajah 6

PENILAIAN TEMATIK KE ATAS PENGANTARA DAN SEMAKAN KE ATAS PENGURUSAN RISIKO OLEH PENYEDIA PERKHIDMATAN TEKNOLOGI

LATAR BELAKANG

SC menjalankan siri penilaian ke atas peserta pasaran modal terpilih yang berprofil risiko teknologi tinggi dan siber untuk menilai pematuhan mereka terhadap *Garis Panduan Risiko Siber SC*.

Penilaian telah dijalankan oleh SC mengenai keberkesanan penyumberan luar kepada penyedia perkhidmatan teknologi susulan penggunaan penyedia perkhidmatan pihak ketiga dalam operasi pasaran teras menjadi amalan biasa disebabkan manfaat kos dan kecekapan.



PEMERHATIAN

Terdapat beberapa bidang untuk penambahbaikan bagi meningkatkan daya tahan siber termasuk keperluan terhadap akauntabiliti yang lebih besar oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan berhubung pengurusan sistem teknologi serta memastikan kesejajaran amalan dengan dasar dan prosedur yang ada.

Mengenai teknologi penyumberan luar kepada penyedia perkhidmatan, walaupun SC mendapati bahawa terdapat peningkatan struktur tadbir urus dan proses teknologi pihak ketiga, pengawasan terhadap pengukuran prestasi perlu ditingkatkan untuk disejajarkan dengan persetujuan tahap perkhidmatan.



HASIL

Firma hendaklah menjalankan proses penambahbaikan yang berterusan bagi memastikan keberkesanan daya tahan siber mereka. Sebagai contoh, firma boleh memanfaatkan pemerhatian barisan pertahanan ketiga yang efektif iaitu audit dalaman untuk menguruskan apa-apa kelemahan untuk penambahbaikan.

Kumpulan Kerja Risiko Siber

Kumpulan Kerja Risiko Siber (CRWG) bermesyuarat pada setiap suku tahun sejak Mac 2018 untuk mendapatkan gambaran mengenai landskap makro risiko siber dan untuk meningkatkan kesedaran siber bagi langkah perlindungan dan pencegahan (Rajah 7). Dengan berkembangnya pasaran modal dalam persekitaran siber, jenis dan skala risiko pendasar siber berkembang pesat. Faktor penyumbang utama termasuk perubahan sifat teknologi, penggunaan teknologi kewangan yang semakin meningkat, tempoh masa yang agresif untuk melancarkan perkhidmatan kewangan elektronik serta meningkatnya peranan pembekal perkhidmatan fintech dan teknologi, di mana sesetengahnya beroperasi di luar bidang kawal selia SC.

Dengan kemajuan pasaran modal disertai oleh peserta baharu yang menggunakan teknologi dalam operasi perniagaan teras mereka, terdapat kepentingan yang semakin meningkat bagi firma sedia ada dan fintech untuk mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko siber yang mantap demi ketahanan keselamatan siber serta protokol perlindungan data yang lebih baik untuk mencegah pencerobohan keselamatan data. SC juga memberi penekanan ke atas perkongsian maklumat yang berkesan dan pelaporan insiden yang tepat pada masanya oleh pengantara bagi mengukuhkan keupayaan mereka untuk mengawasi pengurusan risiko siber dan menyediakan maklumat kritikal untuk memantau tahap tindak balas industri.

Rajah 7

HASIL KUMPULAN KERJA RISIKO SIBER

Mewujudkan platform industri untuk mengetengahkan dan membincangkan isu-isu siber

Meningkatkan kesedaran keselamatan siber secara berterusan

Kefahaman jelas mengenai perspektif global ke atas risiko siber dan implikasinya terhadap industri

Saluran perkongsian maklumat dalam kalangan ahli mengenai pengalaman dan teknik masing-masing

MEMPERKUKUH TATALAKU DAGANGAN DAN TADBIR URUS DALAM KALANGAN PESERTA PASARAN

Mengekalkan integriti pasaran dan memudahcarakan kerancakan pasaran

SC berusaha untuk menyeimbangkan antara usaha memudahcarakan pasaran yang rancak dan keperluan mengekalkan integriti pasaran. Oleh itu, SC mengambil kira kepelbagaiannya dalam amalan dan strategi dagangan ketika menganalisis tatalaku dagangan. Sebagai sebahagian daripada pengawasan proaktif, SC mengadakan penglibatan secara kerap bersama pengawal selia barisan untuk memastikan bahawa tindak balas kawal selia sepadan dengan risiko dan keseriusaan ketaknormalan dagangan yang dikesan.

SC kekal berwaspada dalam menangani masalah luar aturan dagangan yang boleh menimbulkan risiko terhadap integriti pasaran modal. Langkah-langkah pemantauan dilaksanakan dengan kerjasama Bursa Malaysia untuk meningkatkan tahap akauntabiliti dalam kalangan pengantara dengan memaklumkan standard tatalaku dan tadbir urus yang diharapkan daripada mereka.

Langkah-langkah ini termasuk sesi pembabitan bersama dan komunikasi untuk meningkatkan kesedaran tentang risiko baru muncul dan trend pasaran, serta untuk membimbing dan memudahcarakan pengantara dalam memastikan

tatalaku dagangan yang teratur dan menjalankan tanggungjawab kawal seliaan sendiri.

Mengesan salah guna pasaran dan tatalaku dagangan lain yang meragukan

Pada 2019, SC mengesan beberapa kes salah laku pasaran serius yang membabitkan kemungkinan manipulasi pasaran saham, dagangan orang dalam, penipuan sekuriti dan front running. Kes-kes ini telah diajukan bagi siasatan lanjut dijalankan.

SC juga mendapati tatalaku dagangan yang meragukan yang berada di luar kawalan dan standard pemantauan yang diharapkan daripada pengantara. Urus niaga tertentu yang dilakukan oleh pengantara, walaupun tampak baiak, kemudiannya didapati berkait dengan skim pelaburan haram yang dikendalikan oleh pelanggan. Pemerhatian pemantauan sering dikongsi dengan pihak berkepentingan dalaman untuk memudahcarakan usaha penyeliaan SC dalam memperkuuhkan standard tadbir urus dan akauntabiliti pengantara. Kerjasama fungsian silang di SC telah membawa kepada penumpuan bidang-bidang kepentingan kawal selia bersama, yang seterusnya, membolehkan SC menangani isu-isu keimbangan secara holistik.

Menangani risiko yang timbul daripada dagangan internet dan berautomasi

Pada 2019, SC terus melaksanakan langkah-langkah pemantauan proaktif bagi mengekang ketaknormalan dagangan yang disebabkan oleh dagangan berautomasi. Ini membolehkan SC memastikan bahawa amalan dagangan yang tidak diingini ini dibendung pada peringkat awal.

Untuk melengkapai langkah-langkah proaktif SC, semakan tematik telah dijalankan oleh pengawal barisan hadapan terhadap pemantauan dagangan berautomasi pengantara. Semakan tersebut meliputi bidang-bidang seperti kerangka kawalan risiko, tadbir urus dan pematuhan serta penyeliaan

bahagian urusan utama pengantara berhubung dagangan elektronik. Pemerhatian tersebut mendedahkan standard yang berbeza dalam kefahaman dan pengurusan risiko pengantara yang berkaitan dengan dagangan automatik. Pemerhatian semakan ini telah dikongsi bersama dengan pengantara terlibat untuk memudahkan kerja penambahbaikan terhadap kawalan masing-masing dan pemantauan berterusan berhubung dagangan berautomasi oleh pelanggan mereka.

Pengawasan pantauan terhadap Bursa Aset Digital

Susulan pendaftaran tiga bursa sebagai Pengendali Pasaran yang Diiktiraf (RMO) untuk mengendalikan Bursa Aset Digital (DAX) di Malaysia, SC telah meningkatkan proses pemantauannya untuk memastikan pengawasan yang berkesan terhadap DAX dan aktiviti dagangan yang dijalankan melalui platform mereka.

DAX bertanggungjawab untuk memastikan bahawa platform mereka beroperasi secara adil, teratur dan telus. Sebagai RMO, mereka juga diharapkan untuk menjalankan pemantauan pasaran masa nyata dan menyediakan langkah yang mencukupi untuk menghalang dan mengesan aktiviti dagangan manipulatif melalui platform mereka.

Sebagai sebahagian daripada pengawasan SC terhadap DAX, ia sentiasa menjalankan sesi pembabitan bersama mereka untuk memastikan fungsi pemantauan masa nyata dilaksanakan dengan berkesan. SC juga akan memberi tumpuan kepada analisis pascadagangan terhadap salah laku dagangan yang mungkin melanggar undang-undang sekuriti seperti dagangan palsu dan manipulasi pasaran.

Pada 2019, SC memulakan inisiatif untuk memanfaatkan lagi penggunaan teknologi dalam menjalankan fungsi pemantauan pasarannya. Pelaburan dibuat dalam peningkatan sistem. SC juga meneliti potensi pemerolehan atau pembangunan instrumen analitik baharu untuk memudahcarakan pengawasannya terhadap DAX dan analisis dagangan aset digital yang dikawal selia.

Kajian Pasaran Mengenai Individu Berlesen dan Berdaftar

SC telah menjalankan kajian pasaran mengenai salah laku oleh Individu Berlesen dan Berdaftar pada November 2019. Analisis kuantitatif yang ketat telah dijalankan ke atas 30,000 poin data sepanjang tempoh lebih sembilan tahun. Kajian pasaran ini telah mengetengahkan pandangan mengenai trend salah laku pasaran di Malaysia. Pemerhatian ini digunakan untuk menyokong kerja-kerja pembuatan dasar kawal selia dan tingkah laku ekonomi. Ia telah dijalankan sejajar dengan Rangka Kerja Dasar Kawal Selia Berasaskan Bukti SC.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada tindakan pentadbiran dan penyeliaan (tidak termasuk kes sivil dan jenayah) antara 2010 hingga 2018, terdapat 498 individu yang disyaki terlibat dalam salah laku (Individu Didakwa) dalam 561 kes. Kebanyakan Individu Didakwa terdiri daripada lelaki (56%), kurang berpengalaman (40% mempunyai kurang daripada 5 tahun pengalaman industri) dan berusia antara 30 - 49 tahun (55% daripada suspek).

Analisis selanjutnya menunjukkan bahawa Prinsipal yang lebih besar, dengan bahagian pasaran mereka yang lebih besar dan asas Individu Berlesen dan Berdaftar yang lebih besar, pada umumnya mempunyai lebih ramai Individu Didakwa. Walau bagaimanapun, apabila asas Individu Berlesen dan Berdaftar diukur, Prinsipal yang lebih kecil didapati mempunyai kadar bilangan yang lebih tinggi yang disyaki terlibat dalam salah laku pasaran. Ini menunjukkan bahawa masih ada lagi ruang untuk mengukuhkan disiplin diri, terutamanya dalam kalangan Prinsipal yang lebih kecil.

Secara keseluruhan, 498 Individu Didakwa ini mewakili kurang daripada 1% daripada bilangan Individu Berlesen dan Berdaftar, menunjukkan bahawa kes salah laku pasaran di Malaysia masih berlaku dan secara keseluruhan, tahap pematuhan dalam industri ini kekal kukuh.

Terdapat 19 jenis salah laku yang dikenal pasti dan dibahagikan kepada lima kategori utama berikut:

- Dagangan dan pelaburan yang tidak dibenarkan;
- Penyalahgunaan maklumat dan/atau wang pelanggan;
- Salah nyata kepada pelanggan atau amalan jualan yang tidak wajar;
- Dagangan palsu/manipulasi pasaran/dagangan orang dalam; dan
- Lain-lain (termasuk konflik kepentingan, kegagalan untuk menjalankan ketekunan wajar pelanggan / KYC, kegagalan untuk mengaku sebagai bankrap, dsb.).


Trend menunjukkan bahawa kes salah laku pasaran telah berkurangan dalam beberapa tahun kebelakangan ini selepas trendnya meningkat antara 2012 dan 2016. Terdapat trend bercampur-campur antara pelbagai jenis salah laku, menunjukkan bahawa tidak ada bukti risiko kawal selia yang bersistematis daripada jenis salah laku tertentu.

Kajian Pasaran Mengenai Individu Berlesen dan Berdaftar

(Sambungan)

Carta 1

Bilangan Individu Didakwa mengikut tahun, 2010-2018



Salah laku pasaran telah menjaskan 502 pelabur, mengakibatkan anggaran kerugian keseluruhan sebanyak RM54 juta atau kira-kira RM108,000 bagi setiap pelabur yang terbabit. Ini adalah kira-kira 1.7 kali pendapatan tahunan median Malaysia sebanyak RM62,736 (berdasarkan data 2016 Jabatan Perangkaan Malaysia). Oleh itu, walaupun data menunjukkan bahawa kes salah laku pasaran mungkin masih berlaku, kesan negatifnya terhadap kepada pelabur yang terbabit boleh menjadi sangat besar.

Sebagai tindak balas terhadap salah laku pasaran ini, pihak berkuasa yang berkaitan termasuk SC, Bursa Malaysia, FIMM dan SIDREC setakat ini mengenakan denda monetari dan penalti berjumlah RM22 juta. Sebagai tambahan kepada denda dan penalti monetari, pihak berkuasa juga mengambil tindakan kawal selia yang lain terhadap Individu Berlesen dan Berdaftar yang didapati bersalah atas salah laku pasaran. Penalti bukan monetari, antara lain, mengeluarkan arahan/surat amaran, penggantungan/ embatalan lesen dan celaan. Sesetengah kes masih dalam siasatan dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Bukti menunjukkan bahawa tindakan disiplin kawal selia adalah penting untuk mengukuhkan integriti pasaran. Hanya 4% Individu Didakwa merupakan pesalah berulang, menunjukkan bahawa sekatan oleh pihak berkuasa adalah berkesan dalam mencegah salah laku pada masa hadapan.

Memelihara integriti pasaran adalah tanggungjawab bersama semua pihak berkepentingan dalam ekosistem pasaran modal. Sebagai tambahan kepada tindakan kawal selia oleh pihak berkuasa, kajian pasaran menunjukkan bahawa para Prinsipal memainkan peranan penting dalam meningkatkan disiplin peringkat syarikat. Prinsipal dan pengurusan kanan hendaklah tetap berwaspada terhadap salah laku yang berpotensi dan meningkatkan usaha penyeliaan mereka terhadap Individu Berlesen dan Berdaftar dengan menetapkan budaya pematuhan yang kukuh dan disiplin diri.

MEMPERKUKUH TATALAKU DAN TADBIR URUS PENGANTARA

Strategi pengawasan

SC mengguna pakai pendekatan berpandangan ke hadapan dan bertumpu risiko terhadap pengawasan dengan penekanan kepada budaya dan tatalaku. Strategi ini bermatlamat ke arah memastikan bahawa pengantara mempunyai budaya pematuhan dan rangka kerja tadbir urus yang betul untuk meningkatkan tatalaku dan tadbir urus korporat yang bertanggungjawab.

Sehubungan ini, SC mengembangkan skop mandat pengawasan pengantaranya melangkau dalam memastikan kemantapan dan pematuhan kehematan mikro yang merangkumi penilaian kekuahan tadbir urus, pengawasan dan fungsi risiko pengantara. Pendekatan ini membantu bagi memastikan bahawa pengantara mempunyai pengawasan yang mencukupi dan berkesan terhadap elemen risiko kritikal dan memastikan bahawa asas-asas risiko pengantara diiktiraf sebagai kepentingan strategik dalam operasinya.

Memanfaatkan rangka kerja analitik data bersepada untuk mengukuhkan pengawasan seliaan

SC telah memperkuhukan lagi pengumpulan data dan metodologi penilaianya menerusi penggunaan rangka kerja analitik data bersepada. Maklumat ini membolehkan SC untuk mengemas kini profil risiko pengantara, menentukan program pemeriksaan yang sesuai dan menetapkan keutamaan penyeliaannya.

Rangka kerja ini juga telah menghasilkan peningkatan kualiti pengenalpastian risiko dan penaksiran risiko dalam memantau trend lampau dan mengesan ketidakpatuhan kawal selia oleh pengantara.

Pematuhan terhadap keperluan pencegahan pengubahan wang haram / pembiayaan keganasan/pencegahan percambahan (AML/CFT/CPF)

Berikutcadangan⁶ yang dikemas kini yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF) mengenai aset maya (VA), pembekal perkhidmatan aset maya (VASP) dan Penilaian Tindakan Susulan (FUA) yang akan datang berkenaan pematuhan Malaysia terhadap cadangan FATF, SC komited untuk meningkatkan pengawasannya terhadap peserta dan aktiviti baharu, dan meningkatkan standard pematuhan institusi pelapor. SC akan menyediakan panduan lanjut dan mengatur program kesedaran berterusan yang memberi tumpuan kepada bidang penambahbaikan di bawah penilaian, termasuk pengawasan dan pematuhan terhadap keperluan pencegahan pembiayaan percambahan (CPF).

TAHUKAH ANDA?

Semakan tematik SC pada 2019 bertumpu kepada peningkatan keperluan pembiayaan untuk pengantara pasaran modal, standard tugas fidusiaris dan tanggungjawab pemegang amanah bon, kawalan oleh syarikat pengurusan dana (FMC) untuk mengelakkan penyalahgunaan maklumat bukan awam (MNPI) material, dan tindakan susulan daripada semakan 2018 ke atas pengurusan risiko kecairan.

Panduan dan kesedaran berterusan mengenai keperluan AML/CFT/CPF

Susulan semakan tematik SC terhadap pematuhan pengantara pasaran kepada *Guidelines on Implementation of Targeted Financial Sanctions Relating to Proliferation Financing for Capital Market Intermediaries* (Garis Panduan TFS-PF), SC mengeluarkan Panduan Mudah TFS-PF (Panduan Mudah) pada 29 Oktober 2019 untuk

⁶ International Standards on Combatting Money Laundering and the Financing of Terrorism and Proliferation.

memudahcarakan pemahaman dan kepatuhan terhadap keperluan pembiayaan percambahan dalam kalangan pengantara pasaran. Panduan Mudah tersebut menyediakan ringkasan mengenai kewajipan di bawah Garis Panduan TFS-PF dan kajian kes. Butiran mengenai semakan tematik disediakan dalam Rajah 9.

SC turut mengadakan pelbagai pembabitan bersama pengantara pasaran termasuk pengendali ECF dan P2P untuk mengukuhkan kefahaman mereka mengenai keperluan AML/CFT/CPF.

Di samping itu, SC terus mengukuhkan keupayaan penyeliaannya yang berkaitan dengan pembiayaan percambahan dengan mengadakan pembabitan bersama wakil-wakil dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Luar Negeri untuk latihan mengenai perkara-perkara di bawah *Akta Perdagangan Strategik 2010* dan sekatan Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung pembiayaan percambahan.

Kemasukan institusi pelapor baharu di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001


Kebangkitan fintech dan pendigitalan telah membawa kepada kemunculan peserta dan aktiviti baharu dalam pasaran modal termasuk ECF, Pembiayaan P2P, PCF dan DAX. Memandangkan uniknya risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang berpotensi timbul daripada oleh aktiviti-aktiviti dan pesertanya, SC terus mengukuhkan rangka kerja kawal pengubahan wang haram, pencegahan pembiayaan keganasan dan pencegahan pembiayaan percambahan (AML / CFT / CPF) untuk mengesan dan mencegah wang yang berpotensi pencucian, pembiayaan keganasan dan aktiviti pembiayaan percambahan di Malaysia.

Berikut Cadangan 15⁷ daripada Cadangan 2012 FATF yang disemak semula berkaitan dengan teknologi baharu, VA dan VASP, SC serta BNM menyemak Jadual Pertama Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATPUAA) untuk memperluaskan senarai institusi pelapor dalam pasaran modal dengan menambah peserta dan aktiviti baharu ini. Pengantara pasaran baharu ini dijangka menjadi institusi pelapor penuh di bawah AMLATPUAA dan dikehendaki mematuhi *Guidelines on the Prevention of Money Laundering and Terrorism Financing for Capital Market Intermediaries* SC setelah selesai kajian semula ini pada awal 2020.

Penilaian penyeliaan dan semakan tematik

Pada 2019, sejumlah 213 penilaian dijalankan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8. Ini terdiri daripada 36 penilaian berstruktur dan 157 penilaian tematik melibatkan 129 pengantara ke atas bidang

Rajah 8



⁷ Cadangan 15 - Negara dan institusi kewangan perlu mengenal pasti dan menilai risiko pengubahan wang haram/ pembiayaan keganasan yang mungkin timbul berhubung pembangunan produk dan amalan perniagaan baharu, termasuk mekanisme penyampaian baharu, dan penggunaan atau pembangunan teknologi baharu atau membangun bagi produk baharu dan yang sedia ada. Negara-negara hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengurus dan mengurangkan risiko termasuk memastikan penyedia perkhidmatan aset maya dikawal selia bagi tujuan AML/CFT, serta dilesenkan atau didaftarkan dan tertakluk kepada sistem yang berkesan bagi pemantauan dan memastikan pematuhan terhadap langkah-langkah yang relevan seperti yang dinyatakan dalam Cadangan FATF.

risiko yang dikenal pasti. Semakan tematik biasanya digunakan setelah pengenalan pastian trend silang sektor, risiko dan kelemahan dalam pematuhan yang memerlukan tindakan kawal selia segera. Di samping itu, SC menjalankan 20 penilaian bersebab susulan aduan dan rujukan yang diterima berkenaan salah laku. Tujuan penilaian ini adalah untuk membolehkan intervensi yang lancar diambil dalam mengenal pasti punca sebenar atau kegagalan kawalan pengantara.

Rajah 9

SEMAKAN TEMATIK TERHADAP KEPERLUAN PEMBIAYAAN PERCAMBAHAN BAGI PENGANTARA PASARAN MODAL

LATAR BELAKANG

SC mengeluarkan TFS-PF Guidelines pada 6 April 2018.

Pada 9 Julai 2019, Soal Selidik TFS-PF dikeluarkan kepada semua 118 RI untuk menilai kefahaman dan kepatuhan mereka terhadap keperluan TFS-PF. Satu siri pembabitan berkumpulan telah diadakan bersama RI untuk meningkatkan kefahaman mereka mengenai perkara tersebut.

SC juga telah menjalankan penilaian di tempat operasi ke atas RI terpilih, untuk menyemak pelaksanaan keperluan TFS-PF oleh pengantara.

Semakan Tematik

Pembentangan Percambahan

SC telah menjalankan semakan menyeluruh ke atas pengantara pasaran terpilih dengan tujuan untuk menilai tahap pematuhan pengantara terhadap Garis Panduan TFS-PF. Pelbagai instrumen penyeliaan yang termasuk penilaian di tempat operasi dan analisis respon soal selidik Institusi Pelopor (RI)⁸ telah digunakan untuk semakan tersebut.



PEMERHATIAN

- Kebanyakan RI mempunyai kefahaman yang mencukupi tentang obligasi mereka di bawah rejim pengenaan sekatan.
- RI telah menyediakan proses tadbir urus untuk lembaga pengarah dan pengurusan kanan masing-masing untuk menerangkan dengan mencukupi risiko PF yang berkaitan dengan perniagaan mereka;
- RI telah mewujudkan dasar dan prosedur untuk melaksanakan keperluan TFS-PF, termasuk:
 - Proses untuk mengemas kini pangkalan data senarai sekatan dan menjalankan penyaringan berterusan;
 - Latihan kakitangan mengenai perubahan kawal selia; dan
 - Menjalankan ujian audit dan pematuhan yang kerap terhadap kawalan berkaitan sekatan utama.
- RI yang lebih besar menggunakan beberapa tahap proses pengautomasi untuk menjalankan penyaringan sekatan manakala proses kebanyakannya adalah manual untuk RI yang lebih kecil.



HASIL PENYELIAAN

RI perlu mengukuhkan pelaksanaan keperluan TFS-PF, termasuk memastikan dokumentasi yang berkesan bagi justifikasi untuk melupuskan pemanadan nama yang berpotensi, jika ada.

⁸ Institusi Pelopor bermaksud individu yang menjalankan aktiviti yang dikawal di bawah CMSA seperti yang dinyatakan di bawah Jadual Pertama AMLATFAPUAA.

Rajah 10

RANGKUMAN OBLIGASI TFS-PF MENGENAI INSTITUSI PELAPOR



MENGEKALKAN SENARAI SEKATAN TERKINI

RI hendaklah mengekalkan senarai individu yang ditetapkan dalam TFS-PF seperti yang terkandung dalam Senarai Gabungan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Senarai tersebut hendaklah sentiasa dikemas kini, dan digunakan tanpa tangguh.

Pangkalan data disediakan oleh RI (sama ada dihasilkan di peringkat dalaman atau bersumberkan vendor luar).



SARINGAN TERHADAP SENARAI SEKATAN

Senarai sekatan hendaklah digunakan untuk menyaring pelanggan berpotensi/baharu dan sedia ada.

Saringan terhadap penetapan status pengganas dan sekatan semasa hendaklah dijalankan:

(a) ketika jalinan hubungan perniagaan diadakan; dan

(b) kemudiannya terhadap mana-mana berita atau penetapan yang terkini (tanpa penangguhan).

Fungsi penyaringan boleh dijalankan secara manual atau melalui kemudahan pemeriksaan sekatan kewangan berautomasi.



MEMBEKU/ MENGHALANG/ MENOLAK

Pelanggan sedia ada

Sekiranya identiti sepadan dengan individu yang ditetapkan, pengantara hendaklah membekukan dana, hartaanah atau akaun pelanggan tersebut.

Pelangan berpotensi atau baharu

Sekiranya identiti sepadan dengan individu yang ditetapkan, pengantara hendaklah menolak pelanggan itu jika urus niaga belum bermula.



KEPERLUAN UNTUK MELAPOR

Untuk melapor kepada SC dengan segera apa-apa tindakan pembekuan, penyekatan atau penolakan yang diambil, dana pa-apa perubahan kepada aset yang dibekukan sebelum 31 Januari dalam tahun calendar berikutnya.

Untuk mengemukakan Laporan Urus Niaga Mencurigakan kepada Jabatan Perisikan Penguatkuasaan BNM

- Padanan nama yang positif yang timbul daripada saringan berterusan ke atas pangkalan data pelanggan; dan
- Mana-mana cubaan urus niaga oleh mana-mana individu yang ditetapkan atau pihak yang berkaitan dengannya.

Semakan tematik terhadap pemegang amanah bon

Pemegang amanah bon merupakan sebahagian penting daripada ekosistem pasaran bon dan memainkan peranan kritikal dalam melindungi dan mendukung kepentingan dan hak pemegang bon. Semakan tematik telah dijalankan ke atas pemegang amanah bon yang dikenal pasti, dengan tujuan menilai standard tugas dan tanggungjawab fidusiari mereka.

Semakan ini memberi tumpuan kepada bidang-bidang berikut:

- Tugas fidusiari** – penilaian terhadap obligasi tatalaku berterusan para pemegang amanah dalam melaksanakan tugas mereka;
- Tadbir urus** – kecukupan struktur semasa bagi memastikan proses tadbir urus yang diperlukan tersedia;

- **Bidang operasi** – penilaian ke atas bidang kritikal operasi pemegang amanah; dan
 - **Konflik kepentingan** – kecukupan dasar dan prosedur untuk menangani pengenalpastian, penghapusan,
- penghindaran dan pengurusan konflik kepentingan.
- Pemerhatian dan hasilnya diringkaskan dalam Rajah 11.

Rajah 11

SEMAKAN TEMATIK KE ATAS PEMEGANG AMANAH BON

LATAR BELAKANG

Semakan tematik telah dijalankan untuk menilai standard tugas dan tanggungjawab fidusiai pemegang amanah bon serta memahami dan menilai bidang operasi yang penting. Semakan itu dilakukan menerusi pembabitan bersama di tempat operasi dan pengajuan soal selidik kepada pemegang amanah bon yang dikenal pasti.



PEMERHATIAN

- Walaupun pemerhatian kami berdasarkan empat bidang fokus tidak menunjukkan keimbangan utama dalam industri, SC mendapati bahawa pada amnya, standard keseluruhan operasi pemegang amanah bon boleh ditingkatkan untuk melindungi kepentingan pemegang bon, khususnya keperluan terhadap pemantauan aktif dalam menjalankan tugas fidusiai mereka.
- Pada masa ini, pemegang amanah bon tidak mempunyai akses terus kepada senarai pemegang bon kecuali melalui Institusi Depositori yang Dibenarkan yang terus menjadi keimbangan kepada operasi pemegang amanah bon.
- Wujud keperluan bagi pemegang amanah bon untuk mengenal pasti aspek-aspek operasi mereka yang boleh dipertingkatkan untuk kecekapan yang lebih besar iaitu melalui penggunaan penyelesaian digital.
- Pemegang amanah bon perlu memastikan pegawai mereka mempunyai kecekapan yang diperlukan dan menjalani latihan pembangunan profesional yang berterusan



HASIL SELIAAN

SC akan membangunkan rangka kerja penyeliaannya ke atas pemegang amanah bon berdasarkan pandangan yang diperolehi daripada semakan tematik untuk memastikan pemegang amanah bon memainkan peranan mereka dengan berkesan. Ini penting dalam melengkapkan dan menyokong penyeliaan dan pengawasan kawal selia SC yang berterusan dan pengawasan pengawalseliaan berterusan terhadap pemegang amanah bon.

Mencegah penyalahgunaan MNPI oleh FMC

Disebabkan oleh ciri-ciri perniagaan pengurusan dana, FMC secara tidak sengaja dapat memiliki MNPI. Sekiranya risiko penyalahgunaan maklumat tersebut tidak diurus dengan berkesan oleh pengantara melalui pelaksanaan kawalan yang mencukupi, ini boleh menyebabkan berlakunya penyalahgunaan pasaran. Semakan terhadap kawalan pengantara dijalankan untuk menilai kualiti kawalan FMC untuk mencegah dan menguruskan penyalahgunaan MNPI.

Semakan tersebut memberi tumpuan kepada bidang-bidang berikut:

1. **Tadbir urus** – kecukupan struktur semasa untuk memastikan proses tadbir urus diperlukan;
2. **Polisi dan prosedur** – kecukupan dasar dan prosedur untuk mengurus konflik kepentingan;
3. **Kawalan** – menilai keberkesanan kawalan yang dilaksanakan oleh pengantara untuk menghalang penyalahgunaan MNPI; dan

Rajah 12

SEMAKAN TEMATIK KE ATAS PENCEGAHAN SALAH GUNA MNPI OLEH FMC

LATAR BELAKANG

Melalui interaksi antara FMC dan syarikat penerima pelaburan yang sedia ada atau yang berpotensi, pengurus dana dan penganalisis penyelidikan mereka mungkin secara tidak sengaja memiliki MNPI. Oleh itu, FMC hendaklah mempunyai kawalan dan proses yang mencukupi untuk mengurangkan risiko penyalahgunaan maklumat tersebut. Semakan tematik telah dijalankan untuk menilai kawalan yang diguna pakai oleh FMC untuk mencegah penyalahgunaan MNPI.

PEMERHATIAN



- Jenis, tahap dan kualiti kawalan yang diguna pakai oleh FMC dalam mengurus MNPI adalah berbeza-beza mengikut saiz FMC.
- Dasar dan prosedur beberapa FMC sederhana dan kecil dapat ditambah baik dari segi tahap komprehensifnya.
- Walaupun majoriti FMC telah menyatakan bahawa kakitangan yang memiliki MNPI diharapkan untuk memaklumkan fungsi pematuhan dan dihalang daripada menjalankan dagangan bersandarkan maklumat tersebut, beberapa orang daripada mereka masih belum memformalkan prosedurnya.
- Hanya sejumlah FMC besar yang terhad sahaja menggunakan sistem pemantauan bagi tujuan menguruskan penyebaran MNPI. Ini berpotensi membawa kepada risiko penyalahgunaan pasaran.

HASIL SELIAAN



SC akan mengeluarkan pekeliling mengenai amalan terbaik untuk mengurus dan mencegah salah faham MNPI.

4. Latihan – langkah yang diambil oleh pengantara tentang kesedaran dan latihan untuk kakitangan dan wakilnya untuk mencegah penyalahgunaan MNPI dan risiko salah guna pasaran.

Pemerhatian dan hasil seliaan diringkaskan dalam Rajah 12.

Panduan kepada pengantara

Sebagai sebahagian daripada usaha bagi memastikan daya tahan pengantara perniagaan, SC mengeluarkan *Guidance Notes on Liquidity Risk Management (LRM) for Fund Management and Unit Trust Management Companies* pada 16 Disember 2019. Ciri-ciri utama nota panduan dibentangkan dalam Rajah 13.

Rajah 13

CIRI-CIRI UTAMA

NOTA PANDUAN MENGENAI LRM

LRM DALAM PERINGKAT BERBEZA SEPANJANG KITARAN HAYAT DANA TERBUKA



TADBIR URUS

Mewujudkan struktur tadbir urus yang berkesan untuk memantau fungsi LRM



REKA BENTUK AWAL PRODUK

Menaksir risiko kecairan ketika mempertimbang-kan ciri-ciri utama produk di peringkat reka bentuk produk



LRM BERTERUSAN

Pemantauan dan pengurusan risiko harian suatu produk sepanjang kitaran hayatnya untuk menjangka atau mengenal pasti kekurangan kecairan yang muncul sebelum ia berlaku, dan mengambil langkah wajar untuk meminimumkan gangguan atau mudarat



UJIAN TEKANAN

Menjalankan ujian tekanan berterusan berpandukan pelbagai senario untuk menilai impak gangguan pasaran terhadap tahap kecairan dan penebusan dana



INSTRUMEN LRM PELAN LUAR JANGKA

Mempertimbang-kan secara proaktif instrumen LRM yang membolehkan syarikat bersedia untuk menilai dan memutuskan tindakan yang perlu diambil ketika gangguan atau tekanan kecairan dan menguji sedara berkala pelan luar jangka bagi memenuhi keperluan keperluan penghubung jangka pendek

MENGGALAKKAN INTEGRITI PASARAN

Memperkuuh tadbir urus risiko dan kebebasan kawal selia Bursa Malaysia

SC terus melaksanakan pendekatan penyeliaan menyeluruh bagi memastikan Bursa Malaysia menjalankan fungsi kawal selia dan pasarananya dengan berkesan dan bertindak sebagai rakan sekerja pusat yang berhemat. Tindakan tersebut termasuklah:

- Penilaian kawal selia yang kerap;
- Semakan serahan pelaporan Bursa Malaysia;
- Pengawasan seliaan pengantara yang mengambil bahagian dalam pasaran Bursa;
- Pengawasan pemantauan Bursa Malaysia ke atas kegiatan dagangan yang dijalankan di bursanya;
- Semakan dan kelulusan peraturan dan pindaan peraturan Bursa Malaysia; dan
- Pembabitan tertutup dan kerap bersama lembaga pengarah dan pengurusan kanan Bursa Malaysia.

Memandangkan kepentingan Bursa Malaysia sebagai bursa bersepadu tunggal di Malaysia, SC terus mengukuhkan aturan tadbir urus dan amalan di Bursa Malaysia. Kebebasan pengawalseliaan Bursa merupakan bidang fokus utama untuk mengurangkan risiko konflik kepentingan yang timbul daripada kumpulan bursa dengan objektif komersial dan kawal selia. Pada 2019, SC telah mempergiatkan pembabitan bersama Bursa Malaysia untuk menangani konflik kepentingan yang berpotensi antara peranan komersial dan kawal selianya.

Berhubung pengawasan terhadap pengurusan risiko siber Bursa Malaysia, SC bertumpu kepada usaha untuk mengurangkan risiko, mencapai ketelusan yang lebih tinggi dan meningkatkan kecekapan untuk mewujudkan persekitaran pasaran yang lebih selamat. Bursa Malaysia mengambil bahagian dalam simulasi siber pasaran modal untuk menilai kesiapsagaan siber serta tindak balas dan pemulihan daripada insiden siber – dengan memberi hasil yang memuaskan.

SC juga telah memudahcarakan pelaksanaan bagi menyingkatkan kitaran penyelesaian pasaran ekuiti Bursa Malaysia dari T+3 kepada T+2 pada April 2019, yang sejajar dengan amalan bursa-bursa di peringkat global dan pasaran maju bagi pengharmonian penyelesaian global.

Penyingkatan kitaran tempoh penyelesaian dijangka memberi manfaat penting termasuk risiko penyelesaian yang dikurangkan serta keperluan margin yang lebih rendah dan risiko penjelasan daripada perspektif pihak terbabit berpusat.

Untuk mengukuhkan akauntabiliti dalam pasaran, SC telah meluluskan penambahan dana mungkir penjelasan derivatif untuk meningkatkan pengurusan risiko mungkir Bursa Penjelasan Deratif. Saiz dana penjelasan semasa akan dinaikkan daripada RM23 juta kepada RM41.5 juta, yang dijangka mencukupi untuk menampung kerugian biasa yang berpotensi daripada pendedahan dagangan peserta penjelasan.

TAHKUKAH ANDA?

SC telah meluluskan penambahan dana mungkir penjelasan derivatif daripada RM23 juta kepada RM41.5 juta.

Ini akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh lima tahun bermula 2020 melalui sumbangan tambahan dari Bursa Malaysia dan peserta penjelasannya.

Memperkuuhkan pelaksanaan tugas kawal seliaan sendiri FIMM

Pengawasan Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) sebagai organisasi kawal seliaan sendiri (SRO) industri kekal sebagai penekanan seliaan utama bagi SC. Pada 2019, pengawasan FIMM bertumpu kepada memperkuuh rangka

kerja dan amalan tadbir urus dalam FIMM untuk membolehkannya mengawal selia pemasaran dan pengedaran produk unit amanah dan skim persaraan swasta (PRS) dengan berkesan memandangkan meningkatnya tumpuan terhadap usaha pemasaran secara digital.

Matlamat FIMM adalah untuk menggalakkan amalan industri beretika dan menambah baik tatalaku perunding dan pengedar dalam pemasaran dan pengedaran produk-produk ini. Program pendidikan yang menggunakan teknologi e-pembelajaran telah pun diguna pakai. SC memberi tumpuan terhadap meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan FIMM melalui proses Kumpulan Kerja Rujukan dua hala antara SC dan FIMM, yang memudahcarakan penyelaras terhadap aduan atau pelanggaran yang dilaporkan kepada FIMM.

Diperkenalkan pada 2018, proses ini telah membantu dalam memastikan pengurusan kes yang lebih tepat dan cekap serta meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan. SC juga bercadang untuk mengembangkan skop kepakaran Lembaga Pengarah bagi memastikan kepelbagaian dengan pelantikan pengarah dengan latar belakang dalam bidang perkhidmatan kewangan dan undang-undang.

Memastikan PPA melaksanakan peranan kepentingan awamnya dengan cekap

PPA memainkan peranan penting sebagai pentadbir pusat bagi industri PRS, dengan menyediakan perkhidmatan PRS dalam talian dan menyatukan rekod pelaburan PRS pencarumnya. Di samping perkhidmatan PRS dalam talian yang sedia ada seperti pendaftaran pencarum PRS, penambahan unit caruman oleh pencarum, pengeluaran dan penamaan beneficiari, SC memudahcarakan pelaksanaan perkhidmatan pendaftaran pukal secara dalam talian untuk majikan dan syarikat pada 2019. Ini telah memudahkan pendaftaran keahlian bagi syarikat dan memudahcarakan kerjasama antara penyedia PRS dan syarikat.

Pengawasan SC terhadap PPA ditumpukan terhadap memastikan penyampaian perkhidmatan pentadbiran pusat yang cekap dan berkesan serta kemampunan operasi dalam jangka panjang. Memandangkan PPA meningkatkan penggunaan teknologi dalam operasinya, pada 2019, SC terus memberi tumpuan untuk memastikan pematuhan operasi dan pengurusan risiko siber yang mencukupi.

Memudahcarakan pembangunan struktur pasaran inovatif melalui pendekatan penyeliaan proaktif

Rangkuman pengendali pasaran di bawah *Guidelines on Recognized Markets* (Garis Panduan RMO) SC telah berkembang pada 2019 dengan pengenalan struktur pasaran baharu iaitu DAX dan PCF, serta pendaftaran tambahan pengendali platform ECF dan P2P.

Dengan berkuatkuasanya *Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Preskripsi Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital)* 2019, SC telah menyemak semula Garis Panduan RMO pada Januari 2019 untuk merangkumi rangka kerja kawal selia yang mentadbir dagangan aset digital. Garis Panduan yang sama telah disemak semula pada Mei 2019 untuk memperkenalkan saluran pembiayaan alternatif bagi pembeli rumah kali pertama melalui platform PCF, untuk menggunakan teknologi untuk memberi manfaat kepada pelabur melalui pendemokrasian akses kepada pelaburan di samping meluaskan pilihan pembiayaan yang tersedia untuk rakyat Malaysia.

Pendekatan penyeliaan yang diterima pakai ke atas semua RMO bertujuan untuk memudahcarakan pembangunan struktur pasaran inovatif di samping menyediakan perlindungan pelanggan yang mencukupi dan pengurusan risiko yang mantap. SC telah melaksanakan usaha pembabitan yang erat dan kerap dengan RMO untuk menetapkan standard minimum yang menekankan perkara-perkara berikut:

- (i) Proses kemasukan pelanggan yang mencukupi dan dipertingkat dalam mematuhi keperluan

pencegahan wang haram, penipuan dan pencegahan percambahanan pembiayaan;

- (ii) Pengurusan risiko siber dan operasi yang lebih kukuh yang memenuhi obligasi yang ditetapkan dalam *Guidelines on Management of Cyber Risk and SC's Guiding Principles on Business Continuity*. Pengendali ECF dan P2P dikehendaki mengambil bahagian dalam latihan tahunan simulasi siber yang dianjurkan oleh SC untuk mengukuhkan kesiapsiagaan mereka terhadap ancaman siber;
- (iii) Perlindungan dan aturan penjagaan aset pelanggan yang kukuh berpandukan pembabitan SC bersama Persatuan Syarikat Amanah Malaysia (ATCM) untuk

memperjelas obligasi dan tugas dalam memastikan wang/aset pelanggan diurus dengan sewajarnya; dan

- (iv) Peningkatan ketelusan bagi pengendali P2P. Berpandukan semakan SC terhadap metodologi kadar kemungkir, ia menyediakan kaedah yang seragam bagi pengiraan kemungkir bagi penzahiran yang telus di platform mereka.

Melangkah ke hadapan, SC akan meneruskan penyeliaan rapi ke atas RMO melalui pembabitan bersama dan aktiviti pelaporan yang kerap. Usaha pemantauan juga merangkumi pemeriksaan ke atas pelan perniagaan RMO, termasuk strategi perniagaan serta laporan pematuhan terhadap semua bidang perniagaan.

SOROTAN PENGUATKUASAAN 2019

MENCAPAI PENCEGAHAN BERKESAN



SC percaya bahawa pencegahan yang berkesan paling mudah dicapai apabila tindakan penguatkuasaan adalah pantas dan hasilnya adalah pasti. Justeru, SC telah mempertimbang semula strategi bagi memastikan melalui penggunaan efektif kuasa penguatkuasaannya, hasil yang diingini daripada tindakan penguatkuasaan mampu dicapai.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Pelbagai jenis sekatan pentadbiran dikenakan terhadap pengantara pasaran modal, penasihat profesional, syarikat tersenarai dan pengarahnya bagi memastikan akauntabiliti terhadap salah laku mereka:

24 PENALTY YANG DIKENAKAN BERJUMLAH RM5,384,500

64 CELAAN **2 LESEN DIBATALKAN** **4 KENYATAAN AWAM** **5 ARAHAN DIKELUARKAN**

SEKATAN DIKENAKAN KERANA:

- Kegagalan untuk mematuhi *Guidelines on Prevention of Money Laundering and Terrorism Financing for Capital Market Intermediaries*.
- Kegagalan untuk melaporkan kepada SC mengenai penyelewengan yang secara material menjelaskan keupayaan penerbit sukuk untuk menjalankan obligasi kewangannya.

SC mengenakan celaan dan penalty berjumlah RM2.2 juta terhadap Deloitte PLT kerana gagal untuk melaporkan dengan segera kepada SC mengenai penyelewengan, yang mempunyai kesan material terhadap keupayaan Bandar Malaysia Sdn Bhd dalam memenuhi obligasinya untuk membayar balik pemegang sukuknya apa-apa amaun di bawah Program Sukuk Murabahah.

- Membenarkan dengan sengaja kenyataan palsu dan/atau mengelirukan kepada SC.

SC mengenakan celaan terhadap PLC yang berpangkalan di China, yang disenaraikan di Bursa Malaysia, China Stationery Ltd (CSL), Maxwell International Bhd (Maxwell) dan Xingquan International Sports Holdings Ltd (Xingquan) bersama beberapa pengarahnya kerana dengan sengaja menyebabkan penyerahan penyata kewangan palsu atau mengelirukan kepada Bursa Malaysia. SC juga mengeluarkan kenyataan umum bahawa pengekalan jawatan oleh Chan Fung dari CSL, Li Kwai Chun dari Maxwell dan Dato' Wu Qinguan dari Xingquan sebagai pengarah syarikat-syarikat tersebut menimbulkan prasangka yang kurang baik kepada kepentingan awam.

- Melakukan tindakan dengan niat menyebabkan kerugian secara salah kepada syarikat berkaitan dengan sebuah entiti tersenarai.

99

SEKATAN
PENGUATKUASAAN
DIKENAKAN

PENGUATKUASAAN SIVIL



KEJAYAAN PEMEROLEHAN WANG SEBANYAK **RM33.8 JUTA**

berkaitan dengan tindakan penguatkuasaan sivil terhadap dagangan orang dalam dan penzahiran palsu

16
INDIVIDU



Penyelesaian kawal selia yang dicagar antara SC dan 16 individu dalam 5 kes berkaitan kesalahan dagangan orang dalam di mana jumlah yang diperoleh adalah sebanyak **RM16,037,061.19**

9
INDIVIDU



Penghakiman persetujuan diperoleh oleh SC terhadap 9 individu kerana dagangan orang dalam dan pengemukaan maklumat palsu di mana jumlah yang diperolehi adalah sebanyak **RM17,775,986.93**



JUMLAH PENALTI SIVIL yang diperolehi adalah **RM8.8 JUTA**

PENGEMBALIAN WANG KEPADA PELABUR:

RM1,264,882.00

telah dikembalikan kepada pelabur

RM1,170,187.53

telah dikenal pasti untuk dikembalikan

619

pelabur telah menerima pengembalian wang

214

pelabur telah dikenal pasti untuk menerima pengembalian wang



Tindakan penguatkuasaan sivil telah diambil terhadap

8 INDIVIDU –

7 individu bagi kesalahan dagangan orang dalam; dan 1 individu bagi pengemukaan maklumat yang mengelirukan kepada Bursa Malaysia

Penghakiman berjumrah

RM12.4 JUTA

diperolehi daripada Mahkamaah Tinggi terhadap timbalan pengarah urusan sebuah PLC kerana menyebabkan kerugian secara salah

PERINTAH HALANGAN:

- **Perintah halangan terhadap 3 pengarah** PLC daripada menjadi pengarah mana-mana PLC selama **5 tahun**; dan
- **Perintah halangan terhadap seorang pemegang CMSRL** dan **2 pengarah PLC** daripada berurus niaga dalam mana-mana sekuriti dalam pasaran saham Malaysia selama **5 tahun**.

PENDAKWAAN JENAYAH



SABITAN YANG DIPEROLEH

terhadap **14 individu** atas kesalahan dagangan orang dalam, pelaporan kewangan palsu, kegagalan mendaftar prospektus dan kegagalan membantu siasatan



Mahkamah telah menjatuhki **hukuman penjara** sehingga **5 tahun**

SABITAN TERMASUK KESALAHAN SEPERTI:

- Melakukan dagangan orang dalam dengan penjualan sebanyak **10,200,800 saham** ketika memiliki MNPI;
- Mengemukakan penyata palsu kepada Bursa Malaysia berkaitan angka pendapatan dari **RM7 juta** sehingga **RM40 juta** yang merangkumi amaun jualan palsu; dan
- Mengemukakan penyata palsu kepada Bursa Malaysia berhubung pengumuman palsu mengenai penerimaan projek bernilai **RM1.6 billon**.

PENGUATKUASAAN – ASET DIGITAL

23

ARAHAN PEMBERHENTIAN OPERASI

Dikeluarkan kepada individu yang menjalankan aktiviti yang tidak dibenarkan



SC mendapati terdapat peningkatan dalam isu-isu kawal selia berkaitan aset digital – DAX dan ICO yang tidak dibenarkan, yang menjelaskan orang ramai. Ini menghendaki SC untuk mengambil tindakan penguatkuasaan pantas melalui arahan pemberhentian operasi.

Kolaborasi Dan Kerjasama Penguatkuasaan

Penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Kebangsaan

Akta Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Kebangsaan 2019 (NFCC) yang diwartakan pada 31 Disember 2019 memperuntukkan penubuhan pusat untuk menjalankan aktiviti berkaitan pencegahan jenayah kewangan. Pada asasnya, NFCC adalah satu perantara untuk mengoptimumkan kerjasama antara Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang (LEA) melalui kerjasama dan kolaborasi dalam operasi bersepada antara LEA mengenai hal-hal yang berkaitan dengan jenayah kewangan. NFCC akan mempunyai tiga fungsi utama:

- Untuk menyelaras dan bekerjasama dalam operasi bersepada bersama agensi-agensi penguatkuasaan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan jenayah kewangan dan menasihati agensi mengenai perkara yang berkaitan;
- Untuk menubuhkan, mentadbir dan menyelenggara sistem data berpusat yang berkaitan dengan jenayah kewangan, untuk memberikan sokongan kepada operasi bersepada dan untuk menghantar maklumat dalam sistem data berpusat kepada agensi kerajaan yang lain; dan

- Untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan pencegahan jenayah kewangan.

SC bersama-sama beberapa LEA lain seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, BNM dan Kastam Diraja Malaysia merupakan antara badan pelopor LEA dalam penubuhan pusat baharu tersebut.

Pelancaran Perkongsian Awam dan Swasta untuk pencegahan pengubahan wang haram

SC merupakan salah satu agensi dalam inisiatif kolaborasi dan kerjasama antara BNM, LEA dan institusi kewangan, yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad pada 5 November 2019 untuk membolehkan kerjasama yang lebih erat antara LEA dan institusi kewangan terpilih. Pada asasnya, Perkongsian Awam dan Swasta (PPP) memudahkancairan pertukaran maklumat kewangan dan perisikan yang cepat dan berkesan dalam memerangi pengubahan wang haram dan jenayah kewangan lain melalui peningkatan kualiti Pelaporan Urus Niaga Mencurigakan (STR) daripada institusi kewangan dalam PPP. Objektif ini dicapai melalui perkongsian perisikan kewangan yang berkesan, tepat pada masanya dan lancar daripada institusi kewangan bagi tujuan pencegahan jenayah dan penguatkuasaan undang-undang.



4

BAHAGIAN



BAHAGIAN

4

MEMBINA INSTITUSI YANG MUDAH DIAKSES, CEKAP DAN BERTANGGUNGJAWAB

PENGENALAN

Untuk mewujudkan pasaran modal yang Mudah Diakses, Cekap dan Bertanggungjawab, SC sendiri perlu membudayakan tiga nilai ini. Sepanjang 2019, SC telah mengambil langkah-langkah untuk menjadi sebuah institusi yang kolaboratif, terbuka dan mudah diakses, dengan tenaga kerja yang cekap dan mampu menyesuaikan diri yang mendukung standard integriti dan akauntabiliti tertinggi.

PENGAWAL SELIA YANG KOLABORATIF, TERBUKA DAN MUDAH DIAKSES

Memacu kerjasama kawal selia secara kolaboratif

Memberi penekanan kepada peranan pasaran modal Malaysia dalam ekonomi global, SC terus aktif menyumbang kepada penetapan piawaian antarabangsa dan kepimpinan melalui keanggotaannya dalam Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO), badan penetap piawaian antarabangsa bagi pengawalseliaan sekuriti.

Penglibatan dan sumbangan aktif SC kepada IOSCO diperkuuhkan dengan pelantikan Pengerusi SC sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa Pasaran Pertumbuhan dan Pesat Membangun (GEM) IOSCO, yang merupakan kumpulan terbesar IOSCO, yang mewakili hampir 80% daripada keanggotaannya, termasuk 11 anggota G20. Sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa GEM, SC merupakan ahli Lembaga IOSCO, yang membolehkan SC membangkitkan isu-isu utama berkaitan pasaran pesat membangun dan memastikan perbincangan berterusan mengenai isu-isu ini secara berkesan.

Hab IOSCO Asia Pasifik, yang dihoskan oleh SC sejak 2017, terus memainkan peranan penting dalam mengukuhkan keupayaan kawal selia pengawal selia sekuriti seluruh dunia. Setakat ini, Hab ini telah melatih lebih 500 peserta dari lebih 50 negara. Pada 2019, lebih 150 peserta tempatan dari Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Bursa Malaysia, Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia, CyberSecurity Malaysia dan SC meraih manfaat daripada program Hab tersebut. Program-program Hab juga menyaksikan peningkatan 40%

penyertaan kakitangan SC, daripada 97 peserta pada 2018 kepada 135 pada 2019.

Menerapkan digitalisasi dan memanfaatkan teknologi


SC berhasrat untuk menjadi sebuah institusi yang berkolaboratif dan bersedia untuk masa hadapan dengan menerapkan pendigitalan dan memanfaatkan teknologi dalam membantu menambah baik komunikasi, kerjasama dan rangkaian kerja sosial serta meningkatkan pengalaman warga kerja ketika menghadapi Masa Depan Pekerjaan dalam Revolusi Perindustrian Keempat.

Pada 2019, SC memberi tumpuan kepada usaha penambahbaikan perantaraan dengan pihak industri termasuk menaik taraf Permohonan Pelesenan Elektronik (ELA) dan peningkatan kepada penyerahan secara elektronik bagi produk pasaran modal tidak tersenarai untuk diserah simpan. Program kemasukan dan induksi kakitangan baharu SC juga memanfaatkan teknologi dengan peralihan daripada pembelajaran gaya kelas kepada pembelajaran secara mudah alih. Ini membolehkan kakitangan mengakses pembelajaran “pada bila-bila masa, di mana-mana saja” dengan saiz kandungan maklumat kecil yang memberi tumpuan kepada pengekalan pengetahuan yang diperolehi.

SC juga menambah baik keupayaan kerja-kerja pemantauan dan pengawasannya dengan meningkatkan sistem yang berkaitan dan memperkenalkan kaedah dan proses baharu untuk memantau produk pasaran modal secara berkesan. Keupayaan penguatkuasaan juga dipertingkatkan melalui penggunaan teknologi baharu yang lebih meluas dalam bidang bukti berdasarkan digital dan pengurusan kes.

Rajah 1

Kerjasama kawal selia antarabangsa



¹ Dasar dan piawaian antarabangsa yang dikeluarkan oleh FATF untuk membanteras pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

² Malaysia merupakan anggota FATF, sebuah organisasi antara kerajaan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan mengalakkkan dasar dan piawaian antarabangsa untuk membanteras pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

³ Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Luar Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Ke arah pengawal selia yang terbuka dan mudah diakses

Perkongsian pengetahuan, pengalaman dan kepakaran melalui inisiatif peminjaman dan sangkutan kerja adalah penting untuk memupuk pemahaman dan kerjasama yang lebih baik antara SC dan pengawal selia yang lain. Pada 2019, empat orang kakitangan dipinjamkan kepada badan antarabangsa, agensi kerajaan dan pengantara pasaran modal. SC juga menjadi hos kepada dua pengawal selia dari Pihak Berkuasa Pasaran Modal Arab Saudi dan Autoriti Monetari Negara Brunei Darussalam.

SC telah menerima 19 orang pelatih pada 2019 melalui program Internship@SC di mana pelajar peringkat siswazah mendapat pengalaman baharu bekerja dengan badan kawal selia di samping berpeluang meningkatkan pengetahuan mereka mengenai pasaran modal.

Pada 2019, SC mengambil bahagian dalam Program Felo Korporat yang julung kali dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk belia yang terpilih menjalani latihan amali di bawah bimbingan para ketua pegawai eksekutif sektor swasta Malaysia atau syarikat berkaitan Kerajaan. SC menerima dua orang Felo Korporat selama dua bulan di bawah bimbingan Timbalan Ketua Eksekutif SC.

MEMBINA TENAGA KERJA YANG CEKAP

Membangunkan tenaga kerja yang mahir

Mengawasi pasaran modal yang sentiasa berkembang sebagai tindak balas kepada perubahan landskap ekonomi dan permintaan pengguna memerlukan tenaga kerja cekap dan mahir. Untuk mencapai matlamat ini, SC telah

Rajah 2


Kepelbagaian gender

KEPELBAGAIAN GENDER

Bilangan: 739



PECAHAN TENAGA KERJA MENGIKUT UMUR



TAHUN PERKHIDMATAN



Nilai-Nilai Korporat SC Bernafas Baharu

Bersempena ulang tahun ke-25 SC pada 2018, SC menyemak semula Nilai-nilainya yang telah wujud sejak penubuhan SC. Berdasarkan pelaksanaan menyeluruh SC maklum balas diterima daripada seluruh peringkat warga kerja untuk mengenal pasti nilai-nilai yang mentakrifkan SC dalam usahanya menuju ke arah sebuah institusi yang boleh diakses, cekap dan bertanggungjawab. Nilai-nilai yang ditakrifkan semula ini diumumkan ketika sesi perjumpaan bersama kakitangan pada 3 Mei 2019.

NILAI-NILAI SC – APIC



BERTANGGUNGJAWAB

BERINTEGRITI BERANI
PROFESIONAL BERTANGGUNGJAWAB

- Kami melakukan perkara yang betul walaupun tiada sesiapa yang melihat
- Kami memiliki keberanian untuk bersuara dan mendukung keputusan yang kami buat
- Kami bertindak secara konsisten, adil dan telus
- Kami mempunyai matlamat yang jelas dan berusaha ke arahnya sehingga berjaya
- Kami bertanggungjawab ke atas semua tindakan kami



PROAKTIF

PROGRESIF DINAMIK
BERFIKIRAN KE HADAPAN

- Kami berfikiran ke hadapan dan sentiasa mengikuti perkembangan tempatan dan global untuk menilai kesannya terhadap fungsi kami dan bertindak sewajarnya
- Kami mencari penyelesaian melalui pendengaran aktif untuk merumus penyelesaian yang lebih baik
- Kami responsif terhadap semua yang kami lakukan dengan menggunakan idea dinamik dan inovatif



INKLUSIF

HORMAT-MENGHORMATI RENDAH HATI
KOLABORATIF BERPASUKAN

- Kami ikhlas dan bertimbang rasa dalam interaksi kami
- Kami berfikiran terbuka dan bersungguh untuk lebih memahami pihak berkepentingan kami
- Kami menghormati setiap idea dan pandangan, walaupun berbeza
- Kami bekerja sebagai satu pasukan dan memanfaatkan kepelbagaiannya kemahiran dan bakat



KOMITED

BERDEDIKASI SEMANGAT KERJA YANG TINGGI

- Kami sentiasa berlitzam dan bangga dengan setiap yang kami lakukan
- Kami sentiasa mempertingkatkan tahap prestasi kami

memupuk mobiliti kerjaya dalaman merentasi fungsi dan unit urusan yang membolehkan 135 kakitangan meningkatkan kemahiran mereka serta menimba pengalaman dalam aspek kerja kawal selia yang berbeza melalui pusingan kerja dan penyusunan semula dalaman.

Walaupun SC berusaha untuk mengisi kekosongan jawatan dengan calon-calon dalaman, adalah penting untuk membawa masuk bakat dari luar untuk menyertai SC bagi memperoleh idea dan perspektif baru. Pada 2019, 68 kakitangan baharu menyertai SC termasuk 29 kakitangan pengurusan peringkat pertengahan dan kanan.

Bekalan tenaga kerja muda SC disokong oleh Program Model Pengawal Selia (MORE), yang direka khusus untuk memenuhi keperluan siswazah baharu termasuk pemegang biasiswa yang kembali untuk bertugas di SC. Ia merupakan program selama setahun di mana siswazah yang diberi jawatan sebagai eksekutif pengurusan siswazah (GME) akan bekerja mengikut giliran di pelbagai fungsi di SC. Penggiliran kerja tersebut memberi mereka peluang untuk memperoleh pendedahan praktikal kepada pelbagai fungsi pembangunan dan pengawalseliaan SC. Pada 2019, SC menerima 13 GME yang mana enam daripadanya merupakan pemegang biasiswa SC.

Memupuk budaya pengetahuan

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memupuk budaya pengetahuan di SC dan menggalakkan kerjasama yang lebih erat, *Knowledge Week* dianjurkan pada tahun 2019 untuk memberi peluang kepada warga kerja SC untuk berhubung, melibatkan diri dan belajar antara satu sama lain dalam pelbagai topik seperti keselamatan siber, rekod transaksi digital (*blockchain*) dan mata wang kripto.

Pada April 2019, edisi kedua Persidangan Pengurusan Pengetahuan (KM Exchange 2019) telah berlangsung di SC yang bertujuan untuk

meneroka dan berkongsi secara mendalam amalan pengurusan pengetahuan dan penggunaannya bersama peserta dari pelbagai kementerian dan agensi. Peserta juga diperkenalkan kepada Piawaian Pengurusan Pengetahuan yang baru dibangunkan - ISO 30401.

Skim Bantuan Kewangan SC untuk Pembangunan Profesional Berterusan (PROFOUND) terus menerima permohonan daripada kakitangan pada 2019. Dua orang kakitangan sedang mengikuti pengajian ijazah kedoktoran separuh masa dalam Kewangan Islam di bawah skim ini, memberi mereka peluang bukan sahaja untuk mempamerkan keupayaan mereka untuk menjalankan penyelidikan bebas tetapi juga menggunakan pengetahuan mendalam mereka dalam kewangan Islam terutamanya dari perspektif kawal selia.

Memastikan persekitaran kerja yang sejahtera

Pada 2019, SC menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian ruang kerja berdasarkan konsep pejabat terbuka yang membantu memupuk komunikasi yang lebih baik. Lebih penting lagi, ruang kerja yang baharu ini membolehkan bangunan SC menempatkan semua warga kerjanya di bawah satu bumbung untuk meningkatkan jalinan kerja dan kerja berpasukan. Sebelum ini sesetengahnya terpaksa bekerja di bangunan lain kerana ruang kerja yang tidak mencukupi.

SC sedar akan perkembangan terkini yang semakin meningkat dalam risiko berkaitan dengan bidang pekerjaan dan kesihatan mental yang disebabkan oleh permintaan terhadap keseimbangan kerja dan kehidupan. Untuk membolehkan kakitangannya lebih memahami dan menangani risiko dan ancaman ini, beberapa bengkel mengenai kesihatan mental serta keselamatan dan pertahanan diri telah diadakan.

MENDUKUNG STANDARD INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI TERTINGGI

Meningkatkan kesedaran

Ketika SC secara berterusan meningkatkan standard tadbir urus dan tatalaku dalam kalangan peserta pasaran modal, warga kerja SC, pada masa yang sama, diharapkan dapat mendukung standard integriti tertinggi dan penyampaian perkhidmatan awam.

Satu siri program pendidikan dan kesedaran yang kebanyakannya berkisar di sekitar tema integriti diri, konflik kepentingan dan saluran maklum balas telah dilaksanakan sepanjang tahun untuk meningkatkan kefahaman kakitangan SC tentang peranan setiap individu dalam mendukung integriti institusi ini.

Di samping itu, SC menganjurkan *Integrity Day* pada Oktober 2019, yang menampilkan sesi berinteraktif bertajuk ‘Kebenaran Di Sebalik Integriti dan Saya’ oleh pakar tadbir urus dari Transparency International Malaysia. Wacana ini memberi tumpuan kepada empat teras integriti - Kejujuran, Kebolehpercayaan, Kerendahan hati dan Kepimpinan - dan bagaimana ciri-ciri ini mampu membimbing seseorang dalam semua aspek kehidupan. Program tersebut juga termasuk kuiz dalam talian yang berkaitan dengan pelbagai piawaian tadbir urus dalam SC.

SC memanfaatkan teknologi dengan berkesan dalam melaksanakan inisiatif pendidikan untuk mengukuhkan standard tadbir urus dalamannya. Program Pematuhan dan Etika, satu kaedah e-pembelajaran berinteraktif untuk membantu kakitangan SC memahami prinsip-prinsip standard tadbir urus dalamannya Ogos 2019.

TAHUKAH ANDA?

SC kini mempunyai dua orang pegawai kanan yang terlatih sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (CeO) yang terbabit dalam kerja-kerja tadbir urus, risiko dan pematuhan. CeO tersebut memperoleh pengiktirafan selepas menamatkan program CeO yang dianjurkan oleh Akademi SPRM.

Program ini bermatlamat untuk menekankan lagi kepentingan mengekalkan standard tatalaku beretika yang tinggi yang mesti dipatuhi dan dihayati oleh SC dan kakitangannya. Bermula 2019, setiap kakitangan wajib menjalani dan lulus penilaian ini setiap dua tahun sekali.

Menyokong inisiatif yang diterajui Kerajaan

Seperti yang dihuraikan dalam Bahagian 3 *Laporan Tahunan* ini, SC menyokong usaha Kerajaan untuk memupuk budaya integriti dalam sektor awam dan swasta di Malaysia. Program ini melatih pegawai kanan dari sektor awam dan swasta untuk memerangi rasuah dengan melaksanakan langkah-langkah tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah yang sesuai. Ia dipantau oleh sebuah lembaga yang dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, dan terdiri daripada lima orang ahli, termasuk Pengurus SC yang dilantik oleh Ketua Setiausaha Negara.

5

BAHAGIAN



BAHAGIAN

5

TINJAUAN DAN PROSPEK PASARAN MODAL

RANGKUMAN

Ekonomi Malaysia masih mengekalkan daya tahan pada tahun 2019, didukung oleh kekuatan mampan dalam aktiviti sektor swasta domestik meskipun berada dalam persekitaran luar yang mencabar. Di sebalik senario ini, pasaran modal Malaysia terus memainkan peranan penting dalam membiayai ekonomi domestik dengan peningkatan yang ketara dalam aktiviti pengumpulan dana merentasi semua segmen pasaran. Dari segi prestasi, pasaran bon domestik mencatatkan pulangan positif manakala pasaran ekuiti mengalami peralihan positif dalam sentimen terhadap syarikat permodalan kecil dan sederhana, terutamanya dalam sektor tenaga, pembinaan dan teknologi. Melangkah ke tahun 2020, ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan yang baik. Walaupun pasaran modal domestik terus dipengaruhi oleh perkembangan utama luar negara, ia dijangka terus berdaya tahan dan teratur, didukung oleh asas makroekonomi Malaysia yang kukuh, kecairan domestik yang tinggi dan infrastruktur pasaran modal yang mantap.

PERKEMBANGAN GLOBAL PADA 2019


Pertumbuhan ekonomi global semakin perlahan pada 2019 disebabkan oleh kelembapan seragam dalam kebanyakan ekonomi negara maju dan pesat membangun. Ini didorong terutamanya oleh kelemahan ketara dalam aktiviti pembuatan dan perdagangan global di tengah-tengah pertikaian perdagangan yang berterusan dan ketidakpastian geopolitik sepanjang tahun. Kelembapan dalam ekonomi global menyebabkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) terus menurunkan unjuran pertumbuhan global (Carta 1). Pada Oktober 2019, IMF menurunkan ramalan pertumbuhan global buat kali kelima berturut-turut sejak April 2018 kepada 3.0% pada 2019 – paling lemah sejak Krisis Kewangan Global (GFC). Walau bagaimanapun, berbeza dengan sektor pembuatan, sektor perkhidmatan masih agak berdaya tahan di seluruh dunia, terutamanya dalam Ekonomi Maju (AE), disokong oleh keadaan pasaran buruh yang positif dan pertumbuhan perbelanjaan pengguna yang berterusan.

Ketidakpastian dasar global terus menjelaskan prestasi ekonomi global dan mempengaruhi prestasi pasaran kewangan global pada tahun 2019. Ini dicerminkan oleh pengukur ketidakpastian dasar yang mencapai tahap tertinggi pada 2019 (Carta 2). Khususnya, Indeks Ketidakpastian Perdagangan Dunia – ukuran ketidakpastian dasar perdagangan global – naik hampir sepuluh kali ganda pada suku tahun keempat 2019 berbanding tahun sebelumnya. Tahun 2019 bermula dengan rundingan damai perdagangan sementara antara AS-China sejak Disember 2018, tetapi perang tarif meningkat dengan mendadak antara Mei dan Ogos 2019. Selain daripada tarif, AS juga telah mengenakan sekatan perniagaan ke atas syarikat teknologi China melalui senarai entiti pada Mei dan mengisyiharkan China sebagai pemanipulasi mata wang pada Ogos. Pada September 2019, rundingan perdagangan antara kedua-dua negara membawa hasil yang positif. Walaupun ketidaktentuan dasar global secara keseluruhan kekal tinggi, perkembangan ini menyebabkan peralihan sentimen pelabur sehingga akhir tahun 2019, dengan AS dan China secara rasminya bersetuju dengan perjanjian perdagangan fasa satu pada pertengahan Disember¹.

¹ Pada 13 Disember 2019, AS bersetuju untuk mengurangkan hingga separuh duti 15% ke atas produk China bernilai AS\$120 bilion tetapi mengekalkan levi 25% ke atas barang bernilai AS\$250 bilion. AS juga bersetuju untuk membatalkan duti baharu ke atas barang China bernilai AS\$160 bilion. Sementara itu, China berjanji untuk meningkatkan jumlah pembelian barang AS sehingga sekurang-kurangnya AS\$200 bilion dalam tempoh dua tahun akan datang dan sehingga AS\$50 bilion produk ladang AS setiap tahun, dan membuat komitmen terhadap mata wang dan penguatkuasaan harta intelek.

Carta 1


Ekonomi global mengalami kelembapan seragam, yang membawa kepada kemerosotan semakan semula unjuran pertumbuhan global oleh IMF



Sumber: Pangkalan data IMF World Economic Outlook (WEO)

Carta 2

Pengukur ketidakpastian ekonomi berada pada tahap tertinggi, terutamanya disebabkan oleh peningkatan ketegangan perdagangan dan geopolitik



Sumber: Ahir, H, N Bloom, dan D Furceri (2018), "World Uncertainty Index", Stanford Mimeo


Walau bagaimanapun, pada sepanjang tahun 2019 ketegangan perdagangan bukan sahaja timbul antara AS dan China, tetapi juga antara AS dan rakan perdagangan utamanya di Eropah dan Amerika Latin, serta negara-negara lain seperti Jepun dan Korea Selatan.

Pertumbuhan global yang lebih perlahan dan peningkatan ketidakpastian dasar menyebabkan dasar monetari global berubah menjadi lebih longgar. Ini menandakan titik perubahan dalam kitaran monetari global dan peralihan jangkaan kecairan global selepas tempoh normalisasi dalam sesetengah ekonomi.


Lebih separuh daripada ekonomi di seluruh dunia mengenakan langkah monetari yang lebih akomodatif pada 2019. Selepas menaikkan tanda aras kadar dana persekutuan kepada 2.5% pada Disember 2018, Rizab Persekutuan AS (Fed) menurunkan kadar tanda aras tersebut sebanyak 75 mata asas (bps) kumulatif kepada 1.75% dalam tiga tindakan berasingan pada 2019. Peralihan dasar monetari yang lebih akomodatif juga dilaksanakan oleh bank-bank pusat utama lain di AE. Begitu juga dengan kira-kira dua pertiga daripada bank pusat ekonomi pesat membangun (EME) yang turut melonggarkan dasar monetari masing-masing (Carta 3).

Carta 3

Dasar monetari global beralih ke arah peningkatan bias pelonggaran, dengan lebih separuh daripada ekonomi di seluruh dunia mengenakan dasar monetari yang lebih longgar



Perkadarahan tindakan bank-bank pusat di AE dan EME²



Nota:

- ¹ Jangkaan ke atas kadar dasar adalah berpandukan niaga hadapan dana persekutuan bagi AS, kadar purata semalam sterling antara bank bagi UK, dan kadar hadapan euro ditawarkan antara bank bagi Kawasan Euro.
- ² Berdasarkan Bloomberg Global Central Bank Monitor yang terdiri daripada 18 AE dan 35 EME.



Sumber: Bloomberg, IMF, pengiraan SC

Peralihan hala tuju dasar monetari global telah menyumbang kepada penambahbaikan keadaan kewangan global dan mempengaruhi prestasi keseluruhan pasaran modal global pada tahun 2019. Selaras dengan peningkatan pengelakan risiko keseluruhan disebabkan keimbangan kemungkinan terjadinya kemelesetan global, hasil bon global merosot ke paras terendah dalam sejarah. Ini mengakibatkan trend mendatar bagi keluk hasil bon global dan juga penyongsangan sementara dalam sesetengah AE di mana nota bertempoh lebih panjang

memberi hasil yang lebih rendah berbanding dengan nota bertempoh matang yang lebih singkat. Spread antara bil Perbendaharaan AS (UST) 10 tahun dan bil Perbendaharaan tiga bulan menjadi negatif antara Mei dan Ogos 2019 berikutan ketegangan perdagangan AS-China yang memuncak sepanjang tempoh tersebut. Keseluruhannya, amaun sekuriti hutang hasil sub-sifar melonjak ke paras tertinggi sebanyak AS\$17 trillion pada Ogos, iaitu lebih 30% daripada jumlah bon global (Carta 4).

Carta 4

Hasil bon global menurun di seluruh dunia disertai dengan lonjakan sekuriti hutang berhasil negatif



Sumber: Bloomberg, pengiraan SC


Penambahbaikan dalam keadaan kewangan global yang dibantu oleh peralihan dalam hala tuju dasar monetari AE, menolong memulihkan aliran portfolio dalam EME. Ini jelas kelihatan dalam pasaran bon apabila sekuriti hutang denominasi dolar dengan hasil yang lebih tinggi menjadi lebih menarik berbanding di AE. Walaupun kebanyakan hasil bon berdaulat EME mencerminkan prestasi bon AE, spread hasil antara bon berdaulat EME dan UST semakin menurun pada separuh kedua tahun berkenaan (Carta 5 – panel kiri).

Namun demikian, prestasi pasaran modal EME kekal tidak menentu, sebahagian besarnya didorong oleh perubahan yang tidak dijangka

dalam pertikaian perdagangan AS-China dan kelemahan menyeluruh dalam pertumbuhan ekonomi. Prospek pertumbuhan menurun secara beransur-ansur disebabkan oleh prospek pertumbuhan global yang semakin merosot dan pertumbuhan di China yang lebih perlak daripada yang dijangkakan. Pertumbuhan ekonomi China semakin perlak hingga ke tahap terendah sejak beberapa dekad iaitu sebanyak 6.2% pada tiga suku tahun pertama 2019 dengan penurunan nilai renminbi kepada 7.0 bagi setiap dolar AS pada Ogos – tahap terendah semenjak GFC. Dengan perkembangan ini, keseluruhan mata wang EME juga merosot sejajar dengan kejatuhan renminbi (Carta 5 – panel kanan).

Carta 5

Spread kredit berdaulat EME menyusut pada separuh kedua tahun 2019 sementara mata wang EME merosot, sejajar dengan kejatuhan renminbi




Nota:

¹ Spread Indeks Bon Kerajaan JPMorgan (JPM GBI) Pasaran Pesat Membangun (EM) berbanding UST 10 tahun.

Sumber: Bloomberg, Thomson Reuters Datastream, pengiraan SC

Carta 6

Ekuiti dan bon global pulih semula untuk mencatatkan pulangan positif pada tahun 2019 meskipun ketidaktentuan berterusan sepanjang tahun



Sumber: Thomson Reuters Datastream, pengiraan SC


Secara keseluruhan, di sebalik ketidaktentuan berterusan sepanjang tahun, pasaran modal global mengakhiri tahun 2019 pada tahap positif, dibantu oleh keadaan kewangan global yang lebih akomodatif. Dalam pasaran ekuiti, Indeks MSCI World mengakhiri tahun 2019 25.2% lebih tinggi (2018: -10.4%) manakala Indeks MSCI EM meningkat 15.4% (2018: -16.6%). Pasaran bon global juga mencatatkan pulangan positif sepanjang tahun disebabkan oleh kadar faedah global yang lebih rendah dan pengelakan risiko yang lebih tinggi, lalu mendorong hasil bon mencapai paras terendah sejak beberapa tahun. Indeks Bon Kerajaan JPMorgan (JPM GBI) Global naik 3.9% pada 2019 (2018: -1.2%) sementara JPM GBI EM meningkat 12.9% (2018: 4.9%) (Carta 6).

PERKEMBANGAN PASARAN MODAL MALAYSIA PADA 2019

Di sebalik persekitaran global yang mencabar, ekonomi Malaysia kekal pada landasan pertumbuhan yang baik pada 2019, disokong oleh daya tahan berterusan dalam aktiviti sektor swasta domestik. Ekonomi negara meningkat 4.3% pada 2019 (2018: 4.7%) dipacu terutamanya oleh pertumbuhan penggunaan persendirian yang kukuh dalam keadaan pasaran buruh yang positif dan pertumbuhan pendapatan yang berterusan. Dari segi penawaran, ekonomi terus disokong oleh pengembangan sektor-sektor utama, terutamanya sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Carta 7

Pasaran modal Malaysia terus memainkan peranan penting dalam membentuk ekonomi domestik dan menggerakkan simpanan



Sumber: SC, BNM, Bursa Malaysia

Sepanjang tahun berkenaan, pasaran modal domestik terus memainkan peranan penting dalam membentuk ekonomi Malaysia. Jumlah keseluruhan pasaran modal berkembang kepada RM3.2 trilion pada 2019 daripada RM3.1 trilion pada tahun sebelumnya (Carta 7), dengan sekuriti hutang belum tebus dan permodalan pasaran ekuiti masing-masing berjumlah RM1.5 trilion dan RM1.7 trilion (2018: masing-masing RM1.4 trilion dan RM1.7 trilion). Di sebalik keadaan global yang mencabar dan pembaharuan dasar domestik yang berterusan, pasaran modal Malaysia menyaksikan tahap aktiviti pengumpulan dana yang lebih tinggi dengan pengumpulan dana dalam pasaran bon dan ekuiti berjumlah RM139.4 bilion pada 2019 berbanding RM114.6 bilion pada 2018.

Segmen pengumpulan dana alternatif juga terus mendapat tarikan terutamanya dalam ECF dan pembiayaan P2P dengan jumlah dana dikumpul meningkat lebih dua kali ganda kepada RM443.8 juta (2018: RM195.9 juta)².


Sejumlah RM132.8 bilion dikumpulkan dalam pasaran bon dan sukuk³ berbanding RM105.4 bilion pada 2018, dengan terbitan baharu terutamanya dalam sektor utiliti dan perkhidmatan kewangan. Sukuk menyumbang 77.1% daripada jumlah terbitan bon pada 2019. Sementara itu, RM6.6 bilion dijana melalui pasaran ekuiti (2018: RM9.2 bilion), iaitu RM2.0 bilion melalui penyenaraian ekuiti baharu dengan sejumlah 30 IPO, dan RM4.6 bilion melalui

² Maklumat lanjut tentang ECF dan pembiayaan P2P disediakan dalam Bahagian 1 (*Meningkatkan Akses Kepada Pasaran Modal*) dan Bahagian 6 (*Modal Teroka dan Ekuiti Persendirian*) pada Laporan Tahunan ini.

³ Termasuk terbitan sukuk ber nilai RM27.6 bilion oleh Urusharta Jemaah Sdn Bhd sebagai sebahagian daripada rancangan penstrukturkan semula Lembaga Tabung Haji pada Mei 2019.

Carta 8

Pegangan asing secara amnya kekal stabil manakala bukan pemastautin muncul sebagai pembeli bersih aset kewangan Malaysia




Sumber: BNM, CEIC, pengiraan SC

pengumpulan dana sekunder. Pada 2019, empat buah syarikat telah disenaraikan di Pasaran Utama, 11 syarikat di Pasaran ACE dan selebihnya di Pasaran LEAP. Saiz terbitan melalui Pasaran LEAP meningkat sebanyak 60.6% tahun ke tahun (y-o-y) kepada RM92.2 juta pada 2019 (2018: RM57.4 juta).


Dalam industri pengurusan dana, jumlah AUM meningkat kepada RM823.2 bilion (2018: RM743.6 bilion) di tengah-tengah peningkatan nilai pasaran, didorong oleh prestasi kukuh ekuiti permodalan kecil dan sederhana, serta suntikan bersih yang lebih tinggi daripada pelaburan semula dividen. Jualan bersih bagi segmen unit amanah berjumlah RM30.5 bilion pada 2019, iaitu penurunan sebanyak -19.5% y-o-y (2018: RM37.9 bilion).

Dari segi aliran portfolio, jumlah aliran masuk bukan pemastautin berjumlah RM8.7 bilion



pada 2019 (2018: aliran keluar portfolio sebanyak -RM33.6 bilion), sejajar dengan trend serantau. Pasaran bon mencatatkan jumlah aliran masuk sebanyak RM19.9 bilion (2018: aliran keluar sebanyak -RM21.9 bilion) manakala pasaran ekuiti mencatatkan jumlah aliran keluar sebanyak -RM11.1 bilion (2018: aliran keluar sebanyak -RM11.7 bilion). Dalam pasaran bon, bukan pemastautin menyumbang 13.7% daripada jumlah bon ringgit belum tebus pada akhir Disember (akhir tahun 2018: 13.1%) – kebanyakannya adalah Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) iaitu sebanyak 80.1% daripada jumlah pegangan asing (akhir 2018: 79.1%). Dalam pasaran ekuiti, pegangan asing kekal stabil sebanyak 22.4% daripada jumlah permodalan pasaran pada 2019, sejajar dengan purata lima tahunnya (Carta 8). Tahap kecairan domestik yang tinggi dalam pasaran modal membolehkan pelarasan pasaran dana yang teratur antara bukan pemastautin dan pelabur tempatan.

Carta 9

Hasil MGS berdepan tekanan menurun bagi semua tempoh matang pada tahun 2019

Sumber: Bloomberg, pengiraan SC


Pasaran bon Malaysia meningkat 7.1% daripada RM1.4 trilion pada 2018 kepada RM1.5 trilion pada penghujung 2019. Ini disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pengumpulan dana hutang, permintaan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik dan keadaan makroekonomi tempatan yang menggalakkan. Di sebalik persekitaran yang mencabar, Malaysia juga adalah antara ekonomi pesat membangun Asia Timur yang menyaksikan pasaran bon mata wang tempatan berkembang pada 2019. Pada 2019, sebagai peratusan daripada KDNK, Malaysia kekal sebagai pasaran bon mata wang tempatan ketiga terbesar di Asia selepas Jepun dan Korea Selatan. Walau bagaimanapun, ketegangan perdagangan yang berterusan, perubahan jangkaan dasar monetari

global, dan kebimbangan terhadap pertumbuhan global yang lebih perlahan terus mendorong ketidaktentuan dalam pasaran bon pada sepanjang tahun.

Hasil MGS mengalami tekanan menurun bagi semua tempoh matang (Carta 9), sejajar dengan trend global, disokong oleh peralihan pendirian bank-bank pusat utama dalam langkah dasar monetari dan pengelakan risiko global keseluruhan yang lebih tinggi. Ia juga mencerminkan pertumbuhan domestik yang lebih perlahan dan jangkaan inflasi yang lebih rendah di samping penurunan Kadar Dasar Semalam (OPR) oleh BNM pada Mei 2019. Oleh itu, hasil MGS menurun untuk semua tempoh matang sementara keluk keseluruhannya agak mendatar pada tahun 2019.

Carta 10

Spread bon ASEAN-UST kebanyakannya mengecil, manakala sentimen terhadap MGS dan PDS kekal positif




Sumber: Bloomberg, Thomson Reuters Datastream, BNM, BPAM, pengiraan SC

Sejajar dengan trend serantau, spread UST/MGS 10 tahun masih mengecil daripada 140.4 bps pada penghujung 2018 berbanding 140.6 bps pada penghujung 2019 (Carta 10 – panel kiri). Penurunan hasil bon adalah menyeluruh di seluruh rantau ASEAN, dengan spread antara bon UST 10 tahun dan bon berdaulat mata wang tempatan 10 tahun kebanyakannya mengecil, mencerminkan permintaan global yang bertambah baik terhadap aset serantau. Sementara itu, spread antara sekuriti hutang swasta (PDS) dan MGS mengecil sepanjang tahun bagi semua tempoh matang. Ini mencerminkan permintaan yang lebih tinggi terhadap PDS yang sebahagiannya didorong oleh terbitan yang lebih tinggi dalam persekitaran kadar faedah yang lebih baik (Carta 10 – panel kanan).

Bagi pasaran ekuiti Malaysia, keseluruhan permodalan pasaran meningkat sebanyak 0.7% kepada RM1.71 trillion pada 2019 daripada RM1.70 trillion pada 2018. Ianya dicapai di sebalik persekitaran luaran yang lebih mencabar, dengan halangan luar yang lebih tinggi terutamanya ketegangan perdagangan AS-China yang berterusan dan pertumbuhan global yang lebih perlahan. Secara keseluruhannya, walaupun FBMKLCI menyederhana pada 2019, beberapa segmen dalam pasaran ekuiti domestik yang lebih luas meraih tarikan yang lebih ketara, sebahagiannya mencerminkan perubahan dalam pilihan pelabur terutamanya menjelang akhir tahun. Ini berlaku apabila sentimen memihak kepada konstituen dengan penilaian dan prospek pendapatan korporat yang lebih baik, terutamanya dalam segmen permodalan kecil dan sederhana.

Carta 11

Pasaran ekuiti domestik mengalami peralihan sentimen yang positif ke arah syarikat permodalan kecil dan sederhana



Nota:

- 1 FBMKLCI terdiri daripada 30 syarikat terbesar diukur mengikut permodalan di Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS; FBM Small Cap terdiri daripada semua konstituen Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS yang bukan konstituen Indeks FTSE Bursa Malaysia Top 100; FBM MidS terdiri daripada konstituen daripada Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS dengan permodalan pasaran penuh antara RM200 juta hingga RM2 bilion; FBM ACE terdiri daripada semua syarikat tersenarai di Pasaran ACE.
- 2 Indeks komposit yang dirujuk: Filipina – PCOM, Singapura – STI, Thailand – SET, Indonesia – JCI.

Sumber: Bloomberg, pengiraan SC


FBMKLCI menyusut sebanyak -6.0% y-o-y, mengakhiri tahun 2019 pada 1,588.76 mata (2018: -5.9% y-o-y pada 1,690.58 mata), dipengaruhi oleh ketidaktentuan sentimen sepanjang tahun yang didorong oleh pelbagai peristiwa, serta keuntungan korporat yang suram yang terus menjadi titik tekanan kepada indeks penanda aras. Di samping itu, FBMKLCI juga terkesan dengan kaunter utama yang tertakluk kepada pelarasan dasar utama pada 2019 untuk penambahbaikan jangka panjang. Walau

bagaimanapun, komponen bukan FBMKLCI dalam pasaran ekuiti Malaysia menunjukkan prestasi yang menggalakkan pada 2019. Ia mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi, walaupun terdapat halangan luar yang mencabar, disebabkan oleh prospek keuntungan yang lebih baik yang menarik minat pelabur ke dalam segmen ini. Indeks FBM MidS, FBM Small Cap dan FBM ACE meningkat pada kadar kukuh sebanyak dua angka pada 2019, masing-masing sebanyak 32.0% y-o-y, 25.4% y-o-y, dan 21.1% y-o-y (Carta 11).

⁴ Peratusan berubah dari September hingga Disember 2018, disebabkan oleh klasifikasi sektor Bursa Malaysia yang dikemas kini untuk sektor tenaga.

Carta 12

Sektor tenaga, pembinaan dan teknologi menerajui prestasi pasaran ekuiti domestik



Nota:

¹ FBM ACE terdiri daripada semua syarikat yang tersenarai di Pasaran ACE; FBM Small Cap terdiri daripada semua konstituen dalam Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia yang bukan konstituen dalam Indeks 100 saham terbaik FTSE Bursa Malaysia; FBM MidS terdiri daripada konstituen dari Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia dengan jumlah permodalan pasaran penuh sebanyak RM200 juta hingga RM2 bilion; FBMKLCI terdiri daripada 30 syarikat terbesar yang disenaraikan menurut permodalan pasaran penuh dalam Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia; FBM Mid-70 terdiri daripada 70 syarikat berikutnya yang disenaraikan menurut permodalan pasaran penuh dalam Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia.

² Perubahan peratusan tahunan dalam permodalan pasaran berdasarkan klasifikasi sektor oleh Bursa Malaysia pada 2019, tidak termasuk KLCI dan REIT.


Sumber: Bursa Malaysia, Bloomberg, pengiraan SC

Pertumbuhan yang ketara dalam indeks permodalan kecil dan sederhana sebahagian besarnya dipacu oleh sektor tenaga, pembinaan dan teknologi yang meraih manfaat daripada asas yang lebih kukuh dan prospek penilaian yang lebih baik terhadap syarikat utama mereka pada tahun berkenaan. Tidak termasuk komponen FBMKLCI, sektor tenaga secara khususnya mencatatkan kenaikan terbesar, dengan peningkatan sebanyak 50.7% y-o-y (2018: -17.3%), manakala sektor pembinaan

meningkat sebanyak 47.9% y-o-y (2018: -46.0% y-o-y), sebahagiannya disebabkan oleh pembangunan semula projek awam oleh kerajaan. Sektor teknologi pula meningkat sebanyak 37.5% y-o-y (2018: -9.32% y-o-y), meraih manfaat daripada pelancaran rangkaian 5G, peningkatan global dalam penghantaran telefon pintar, dan kemungkinan peralihan perdagangan akibat perang perdagangan AS-China yang berterusan (Carta 12).


Carta13

Unit amanah kekal sebagai sumber dana terbesar di bawah pengurusan, dengan pelaburan dalam negara yang lebih tinggi pada 2019, kebanyakannya dalam ekuiti dan aset pendapatan tetap tempatan



Sumber: Pengiraan SC

Sementara itu dalam industri pengurusan dana, segmen unit amanah kekal sebagai penyumbang sumber dana terbesar kepada AUM, dengan nilai aset bersih (NAV) berjumlah RM482.1 bilion pada 2019 (2018: RM426.2 bilion). Secara keseluruhan, 75.3% daripada AUM industri pengurusan dana dilaburkan di dalam negara, di mana 44.2% adalah dalam ekuiti tempatan, diikuti oleh



penempatan dalam pasaran wang sebanyak 26.1% dan 24.6% dalam pendapatan tetap (Carta 13). Berbanding 2018, nilai pelaburan dalam ekuiti tempatan dan pendapatan tetap meningkat masing-masing sebanyak RM12.9 bilion dan RM19.0 bilion, manakala penempatan dalam pasaran wang tempatan berkurangan sebanyak RM6.1 bilion.

Pembangunan Kewangan: Memangkin Pembangunan Ekonomi Di Malaysia

Pembangunan ekonomi sering melibatkan perubahan struktur ekonomi daripada pengeluaran barang dan perkhidmatan dengan nilai tambah rendah ke arah aktiviti ekonomi dengan nilai tambah yang lebih tinggi. Satu pemboleh penting bagi transformasi tersebut ialah pembangunan kewangan. Sektor kewangan yang dibangunkan dengan baik menyediakan peluang yang lebih besar bagi projek-projek berpertumbuhan tinggi yang berpotensi untuk menerima pembiayaan, seterusnya menyediakan asas bagi sumber pertumbuhan baharu dalam ekonomi untuk bertapak, berkembang dan meningkat maju. Memandangkan pembangunan kewangan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap keseluruhan pembangunan ekonomi, pembangunan kewangan Malaysia menjadi dimensi utama yang perlu diberi tumpuan dalam usaha transformasi Malaysia ke arah ekonomi maju.

Rencana ini membincangkan kandungan penyelidikan sedia ada yang mengkaji kaitan antara pembangunan kewangan dan pembangunan ekonomi, dan mengetengahkan pandangan utama dan fakta olahan atau ciri-ciri khusus daripada kajian mengenai impak umum dan akibat daripada perkembangan kewangan. Seterusnya rencana ini akan meninjau kedudukan relatif Malaysia di dunia dari segi pembangunan kewangan dan mengkaji potensi Malaysia ketika ia berganjak menuju sempadan sebuah ekonomi maju.

Pembangunan Kewangan – Pusat Perkembangan Ekonomi

Sistem kewangan adalah penting bagi memastikan ekonomi moden hari ini berfungsi dengan baik. Tanpa sistem kewangan, adalah mustahil untuk menabung, melabur, meminjam, berurus niaga, dan menjalankan dagangan. Walau bagaimanapun, kepentingannya melangkaui perkara-perkara tersebut. Dengan mengarahkan aliran dana dalam kalangan pelbagai ejen dalam ekonomi, sistem kewangan secara tidak langsung menentukan hala tuju aktiviti ekonomi dan menetapkan matlamat potensi ekonomi negara pada masa hadapan. Ini diterangkan dalam dua fungsi utama yang dilaksanakan oleh sistem kewangan:

- **Peruntukan sumber.** Sistem kewangan memainkan peranan pengantaraan dengan menghubungkan dana daripada penyimpan dan pelabur dengan para ejen – isi rumah, firma, atau kerajaan – yang memerlukan modal. Pencarian penggunaan modal yang produktif akan menentukan arah saluran dana, yang seterusnya diupayakan oleh sektor kewangan melalui perkhidmatan mereka seperti pengumpulan maklumat, penilaian keuntungan, serta menyedia dan menguatkuasakan kontrak.
- **Pengurusan risiko dan sumber.** Sistem kewangan membolehkan para ejen dalam ekonomi untuk merangka kedudukan kewangan mereka untuk disesuaikan dengan pilihan pengurusan risiko dan pelaburan masing-masing. Ini dilakukan melalui kepelbagai portfolio, meminimumkan pendedahan risiko tertentu atau tertumpu, pemantauan pelaburan, mengawasi tingkah laku firma sebagai pembiutang atau pemegang saham, serta melaksanakan tadbir urus korporat untuk meningkatkan kemungkinan hasil yang positif daripada pelaburan.

Apabila sistem perbankan dan pasaran modal sesebuah negara menjadi lebih maju, keupayaan sektor kewangan untuk memperuntuk dan menguruskan sumber turut berkembang, seterusnya mempelbagaikan jenis projek dan aktiviti yang mampu dilaksanakan oleh ekonomi. Hubungan antara evolusi sektor kewangan dan jenis-jenis kegiatan ekonomi yang mampu dilaksanakan akan menentukan tahap pembangunan kewangan negara dan potensi ekonomi yang dibolehkan oleh sektor kewangannya. Daripada kandungan penyelidikan yang menghubungkan pembangunan kewangan dan pembangunan ekonomi, muncul tiga fakta olahan berikut:

- **Fakta olahan 1: Pembangunan kewangan menjana pertumbuhan ekonomi sehingga suatu tahap**
Bagi sebuah negara membangun, pembangunan kewangan perlu diberi perhatian memandangkan peranan penting pelaburan dalam memacu pertumbuhan ekonomi (Estrada et al., 2010). Walau bagaimanapun, hubungan ini tidak berbentuk linear. Apabila pembangunan kewangan berterusan melepas peringkat ekonomi maju, ia boleh memberi kesan yang lebih rendah atau negatif kepada pertumbuhan ekonomi. Faktor-faktor seperti peningkatan kelaziman kredit isi rumah berbanding kredit perusahaan (Beck et al., 2012) serta pengaliran bakat dari sektor ekonomi yang produktif ke arah industri perkhidmatan kewangan boleh merencatkan potensi ekonomi negara (Cecchetti dan Kharroubi, 2015).
- **Fakta olahan 2: Struktur kewangan menentukan ciri-ciri pembangunan ekonomi**
Struktur kewangan iaitu gabungan pasaran modal dan bank yang beroperasi dalam sesebuah ekonomi, mempunyai kesan terhadap ciri-ciri pembangunan ekonomi kerana ia menentukan cara sumber disalurkan kepada pelaburan (Xu, 2015). Bank-bank ternyata lebih baik dalam mengurangkan pergeseran pasaran yang berkaitan dengan pembiayaan projek-projek yang selaras, berisiko lebih rendah, dan dicagarkan dengan baik, manakala pasaran modal umumnya sesuai untuk membiayai projek-projek yang lebih inovatif dan berisiko tinggi yang lebih bergantung pada input tidak ketara seperti modal insan dan harta intelektual. Gabungan khusus kedua-dua saluran pengantaraan ini akan menyalurkan sumber ke dalam aktiviti ekonomi yang paling sesuai dengan profil risiko-ganjaran bagi struktur kewangan lazim, seterusnya membantu mencapai matlamat pembangunan ekonomi negara.
- **Fakta olahan 3: Pembangunan pasaran modal dapat merangsang peruntukan sumber ke arah industri berpertumbuhan tinggi yang berpotensi**
Apabila sesebuah ekonomi itu semakin maju, pembangunan berasaskan pasaran modal menjadi semakin penting bagi pertumbuhan ekonomi (Gambacorta et al., 2014). Sememangnya pertumbuhan dalam ekonomi maju secara umumnya bergantung kepada aktiviti yang didorong oleh inovasi dan berorientasikan eksport, iaitu aktiviti yang lebih berisiko tetapi memberi ganjaran yang lebih tinggi. Aktiviti tersebut mendorong peningkatan struktur ekonomi, menjadikannya ekonomi berasaskan pengetahuan yang bergantung pada modal insan berkualiti tinggi untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, perkembangan pasaran modal ternyata lebih sesuai untuk menggalakkan jenis projek sedemikian, sama ada melalui pengumpulan dana terus melalui pasaran modal (Manova, 2008) atau saluran bagi firma PE atau VC untuk menjana nilai (Hall dan Lerner, 2010). Ini akan membolehkan pembentukan baharu potensi penciptaan nilai yang lebih tinggi untuk memacu pertumbuhan ekonomi masa hadapan.


Apabila digabungkan, ketiga-tiga ciri tersebut menunjukkan bagaimana pembangunan kewangan mendorong perkembangan ekonomi. Sempadan kemungkinan pengeluaran (Rajah 1) menunjukkan bagaimana perbezaan peringkat perkembangan kewangan merangsang pelbagai bentuk pembangunan ekonomi.

Pembangunan Kewangan: Memangkin Pembangunan Ekonomi Di Malaysia

(Sambungan)

Rajah 1

Bagaimana pembangunan kewangan menyumbang kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara



Rajah di atas adalah berdasarkan sintesis fakta-fakta olahan daripada kajian sedia ada yang mengkaji hubungan pembangunan kewangan - pembangunan ekonomi.

Kedudukan Malaysia dalam Konteks Pembangunan Kewangan Negara

Keluasan, akses, dan kecekapan merupakan penanda penting untuk mengukur pembangunan sistem kewangan sesebuah negara. Menyedari ciri-ciri pelbagai dimensi pembangunan kewangan, IMF telah membangunkan indeks pembangunan kewangan (Svirydzenka, 2016) yang bertujuan untuk menyaring pelbagai konsep dan data ke dalam bentuk penunjuk komposit yang merangkumi tahap pembangunan kewangan sesebuah negara menerusi tiga dimensi tersebut. Hasilnya ialah indeks menyeluruh yang menggambarkan bagaimana sistem kewangan distrukturkan dan sejauh mana ia mampu melaksanakan fungsi-fungsi yang telah ditetapkan dengan baik.


Perbandingan merentas negara antara pembangunan kewangan Malaysia dan ekonomi maju memberikan kefahaman berguna mengenai kedudukan Malaysia ketika ini berbanding sempadan global. Pengukuran indeks pembangunan kewangan (Carta 1) menunjukkan bahawa pembangunan keseluruhan sektor kewangan Malaysia telah meningkat dengan ketara sejak 1980, dan secara beransur-ansur kian setara dengan tahap pembangunan kewangan global.

Melangkah ke hadapan, Malaysia berpeluang untuk meraih kelebihan apabila ia mencapai sempadan pembangunan pasaran modal. Penambahbaikan yang meningkatkan kecekapan pasaran modal – seperti pertambahan kumpulan pelabur dan projek boleh labur, membangunkan instrumen yang memudahkan proses penemuan harga yang cekap bagi segmen pertumbuhan pasaran, atau meningkatkan keupayaan pengantaraan antarabangsa – mampu meningkatkan kerancakan dan kemampuan pasaran untuk meneroka sumber penciptaan nilai baharu dalam ekonomi.

Hasilnya, ini akan memperluaskan saluran bagi aktiviti ekonomi berpertumbuhan tinggi yang berpotensi seperti pembuatan berteknologi tinggi atau perkhidmatan moden untuk menerima pendanaan dan pembiayaan yang diperlukan untuk membangun dan meningkat maju. Pembangunan dan penambahbaikan berterusan terhadap pasaran modal Malaysia akan membawa transformasi struktur yang positif bagi negara dan meraih manfaat daripada potensi ekonomi Malaysia sepenuhnya.

Carta 1

Dari perspektif jangka panjang, sebahagian besar dari pembangunan pasaran modal¹ (CM) Malaysia kian tertumpu kepada sempadan global²



Nota:

¹ IMF menggunakan terma 'Pasaran Kewangan', yang merangkumi pasaran bon dan ekuiti, bagi melambangkan pasaran modal (CM). Untuk keseragaman, Pasaran Kewangan dirujuk sebagai CM dalam rencana ini.

² Sempadan global merujuk kepada negara yang menduduki tangga tertinggi setiap tahun bagi mana-mana indeks dan sub-indeks pembangunan kewangan. Kesemua enam carta mempamerkan indeks dan sub-indeks pembangunan kewangan bagi sempadan global dan Malaysia dalam tempoh setiap lima tahun.

³ Indeks-indeks tersebut meringkaskan tahap pembangunan sesebuah CM dari segi (a) keluasan (ukuran saiz dan keciran pasaran berbanding keluaran dalam negeri kasar (KDNK)), (b) akses (peratusan permodalan pasaran di luar 10 syarikat yang terbesar dan jumlah bilangan penerbit hutang), dan (c) kecekapan (nisbah pusing ganti pasaran saham), yang semuanya menyumbang kepada tahap keseluruhan pembangunan kewangan sesebuah negara.

Sumber: Pangkalan data indeks Pembangunan Kewangan IMF, 2019

Pembangunan Kewangan: Memangkin Pembangunan Ekonomi Di Malaysia

(Sambungan)

Kaedah pengumpulan dana alternatif melalui pasaran swasta seperti PE dan VC, dan platform digital baharu seperti penyelesaian melalui ECF dan pembiayaan P2P, juga menambah nilai kepada pembangunan kewangan negara. Ia melengkapi kaedah pengumpulan dana awam tradisional dengan menarik lebih ramai pelabur, memperluas rangkaian projek boleh labur, dan mempelbagaikan jenis-jenis aktiviti yang boleh menerima pembiayaan. Pembangunan sumber pelaburan alternatif ini turut memastikan pasaran modal tidak hanya memenuhi keperluan syarikat besar dan kukuh, tetapi juga perniagaan baharu yang sedang berkembang. Peranan SC dalam memudahkan carakan pembangunan pasaran ini dirangka untuk mewujudkan ekosistem pasaran modal yang aktif dan menyeluruh yang menyediakan asas bagi transformasi struktur ekonomi Malaysia yang positif.

Melalui pembangunan berterusan ekosistem pasaran modal yang lebih meluas, sesebuah ekonomi memperoleh platform yang kukuh untuk membangunkan firma yang berpotensi untuk meningkatkan taraf struktur ekonomi. Pasaran modal memangkin pelaburan sedemikian yang merangsang peluang pertumbuhan baharu bagi merealisasikan potensi Malaysia sebagai sebuah negara berasaskan pengetahuan, dipacu oleh eksport, dan berpendapatan tinggi.

Rujukan

- Beck, T., Büyükkarabacak, B., Roja, F. and Valev, N. 2012. "Who gets the credit? And does it matter? Household vs firm lending across countries". *The B.E. Journal of Macroeconomics*, vol. 12, issue 1, 1–46.
- Cecchetti, S. and Kharroubi, E. 2015. "Why does financial sector growth crowd out real economic growth?". *BIS Working Papers*, no. 490.
- Estrada, G., Park, D. and Ramayandi, A. 2010. "Financial Development and Economic Growth in Developing Asia". *ADB Economics Working Paper Series*, no. 233.
- Gambacorta, L., Yang, J. and Tsatsaronis, K. 2014. "Financial structure and growth". *BIS Quarterly Review*, March 2014, 21–35.
- Hall, B. and Lerner, J. 2010. "The Financing of R&D and Innovation", in Hall, B. and Rosenberg, N. (eds.), *Handbook of the Economics of Innovation*, vol. 1, 609–639.
- Manova, K. 2008. "Credit Constraints, Equity Market Liberalizations and International Trade". *Journal of International Economics*, 76, 33–47.
- Svyrydzenka, K. 2016. "Introducing a New Broad-Based Index of Financial Development". *IMF Working Paper*, vol. 16, no. 5.
- Xu, L. C. 2015. "Financial Structure and Economic Development", in Lin, J. (ed.), *New Structural Economics: A Framework for Rethinking Development*. Washington D.C., World Bank.

PROSPEK BAGI 2020


Pertumbuhan ekonomi global dijangka meningkat kepada 3.4% pada 2020 daripada anggaran pertumbuhan 3.0% pada 2019⁵. Prospek ini bagaimanapun masih tidak menentu, tertakluk kepada pengurangan berterusan dalam ketegangan perdagangan global, lanjutan daripada penyelesaian perjanjian perdagangan fasa satu antara AS dan China, serta penstabilan dan jangkaan lonjakan semula aktiviti dalam sesetengah EME. Di samping itu, ketegangan geopolitik masih menjadi risiko utama kepada prospek ini. Memandangkan kesalinghubungannya yang kuat dengan ekonomi global, prospek pertumbuhan rantau ASEAN akan tertakluk kepada risiko penurunan yang timbul daripada ketidaktentuan perdagangan dan dasar global yang tersebar luas.

Walau bagaimanapun, ASEAN dijangka kekal sebagai rantau yang paling pesat berkembang di dunia, disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh dan persekitaran dasar yang positif. Di samping itu, integrasi ekonomi yang lebih meluas dalam rantau ASEAN akan terus menyediakan sokongan asas bagi pertumbuhan ekonomi.

Aktiviti dalam pasaran modal global akan terus ditentukan oleh perkembangan dalam ekonomi global dan keadaan kewangan global yang agak mudah, dibantu oleh prospek dasar monetari global yang akomodatif. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan dijangka berterusan, disebabkan oleh peningkatan risiko penurunan pertumbuhan. Prospek ekuiti global umumnya dijangka kekal positif, disokong oleh komitmen berterusan oleh para penggubal dasar global untuk menyokong pertumbuhan.

Carta 14

Pertumbuhan global dijangka dapat dikenalkan dengan pengembangan berterusan dalam ekonomi-ekonomi utama manakala ekonomi ASEAN akan terus kekal sebagai rantau yang paling pesat berkembang

**Pertumbuhan purata KDNK sebenar**



Kawasan	10 tahun praGFC (%)	10 tahun pascaGFC (%)	Unjurian 2020-24 (%)
AS	2.6	2.3	1.7
Kawasan Euro	2.1	1.4	1.4
China	10.2	7.6	5.7

Sumber: Pangkalan data IMF World Economic Outlook, Oktober 2019

⁵ IMF World Economic Outlook, Oktober 2019.

Carta 15

Ekonomi Malaysia dijangka akan dipacu oleh pertumbuhan berterusan aktiviti sektor swasta



Nota:

¹ Pertumbuhan pada 2020-2030 adalah berdasarkan unjuran Wawasan Kemakmuran Bersama Malaysia 2030.

Sumber: DOSM, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, pengiraan SC

Walau bagaimanapun, tempoh berpanjangan bagi persekitaran kadar faedah yang rendah berkemungkinan akan meningkatkan trend mencari hasil, seterusnya menyumbang kepada penilaian berlebihan dalam beberapa pasaran ekuiti. Dalam pasaran bon global, prestasi akan terus menyamai trend keseluruhan dalam pengelakan risiko global dengan jangkaan keluk hasil akan kekal mendatar. Sementara itu, spread kredit antara EME dan AE dijangka kekal terkawal, memandangkan prospek pertumbuhan yang lebih baik dalam EME. Walau bagaimanapun, prestasi keseluruhan EME akan berbeza-beza, memihak kepada EME yang mempunyai asas makroekonomi yang lebih kukuh.

Ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang baik, disokong oleh aktiviti sektor domestik yang kukuh (Carta 15). Pertumbuhan akan disokong oleh aktiviti pembuatan yang mampan dan disokong oleh pengembangan sektor perkhidmatan yang berdaya tahan, terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit. Dari segi permintaan, pasaran buruh yang stabil dalam inflasi yang agak rendah akan terus memacu pengembangan penggunaan swasta, manakala penyambungan projek-projek awam yang strategik dijangka mendorong pertumbuhan pelaburan.

Prospek untuk pasaran modal domestik pada 2020 akan terus dipengaruhi oleh perkembangan utama di peringkat global, dengan ketidaktentuan didorong terutamanya oleh hala tuju dan kadar pertumbuhan ekonomi global dan penetapan dasar monetari global serta ketidakpastian berhubung ketegangan perdagangan dan geopolitik yang sedang berlaku. Selain itu, prestasi pasaran modal domestik juga akan dipengaruhi oleh pembaharuan dasar kerajaan yang lebih jelas. Walau bagaimanapun, pasaran modal Malaysia akan terus memainkan peranan

penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi melalui pembiayaan bagi pengembangan perniagaan dan infrastruktur.

Keseluruhannya, pasaran modal domestik dijangka kekal berdaya tahan dan teratur, didukung oleh asas makroekonomi Malaysia yang kukuh, kecairan domestik yang tinggi dan infrastruktur pasaran modal yang mantap, yang akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2020.

6

BAHAGIAN



BAHAGIAN

6 PENYATA, STATISTIK DAN AKTIVITI

- Ahli Lembaga
- Pasukan Eksekutif
- Ahli Majlis Penasihat Syariah
- Struktur Organisasi
- Pernyataan Tadbir Urus
- Penyata Kewangan
- Cadangan Korporat
- Pengurusan Pelaburan
- Pasaran Modal Islam
- Modal Teroka dan Ekuiti Swasta
- Pendanaan Ekuiti Ramai dan Pembiayaan Antara Rakan Setara
- Pemberian Kebenaran dan Pelesenan
- Penguatkuasaan
- Inisiatif Pemerkasaan Pelabur
- Aduan dan Pertanyaan
- Penerbitan
- 2019 Sekilas Pandang
- Akronim dan Singkatan

AHLI LEMBAGA



AHMAD FARIS
RABIDIN

DATO' WEE HOE SOON
@ GOOI HOE SOON

TAN SRI DR NOORUL
AINUR MOHD NUR

DATUK ZAINAL IZLAN
ZAINAL ABIDIN



DATUK SYED ZAID
ALBAR

DATUK KHAW
LAKE TEE

DATUK D.P.
NABAN

JOHAN MAHMOOD
MERICAN



DATUK SYED ZAID ALBAR

Dilantik 1 November 2018

Datuk Syed Zaid Albar dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada 1 November 2018. Sebelum dilantik sebagai Pengerusi SC, beliau merupakan Rakan Urusan Albar & Partners.

Ketika ini, Datuk Syed Zaid ialah Pengerusi Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDF) dan ahli Lembaga Yayasan Pelaporan Kewangan, serta ahli Pejabat Pengurusan Hutang, Kementerian Kewangan. Datuk Syed Zaid telah dipilih sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa Pasaran Pertumbuhan dan Pesat Membangun (GEM) Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO), dan Pengerusi Bersama Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pasaran Pertumbuhan dan Pesat Membangun GEM IOSCO mengenai Kemampaman dalam Pasaran Pesat Membangun. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pentadbir IOSCO.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 38 tahun dalam amalan perundangan, sebahagian besarnya dalam bidang undang-undang korporat, pasaran modal, perbankan konvensional dan kewangan Islam. Beliau telah diiktiraf atas sumbangan dan pencapaiananya dalam amalan perundangan melalui pelbagai anugerah domestik dan antarabangsa.

Dengan pengalamannya dalam bidang kewangan dan undang-undang, Datuk Syed Zaid telah berkhidmat dalam Jawatankuasa Semakan Undang-Undang Islam BNM dan Jawatankuasa Rayuan Bursa Malaysia Bhd. Beliau juga pernah berkhidmat dalam lembaga pengarah beberapa PLC di Malaysia.

Datuk Syed Zaid memiliki ijazah sarjana muda Undang-undang dari United Kingdom (UK). Beliau memperoleh kelayakan sebagai Barrister-at-Law daripada Lincoln's Inn, UK dan merupakan peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi Malaia.



DATUK ZAINAL IZLAN ZAINAL ABIDIN

Dilantik 5 April 2018

Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif SC pada 5 April 2018.

Beliau menyertai SC pada Januari 2011 sebagai Pengarah Eksekutif, Pasaran Modal Islam dan telah dilantik sebagai Pengarah Urusan, Pembangunan dan Pasaran Islam pada November 2016. Beliau kini memberi pengawasan langsung kepada fungsi Pengawasan dan Penyeliaan SC serta bahagian Sumber Manusia dan Korporat. Beliau juga merupakan Pengerusi Pasaran Modal Malaysia, sebuah entiti yang ditubuhkan oleh SC untuk mempromosikan pasaran modal Malaysia.

Datuk Zainal Izlan mempunyai pengalaman hampir 30 tahun dalam industri perkhidmatan kewangan. Beliau memulakan kerjayanya dengan Citibank sebelum berpindah ke MIDF Amanah Asset Management. Sebelum menyertai SC, Datuk Zainal Izlan adalah Ketua Pegawai Eksekutif i-VCAP Management, sebuah firma pengurusan dana Islam yang berpangkalan di Malaysia.

Datuk Zainal Izlan memiliki ijazah sarjana muda Sains dalam Ekonomi (Perakaunan & Kewangan) dari The Wharton School, University of Pennsylvania, AS, dan merupakan pemegang piagam Penganalisis Kewangan Berkanun (CFA).



TAN SRI DR NOORUL AINUR MOHD NUR

Dilantik 5 April 2018

Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur mempunyai pengalaman lebih 38 tahun dalam sektor awam yang merangkumi beberapa kementerian, termasuk berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia; dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Beliau juga pernah menyandang jawatan utama di Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan, dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Di arena antarabangsa, beliau pernah berkhidmat sebagai Penasihat Kanan di Kumpulan Asia Tenggara Bank Dunia di Washington DC dari tahun 2006 hingga 2008. Pada 2013, beliau dilantik sebagai Naib Presiden Majlis Antara Kerajaan bagi Pengurusan Program Transformasi Sosial Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) bagi rantau Asia Pasifik, jawatan yang disandang hingga 2015.

Tan Sri Noorul juga merupakan rakyat Malaysia pertama yang dipilih sebagai Presiden Suruhanjaya Sains, UNESCO Paris dari 2015 hingga 2017. Tan Sri Dr Noorul memperolehi PhD dalam Sains Politik dari Pusat Pengajian Siswazah, City University of New York, dan memegang sarjana ijazah Sains Sosial (MSocSci) dalam bidang Pentadbiran Pembangunan dari Universiti Birmingham.



DATUK DR KHAW LAKE TEE

Dilantik 17 Ogos 2018

Datuk Dr Khaw Lake Tee adalah bekas Naib Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Sebelum bersara dari Universiti Malaya, Datuk Dr Khaw merupakan profesor di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya di mana beliau mula berkhidmat sebagai pensyarah pada 1982. Di Universiti Malaya, beliau menyandang jawatan Timbalan Naib Canselor Pembangunan dari 2007 hingga 2010 dan Dekan Fakulti Undang-undang dari 2004 hingga 2007.

Datuk Dr Khaw, yang berkelulusan ijazah sarjana muda Undang-Undang (LLB) dari Universiti Malaya, memperoleh ijazah PhD dari London School of Economics dan ijazah sarjana Undang-Undang (LLM) dari Monash University, Melbourne. Beliau menyertai Badan Peguam Malaysia sebagai peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya pada 1979.



JOHAN MAHMOOD MERICAN

Dilantik 17 Ogos 2018

Johan Mahmood Merican kini merupakan Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara Kementerian Kewangan. Sebelum pelantikannya di Pejabat Belanjawan Negara pada 2018, Johan merupakan Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan) di Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri dari 2016.

Johan pernah menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Talent Corporation Malaysia sejak penubuhannya pada Januari 2011 hingga 2016. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri di Kementerian Kewangan dan seterusnya di EPU. Sebelum menyertai perkhidmatan awam pada tahun 2004, Johan berkhidmat dalam sektor swasta selama 9 tahun dalam bidang kewangan korporat dan perakaunan di MRCB, Sime Darby dan PricewaterhouseCoopers.

Johan dilatih sebagai Akauntan Bertauliah serta merupakan ahli Institut Akauntan Bertauliah di England and Wales sejak 1988. Beliau memperoleh ijazah ekonomi daripada University of Cambridge.



AHMAD FARIS RABIDIN

Dilantik 4 November 2018

Ahmad Faris Rabidin merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan Hutang dan Liabiliti. Beliau juga menganggotai lembaga pengarah Petroliam Nasional Bhd (Petronas) dan ahli panel pelaburan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP).

Faris pernah berkhidmat sebagai perunding bebas bersama Bank Pembangunan Asia (ADB) dalam menyediakan bantuan teknikal kepada Badan Pengawas Pasar Modal dan Lembaga Keuangan (Bapepam-LK) dan Otoritas Jasa Keuangan (OJK) Indonesia antara 2006 hingga 2018. Beliau terlibat dalam pelbagai peranan strategik dalam inisiatif pembangunan pasaran bagi pasaran modal dan kewangan Indonesia. Beliau juga merupakan Penasihat Utama bagi Pelan Induk Pasaran Kewangan OJK dan telah merumus Pelan Pembangunan Pasaran Bon Indonesia. Sebelum itu, Faris merupakan Pengarah Wilayah, MainStream & Co Ltd, di mana beliau bertanggungjawab dalam penyelesaian Pengurusan Risiko Perusahaan, rangka kerja pasaran kewangan dan penubuhan Agensi Penetapan Harga Bon di Malaysia dan Indonesia. Faris juga merupakan ahli Jawatankuasa Siasatan 1MDB dan Sekretariat Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) hingga September 2018.

Faris memperoleh ijazah Matematik Aktuari dan Statistik daripada Universiti Heriot Watt, Edinburgh.



DATO' WEE HOE SOON@GOOI HOE SOON

Dilantik pada 1 Januari 2019

Dato' Gooi Hoe Soon mempunyai lebih 35 tahun pengalaman dalam bidang perakaunan dan kewangan korporat. Beliau memainkan peranan penting dalam menjayakan pelaksanaan beberapa urusan korporat, termasuk penggabungan, pengambilalihan dan penstrukturkan semula hutang korporat oleh PLC. Beliau kini menganggotai Lembaga Yinson Holdings Bhd, Red Ideas Holdings Bhd, Perusahaan Sadur Timah Malaysia Bhd dan pengarah gantian bagi Hup Seng Industries Bhd. Dato' Gooi juga merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan Hutang dan Liabiliti.

Dato' Gooi ialah bekas Pengerusi Lembaga Pengarah EON Bank Bhd, Pengerusi Amity Bond Sdn Bhd, Timbalan Pengerusi Avenue Capital Resources Bhd dan ahli lembaga AIA Bhd. Beliau juga pernah menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Eksekutif - Urus Niaga Avenue Securities Sdn Bhd.

Dato' Gooi adalah Ahli Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia.



DATUK D.P. NABAN

Dilantik pada 1 Januari 2019

Datuk Naban kini merupakan Rakan Kanan Lee Hishamuddin Allen & Gledhill. Beliau menyertai Badan Peguam Malaysia pada 1981. Beliau merupakan seorang peguam litigasi yang pakar dalam pertikaian sivil, perdagangan dan cukai. Datuk Naban memiliki ijazah sarjana muda Undang-Undang dari University of London dan ahli Lincoln's Inn, England.

PASUKAN EKSEKUTIF



DATUK SYED ZAID ALBAR
Pengerusi



**DATUK ZAINAL IZLAN ZAINAL
ABIDIN**
Timbalan Ketua Eksekutif



KAMARUDIN HASHIM
Pengarah Eksekutif, Pengawasan
Pasaran dan Korporat



EUGENE WONG WENG SOON*
Pengarah Urusan, Kewangan dan
Pelaburan Korporat

*Menamatkan tempoh perkhidmatan
pada 31 Disember 2019



**NURULHUDA NUR'AINI
MOHAMAD NOR**
Pengarah Eksekutif,
Penguatkuasaan



FOO LEE MEI
Ketua Pegawai Kawal Selia



ONG LIANG HENG
Pengarah Eksekutif,
Pejabat Pengerusi



CHIN WEI MIN
Pengarah Eksekutif,
Strategi Digital dan Inovasi



SALMAH BEE MOHD MYDIN
Pengarah Eksekutif,
Pembangunan Pasaran



NADIAH ABDULLAH
Pengarah Eksekutif, Sumber
Manusia dan Korporat



SHARIFATUL HANIZAH SAID ALI
Pengarah Eksekutif, Pembangunan
Pasaran Modal Islam

AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH



**PROFESOR
MADYA
DR SYED MUSA
SYED JAAFAR
ALHABSHI**

**PROFESOR
MADYA
DR MOHAMED
FAIROOZ
ABDUL KHIR**

**DATO' AHMAD
TAJUDIN
HAJI ABDUL
RAHMAN**

**PROFESOR
DR ASHRAF
MD HASHIM**

**PROFESOR MADYA
DR AZNAN HASAN**
Timbalan
Pengerusi




**DATUK DR MOHD
DAUD BAKAR**
Pengerusi

**PROFESOR
DR ENGKU RABIAH
ADAWIAH
ENGKU ALI**

**DR SHAMSIAH
MOHAMAD**

**PROFESOR
DR ASMADI
MOHAMED
NAIM**

STRUKTUR ORGANISASI



Audit Dalaman

TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF

Strategi Digital & Inovasi

Inovasi

Digital

Analitik

Keselamatan
Siber

Penguatkuasaan

Penyiasatan

Pendakwaan &
Penguatkuasaan
Sivil

Perancangan &
Pengurusan
Penguatkuasaan

**Pengawasan
Pasaran & Korporat**

Pemantauan
Korporat

Pemantauan
Pasaran

Pengawasan
Institusi

Analisis Risiko

**Pengawasan
Pengantara &
Dana**

Pengawasan

Kumpulan
Kewangan
Utama

Pengantara

Kebenaran &
Pelesenan

Sumber Manusia & Korporat

Sumber Manusia -
Perkhidmatan

Teknologi

Kewangan &
Pemerolehan

Pengurusan
Kemudahan &
Perkhidmatan

Pengurusan
Pengetahuan

PERNYATAAN TADBIR URUS

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA) untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia. Misi SC adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan derivatif yang adil, cekap dan telus dan memudah carakan pembangunan teratur bagi sebuah pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing. Ia komited untuk memastikan pelabur dilindungi, pasaran yang adil dan teratur, serta memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik yang muncul daripada pasaran modal. Tanggungjawab, kuasa dan bidang kuasa SC ditakrif dengan jelas dan digariskan dalam undang-undang sekuriti, iaitu SCMA, *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* (CMSA) dan *Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991* (SICDA).

MENGENAI SURUHANJAYA

Ahli-ahli Lembaga

Lembaga bertanggungjawab atas keseluruhan tadbir urus Suruhanjaya. Menteri Kewangan melantik ahli-ahli Lembaga. Ahli-ahli Lembaga terdiri daripada Pengurus, Timbalan Ketua Eksekutif dan 7 ahli lain termasuk individu-individu yang mewakili kerajaan dan sektor swasta. Pengurus diamanahkan dengan pentadbiran harian SC sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 4B(1) SCMA. Satu profil ahli-ahli Lembaga dipaparkan dari muka surat 118 hingga 121 dan pembabitan mereka dalam pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga dinyatakan di muka surat 131.

Pengerusi dilantik untuk tempoh 3 tahun dan layak untuk pelantikan semula apabila tamat tempoh perkhidmatannya. Ahli Lembaga lain pula dilantik untuk tempoh 2 tahun dan layak untuk pelantikan semula apabila tamat tempoh perkhidmatannya.

Individu yang memegang jawatan sepenuh masa dalam mana-mana PLC, menjadi ahli Dewan Rakyat atau/dan Dewan Negara atau menjadi pegawai atau pengarah kepada sesuatu entiti yang dikawal selia oleh Suruhanjaya, tidak layak memegang jawatan sebagai ahli Lembaga. Seorang ahli Lembaga juga tidak layak memegang jawatan sekiranya beliau:

- disabitkan sesuatu kesalahan di bawah undang-undang termasuk penipuan, ketidakjujuran, rasuah atau keganasan;
- diisyihar muflis;
- gagal menjalankan tugasnya;
- gagal menghadiri tiga mesyuarat Lembaga secara berturut-turut tanpa sebab;
- berkelakuan dengan cara yang boleh mencemarkan reputasi Suruhanjaya;
- gagal mendedahkan kepentingannya; atau
- terlibat dalam aktiviti yang boleh mengganggu kebebasannya dalam melaksanakan tugas.

SCMA menghendaki seseorang ahli Lembaga menguruskan konflik kepentingan dengan menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga atau mana-mana jawatankuasanya. Apabila penzahiran telah dibuat, beliau:

- tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Lembaga atau jawatankuasanya; dan
- tidak boleh diambil kira dalam pembentukan korum Lembaga atau jawatankuasanya, berkaitan dengan perkara tersebut.

Fungsi Suruhanjaya

Fungsi Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- Menasihati Menteri tentang semua perkara berkaitan dengan pasaran modal;
- Mengawal selia semua perkara berkaitan dengan pasaran modal;
- Memastikan peruntukan undang-undang sekuriti dipatuhi;
- Mengawal selia pengambilalihan dan percantuman syarikat;
- Menggalakkan dan mengawal selia semua perkara berkaitan dengan pengurusan dana, termasuk skim unit amanah (UTS) dan PRS;
- Bertanggungjawab ke atas penyeliaan dan pemantauan aktiviti mana-mana syarikat pemegangan bursa, bursa saham, rumah penjelasan bursa derivatif, dan depositori pusat;
- Mengambil semua langkah munasabah untuk mengekalkan keyakinan pelabur dalam pasaran modal dengan memastikan perlindungan yang cukup untuk pelabur;
- Meningkatkan dan menggalakkan tatalaku yang betul dalam kalangan organisasi yang mengambil bahagian, peserta, rakan gabungan, peserta depositori serta semua
- individu yang berlesen atau berdaftar di bursa, rumah penjelasan dan depositori pusat, yang mana berkenaan;
- Membasmi amalan tidak sah, tidak bermaruah dan tidak wajar dalam pasaran modal, dan pemberian nasihat pelaburan atau perkhidmatan lain berkaitan dengan pasaran modal;
- Mempertimbangkan dan membuat saranan bagi pembaharuan undang-undang sekuriti;
- Meningkatkan dan menggalakkan pembangunan pasaran modal di Malaysia termasuk penyelidikan dan latihan yang berkaitan;
- Menggalakkan dan meningkatkan kawal seliaan kendiri oleh persatuan profesional atau institusi pasaran dalam pasaran modal;
- Mengeluarkan lesen, mendaftar, memberi kebenaran, meluluskan dan menyelia semua individu yang terbabit dalam aktiviti yang dikawal selia atau menyediakan perkhidmatan pasaran modal sebagaimana yang termaktub di bawah mana-mana undang-undang sekuriti;
- Menggalakkan dan mengekalkan integriti semua individu berlesen, individu berdaftar, individu yang diluluskan dan peserta dalam pasaran modal;
- Mendaftarkan atau mengiktiraf semua juruaudit entiti kepentingan awam (PIE) atau dana berjadual dan menjalankan pengawasan ke atas mana-mana individu yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan PIE atau kumpulan wang jadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal;
- Meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit

di Malaysia, dan menggalakkan dan membangunkan rangka kerja pengawasan audit yang berkesan dan kukuh di Malaysia;

- Mengambil semua langkah munasabah untuk memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik yang timbul daripada pasaran modal;
- Menggalakkan dan mengawal selia tadbir urus korporat dan piawaian perakaunan yang diluluskan bagi syarikat-syarikat tersenarai; dan
- Menetapkan dan meluluskan standard kelayakan profesional bagi pasaran modal.

Suruhanjaya juga mempunyai fungsi dan kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah undang-undang sekuriti.

Mesyuarat Lembaga

Lembaga telah bermesyuarat sebanyak 9 kali pada 2019. Korum yang diperlukan ialah 5. Rekod kehadiran mesyuarat dinyatakan dalam Jadual 1.

Kerja-kerja Lembaga dalam mentadbir urus SC dimudahcaraikan oleh pelbagai jawatankuasa lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 18 dalam SCMA, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 2.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit terdiri daripada ahli bukan eksekutif SC seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, yang dilantik oleh Lembaga. Tujuan, kuasa dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Piagam Jawatankuasa Audit seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pada asasnya, Jawatankuasa Audit memberikan pengawasan terhadap tadbir urus SC, pengurusan risiko dan amalan kawalan dalaman.

Jadual 1

Kehadiran dalam Mesyuarat Lembaga

Ahli Lembaga	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Datuk Syed Zaid Albar	9/9
Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin	9/9
Tan Sri Noorul Ainur Mohd Nur	8/9
Datuk Dr Khaw Lake Tee	9/9
Johan Mahmood Merican	5/9
Ahmad Faris Rabidin	9/9
Dato' Gooi Hoe Soon ¹	8/9
Datuk D.P Naban ²	9/9

¹ Dilantik menganggotai Lembaga pada 1 Januari 2019.

² Dilantik menganggotai Lembaga pada 1 Januari 2019.

Jawatankuasa Audit juga menyediakan pengawasan terhadap aktiviti audit dalaman, termasuk meluluskan Piagam Audit Dalaman dan Pelan Audit Dalaman Tahunan. Jawatankuasa Audit bertanggungjawab untuk menyemak skop, pendekatan dan prestasi audit juruaudit luaran, termasuk mengkaji semua perkara penting yang berkaitan dengan penyata kewangan dengan Pengurusan dan juruaudit luaran. Bagi tahun kewangan semasa, Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak 7 kali.

Majlis Penasihat Syariah

Majlis Penasihat Syariah (MPS) diberikan mandat untuk memastikan pelaksanaan pasaran modal Islam (ICM) mematuhi prinsip Syariah. Ia menasihati Suruhanjaya dalam semua perkara berkaitan dengan perkembangan ICM dan berfungsi sebagai pusat rujukan bagi semua isu ICM.

Jadual 2

Jawatankuasa Lembaga

Jawatankuasa	Tanggungjawab Utama	Ahli-ahli
1. Jawatankuasa Audit	Menyemak keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman SC dan menyemak penyata kewangan tahunan.	<ul style="list-style-type: none"> • Dato' Gooi Hoe Soon (Pengerusi) • Tan Sri Noorul Ainur Mohd Nur • Datuk Dr Khaw Lake Tee • Ahmad Faris Rabidin
2. Jawatankuasa Terbitan	Menilai mana-mana cadangan penerbitan dan penyenaraian sekuriti sesebuah syarikat di pasaran utama; cadangan korporat yang melibatkan pemerolehan aset yang mengakibatkan perubahan besar dalam hala tuju atau dasar sesebuah syarikat tersenarai atau akan disenaraikan di pasaran utama; cadangan korporat yang melibatkan penerbitan sekuriti bagi penggabungan 2 atau lebih syarikat yang tersenarai di pasaran utama; dan pendaftaran prospektus penyenaraian.	<ul style="list-style-type: none"> • Datuk Syed Zaid Albar (Pengerusi) • Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin • Ahmad Faris Rabidin • Dato' Gooi Hoe Soon • Datuk D.P Naban
3. Jawatankuasa Pengambilalihan dan Percantuman	Menyemak permohonan pengambilalihan dan percantuman yang bersifat khusus dan/atau kompleks dan perkara yang berkaitan dengan dasar negara.	<ul style="list-style-type: none"> • Datuk Syed Zaid Albar (Pengerusi) • Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin • Tan Sri Noorul Ainur Mohd Nur • Johan Mahmood Merican • Datuk D.P Naban
4. Jawatankuasa Skim Pelaburan Terurus	Meluluskan penubuhan skim tersenarai.	<ul style="list-style-type: none"> • Datuk Syed Zaid Albar (Pengerusi) • Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin • Tan Sri Noorul Ainur Mohd Nur • Datuk Dr Khaw Lake Tee
5. Jawatankuasa Pelesenan	Menilai dan meluluskan (atau menolak) permohonan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) yang baharu, permohonan wakil peniaga berlesen baharu, pengarah, pengurusan utama atau pegawai pematuhan yang dikemukakan bersama dengan permohonan CMSL baharu, permohonan yang berkaitan dengan penyedia skim persaraan swasta dan mempertimbangkan apa-apa cadangan yang berkaitan dengan isu-isu pelesenan.	<ul style="list-style-type: none"> • Datuk Syed Zaid Albar (Pengerusi) • Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin • Datuk Dr Khaw Lake Tee • Ahmad Faris Rabidin • Dato' Gooi Hoe Soon
6. Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran	Menilai dan merumus ganjaran bagi Pengerusi dan Timbalan Ketua Eksekutif dan membuat cadangan yang sesuai kepada Menteri Kewangan.	<ul style="list-style-type: none"> • Ahmad Faris Rabidin (Pengerusi) • Dato' Gooi Hoe Soon • Datuk D.P Naban

Jadual 3

Ahli Majlis Penasihat Syariah

Bil.	Ahli SAC
1.	Datuk Dr Mohd Daud Bakar – Pengerusi
2.	Profesor Madya Dr Aznan Hasan – Timbalan Pengerusi
3.	Dato' Ahmad Tajudin Haji Abdul Rahman
4.	Profesor Dr Ashraf Md Hashim
5.	Profesor Dr Engku Rabiah Adawiah Engku Ali
6.	Profesor Dr Asmadi Mohamed Naim
7.	Profesor Madya Dr Syed Musa Syed Jaafar Alhabshi
8.	Profesor Madya Dr Mohamed Fairooz Abdul Khir
9.	Dr Shamsiah Mohamad

Jadual 4

Ahli-ahli Lembaga Pemantauan Audit

Bil.	Ahli AOB
1.	Dato' Gumuri Hussain (Pengerusi Bukan Eksekutif)
2.	Alex Ooi Thiam Poh (Pegawai Eksekutif)
3.	Eugene Wong Weng Soon ¹
4.	Hew Ee-Lu
5.	Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner ²
6.	Wong Chong Wah ³
7.	Dato' Darawati Hussain

¹ Menyempurnakan penggalnya sebagai Ahli Lembaga pada 31 Disember 2019.

² Bersara sebagai Ahli Lembaga pada 1 Julai 2019

³ Menyempurnakan penggalnya sebagai Ahli Lembaga pada 31 Disember 2019

Ahli-ahli SAC dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sembilan ahli SAC akan berkhidmat selama tiga tahun bermula dari 1 Julai 2017, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.

Lembaga Pemantauan Audit

Lembaga Pemantauan Audit (AOB) telah ditubuhkan di bawah Bahagian IIIA SCMA dan mandatnya adalah untuk membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsi pengawalseliaannya berkaitan dengan pembangunan rangka kerja pemantauan audit yang berkesan, menggalakkan keyakinan dalam kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit dan mengawal selia juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual.

AOB juga menjalankan pengawasan ke atas individu yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan PIE dan dana berjadual, berkaitan dengan aktiviti pasaran modal. Ahli-ahli AOB dilantik oleh Lembaga (Jadual 4).

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Pengurusan risiko dan kawalan dalaman terus menjadi bahagian penting dalam rangka kerja tadbir urus SC. Rangka kerja kawalan dan pengurusan risiko disemaikan ke dalam budaya, struktur dan proses SC. Pendekatan pengurusan risiko dan kawalan dalaman SC dianjurkan melalui pengaturan yang mantap yang melibatkan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga, jawatankuasa pengurusan dan disokong oleh proses tadbir urus dalaman.

Pengerusi, dengan bantuan Pasukan Eksekutif bertanggungjawab terhadap keberkesanan pengurusan risiko dan kawalan dalaman di SC. Selain itu, satu jawatankuasa pengurusan risiko yang diketuai oleh Pengerusi SC dengan ahli yang terdiri daripada semua ahli Pasukan Eksekutif bertanggungjawab untuk menyediakan cabaran, pertimbangan dan hala tuju strategik yang perlu ke atas isu pengurusan risiko SC. Jawatankuasa Audit, bagi pihak Lembaga, mengkaji kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan

dalam SC. Laporan Risiko Perusahaan juga dibentangkan dan dibincangkan di peringkat Lembaga.

Pengurusan risiko, kawalan dalaman dan pematuhan adalah tiga komponen yang berkaitan untuk memastikan SC mencapai objektifnya, menangani ketidakpastian, tindak balas yang sesuai dengan risiko dan bertindak dengan integriti. Pengurusan risiko adalah untuk menjangka dan menguruskan risiko yang boleh menghalang SC daripada mencapai objektifnya. Kawalan dalaman adalah prosedur sistematik yang dilaksanakan untuk SC menjalankan operasinya secara teratur dan cekap. Pematuhan adalah mengenai memacu inisiatif untuk memastikan budaya etika yang kukuh dan mematuhi piawaian

tadbir urus dalaman, sambil mempromosikan integriti individu.

SC menghadapi pelbagai risiko operasi, yang mungkin mempunyai kesan terhadap kedudukan kewangannya atau menyebabkan gangguan kepada operasinya. Sehubungan ini, sistem pemantauan risiko, pengurusan risiko dan kawalan dalaman disediakan melalui Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan dan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan. SC secara berterusan mempertingkakan pendekatan pengurusan risiko untuk menggalakkan budaya risiko dalam kalangan kakitangan termasuk pengurusan dan penyebaran risiko. SC juga mewujudkan kawalan dalaman yang kukuh bagi mengurus risiko yang timbul daripada operasi harianya.



RISIKO KAKITANGAN

Menguruskan integriti dan tatalaku beretika kakitangan dan pihak berkepentingan

- *Kod Tatalaku bagi Ahli Lembaga* menetapkan jangkaan yang dikehendaki daripada Ahli Lembaga ketika menjalankan tugas mereka.
- *Kod Tatalaku* menetapkan jangkaan yang dikehendaki daripada kakitangan berhubung dengan tatalaku beretika dan standard tatalaku
- *Pernyataan Prinsip dan Standard SC* memudah cara pembabitan bersama yang cekap dan beretika antara SC dan pihak berkepentingan luarnya, termasuk pembekal, kontraktor, vendor dan perunding. SC juga menjangkakan pihak berkepentingannya dan semua peserta pasaran yang berurusan dengan SC untuk mengamalkan prinsip etika yang serupa.
- Saluran maklum balas untuk kakitangan dan ejen SC menyuarakan keimbangan mengenai kelakuan pekerja. Ini termasuk Prosedur Pemberian Maklumat Dalaman bagi individu untuk mendedahkan atau melaporkan kesalahan dalaman atau pelanggaran undang-undang yang disyaki dalam organisasi.
- Rangka Kerja Pengendalian Aduan Luaran Terhadap Kakitangan SC menetapkan proses untuk mengendalikan aduan daripada pihak luar terhadap mana-mana kakitangan SC berhubung dengan pelaksanaan fungsinya
- Proses Pengisytiharan Konflik Kepentingan yang harus dipatuhi oleh ahli-ahli Lembaga dan kakitangan sekiranya menghadapi situasi berkonflik kepentingan.
- *Garis Panduan Pengurusan Pematuhan* yang menyediakan pendekatan berstruktur dalam memastikan pematuhan undang-undang, peraturan dan standard tadbir urus dalaman yang memberi kesan kepada operasi harian SC.
- Program Pematuhan dan Etika, satu alat e-pembelajaran interaktif, bertujuan untuk membantu kakitangan SC memahami prinsip-prinsip piawaian tadbir urus dalaman SC. Modul-modul ini bertujuan untuk menegaskan semula kepentingan mengekalkan piawaian etika, nilai dan tingkah laku yang tinggi bagi SC dan kakitangannya.
- Beberapa program dalaman untuk mengembalikan semula kesedaran kakitangan mengenai keselamatan. Kajian berkala mengenai langkah-langkah keselamatan juga sedang dijalankan. Ini termasuk pembentukan panduan bagi kakitangan dalam menangani ancaman.



RISIKO DATA

Mengurus kerahsiaan, integriti dan ketersediaan data dalaman dan luaran

- *Garis Panduan Pengurangan Kehilangan Data* bertindak sebagai pusat rujukan kepada kakitangan dalam menangani rekod fizikal dan elektronik yang mengandungi maklumat sensitif. Garis Panduan ini memastikan maklumat sensitif dilindungi sewajarnya daripada pendedahan yang tidak dibenarkan dan dilindungi daripada pindaan, rasuah, kehilangan atau disalah guna, mencegah penjejasan reputasi dan memberi kesan buruk kepada pihak berkepentingan kami.

- Dasar Pengurusan Rekod diwujudkan untuk memberikan panduan yang jelas berhubung dengan standard dan prosedur yang perlu ada bagi memastikan SC boleh menggunakan rekod-rekod sebagai bukti dan/atau sebagai maklumat, dalam melaksanakan operasi perniagaan atau obligasi perundangan.



RISIKO PROSES

Mengurus kerahsiaan, integriti dan ketersediaan data dalaman dan luaran

- Sebagai sebahagian daripada usaha membina pemahaman kakitangan mengenai operasi SC, aliran Proses Urusan yang berfungsi sebagai panduan boleh didapati di intranet SC.
- *Dasar dan Garis Panduan Perolehan* yang telah disemak semula yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2019 merangkumi peningkatan proses perolehan hujung-ke-hujung serta pengukuhan tadbir urus dan kawalan perolehan yang baik.



RISIKO INFRASTRUKTUR

Kecukupan dan keberkesaan IT, aset fizikal dan premis operasi

- Pengurusan kesinambungan perniagaan adalah penting kepada pengaturan pengurusan risiko SC untuk mengurangkan gangguan operasi. Ia mengandungi strategi dan pengaturan kesinambungan perniagaan perusahaan untuk membolehkan kesinambungan atau penyambungan semula fungsi kritis, dan pemulihan kepada operasi biasa berikutnya gangguan perniagaan. Rancangan kesinambungan perniagaan disemak dan diuji setiap tahun untuk memastikan kebolehgunaan dan kesesuaian pelan tersebut.

- Dasar Pengguna IT dan Dasar IT diwujudkan bagi memastikan perlindungan yang berkesan dan sistem komputer SC digunakan dengan cara yang betul.

- *Dasar dan Garis Panduan Pengurusan Aset* menetapkan tatalaku bagi pengendalian aset di SC untuk memastikan aset tetap SC dilindungi dan dimasuk kira dengan betul, diselenggara dengan baik dan berada dalam keadaan boleh digunakan.

AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman (IAD) membantu Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. IAD melapor terus kepada Jawatankuasa Audit, yang menentukan kecukupan skop dan fungsi jabatan. IAD mencapai objektifnya dengan menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menambah baik keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus organisasi.

IAD melaksanakan tanggungjawabnya dengan melakukan semakan berdasarkan pelan audit dalaman yang telah diluluskan, yang dibangunkan menggunakan metodologi berdasarkan risiko. Aktiviti utama IAD untuk tahun 2019 termasuk pelaksanaan audit yang kebanyakannya berdasarkan risiko ke atas bidang-bidang yang dikenal pasti dalam pelan audit dalaman. Keputusan daripada pengauditan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh fungsi audit dalaman dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk semakan. Sekiranya perlu, audit dalaman menjalankan pengauditan susulan untuk memastikan tindakan pembetulan pihak Pengurusan dilaksanakan dengan sewajarnya dan memaklumkan status tindakan utama kepada Jawatankuasa Audit. Di samping itu, IAD memainkan peranan sebagai penasihat dalam melaksanakan aktiviti pengauditannya.

IAD juga menyemak Piagam Jawatankuasa Audit dan Piagam Audit Dalaman bagi memastikan ianya selaras dengan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman.

PIHAK BERKEPENTINGAN LUAR DAN KOMUNIKASI AWAM

Komunikasi yang tekal dan berterusan dengan peserta pasaran modal adalah perlu untuk memudah cara pelunasan tanggungjawab SC secara berkesan. Mesyuarat dan perbincangan kerap bersama pihak berkepentingan utama kami membolehkan kami menyediakan dasar yang

bersifat fasilitatif, rangka kerja pengawalseliaan yang mantap dan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan berterusan pasaran modal. Semua siaran media, bahan terbitan, garis panduan, laporan tahunan serta kertas rundingan dan maklum balas dipaparkan dalam laman sesawang rasmi kami, www.sc.com.my. SC juga menyediakan kemas kini mengenai kerja-kerjanya di media sosial melalui Twitter.

Pejabat Pengguna dan Pelabur SC bertindak sebagai salah satu saluran penting dalam pembabitan bersama pelabur dan orang ramai. Pejabat ini menerima dan mengendalikan aduan dan pertanyaan awam berkaitan dengan pasaran modal. Di samping itu, ia bertanggungjawab ke atas strategi pemerkasaan pelabur SC di bawah jenama InvestSmart® yang disasarkan kepada orang awam dan pelabur dari semua peringkat kehidupan. Melalui InvestSmart®, SC melaksanakan pelbagai inisiatif melalui kaedah yang berbeza seperti pameran, seminar, jerayawara, media digital dan sosial, berdasarkan pembutan keputusan pelaburan yang baik.

Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) merupakan badan yang diluluskan oleh SC untuk mengendalikan pertikaian berkenaan pasaran modal yang melibatkan tuntutan monetari oleh pelabur terhadap ahli-ahlinya. Ahli-ahli SIDREC ialah pengantara berlesen dan individu berdaftar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual 4 CMSA, yang menjalankan urus niaga dalam sekuriti, derivatif, PRS dan pengurus dana di Malaysia. Mereka terdiri daripada bank, broker saham, broker niaga hadapan, pengurus dana, syarikat pengurusan unit amanah, penyedia dan pengedar PRS serta 2 institusi kewangan pembangunan (DFI) khusus. SIDREC menyediakan saluran yang bebas dan tidak berat sebelah bagi tuntutan bagi pertikaian antara pelabur dan ahli-ahli SIDREC. Penyediaan akses yang berkesan dan murah untuk membuat tuntutan membentuk sebahagian daripada amalan terbaik di peringkat antarabangsa dan ia menyokong inisiatif perlindungan dan pemerkasaan pelabur.

Di bawah Skim Mandatori SIDREC bagi tuntutan di bawah RM250,000, ahli-ahli SIDREC dikehendaki mengambil bahagian dalam proses penyelesaian pertikaian SIDREC. Perkhidmatan di bawah Skim Mandatori ini adalah percuma kepada pelabur. Di bawah Skim Sukarela, di mana kedua-dua pihak mesti bersetuju untuk menggunakan khidmat pakar SIDREC, pihak SIDREC berupaya menerima tuntutan melebihi RM250,000 bagi pengantaraan dan adjudikasi serta pengantaraan yang dirujuk oleh mahkamah.

Selain daripada pembabitan dengan ahli SIDREC dan pelabur yang membuat tuntutan semasa proses penyelesaian pertikaian, SIDREC mengadakan sesi pertemuan bersama pelabur awam melalui inisiatif kesedarnya. Pada masa yang sama SIDREC juga bertemu dengan ahlinya, Suruhanjaya dan pihak berkepentingan lain, seperti persatuan industri dan organisasi swaatur (SRO) untuk berkongsi dan memberikan penerangan menyeluruh tentang pemerhatian

TAHUKAH? ANDA

Pada 2019, SC mengadakan lebih 1,300 sesi pembabitan bersama pelbagai pihak berkepentingan berhubung pembangunan pasaran dan produk, menggalakkan inovasi dalam penawaran perkhidmatan dan produk, serta menyediakan panduan kawal selia melalui rundingan.

positif serta apa-apa kebimbangan yang timbul daripada proses penyelesaian pertikaianya. Usaha ini memberikan maklumat bermanfaat kepada pasaran, pelabur dan pengawal selia. SIDREC mempunyai obligasi untuk melapor kepada Suruhanjaya tentang isu-isu sistemik yang mungkin timbul daripada pertikaian yang diterima.

PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan bagi tahun
berakhir 31 Disember 2019

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM'000	2018 RM'000
Aset bukan semasa			
Harta, kelengkapan dan peralatan	3	152,515	163,377
Aset dengan hak penggunaan	4	6,843	-
Penghutang jangka panjang	5	5,207	6,324
Pelaburan lain	6	165,182	475,052
		<hr/> 329,747	<hr/> 644,753
Aset semasa			
Pelaburan lain	6	581,421	262,459
Penghutang dan pelbagai penghutang	7	27,141	23,722
Tunai dan setara tunai	8	95,230	64,024
		<hr/> 703,792	<hr/> 350,205
Jumlah aset		<hr/> <hr/> 1,033,539	<hr/> <hr/> 994,958
Rizab			
Rizab dana pampasan	9	100,000	100,000
Lebihan terkumpul		767,234	757,165
		<hr/> 867,234	<hr/> 857,165
Liabiliti bukan semasa			
Manfaat persaraan	10	80,650	75,690
Pendapatan tertunda	11	607	3,331
		<hr/> 81,257	<hr/> 79,021
Liabiliti semasa			
Pendapatan tertunda	11	1,984	1,244
Pelbagai pembiutang dan akruan	12	83,064	57,528
		<hr/> 85,048	<hr/> 58,772
Jumlah liabiliti		<hr/> <hr/> 166,305	<hr/> <hr/> 137,793
Jumlah rizab dan liabiliti		<hr/> <hr/> 1,033,539	<hr/> <hr/> 994,958

Nota pada muka surat 142 hingga 168 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN
PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Nota	2019 RM'000	2018 RM'000
Pendapatan			
Levi		130,880	150,354
Yuran dan caj		12,188	15,392
Yuran pelesenan		3,223	3,236
Pendapatan kewangan		32,166	31,976
Yuran pendaftaran		3,099	3,130
Pendapatan lain		36,572	5,452
	13	218,128	209,540
Tolak: Perbelanjaan			
Kos kakitangan	14	155,744	157,575
Perbelanjaan pentadbiran		32,211	32,122
Susut nilai harta, kelengkapan dan peralatan	3	10,896	10,962
Susut nilai aset dengan hak penggunaan	4	92	-
Perbelanjaan sewa		1,816	1,775
		200,759	202,434
Lebihan operasi bersih			
Tolak: Dana kepada badan-badan bersekutu	15	17,369 (7,300)	7,106 (9,150)
Lebihan/(Defisit) sebelum cukai	16	10,069	(2,044)
Perbelanjaan cukai	17	-	-
Lebihan/(Defisit) selepas cukai dan jumlah pendapatan (perbelanjaan) komprehensif bagi tahun		10,069	(2,044)

Nota pada muka surat 142 hingga 168 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN DALAM
EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019**

	Rizab dana pampasan RM'000	Lebihan terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2018	100,000	759,209	859,209
Defisit dan jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun	-	(2,044)	(2,044)
Pada 31 Disember 2018/1 Januari 2019	100,000	757,165	857,165
Lebihan dan jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	10,069	10,069
Pada 31 Disember 2019	100,000	767,234	867,234

Nota 9

Nota pada muka surat 142 hingga 168 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019**

	Nota	2019 RM'000	2018 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Lebihan/(Defisit) sebelum cukai		10,069	(2,044)
<i>Pelarasan untuk:</i>			
Susut nilai harta, kelengkapan dan peralatan	3	10,896	10,962
Susut nilai aset dengan hak penggunaan	4	92	-
Pelunasan pendapatan tertunda		(1,984)	(1,244)
Pemulihan kos perundangan/penguatkuasaan		(11,210)	-
Pendapatan kewangan		(32,166)	(31,976)
Keuntungan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan		(50)	(120)
Pelarasan kos harta, kelengkapan dan peralatan		396	-
Defisit operasi sebelum perubahan modal kerja		(23,957)	(24,422)
<i>Perubahan dalam modal kerja:</i>			
Manfaat persaraan		4,960	4,932
Penghutang dan pelbagai penghutang		(1,086)	9,432
Pembiutang lain dan akruan		14,240	(1,844)
Tunai bersih digunakan daripada aktiviti operasi		(5,843)	(11,902)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Kematangan pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan		91,251	31,464
Peningkatan dalam deposit terhad		(12,730)	(6,479)
Peningkatan dalam pelaburan dalam deposit di bank berlesen		(100,343)	(43,664)
Pendapatan kewangan diterima		30,950	32,830
Hasil daripada pemulihan kos perundangan / penguatkuasaan		22,506	-
Hasil daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan		59	332
Pembelian harta, kelengkapan dan peralatan		(7,374)	(7,137)
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		24,319	7,346
Peningkatan/(penurunan) bersih dalam tunai dan setara tunai Tunai dan setara tunai pada 1 Januari		18,476	(4,556)
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember		26,077	30,633
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember		44,553	26,077
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:			
Tunai dan baki di bank	8	23,155	16,242
Deposit di bank berlesen	8	72,075	47,782
Tolak: Deposit terhad		95,230 (50,677)	64,024 (37,947)
		44,553	26,077

Nota pada muka surat 142 hingga 168 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA BAGI PENYATA KEWANGAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) adalah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 (SCMA) untuk pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal. SC mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan institusi pasaran termasuk bursa dan rumah penjelasan, dan mengawal selia setiap individu yang berlesen di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Alamat SC adalah seperti yang berikut:

3, Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

Penyata kewangan ini diluluskan oleh Ahli Lembaga pada 30 Januari 2020.

1. Asas penyediaan

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan SC telah disediakan mengikut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* (MFRS) dan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa*.

Berikut merupakan piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran rangka kerja yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) belum diguna pakai oleh SC:

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020

- Pindaan ke atas MFRS 3, *Kombinasi Perniagaan – Definisi Perniagaan*
- Pindaan ke atas MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan* dan MFRS 108, *Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan – Definisi Material*
- Pindaan ke atas MFRS 9, *Instrumen Kewangan*, MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* dan MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan – Pembaharuan Ukur Rujuk Kadar Faedah*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi satu tarikh yang belum ditentukan

- Pindaan ke atas MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Penjualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama*

SC merancang untuk menggunakan piawaian, pindaan dan interpretasi yang dinyatakan di atas yang terpakai dan berkuatkuasa dari tempoh tahunan masing masing bermula pada atau selepas 1 Januari 2020, kecuali MFRS 3 yang tidak berkenaan dengan SC.

SC tidak merancang untuk menggunakan piawaian, pindaan dan tafsiran lain dijangka tidak memberi sebarang kesan kewangan yang ketara ke atas penyata kewangan tempoh semasa dan sebelum SC.

Gunapakai permulaan piawaian, pindaan dan tafsiran lain dijangka tidak memberi sebarang kesan kewangan yang ketara ke atas penyata kewangan tempoh semasa dan sebelum SC.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan SC disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali yang dinyatakan dalam Nota 2.

(c) Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi SC. Semua maklumat kewangan dinyatakan dalam RM dan dibundarkan kepada nilai ribu terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan dalam pematuhan dengan MFRS memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang menjelaskan pemakaian dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Penyemakan anggaran perakaunan dikira dalam tempoh yang anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang berkenaan.

Tidak terdapat perkara ketidakpastian ketara pada anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ke atas amaun yang dikira dalam penyata kewangan kecuali seperti yang berikut:

(i) Manfaat persaraan

Peruntukan ini ditentukan dengan penilaian aktuari yang disediakan oleh aktuari bebas. Penilaian aktuari melibatkan andaian mengenai kadar diskoun, kadar inflasi perubatan, umur persaraan dan jangka hayat. Oleh itu, jumlah peruntukan anggaran ini tertakluk kepada ketidakpastian yang ketara. Andaian yang digunakan untuk menganggarkan peruntukan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 10.

2. Dasar-dasar perakaunan utama

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna secara konsisten dalam tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan telah diguna secara konsisten oleh SC, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Berikutan daripada penggunaan MFRS 16, *Pajakan*, terdapat perubahan kepada dasar-dasar perakaunan diterima pakai ke atas kontrak pajakan dimeterai oleh SC berbanding dengan yang diterima pakai dalam penyata kewangan terdahulu. Kesan yang timbul daripada perubahan ke atas penyata kewangan di atas didekahkan dalam Nota 23.

(a) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, SC menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Aset kewangan (melainkan jika adalah penghutang perdagangan tanpa komponen pembiayaan penting) atau liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama tambah atau tolak, untuk item yang tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau terbitannya. Penghutang perdagangan tanpa komponen pembiayaan penting pada awalnya diukur pada harga transaksi.

Instrumen kewangan diiktiraf secara berasingan daripada kontrak utama di dalam keadaan di mana instrumen kewangan tidak diiktiraf pada nilai saksamanya melalui untung atau rugi. Kontrak utama, sekiranya terbitan terbenam diiktiraf secara berasingan, diambil kira mengikut dasar yang terpakai kepada sifat kontrak utama.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Aset kewangan

Kategori aset kewangan ditentukan berdasarkan pengiktirafan awal dan tidak dikelaskan semula selepas pengiktirafan awalnya melainkan SC mengubah model perniagaannya untuk menguruskan aset kewangan yang mana semua aset kewangan yang terlibat diklasifikasikan semula pada hari pertama tempoh pelaporan pertama berikutan perubahan daripada model perniagaan.

Kos terlunas

Kategori kos terlunas terdiri daripada instrumen kewangan yang dipegang dalam model perniagaan di mana objektif adalah untuk memegang aset bagi mengumpul aliran tunai kontraktual dan terma kontraknya menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Aset kewangan tidak ditetapkan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan ini diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan. Kos yang dilunaskan dikurangkan dengan kerugian kemerosotan nilai. Pendapatan faedah, kemerosotan nilai dan sebarang keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada jumlah bawaan kasar kecuali bagi aset kewangan terjejas kredit (lihat Nota 2 (e)(i)) di mana kadar faedah berkesan digunakan untuk kos yang dilunaskan.

Liabiliti kewangan

Kos terlunas

Liabiliti kewangan tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Perbelanjaan faedah adalah diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan turut diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iii) Pembatalan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengekalan kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhususkan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Suatu liabiliti kewangan juga tidak diiktiraf sekiranya terma-termanya diubahsuai dan aliran tunai liabiliti yang diubahsuai adalah sangat berbeza, di mana liabiliti kewangan baharu berdasarkan terma yang diubahsuai diiktiraf pada nilai saksama. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(iv) Mengofset

Aset kewangan dan liabiliti kewangan akan diofset dan jumlah bersih dibentangkan di penyata kewangan kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, SC mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengofset jumlah tersebut, sama ada untuk menyelesaiannya secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

(b) Harta, kelengkapan dan peralatan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

Item harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos tolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa rosot nilai terkumpul.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung menyebabkan pemerolehan aset dan apa-apa kos lain yang secara langsung membawa aset kepada keadaan bekerja bagi kegunaan yang dirancang, dan kos merungkai dan menanggalkan item tersebut dan memulihkan tapak tempat ia diletakkan. Perisian yang dibeli yang penting kepada kefungsian kelengkapan yang berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

Apabila bahagian ketara, jika ada, bagi satu-satu item harta, kelengkapan dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berbeza, ia dikira sebagai item berasingan (komponen utama) bagi harta, kelengkapan dan peralatan.

Keuntungan dan kerugian bagi jualan item harta, kelengkapan dan peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil daripada jualan dengan amaun bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan dan dikira bersih dalam "pendapatan lain" dan "perbelanjaan lain", masing-masing dalam keuntungan dan kerugian.

(ii) Kos berikutan

Kos menggantikan sebahagian daripada unit harta, kelengkapan dan peralatan dikira dalam amaun bawaan bagi unit tersebut jika ada manfaat ekonomi akan datang yang berkemungkinan terangkum dalam komponen tersebut, akan mengalir kepada SC dan kosnya dapat diukur dengan pasti. Amaun bawaan bagi komponen yang diganti dibatalkan pengiktirafan dalam keuntungan atau kerugian. Kos penyelenggaraan harian harta, kelengkapan dan peralatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian semasa ia berlaku.

(iii) Susut nilai

Susut nilai dikira berdasarkan kos aset tolak nilai bakinya. Komponen ketara aset individu dinilai, dan jika suatu komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza daripada baki aset, maka komponen tersebut disusut nilai berasingan.

Susut nilai dikira dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan kaedah garis lurus bagi anggaran hayat berguna bagi setiap komponen unit harta, kelengkapan dan peralatan dari tarikh ia tersedia untuk digunakan. Loji dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusutnilai sehingga aset tersebut sedia digunakan.

Anggaran hayat berguna bagi tahun semasa dan tahun bandingan adalah seperti yang berikut:

	Tahun semasa	Tahun bandingan
Tanah pajakan	-	Tempoh pajakan selama 99 tahun berakhir pada 2094 and 2096
Bangunan	50 tahun	50 tahun
Peralatan pejabat, perabut dan kelengkapan	5 – 10 tahun	5 – 10 tahun
Komputer dan sistem aplikasi	3 tahun	3 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun	5 tahun

Kaedah susut nilai, tempoh hayat berguna dan nilai baki disemak pada penghujung tempoh pelaporan dan dilaraskan menurut kesesuaian.

(c) Pajakan

SC telah menggunakan MFRS 16 mengikut pendekatan retrospektif yang diubah suai. Sehubungan dengan itu, maklumat perbandingan yang dibentangkan bagi tahun 2018 tidak dinyatakan semula – iaitu ia dibentangkan, seperti yang dilaporkan sebelum ini di bawah MFRS 117, *Pajakan* dan interpretasi yang berkaitan.

Tahun kewangan semasa

(i) Definisi pajakan

Suatu kontrak, adalah atau mengandungi, suatu pajakan jika kontrak tersebut menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti bagi suatu tempoh masa sebagai pertukaran untuk pembayaran. Untuk menilai sama ada suatu kontrak menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti, SC menilai sama ada:

- kontrak tersebut melibatkan penggunaan aset yang dikenal pasti – ini boleh dinyatakan dengan khusus sama ada secara jelas atau tidak, dan hendaklah berbeza secara fizikal atau mewakili sebahagian besar keupayaan aset yang berbeza secara fizikal. Jika pembekal mempunyai hak penggantian besar, maka aset itu tidak akan dikenal pasti;
- sebagai pemajak, SC mempunyai hak untuk memperoleh sebahagian besar manfaat ekonomi melalui penggunaan aset tersebut sepanjang tempoh penggunaan; dan
- sebagai pemajak, SC berhak menentukan penggunaan aset tersebut. SC mempunyai hak ini apabila ia mempunyai hak untuk membuat keputusan yang paling wajar untuk mengubah kaedah dan tujuan aset tersebut digunakan. Dalam kes-kes yang jarang berlaku di mana keputusan tentang kaedah dan tujuan aset tersebut digunakan telahpun ditentukan lebih awal, SC mempunyai hak untuk menentukan penggunaan aset itu jika SC mempunyai hak untuk mengendalikan aset itu; atau SC merekacipta aset dengan cara yang menentukan lebih awal kaedah dan tujuan ia akan digunakan.

Pada permulaan atau penilaian semula kontrak yang mengandungi komponen pajakan, SC memperuntukkan pembayaran dalam kontrak bagi setiap komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga berasingan masing-masing. Walau bagaimanapun, untuk pajakan harta tanah di mana SC merupakan pemajak, SC memutuskan untuk tidak memisahkan komponen bukan pajakan dan sebaliknya akan mengira komponen pajakan dan bukan pajakan sebagai komponen pajakan tunggal.

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Sebagai pemajak

SC telah mengelaskan tanah pegangan pajakan yang pada dasarnya merupakan pajakan kewangan sebagai aset dengan hak penggunaan. Bagi pajakan yang dikelaskan sebagai pajakan kewangan di bawah MFRS 117, amaun dibawa aset dengan hak penggunaan dan liabiliti pajakan pada 1 Januari 2019 ditentukan sebagai sama dengan amaun bawaan aset pajakan dan liabiliti pajakan tersebut di bawah MFRS 117 sejurus sebelum tarikh tersebut.

SC telah memutuskan untuk tidak mengiktiraf aset dengan hak penggunaan dan liabiliti pajakan bagi pajakan jangka pendek yang mempunyai tempoh pajakan 12 bulan atau kurang dan pajakan aset bernilai rendah. SC mengiktiraf pembayaran yang berkaitan dengan pajakan tersebut sebagai perbelanjaan mengikut garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(iii) Pengukuran seterusnya

Sebagai pemajak

Aset dengan hak penggunaan kemudiannya disusut nilai dengan menggunakan kaedah garis lurus dari tarikh permulaan hingga tarikh awal penghujung hayat gunaan aset dengan hak penggunaan atau penghujung tempoh pajakan. Anggaran hayat gunaan aset dengan hak penggunaan ditentukan mengikut asas yang sama seperti harta tanah, loji dan peralatan. Di samping itu, aset dengan hak penggunaan dikurangkan secara berkala oleh kerugian rosot nilai, jika ada, dan diselaraskan untuk penilaian semula liabiliti pajakan tertentu.

Tahun kewangan sebelumnya

Sebagai pemajak

(i) Pajakan kewangan

Tanah pegangan pajakan yang pada dasarnya merupakan pajakan kewangan diklasifikasikan sebagai harta tanah, loji dan peralatan, atau sebagai harta tanah pelaburan jika dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau untuk tambah nilai modal atau kedua-duanya.

(ii) Pajakan kendalian

Pajakan, sekiranya SC tidak menanggung sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kendalian dan, aset yang dipajak tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan kendalian diiktiraf dalam untung atau rugi mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diterima telah diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai bahagian yang penting daripada jumlah perbelanjaan pajakan, sepanjang tempoh pajakan. Sewaan luar jangka dicajkan kepada untung atau rugi dalam tempoh pelaporan di mana ia berlaku.

Tanah pegangan pajakan yang pada dasarnya merupakan pajakan kendalian dikelaskan sebagai bayaran pajakan prabayar.

(d) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki dan simpanan di bank yang mempunyai risiko tidak ketara dalam perubahan nilai saksama dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh SC dalam pengurusan komitmen jangka pendeknya. Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dinyatakan selepas ditolak deposit terhad.

(e) Rosot nilai

(i) Aset kewangan

SC mengiktiraf eluan kerugian yang dijangka kerugian kredit ke atas aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan. Kerugian kredit yang dijangkakan adalah anggaran wajaran kerugian kredit.

SC mengukur eluan kerugian pada jumlah yang sama dengan jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat, kecuali sekuriti hutang yang ditentukan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh laporan, tunai dan kesamaan tunai yang mana risiko kredit tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, yang mana diukur pada jangkaan kerugian kredit selama 12 bulan. Eluan rugi bagi penghutang perdagangan sentiasa diukur pada jumlah yang sama dengan kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat.

Apabila menentukan sama ada risiko kredit aset kewangan meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal dan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan, SC menimbangkan maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai

yang relevan dan tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Ini termasuk maklumat dan analisis kuantitatif dan kualitatif, berdasarkan pengalaman sejarah SC dan penilaian kredit yang dimaklumkan dan termasuk maklumat berpandangan ke hadapan, jika ada.

Kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat adalah kerugian kredit yang dijangkakan yang disebabkan oleh semua kemungkinan peristiwa ingkar sepanjang jangkaan hayat aset tersebut, manakala kerugian kredit dijangka selama 12 bulan adalah sebahagian daripada kerugian kredit yang dijangkakan yang berhasil daripada peristiwa lalai yang mungkin dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Tempoh maksimum yang dipertimbangkan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan adalah tempoh kontrak maksimum yang mana SC terdedah kepada risiko kredit.

SC menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan pada penghutang perdagangan dengan menggunakan matriks peruntukan dengan merujuk kepada pengalaman kerugian kredit sejarah.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan diiktiraf dalam untung atau rugi dan amaan dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Pada setiap tarikh pelaporan, SC menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan adalah kredit terjejas. Aset kewangan adalah kredit terjejas apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Jumlah bawaan kasar aset kewangan dihapus kira (sama ada sebahagian atau penuh) setakat bahawa tiada prospek pemulihan realistik. Ini biasanya berlaku apabila SC menentukan bahawa penghutang tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang boleh menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik jumlah yang tertakluk kepada penolakan itu. Walau bagaimanapun, aset kewangan yang dihapuskan masih boleh tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan untuk mematuhi prosedur SC untuk pemulihan jumlah yang perlu dibayar.

(ii) Aset lain

Nilai bawaan aset lain disemak pada penghujung setiap tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa tanda-tanda rosot nilai. Jika tanda-tanda tersebut wujud, maka nilai boleh pulih aset dianggarkan.

Untuk menguji rosot nilai, aset dikelompokkan ke dalam kelompok kecil yang menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya tidak bergantung pada aliran masuk tunai aset lain atau unit penjanaan tunai. Nilai boleh pulih satu-satu aset atau unit penjanaan tunai adalah nilainya yang lebih besar dalam penggunaan dan nilai saksamanya tolak kos pelupusan. Semasa menaksir nilai dalam penggunaan, aliran tunai akan datang yang dianggarkan diturunkan kepada nilai semasanya dengan menggunakan kadar penurunan sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset atau unit penjanaan tunai.

Kerugian rosot nilai diiktiraf jika nilai bawaan aset atau unit penjanaan tunainya yang berkaitan melebihi jangkaan nilai boleh pulihnya. Rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Kerugian rosot nilai yang dikira dalam tempoh terdahulu ditaksir pada penghujung setiap tempoh pelaporan bagi melihat apa-apa tanda yang menunjukkan kerugian tersebut telah berkurang atau tidak lagi wujud. Kerugian rosot nilai ditarik balik jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan nilai boleh pulih sejak kerugian rosot nilai yang lalu dikira. Kerugian rosot nilai ditarik balik hanya setakat nilai yang nilai bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan yang mungkin telah ditentukan, tolak susut nilai atau pelunasan, jika kerugian rosot nilai tidak dikira. Penarikbalikan kerugian rosot nilai dikreditkan ke dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan penarikbalikan tersebut dikira.

(f) Hasil dan pendapatan lain

(i) Hasil

Hasil diukur berdasarkan pertimbangan yang ditentukan dalam kontrak dengan pelanggan sebagai pertukaran untuk memindahkan perkhidmatan kepada pelanggan, tidak termasuk jumlah yang dikutip bagi pihak ketiga. SC mengiktiraf hasil apabila (atau sebagai) ia memindahkan kawalan ke atas perkhidmatan kepada pelanggan. Aset dipindahkan apabila (atau sebagai) pelanggan memperoleh kawalan aset tersebut.

SC memindahkan kawalan ke atas sesuatu barang atau perkhidmatan pada satu-satu masa kecuali satu daripada kriteria masa lampau dipenuhi:

- (a) Pelanggan secara serentak menerima dan menggunakan manfaat yang disediakan oleh SC;
- (b) prestasi SC mewujudkan atau menambah aset yang dikawal oleh pelanggan sebagai aset dicipta atau dipertingkatkan; atau
- (c) prestasi SC tidak mewujudkan aset dengan penggunaan alternatif dan SC mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk pembayaran untuk prestasi yang disempurnakan setakat ini.

(ii) Geran kerajaan

Geran kerajaan diiktiraf pada mulanya sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama apabila terdapat jaminan munasabah bahawa mereka akan diterima dan SC akan mematuhi syarat yang berkaitan dengan pemberian itu; mereka kemudian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sebagai pendapatan lain secara sistematik sepanjang hayat berguna aset tersebut.

Geran yang mengimbangi SC bagi perbelanjaan yang ditanggung diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain secara sistematik dalam tempoh yang sama di mana perbelanjaan diiktiraf.

(iii) Yuran dan caj

Pendapatan yuran dan caj diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila hak untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

(iv) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru menggunakan kaedah faedah berkesan dalam keuntungan atau kerugian.

(g) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur secara tidak terdiskaun dan dikira sebagai perbelanjaan bagi perkhidmatan berkaitan yang diberikan.

Liabiliti diiktiraf bagi amaun yang jangka akan dibayar jika SC mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif semasa untuk membayar amaun ini disebabkan oleh perkhidmatan lampau yang diberikan oleh kakitangan dan obligasi tersebut dapat dianggar dengan andal.

(ii) Pelan caruman

Caruman SC ke dalam dana persaraan berkanun dicajkan ke dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan yang berkaitan dengannya. Caruman prabayar dikira sebagai aset setakat pembayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa mendatang, jika ada.

(iii) Pelan manfaat wajib

Manfaat persaraan

SC memperuntukkan manfaat perubatan persaraan kepada kakitangan yang layak, yang diambil bekerja sebelum 1 Januari 2003.

Obligasi SC dalam pelan manfaat wajib ini dikira dengan menganggar amaun manfaat akan datang yang berhak diterima oleh kakitangan dalam tempoh semasa dan sebelumnya dan mendisksaun amaun tersebut.

Pengiraan obligasi manfaat wajib dilaksanakan oleh aktuari bertauliah bebas dengan menggunakan kaedah unjuran kredit unit. Apabila pengiraan terima menunjukkan potensi aset bagi SC, aset yang dikira dihadkan kepada nilai semasa manfaat ekonomi yang ada dalam bentuk apa-apa pulangan masa depan daripada pelan atau pengurangan dalam sumbangan masa depan kepada pelan tersebut. Untuk mengira nilai semasa manfaat ekonomi, perhatian diberikan kepada mana-mana keperluan pendanaan minimum yang terpakai.

Pengukuran semula liabiliti manfaat wajib bersih, yang terdiri daripada laba dan kerugian aktuari, dikira terus dalam pendapatan komprehensif lain. SC menentukan perbelanjaan atau pendapatan faedah bersih bagi liabiliti wajib bersih atau aset bagi tempoh tersebut dengan menggunakan kadar penurunan yang digunakan untuk mengukur obligasi manfaat wajib pada permulaan tempoh tahunan bagi liabiliti manfaat wajib atau aset bersih, dengan mengambil kira apa-apa perubahan dalam liabiliti manfaat wajib atau aset bersih dalam tempoh tersebut sebagai bayaran caruman dan manfaat.

Kos dan perbelanjaan berhubung dengan pelan manfaat wajib dikira dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila manfaat satu-satu pelan diubah atau apabila satu-satu pelan dipendekkan, perubahan dalam manfaat yang berkait dengan perkhidmatan lampau atau laba atau kerugian daripada pemendekan tersebut dikira terus dalam keuntungan atau kerugian. SC mengira laba dan keuntungan dalam penyelesaian pelan manfaat wajib apabila penyelesaian berlaku.

(h) Dana kepada badan-badan bersekutu

SC memperuntukkan dana kepada badan-badan bersekutu yang layak untuk mencebur aktifiti pasaran modal. Geran diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pembayaran telah dibuat.

(i) Kontingensi

Aset kontingensi

Apabila aliran masuk manfaat ekonomi suatu aset mungkin berlaku susulan peristiwa lalu dan di mana kewujudan akan disahkan hanya dengan berlakunya atau tidak salah satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang bukan dalam kawalan entiti itu sepenuhnya, aset tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan, tetapi dinyatakan sebagai aset luar jangka. Sekiranya aliran masuk manfaat ekonomi adalah hampir pasti, maka aset yang berkaitan adalah diiktiraf.

(j) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual sesuatu aset atau harga yang dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi secara tertib antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut menganggap bahawa transaksi untuk menjual aset tersebut atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama atau jika ketidaaan pasaran utama, dalam pasaran paling berfaedah.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya atau menjualnya kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, setakat yang mungkin, SC menggunakan data pasaran boleh cerap. Nilai saksama dikategorikan ke dalam peringkat berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti yang berikut:

- Tahap 1: harga sebutan (tak terlaras) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti serupa yang boleh diakses oleh SC pada tarikh pengukuran.
- Tahap 2: input selain harga sebutan terangkum dalam Tahap 1 yang boleh dicerap bagi aset atau liabiliti tersebut, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3: input tak boleh cerap bagi aset atau liabiliti.

SC mengiktiraf pemindahan antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

3. Harta, kelengkapan dan peralatan

	Tanah pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat, perabut dan kelengkapan RM'000	Komputer dan sistem aplikasi RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Kerja modal pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos							
Pada 1 Januari 2018	9,154	232,162	109,347	72,477	2,635	3,325	429,100
Penambahan	-	-	902	945	-	5,290	7,137
Pelupusan	-	-	(98)	(53)	(933)	-	(1,084)
Pemindahan daripada/(kepada)	-	-	3,199	3,196	-	(6,395)	-
Pada 31 Disember/1 Januari 2019	9,154	232,162	113,350	76,565	1,702	2,220	435,153
<hr/>							
Pada 1 Januari 2019, seperti yang dilaporkan sebelum ini	9,154	232,162	113,350	76,565	1,702	2,220	435,153
Pelarasan pada penggunaan awal MFRS 16	(9,154)	-	-	-	-	-	(9,154)
<hr/>							
Pada 1 Januari 2019, dinyatakan semula	-	232,162	113,350	76,565	1,702	2,220	425,999
Penambahan	-	-	891	2,854	51	3,578	7,374
Pelupusan	-	-	(194)	(1,127)	-	-	(1,321)
Hapus kira	-	-	-	(983)	-	-	(983)
Pemindahan daripada/(kepada)	-	-	161	2,463	-	(2,624)	-
Pelarasan	-	-	-	-	-	(396)	(396)
Pada 31 Disember 2019	-	232,162	114,208	79,772	1,753	2,778	430,673
<hr/>							

**Susut nilai dan
rosot nilai**

Pada 1 Januari 2018

Susut nilai terkumpul
Rosot nilai terkumpul

	Tanah pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat, perabut dan kelengkapan RM'000	Komputer dan sistem aplikasi RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Kerja modal pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
--	----------------------------	--------------------	---	---	---------------------------------	---	------------------

2,127	85,997	104,683	67,013	1,757	-	261,577
-	109	-	-	-	-	109

Susut nilai bagi tahun
Pelupusan

Pada 31 Disember 2018/
1 Januari 2019

Susut nilai terkumpul
Rosot nilai terkumpul

2,127	86,106	104,683	67,013	1,757	-	261,686
92	4,643	1,841	4,008	378	-	10,962

-	-	(96)	(45)	(731)	-	(872)
---	---	------	------	-------	---	-------

2,219	90,640	106,428	70,976	1,404	-	271,667
-	109	-	-	-	-	109

2,219	90,749	106,428	70,976	1,404	-	271,776
-------	--------	---------	--------	-------	---	---------

Pada 1 Januari 2019, seperti
yang dilaporkan sebelum ini
Pelarasan pada penggunaan
awal MFRS 16

2,219	90,749	106,428	70,976	1,404	-	271,776
(2,219)	-	-	-	-	-	(2,219)

Pada 1 Januari 2019, dinyatakan
semula

Susut nilai bagi tahun

Pelupusan

Hapus kira

Pada 31 Disember 2019

Susut nilai terkumpul
Rosot nilai terkumpul

-	90,749	106,428	70,976	1,404	-	269,557
-	4,643	1,963	4,105	185	-	10,896

-	-	(193)	(1,119)	-	-	(1,312)
-	-	-	(983)	-	-	(983)

-	95,283	108,198	72,979	1,589	-	278,049
-	109	-	-	-	-	109

-	95,392	108,198	72,979	1,589	-	278,158
---	--------	---------	--------	-------	---	---------

Amaun bawaan

Pada 1 Januari 2018

7,027	146,056	4,664	5,464	878	3,325	167,414
-------	---------	-------	-------	-----	-------	---------

Pada 31 Disember 2018/
1 Januari 2019

6,935	141,413	6,922	5,589	298	2,220	163,377
-------	---------	-------	-------	-----	-------	---------

Pada 31 Disember 2019

-	136,770	6,010	6,793	164	2,778	152,515
---	---------	-------	-------	-----	-------	---------

4. Aset dengan hak penggunaan

	Tanah pegangan pajakan RM'000
Pada 1 Januari 2019, seperti yang dilaporkan sebelum ini Pelarasan pada penggunaan awal MFRS 16	-
	6,935
Pada 1 Januari 2019, dinyatakan semula Susut nilai	6,935 (92)
	<u>6,843</u>

SC memajak dua tanah pajakan bagi tempoh 99 tahun yang akan tamat pada 2094 dan 2096.

5. Penghutang jangka panjang

	2019 RM'000	2018 RM'000
Pembiayaan kepada kakitangan	6,486	8,043
Tolak: Keuntungan belum diperoleh		
- Pembiayaan cara Islam untuk rumah dan kereta	(286)	(388)
	<u>6,200</u>	<u>7,655</u>
Tolak: Amaun dijangka dalam tempoh 12 bulan (Nota 7)	(993)	(1,331)
	<u>5,207</u>	<u>6,324</u>

Pembiayaan kepada kakitangan merangkumi pembiayaan perumahan secara Islam dan konvensional, pembiayaan kenderaan bermotor secara Islam dan konvensional, pinjaman komputer dan pinjaman pendidikan. Pembiayaan perumahan dan kenderaan bermotor masing-masing dijamin oleh harta dan kenderaan bermotor peminjam. Pembiayaan tersebut masing-masing mempunyai tempoh bayaran balik maksimum selama 25 tahun, 7 tahun, 5 tahun dan 4 tahun. Kadar yang dikenakan ke atas pembiayaan ini adalah di antara 2.0% hingga 4.0% setahun (2018: 2.0% hingga 4.0% setahun).

Struktur kematangan bagi pembiayaan kepada kakitangan pada penghujung tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2019 RM'000	2018 RM'000
Dalam masa 1 tahun	993	1,331
Lebih daripada 1 tahun dan sehingga 5 tahun	3,218	3,762
Lebih daripada 5 tahun	1,989	2,562
	<u>6,200</u>	<u>7,655</u>

6. Pelaburan lain

	Bukan semasa		Semasa		Jumlah	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Kos terlunas:						
– Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan	131,182	151,972	20,108	90,569	151,290	242,541
– Deposit di bank berlesen	34,000	323,080	561,313	171,890	595,313	494,970
	165,182	475,052	581,421	262,459	746,603	737,511

Termasuk dalam deposit di bank berlesen adalah jumlah terhad untuk pembangunan industri broker saham berjumlah RM13.6 juta (2018: RM13.2 juta) dan sejumlah terhad untuk merancang dan melaksanakan program pembinaan kapasiti berhubung dengan profesion perakaunan dan pengauditan kira-kira RM1.6 juta (2018: RM0.7 juta).

7. Penghutang dan pelbagai penghutang

	2019 RM'000	2018 RM'000
Levi	12,854	9,670
Penghutang pendapatan	8,564	7,348
Penghutang lain	1,031	2,115
Deposit	624	718
Prabayaran	3,075	2,540
Pembentangan jangka pendek kepada kakitangan (Nota 5)	993	1,331
	27,141	23,722

8. Tunai dan setara tunai

	2019 RM'000	2018 RM'000
Tunai dan baki di bank	23,155	16,242
Deposit di bank berlesen	72,075	47,782
	95,230	64,024

Deposit di bank berlesen memperoleh pendapatan pada kadar daripada 3.15% hingga 3.75% setahun (2018: 3.15% hingga 3.75% setahun).

Termasuk dalam deposit di bank berlesen adalah amaun terhad untuk deposit sekuriti broker kira-kira RM1.3 juta (2018: RM1.2 juta), pembangunan industri pemberokeran stok kira-kira RM tiada (2018: RM3.2 juta) dan pelbagai deposit lain kira-kira RM49.4 juta (2018: RM33.5 juta) diadakan bagi pihak agensi atau dana kerajaan.

Tunai dan setara tunai tersebut disimpan di bank berlesen.

9. Rizab dana pampasan

Ini mewakili amaun yang diperuntukkan daripada lebihan terkumpul bagi Dana Pampasan Pasaran Modal.

10. Manfaat persaraan

	2019 RM'000	2018 RM'000
Liabiliti manfaat wajib bersih	75,690	70,758
Perbelanjaan dikira dalam keuntungan atau kerugian	6,747	6,419
Manfaat dibayar	(1,787)	(1,487)
Jumlah liabiliti manfaat kakitangan	<u>80,650</u>	<u>75,690</u>

Pelan manfaat wajib adalah pelan perubatan persaraan tak berdana yang memberikan manfaat perubatan kepada peserta dan tanggungan mereka yang layak selepas umur persaraan sehingga peserta atau pasangannya meninggal dunia, atau bagi anak tanggungannya sehingga umur 18 atau 24 tahun, sekiranya mereka masih lagi menuntut.

Dengan demikian, kos mutlak pelan tersebut bergantung pada hayat pesara dan tanggungan mereka yang layak, insidens dan kos peristiwa yang mengakibatkan tuntutan di bawah pelan tersebut, dan inflasi bagi kos tersebut pada masa hadapan.

Pendanaan

Pelan ini tak berdana. Caruman majikan kepada pelan tersebut adalah amaun tuntutan perubatan yang dibayar terus oleh SC. SC menjangka akan membayar RM1.8 juta bagi caruman kepada pelan manfaat wajibnya dalam 2020.

Pergerakan dalam liabiliti manfaat wajib bersih

	2019 RM'000	2018 RM'000
Liabiliti manfaat wajib bersih 1 Januari	75,690	70,758
Kos perkhidmatan semasa	2,321	2,307
Kos faedah	4,426	4,112
	<u>6,747</u>	<u>6,419</u>

Terangkum dalam keuntungan atau kerugian

Lain			
Manfaat dibayar	(1,787)		(1,487)
Liabiliti manfaat wajib bersih pada 31 Disember	80,650		75,690

Obligasi manfaat wajib
Andaian aktuari

Andaian aktuari utama pada penghujung tempoh pelaporan (dinyatakan sebagai purata wajaran):

	2019	2018
Kadar diskaun	5.8%	5.8%
Inflasi kos perubatan	10%, menurun ke 5% dalam 4 tahun	10%, menurun ke 5% dalam 4 tahun
Umur persaraan biasa	60 tahun	60 tahun

Andaian berhubung mortaliti pada masa hadapan adalah berpandukan statistik dan jadual mortaliti yang diterbitkan.

Pada 31 Disember 2019, tempoh purata wajaran bagi obligasi manfaat wajib adalah 20.6 tahun (2018: 20.6 tahun).

Analisis sensitiviti

Perubahan mungkin yang munasabah pada tarikh pelaporan kepada satu daripada andaian aktuari berkaitan, dengan mengekalkan andaian lain, mungkin boleh menjelaskan obligasi manfaat wajib menurut amaun yang ditunjukkan di bawah.

	Obligasi manfaat wajib	
	Peningkatan	Pengurangan
	RM'000	RM'000
2019		
Kadar diskaun (1% pergerakan)	(13,630)	17,501
Kadar inflasi kos perubatan (1% pergerakan)	16,856	(13,388)
2018		
Kadar diskaun (1% pergerakan)	(12,782)	16,425
Kadar inflasi kos perubatan (1% pergerakan)	15,819	(12,565)

11. Pendapatan tertunda

	2019	2018
	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2019/2018	4,575	5,819
Tolak: Diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tahun	(1,984)	(1,244)
Pendapatan tertunda	2,591	4,575

Liabiliti semasa	1,984	1,244
Liabiliti bukan semasa	607	3,331
	<u>2,591</u>	<u>4,575</u>

12. Pelbagai pembiutang dan akruan

	2019 RM'000	2018 RM'000
Pelbagai pembiutang	75,909	52,331
Akruan	5,475	3,972
Deposit sekuriti broker	1,680	1,225
	<u>83,064</u>	<u>57,528</u>

13. Pendapatan

	Nota	2019 RM'000	2018 RM'000
Pendapatan	13.1	146,291	168,982
Pendapatan lain			
- Pendapatan kewangan		32,166	31,976
- Lain-lain		39,671	8,582
		<u>71,837</u>	<u>40,558</u>
Jumlah pendapatan		<u>218,128</u>	<u>209,540</u>

13.1 Jenis barang dan perkhidmatan

Maklumat berikut merupakan urusniaga tipikal SC:

Jenis perkhidmatan	Tempoh pembayaran ketara	Masa pengiktirafan atau kaedah yang digunakan untuk mengiktiraf pendapatan
Levi	30 hari	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf pada satu masa
Yuran dan caj	Tidak berkenaan	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf pada satu masa
Pelesenan	Tidak berkenaan	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf pada satu masa

14. Kos kakitangan

	2019 RM'000	2018 RM'000
Ganjaran, bonus, perubatan kakitangan, latihan kakitangan dan kerja lebih masa	129,710	131,719
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan PERKESO	17,442	17,840
Skim Persaraan Swasta	1,845	1,597
Manfaat persaraan	6,747	6,419
	<hr/>	<hr/>
	155,744	157,575
	<hr/>	<hr/>

15. Dana kepada badan-badan bersekutu

SC menawarkan dana kepada badan-badan bersekutu yang terlibat dalam projek dan program yang menggalakkan, membangunkan dan meningkatkan kekuahan pasaran modal Malaysia.

16. Lebihan/(Defisit) sebelum cukai

	Nota	2019 RM'000	2018 RM'000
Lebihan/(Defisit) sebelum cukai dicapai selepas mengenakan caj:			
Ganjaran juruaudit		100	100
Emolumen ahli eksekutif*		4,287	4,410
Gratuti ahli eksekutif		-	1,925
Elaun ahli bukan eksekutif		1,288	1,177
Perbelanjaan sewa:			
Harta		1,540	1,573
Kelengkapan dan peralatan		276	202
Susut nilai harta, kelengkapan dan peralatan	3	10,896	10,962
Susut nilai aset dengan hak penggunaan	4	92	-
Pelarasan kos harta, kelengkapan dan peralatan		396	-
dan selepas kredit:			
Perolehan daripada pelupusan kelengkapan dan peralatan		<hr/> 50	<hr/> 120
		<hr/>	<hr/>

* Termasuk dalam emolumen ahli eksekutif adalah pembayaran ganti cuti tahunan berjumlah RM tiada (2018: RM194,000).

17. Perbelanjaan cukai

SC telah diberikan kelulusan oleh Menteri Kewangan agar dikecualikan daripada cukai berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2007 dan seterusnya.

18. Pihak berkaitan

Identiti pihak yang terlibat

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak dianggap berkaitan dengan SC sekiranya SC mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana SC dan pihaknya tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak yang berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti SC sama ada secara langsung atau tidak langsung.

SC mempunyai hubungan pihak berkaitan dengan Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC), di mana Timbalan Ketua Eksekutif SC juga adalah Pengerusi SIDC.

Lee Hishammuddin Allen & Gledhill (LHAG) juga merupakan pihak berkaitan SC, di mana Ahli Lembaga SC juga adalah rakan kongsi LHAG.

Transaksi pihak berkaitan yang utama

Transaksi pihak berkaitan utama SC ditunjukkan di bawah:

	2019 RM'000	2018 RM'000
Pihak berkaitan		
Yuran pengurusan	509	502
Kos perundangan	(289)	-
Peruntukan geran	(2,500)	(2,500)
Kakitangan pengurusan utama		
Hasil daripada pelupusan kenderaan	<u>-</u>	<u>242</u>

Baki pada 31 Disember 2019 yang berkaitan dengan transaksi di atas ditunjukkan dalam Nota 7 dan Nota 12.

19. Komitmen modal

	2019 RM'000	2018 RM'000
Komitmen perbelanjaan modal		
Kelengkapan dan peralatan		
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan bagi:		
Dalam masa satu tahun	<u>25,470</u>	<u>18,616</u>

20. Instrumen kewangan

20.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan pada kos terlunas (AC).

	Amaun bawaan RM'000	AC RM'000
2019		
Aset kewangan		
Penghutang jangka panjang	5,207	5,207
Pelaburan lain	746,603	746,603
Penghutang dan pelbagai penghutang*	24,066	24,066
Tunai dan setara tunai	95,230	95,230
	<hr/>	<hr/>
	871,106	871,106
	<hr/>	<hr/>
Liabiliti kewangan		
Pelbagai pembiutang dan akruan*	(71,624)	(71,624)
	<hr/>	<hr/>
2018		
Aset kewangan		
Penghutang jangka panjang	6,324	6,324
Pelaburan lain	737,511	737,511
Penghutang dan pelbagai penghutang*	21,182	21,182
Tunai dan setara tunai	64,024	64,024
	<hr/>	<hr/>
	829,041	829,041
	<hr/>	<hr/>
Liabiliti kewangan		
Pelbagai pembiutang dan akruan	(57,499)	(57,499)
	<hr/>	<hr/>

* Kecuali bukan instrumen kewangan

20.2 Laba diperoleh daripada instrumen kewangan

	2019 RM'000	2018 RM'000
Laba daripada:		
Aset kewangan pada kos terlunas	32,166	31,976
	<hr/>	<hr/>

20.3 Pengurusan risiko kewangan

SC mempunyai dasar dan garis panduan berkenaan strategi pelaburan menyeluruh dan toleransi ke arah risiko. Pelaburan diurus dengan cara berhemah untuk memastikan dana dikekalkan dan terpelihara. SC mempunyai pendedahan kepada risiko yang berikut daripada penggunaan instrumen kewangannya:

- Risiko kredit;
- Risiko kecairan; dan
- Risiko pasaran.

20.4 Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kepada SC jika pihak berlawanan kepada instrumen kewangan gagal mematuhi obligasi kontraknya. Pendedahan kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada ciri-ciri individu setiap pelanggan. Tiada perubahan ketara berbanding dengan tahun sebelumnya.

Penghutang

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses bagi menguruskan risiko

SC mempunyai dasar kredit rasmi dan pendedahan kepada risiko kredit dipantau secara terus-menerus. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan dengan amaun bawaan bagi setiap aset kewangan.

Pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai

SC mengurus penghutangnya dan mengambil tindakan sewajarnya (termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan undang-undang) untuk memulih baki tertunggak yang panjang. Secara amnya, penghutang akan membayar dalam tempoh 30 hari.

SC menggunakan eluan matriks untuk mengukur ECLs bagi penghutang setiap segmen. Selaras dengan proses pemulihan hutang, invois yang lewat 90 hari akan dianggap sebagai kredit terjejas.

Jadual berikut memberikan maklumat tentang pendedahan risiko kredit dan ECLs bagi penghutang pada 31 Disember 2019 di mana dikumpulkan bersama disebabkan sifat risiko yang dijangka serupa.

	Kasar RM'000	Rosot nilai individu RM'000	Bersih RM'000
2019			
Belum melepassi tarikh luput	32,087	-	32,087
Melepasi tarikh luput 1 - 30 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput 31 - 90 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput 91 - 180 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput lebih daripada 180 hari	261	-	261
	32,348	-	32,348
2018			
Belum melepassi tarikh luput	29,525	-	29,525
Melepasi tarikh luput 1 - 30 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput 31 - 90 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput 91 - 180 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput lebih daripada 180 hari	521	-	521
	30,046	-	30,046

Penghutang bersih yang melepas tarikh luput tidak dirosot nilai kerana penghutang ini dijamin atas harta kediaman dengan nilai saksama melebihi hutang belum jelasnya.

Nilai saksama bagi harta bercagaran ini ditentukan dengan menggunakan kaedah perbandingan berdasarkan penilaian profesional.

Tiada rosot nilai dilaksanakan ke atas penghutang.

Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai disimpan di dalam bank dan institusi kewangan. Pada akhir tempoh pelaporan, pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan dengan amaun bawaan di penyata kedudukan kewangan.

Bank dan institusi kewangan mempunyai risiko kredit yang rendah. Sebagai tambahan, beberapa baki bank diinsuranskan oleh agensi kerajaan. SC berpendapat bahawa elaun kerugian tidak material. Oleh itu, ia tidak diperuntukkan.

Pelaburan dan aset kewangan lain

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses bagi menguruskan risiko

Pelaburan dibenarkan hanya dalam sekuriti cair dan hanya dengan pihak berlawanan yang mempunyai kadar kredit yang berdaulat atau hampir dengan kadar berdaulat.

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan cagaran

Pada penghujung tempoh pelaporan, SC hanya melabur dalam sekuriti kerajaan Malaysia dan bon jaminan kerajaan. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan oleh amaun bawaan dalam penyata kedudukan kewangan.

20.5 Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang SC tidak akan dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila tiba tarikh luputnya. SC memantau dan mengekalkan aras tunai dan setara tunai yang difikirkan cukup oleh SC untuk membayai operasinya dan untuk mengurangkan kesan turun naik dalam aliran tunai.

Analisis kematangan

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan SC pada penghujung tempoh pelaporan. Tiada kadar faedah berkontrak bagi lain dan akruan.

	Amaun bawaan RM'000	Aliran tunai berkontrak RM'000	Bawah 1 tahun RM'000
2019 Liabiliti kewangan Pelbagai pembiutang dan akruan	71,624	71,624	71,624
2018 Liabiliti kewangan Pelbagai pembiutang dan akruan	57,499	57,499	57,499

20.6 Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko yang mengubah harga pasaran, seperti kadar faedah yang akan menjelaskan kedudukan kewangan atau aliran tunai SC.

20.6.1 Risiko kadar faedah

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara SC, berdasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

Instrumen kadar tetap	2019 RM'000	2018 RM'000
Aset kewangan	818,678	785,293

Analisis sensitiviti risiko kadar faedah

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen kadar tetap

SC tidak mempunyai apa-apa aset kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada penghujung tempoh pelaporan tidak akan mempengaruhi keuntungan atau kerugian.

20.7 Maklumat nilai saksama

Berhubung dengan tunai dan setara tunai, penghutang dan pelbagai penghutang dan pembiutang dan akruan, amaun bawaan menganggarkan nilai saksama yang disebabkan oleh sifat instrumen kewangan ini yang, secara relatifnya, berjangka pendek.

Amaun bawaan deposit tetap diandaikan untuk menganggar secara munasabah nilai saksamanya.

Jadual di bawah menganalisis instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama yang mana nilai saksama didedahkan, bersama-sama dengan amaun bawaannya yang ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan.

**Nilai saksama instrumen kewangan
tidak dibawa pada nilai saksama**

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah	Amaun			
				nilai saksama RM'000	bawaan RM'000			
2019								
Aset kewangan Bukan semasa								
Penghutang jangka panjang Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan	-	-	5,207	5,207	5,207			
	-	133,206	-	133,206	131,182			
	-	133,206	5,207	138,413	136,389			
2018								
Aset kewangan Bukan semasa								
Penghutang jangka panjang Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan	-	-	6,324	6,324	6,324			
	-	152,533	-	152,533	151,972			
	-	152,533	6,324	158,857	158,296			

Nilai saksama Tahap 1

Nilai saksama Tahap 1 diperoleh daripada sebut harga tak terlaras dalam pasaran aktif bagi aset kewangan serupa yang entiti tersebut boleh diakses pada tarikh pengukuran.

Nilai saksama Tahap 2

Nilai saksama Tahap 2 dianggar dengan menggunakan input selain sebut harga yang terangkum dalam Tahap 1 yang boleh dicerap bagi aset kewangan, sama ada secara langsung atau tak langsung.

Pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dengan Tahap 2

Tiada pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dengan Tahap 2 semasa tahun kewangan (2018: tiada pindahan dalam mana-mana arah).

Nilai saksama Tahap 3

Nilai saksama Tahap 3 dianggar dengan menggunakan input tak boleh cerap bagi aset kewangan tersebut.

Instrumen kewangan tidak dibawa pada nilai saksama

Jenis	Diskripsi hurai teknik penilaian dan input yang digunakan
Penghutang jangka panjang	Aliran tunai terdiskaun menggunakan kaedah berasaskan kadar peminjaman pasaran semasa.

21. Pengurusan rizab

Objektif pengurusan kewangan SC adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan SC melaksanakan kewajipan dan fungsinya secara bebas dan berkesan. Pihak pengurusan memantau komitmen modal jangka panjang untuk memastikan dana yang mencukupi tersedia untuk memenuhi obligasi. Pelaburan SC diurus secara berhemah untuk memastikan dana terpelihara.

22. Aset kontingensi

SC berpendapat bahawa pengiktirafan pendapatan penalti belum diiktiraf ke penyata kewangan, kerana kes ini masih berterusan.

Aset kontingensi

Pada tahun ini, Lembaga Pemantauan Audit (AOB) telah mengenakan 3 penalti terhadap sebuah firma audit dan rakan-rakan kongsinya berjumlah RM631,000 kerana melanggar syarat pendaftaran AOB yang dinyatakan di bawah seksyen 31O (3) Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.

Pihak-pihak yang terbabit telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk semakan perundungan terhadap keputusan AOB dan telah diberi penangguhan sementara ke atas semua tindakan yang diambil oleh AOB sehingga pendengaran permohonan yang ditangguhkan ke tarikh yang belum ditetapkan.

23. Perubahan ketara dalam dasar perakaunan

Sepanjang tahun ini, SC menggunakan MFRS 16.

Definisi pajakan

Ketika peralihan kepada MFRS 16, SC memutuskan untuk menggunakan amalan praktikal bagi mengecualikan penilaian yang mana urus niaganya adalah pajakan. Ia menggunakan MFRS 16 hanya ke atas kontrak yang sebelum ini dikenal pasti sebagai pajakan. Kontrak yang tidak dikenal pasti sebagai pajakan di bawah MFRS 117 dan Interpretasi IC 4, *Menentukan sama ada sesuatu Pengaturan Mengandungi Pajakan* tidak dinilai semula. Oleh itu, definisi pajakan di bawah MFRS 16 digunakan hanya ke atas kontrak yang dibuat atau diubah pada atau selepas 1 Januari 2019.

Sebagai pemajak

Oleh kerana SC menggunakan MFRS 16 secara retrospektif dengan kesan kumulatif penggunaan awal pada 1 Januari 2019, tiada pelarasan yang dibuat terhadap tempoh terdahulu yang dibentangkan.

SC menggunakan amalan praktikal berikut apabila menggunakan MFRS 16 ke atas pajakan yang sebelum ini dikelaskan sebagai pajakan kendalian di bawah MFRS 117:

- Menggunakan pengecualian untuk tidak mengiktiraf aset dengan hak penggunaan dan liabiliti untuk pajakan dengan tempoh pajakan kurang daripada 12 bulan pada 1 Januari 2019.

Bagi pajakan yang dikelaskan sebagai pajakan kewangan di bawah MFRS 117, amaun bawaan aset dengan hak penggunaan dan liabiliti pajakan pada 1 Januari 2019 ditentukan sebagai sama dengan amaun bawaan aset pajakan dan liabiliti pajakan di bawah MFRS 117 sebelum tarikh tersebut.

23.1 Kesan ke atas penyata kewangan

Jadual berikut menunjukkan kategori pengukuran di bawah MFRS 117 dan kategori pengukuran baharu di bawah MFRS 16 untuk tanah pajakan pada 1 Januari 2019.


	31 Disember 2018 RM'000	1 Januari 2019 RM'000
Harta, kelengkapan dan peralatan	6,935	-
Aset dengan hak penggunaan	-	6,935

Tiada kesan ketara kepada lebihan terkumpul SC yang timbul daripada penggunaan MFRS 16.

KENYATAAN AHLI LEMBAGA

Pada pendapat para ahli, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 138 hingga 168 telah disediakan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* dan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa* untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia setakat 31 Disember 2019 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Lembaga:



Syed Zaid Albar
Pengerusi



Wee Hoe Soon @ Gooi Hoe Soon
Ahli

Kuala Lumpur

Tarikh: 30 Januari 2020


PERAKUAN
BERKANUN

Saya, Vignaswaran A/L Kandiah, pegawai utama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 138 hingga 168 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya itu benar, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Perakuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh yang bernama di atas Vignaswaran A/L Kandiah, No. K.P 561128-10-6171, di Kuala Lumpur dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 30 Januari 2020.


Vignaswaran A/L Kandiah
Pegawai

Di hadapan saya:



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADAH AHLI-AHLI LEMBAGA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

Laporan mengenai Audit Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019, dan penyata keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 138 hingga 168.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan SC pada 31 Disember 2019, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* dan *Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa*.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *Piawaian Pengauditan Antarabangsa*. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam bahagian *Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan* di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk dijadikan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Iain

Kami adalah bebas daripada SC menurut *Undang-Undang Kecil (Mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional)* Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil), dan *Kod Etika bagi Akauntan Profesional* (Kod IESBA) Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Tanggungjawab Ahli-ahli Lembaga SC Terhadap Penyata Kewangan

Ahli-ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan SC yang memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* dan *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa*. Ahli-ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalam sebagaimana yang ditetapkan sebagai perlu oleh Ahli-ahli Lembaga bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan SC yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan SC, Ahli-ahli Lembaga adalah bertanggungjawab untuk menilai kesinambungan keupayaan SC sebagai suatu usaha berterusan, mendedahkan sekiranya berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan kecuali sekiranya Ahli-ahli Lembaga berhasrat untuk membubarkan SC atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai pilihan realistik kecuali berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan munasabah sama ada penyata kewangan SC secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah merupakan tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *Piawaian Pengauditan Antarabangsa* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau agregat, dijangkakan dengan munasabah akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *Piawaian Pengauditant Antarabangsa*, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan skeptisisme profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan SC, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengeneptian secara sengaja, gambaran yang salah, atau ketidakpatuhan terhadap kawalan dalaman.
- Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang wajar mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman SC.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Ahli-ahli Lembaga.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian asas perakaunan usaha berterusan yang digunapakai oleh Ahli-ahli Lembaga dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan ketara ke atas keupayaan SC untuk terus beroperasi sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk mengenangkan pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan SC di dalam laporan juruaudit, atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk membuat perubahan terhadap pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan tamatnya kesinambungan SC sebagai suatu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan SC, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi-transaksi dan peristiwa sebenar dengan cara yang membolehkan penyata kewangan tersebut memberi suatu pandangan yang benar dan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Ahli-ahli Lembaga, antara lain, mengenai skop yang dirancang dan tempoh pengauditan dan pemerhatian audit yang ketara, termasuk apa-apa kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti ketika audit kami.

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Ahli-ahli Lembaga, sebagai satu badan, dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain berhubung dengan kandungan laporan ini.

KPMG PLT
(LLP0010081-LCA & AF 0758)
Akauntan Berkanun

Petaling Jaya, Malaysia

Tarikh: 30 Januari 2020

Foong Mun Kong
Nombor Kelulusan: 02613/12/2020 J
Akauntan Berkanun

CADANGAN KORPORAT

EKUITI

SC menerima 5 permohonan ekuiti pada 2019, dimana 2 daripada permohonan tersebut adalah untuk tawaran awam awal (IPO) dan 3 permohonan untuk pemindahan penyenaraian. Sejumlah 5 permohonan ekuiti telah dipertimbangkan pada 2019 (Jadual 1).

Pada 2019, SC meluluskan 4 IPO bagi Pasaran Utama dengan jumlah dana diluluskan untuk dikumpulkan daripada IPO ini dianggarkan sebanyak RM0.46 bilion dengan agregat permodalan pasaran sebanyak RM1.68 bilion (Jadual 2).

Terdapat 30 penyenaraian baharu pada 2019, yang terbanyak sejak 2006. Daripada 30 penyenaraian ini, 4 adalah di Pasaran Utama, 11 di Pasaran ACE dan baki 15 di Pasaran LEAP. Jumlah dana yang dikumpulkan daripada penyenaraian baharu pada 2019 dianggarkan sebanyak RM2.02 bilion.

SC mendaftarkan 25 prospektus ekuiti pada 2019, yang terdiri daripada 13 prospektus bagi IPO dan 12 prospektus ringkas (Jadual 3).

Jadual 1

Status permohonan ekuiti

Permohonan	2019	2018
Dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	4	3
Diterima pada tahun semasa	5	11
Jumlah permohonan untuk dipertimbangkan	9	14
Diluluskan pada tahun semasa	(5)	(9)
Tidak diluluskan pada tahun semasa	–	(–)
Dikembalikan pada tahun semasa	–	(–)
Jumlah dipertimbangkan pada tahun semasa	(5)	(9)
Ditarik balik pada tahun semasa	(1)	(1)
Dibawa ke tahun hadapan	3	4

Jadual 2

Permohonan ekuiti yang diluluskan mengikut jenis cadangan

Jenis cadangan	2019		2018	
	Bilangan cadangan yang diluluskan	Anggaran amaun dikumpulkan (RM juta)	Bilangan cadangan yang diluluskan	Anggaran amaun dikumpulkan (RM juta)
IPO di Pasaran Utama				
– Syarikat tempatan	4	459.94	5	5,567.79
Pemindahan daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama	1	–	4	–
JUMLAH	5	459.94	9	5,567.79

Jadual 3

Pendaftaran prospektus ekuiti

Permohonan	2019	2018
Prospektus	13	15
Prospektus ringkas	12	27
JUMLAH	25	42

BON KORPORAT DAN SUKUK

Pasaran bon korporat dan sukuk Malaysia mencatatkan jumlah penerbitan sebanyak RM132.82 bilion pada 2019, peningkatan 25.96% daripada RM105.45 bilion yang diterbitkan pada 2018.

Pada 2019, SC menerima 77 serahan di bawah Rangka Kerja Serah dan Simpan (LOLA) dan 1 permohonan bagi penerbitan bon korporat dan sukuk, berbanding 57 serahan dan 2 permohonan yang diterima pada tahun sebelumnya (Jadual 4). Terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit masih merupakan majoriti cadangan yang diluluskan oleh/diserahkan kepada SC dengan jumlah nilai nominal sebanyak RM164.27 bilion,

yang mana sukuk mewakili 57% atau RM93.64 bilion (Jadual 5).

Terdapat peningkatan keseluruhan dalam profil kematangan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diluluskan oleh/diserahkan kepada SC pada 2019. Bilangan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit dengan tempoh matang 8 hingga 15 tahun dan melebihi 15 tahun masing-masing meningkat sebanyak 26.67% dan 57.69%. Terdapat pengurangan sebanyak 38.89% dalam bon korporat dan sukuk dengan tempoh matang 1 hingga 7 tahun (Carta 1).

Pada 2019, sebanyak 39 penarafan telah diberikan oleh agensi penarafan kredit kepada bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diluluskan oleh/diserahkan kepada SC. Bilangan terbitan yang tidak diberikan penarafan meningkat sebanyak 19.44% berbanding tahun sebelumnya (Carta 2). Keperluan penarafan mandatori bagi bon korporat dan sukuk telah dimansuhkan berkuatkuasa Januari 2017.

Sebanyak 7 bon korporat dan sukuk denominasi mata wang asing diserahkan kepada SC pada 2019, yang terdiri daripada 4 sukuk penerbit asing dan 3 bon korporat penerbit di Malaysia.

Jadual 4

Bilangan permohonan dan serahan bon korporat dan sukuk

(i) Serahan ¹	2019	2018
Diterima pada tahun semasa	77	57
(ii) Permohonan	2019	2018
Dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	-	1
Diterima pada tahun semasa	1	2
Jumlah yang dipertimbangkan	1	3
Diluluskan pada tahun semasa	(1)	(3)
Tidak diluluskan pada tahun semasa	-	-
Dikembalikan pada tahun semasa	-	-
Jumlah yang dipertimbangkan pada tahun semasa	(1)	(3)
Ditarik balik pada tahun semasa	-	-
Dibawa ke tahun hadapan	-	-

Nota:

¹ Menurut Rangka Kerja Serah dan Simpan


Jadual 5

Terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diluluskan/diserahkan

Jenis terbitan	2019		2018	
	Bilangan terbitan	Amaun nominal (RM juta)	Bilangan terbitan	Amaun nominal (RM juta)
Bon korporat				
– Kertas perdagangan/nota jangka sederhana	26	36,788.00	19	26,224.00
– Bon	6	13,670.00	2	10,080.00
– Stok pinjaman	1	172.47	3	802.88
Jumlah kecil	33	50,630.47	24	37,106.88
Sukuk				
– Kertas perdagangan/nota jangka sederhana Islam	33	88,943.84	32	50,965.00
– Bon Islam	3	4,700.00	-	-
– Stok pinjaman Islam	-	-	-	-
Jumlah kecil	36	93,643.84	32	50,965.00
Gabungan bon korporat dan sukuk				
– Kertas perdagangan/nota jangka sederhana	2	20,000.00	2	1,800.00
Jumlah kecil	2	20,000.00	2	1,800.00
JUMLAH	71	164,274.31	58	89,871.88

Carta 1

Tempoh terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan



Nota:

Tempoh kemudahan, dan bukan nota atau kertas yang diterbitkan di bawah kemudahan tersebut.

PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN


Di Malaysia, pengambilalihan dan percantuman, termasuk skim kawalan dikawalselia oleh SC di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA), Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 2016 (Kod) dan Peraturan Pengambilalihan, Percantuman dan Pemerolehan Wajib (Peraturan) untuk memastikan pemerolehan saham mengundi atau kawalan syarikat berlaku dalam pasaran yang cekap, kompetitif dan bermaklumat. Kod/Peraturan tersebut menyediakan rangka kerja yang teratur untuk pelaksanaan pengambilalihan, percantuman dan pemeralihan wajib.

Pada 2019, SC mempertimbangkan 81 permohonan di bawah Peraturan tersebut, berbanding 72 permohonan pada 2018. Sebanyak 22 dokumen


Carta 2

Ringkasan penarafan terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan

Penarafan jangka panjang



Penarafan jangka pendek



Nota:

Suatu terbitan bon korporat atau sukuk boleh diberi lebih daripada 1 penarafan kredit (cth. bagi program kertas perdagangan/nota jangka sederhana, kedua-dua penarafan jangka pendek yang diberikan kepada kertas perdagangan dan penarafan jangka panjang bagi nota jangka sederhana diambil kira).

tawaran telah diluluskan oleh SC pada 2019 yang melibatkan jumlah nilai tawaran sebanyak RM4.90 bilion atau purata RM222.50 juta setiap tawaran, yang mewakili pengurangan sebanyak RM2.42 bilion berbanding tahun sebelumnya (2018: 18 tawaran dengan jumlah nilai tawaran berjumlah RM7.32 bilion dan 1 skim pampasan tunai kepada pemegang saham untuk menangani cetusan awal obligasi tawaran mandatori). Daripada 22 tawaran tersebut, 6 tawaran dilaksanakan melalui skim (2018: 4 skim).

Tawaran terbesar tahun ini adalah berkaitan dengan sebuah pengeluar simen, Lafarge Malaysia Bhd (kini dikenali sebagai Malayan Cement Bhd), pada nilai tawaran RM1.56 bilion yang mewakili 32% daripada jumlah nilai tawaran bagi 2019. Satu tawaran penting lagi ialah cadangan penswastaan Kian Joo Can Factory Bhd dan Selangor Properties Bhd (dilaksanakan melalui skim) dengan nilai tawaran masing-masing sebanyak RM0.92 bilion dan RM0.69 bilion.

Pada 2019, terdapat 11 tawaran penswastaan (2018: 7 tawaran penswastaan). Walau bagaimanapun, skim MAA Group Bhd gagal memperoleh kelulusan yang diperlukan daripada pemegang sahamnya manakala tawaran untuk LTKM Bhd tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Di samping itu, 3 tawaran pengambilalihan dilaksanakan oleh syarikat awam tersenarai sebagai pembuat tawaran dan mewakili RM2.08 bilion atau 42% daripada jumlah nilai tawaran, iaitu Scientex Bhd, YTL Cement Bhd dan YTL Corporation Bhd tawaran masing-masing bagi pengambilalihan Daibochi Bhd, Lafarge Malaysia Bhd dan YTL Land and Development Bhd).

Sektor produk dan perkhidmatan perindustrian meraih minat paling tinggi dengan nilai tawaran berjumlah RM3.05 bilion (mewakili 62% daripada jumlah nilai tawaran melibatkan 7 syarikat tawaran atau 32% daripada jumlah bilangan tawaran). Sektor produk dan perkhidmatan pengguna

Jadual 6**Permohonan yang dipertimbangkan berkaitan dengan pengambilalihan, percantuman dan pengambilalihan wajib**

Jenis permohonan/ dokumen yang diluluskan	2019	2018
Kelulusan dokumen tawaran/skim	22	19*
Kelulusan pekeliling nasihat bebas	26	25
Permohonan untuk pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori	17	15
Permohonan lain	16	13
JUMLAH	81	72

* Termasuk kelulusan satu dokumen skim pampasan tunai kepada pemegang saham yang dilaksanakan serentak dengan skim pengambilalihan untuk menangani pencetus awal obligasi tawaran mandatori berhubung dengan syarikat penerima tawaran yang sama.

mencatatkan bilangan tawaran tertinggi melibatkan 8 syarikat sasaran dengan nilai tawaran RM0.52 billion (mewakili 36% daripada jumlah bilangan tawaran atau 11% daripada jumlah nilai tawaran).

Di samping itu, SC meluluskan 26 pekeliling nasihat bebas yang terdiri daripada 22 pekeliling berhubung dengan tawaran/skim pengambilalihan dan 4 surat pekeliling berhubung dengan pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori lanjutan daripada prosedur penyelamat/pembelian balik saham. SC juga meluluskan 17 permohonan untuk pengecualian daripada menjalankan tawaran pengambilalihan mandatori dan 16 permohonan untuk pelbagai perkara sampingan lain di bawah Peraturan tersebut dan peraturan-peraturan lain (Jadual 6).

Sebagai sebahagian daripada mandatnya, SC juga menjalankan pemantauan terhadap urus niaga pengambilalihan untuk memastikan pematuhan dengan keperluan pengambilalihan.

Ketidakpatuhan yang dikenal pasti sepanjang tahun ini termasuk pengemukaan maklumat palsu atau mengelirukan kepada SC, kelewatan mengemukakan penzahiran urus niaga semasa tempoh tawaran dan urus niaga saham semasa tempoh terhad yang mana tindakan wajar telah diambil, merangkumi pengenaan celaan dan denda hingga notis pelanggaran.

SC menggalakkan perundingan untuk menjelaskan penggunaan Kod/Peraturan dan jangkaan SC untuk memastikan pematuhan. Pada 2019, rundingan dengan SC melibatkan pelbagai aspek peraturan pengambilalihan termasuk hal-hal berkenaan pihak yang bertindak secara bersama, prasyarat tawaran pengambilalihan, urus niaga berpotensi yang menguntungkan, gangguan kepada tawaran, implikasi tawaran hiliran dan pertanyaan umum lain.

PENGURUSAN PELABURAN


PENGURUSAN DANA

Jumlah AUM FMC berlesen di Malaysia meningkat sebanyak 10.71% kepada RM823.19 bilion berbanding RM743.58 bilion pada 2018. Pada 2019, 5 FMC teratas menyumbang kepada 56.57% daripada jumlah AUM berbanding 57.42% pada 2018 (Carta 1).

Sebahagian besar sumber dana bawah pengurusan adalah daripada dana unit amanah, KWSP, badan korporat, adalah dan dana borong (Jadual 1). Dana-dana tersebut diperuntukkan dalam pelbagai kelas aset dan lokasi. Pelaburan yang dilakukan dalam Malaysia oleh FMC adalah berjumlah RM620.15 bilion, mewakili 75.33% daripada jumlah keseluruhan AUM pada penghujung 2019 (Carta 2). Sebahagian besar daripada pelaburan diperuntukkan dalam ekuiti dengan 48.61% pada penghujung 2019, berbanding 47.24% pada 2018 (Carta 3). Trend yang serupa diperhatikan pada pengagihan aset di dalam dan luar Malaysia (Carta 4).

Carta 1

Aset yang diuruskan oleh FMC




Jadual 1

Sumber dana bawah pengurusan pelanggan

Sumber dana	2019 (RM bilion)	2018 (RM bilion)
Dana unit amanah	482.09	426.18
KWSP	131.42	112.13
Dana borong	58.10	64.96
Badan korporat	80.67	73.11
Badan berkanun dan agensi kerajaan	32.35	32.81
Lain-lain	21.52	19.57
Individu	13.04	10.06
Dana pencen swasta	4.00	4.76
JUMLAH	823.19	743.58


Carta 2

Aset yang dilabur di dalam dan luar Malaysia (RM bilion)




Carta 3

Pengagihan asset



Carta 4

Pengagihan asset di dalam dan luar Malaysia setakat 31 Disember 2019



SKIM PELABURAN KOLEKTIF DAN SKIM PERSARAAN SWASTA

Dana unit amanah terus menjadi komponen terbesar industri skim pelaburan kolektif (CIS) di Malaysia dengan jumlah NAV sebanyak RM482.09 bilion dicatatkan pada 31 Disember 2019, peningkatan sebanyak 13.12% daripada RM426.18 bilion pada 31 Disember 2018. Sebanyak 39 syarikat pengurusan unit amanah yang diperbadankan di Malaysia diberi kelulusan untuk menawarkan dana unit amanah setakat 31 Disember 2019. Peratus jumlah NAV industri unit amanah berbanding permodalan pasaran Bursa Malaysia adalah 28.16% (2018: 25.06%) (Jadual 2).

Pada 2019, 58 dana unit amanah baharu telah dilancarkan manakala 8 dana ditamatkan dan 15 dana mencapai kematangan, menjadikan jumlah dana unit amanah tersedia untuk pelabur kepada 685 pada 31 Disember 2019. Daripada jumlah tersebut, 449 dana adalah dana unit amanah konvensional manakala baki 236 adalah dana unit amanah patuh Syariah.

Industri dana unit amanah mencatatkan jumlah jualan kasar (tidak termasuk pelaburan semula pengagihan) sebanyak RM249.88 bilion, yang kebanyakannya diagihkan oleh syarikat pengurusan unit amanah dengan jumlah jualan kasar sebanyak RM131.55 bilion (Jadual 3).

Dalam segmen dana borong, 60 dana baharu telah dilancarkan di bawah Rangka Kerja LOLA (Jadual 4) untuk pelabur sofistikated manakala 37 dana telah ditamatkan dan 7 mencapai kematangan pada 2019, yang menjadikan jumlah dana borong yang ditawarkan oleh 44 FMC kepada 323 pada 31 Disember 2019. Daripada jumlah tersebut, 265 dana ialah dana borong konvensional manakala 58 adalah dana borong patuh Syariah. Jumlah NAV yang dicatatkan pada 31 Disember 2019 adalah RM58.10 bilion (2018: RM64.96 bilion).

Pada 2019, 3 dana diberi kelayakan sebagai dana SRI menurut *Guidelines SRI Funds*. Dengan penamatan 1 dana SRI, sebanyak 6 dana SRI tersedia kepada pelabur pada 31 Disember 2019. Daripada jumlah

tersebut, 3 adalah dana unit amanah dan 3 lagi dana borong.

Pada 31 Disember 2019, sebanyak 18 REIT disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Securities dengan jumlah permodalan pasaran (termasuk kumpulan terikat) sebanyak RM43.83 bilion (2018: RM41.43 bilion). Jumlah saiz asset meningkat sedikit daripada RM52.77 bilion kepada RM54.44 bilion bagi tempoh yang sama. Hanya 1 REIT tidak tersenarai ditawarkan kepada pelabur sofistikated pada 31 Disember 2019.

Dengan penyenaraian 4 ETF L&I pada 29 November 2019, iaitu TradePlus NYSE® FANG+™ Daily (2x) Leveraged Tracker, TradePlus NYSE® FANG+™ Daily (-1x) Inversed Tracker, TradePlus HSCEI Daily (2x) Leveraged Tracker dan TradePlus HSCEI Daily (-1x) Inversed Tracker, jumlah ETF yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 31 Disember 2019 adalah 15 dengan jumlah permodalan pasaran sebanyak RM2.14 bilion. Ini mewakili peningkatan sebanyak 8.08% daripada jumlah permodalan pasaran sebanyak RM1.98 bilion pada 31 Disember 2018.

Pada 31 Disember 2019, hanya 1 dana tertutup (CEF) disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak RM336 juta (2018: RM345.80 juta).

Bilangan dana PRS kekal tidak berubah dengan 12 skim ditawarkan oleh 8 penyedia PRS. Dua dana persaraan swasta baharu telah dilancarkan manakala 1 dana ditamatkan pada 2019, menjadikan jumlah dana persaraan swasta yang beroperasi pada 31 Disember 2019 kepada 57. Daripada jumlah tersebut, 31 adalah dana konvensional manakala 26 adalah dana patuh Syariah. Jumlah NAV sebanyak RM3.50 bilion pada 31 Disember 2019 mewakili peningkatan sebanyak 30.60% berbanding jumlah NAV sebanyak RM2.68 bilion pada 31 Disember 2018.

Pada 2019, SC mempertimbangkan 419 permohonan berkaitan dengan CIS dan PRS yang terdiri daripada permohonan untuk menubuhkan dana baharu, pendaftaran prospektus, pendaftaran surat ikatan dan permohonan sampingan lain (Jadual 4).

Jadual 2

Status keseluruhan industri dana unit amanah

	31 Disember 2019	31 Disember 2018
Bilangan dana yang dilancarkan	685	650
– Konvensional	449	426
– Patuh syariah	236	224
Unit dalam edaran (unit bilion)	696.40	629.24
Bilangan akaun (juta)*	20.65	21.06
Jumlah NAV (RM bilion)	482.09	426.18
– Konvensional (RM bilion)	374.77	342.72
– Patuh Syariah (RM bilion)	107.32	83.46
% daripada NAV kepada permodalan pasaran Bursa Malaysia^	28.16	25.06

Nota:

* Termasuk akaun pemegang unit dengan penasihat institusi skim unit amanah (UTS) yang mengendalikan sistem akaun penama.

^ Perbandingan dibuat antara jumlah NAV industri dana unit amanah dan permodalan pasaran Bursa Malaysia bukanlah petunjuk amanu sebenar yang dilaburkan dalam Bursa Malaysia oleh dana unit amanah.

Jadual 3

Saluran pengagihan

	31 Disember 2019 RM bilion	31 Disember 2018* RM bilion
Syarikat pengurusan unit amanah	131.54	83.84
Penasihat institusi UTS	63.95	61.81
Perunding unit amanah	51.07	47.58
Penasihat korporat UTS	1.39	0.72
Lain-lain	1.92	2.04
JUMLAH	249.87	195.99

Nota:

* Angka 2018 telah dipinda berikutan penyerahan semula data.

Jadual 4

Bilangan permohonan dan serahan berhubung CIS dan PRS

(i) Serahan	Diserahkan				Dilancarkan	
	2019		2018		2019	2018
Dana borong	59		45 ¹		60	43
(ii) Permohonan	Dipertimbangkan		Diluluskan		Menunggu pertimbangan	
	2019	2018	2019	2018	Pada 31 Disember 2019	Pada 31 Disember 2018
Penubuhan CIS	60	43	60	43	10	5
– Dana unit amanah	54	42	54 ²	42 ³	7	5
– ETF	6	1	6	1	3	-
Penubuhan dana persaraan swasta	2	-	2	-	-	-
Pengiktirafan CIS Asing yang Layak	1	-	1	-	-	-
Peningkatan dalam had saiz dana	1	2	1	2	-	-
– Dana unit amanah	1	1	1	1	-	-
– REIT	0	1	0	1	-	-
Pengecualian/kelainan daripada garis panduan	17	9	17	8	3	3
Pendaftaran prospektus / dokumen penzahiran	162	124	162	124	21	8
Pendaftaran surat ikatan	152	120	152	120	19	7
Permohonan lain	24	52	24 ⁴	51	-	3
JUMLAH	419	350	419	348	53	26

Nota:

¹ Termasuk 2 dana yang layak sebagai dana SRI menurut Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab SC.² Termasuk 1 dana yang layak sebagai dana SRI menurut Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab SC.³ Termasuk 2 dana yang layak sebagai dana SRI menurut Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab SC.⁴ Termasuk 2 dana sedia ada yang layak sebagai dana SRI menurut Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab SC.

PRODUK PELABURAN

Waran berstruktur

Terdapat 6 penerbit waran berstruktur yang layak pada 2019. SC menerima dan mendaftarkan 6 prospektus asas dan 12 prospektus tambahan daripada penerbit tersebut pada 2019 (Jadual 5).

Sebanyak 1,106 kertas terma bagi penawaran waran berstruktur telah didaftarkan pada 2019, menunjukkan peningkatan sebanyak 6.7% berbanding dengan 1,037 kertas terma yang didaftarkan pada 2018. Peningkatan tersebut

disebabkan oleh penerbit aktif oleh penerbit bagi memenuhi minat pelabur pada 2019, yang juga menyaksikan peningkatan terbitan waran berstruktur berasaskan saham daripada 879 pada 2018 kepada 916 pada 2019. Di samping itu, penerbitan waran berstruktur berdasarkan indeks juga meningkat kepada 173 pada 2019 berbanding 140 dalam tahun sebelumnya.

Kertas terma yang didaftarkan pada 2019 membolehkan penerbit waran berstruktur menawarkan waran berstruktur sehingga berjumlah 56.87 bilion.

Produk berstruktur

Pada 2019, 5 penerbit menyerahkan 6 program produk berstruktur baharu kepada SC di bawah Rangka Kerja LOLA bagi produk pasaran modal tidak tersenarai. Program tersebut terdiri daripada pelbagai jenis rujukan pendasaran dan mempunyai saiz agregat sebanyak RM30 bilion dengan setiap program mempunyai had saiz sehingga RM5 bilion (Jadual 6).

Kontrak untuk perbezaan

Sejajar dengan *Pelan Induk Pasaran Modal 2* SC untuk menggalakkan dan membangunkan pasaran derivatif, SC memperkenalkan *Guidelines*

Jadual 5

Waran berstruktur yang dipertimbangkan

	2019	2018
Bilangan penerbit yang layak	6	6
Prospektus asas yang didaftarkan	6	6
Prospektus tambahan yang didaftarkan	12	9
Kertas terma yang didaftarkan	1,106	1,037
Saiz terbitan (bilion waran)	56.87	53.19

Jadual 6

Program produk berstruktur yang dipertimbangkan

	2019		2018	
	Bil. program	Saiz (RM bilion)	Bil. program	Saiz (RM bilion)
Bil. penerbit yang menyerahkan program baharu	5	25	16	85.00
Program baharu yang diserahkan				
Prinsip				
– Konvensional	5	25	17	85.00
– Islam	1	5	4	15.05
JUMLAH	6	30	21	100.05

on Contract for Difference (CFD) pada 6 April 2018. CFD ialah produk derivatif leveraj yang membolehkan pelabur mengambil bahagian dalam pergerakan harga suatu instrumen pendasar. Disebabkan oleh kerumitan CFD, rangka kerja

tersebut dilaksanakan secara berpangkat, bermula dengan pelabur sofistikated.

Pada 2019, 1 penyedia CFD telah mula menawarkan CFD di Malaysia berdasarkan saham.

PASARAN MODAL ISLAM

Pasaran modal Islam Malaysia terus membentuk bahagian yang lebih besar, iaitu sebanyak 63.57% daripada keseluruhan pasaran modal. Saiz pasarnya adalah sebanyak RM2,035.58 bilion pada 2019 berbanding RM1,880.73 bilion pada penghujung 2018. Ini termasuk jumlah permodalan pasaran ekuiti patuh Syariah sebanyak RM1,096.62 bilion dan jumlah sukuk belum tebus sebanyak RM938.96 bilion (Carta 1 dan Jadual 1).

Sekuriti patuh Syariah

Pada Disember 2019, sekuriti patuh Syariah meningkat daripada 689 pada penghujung 2018 kepada 714, yang merangkumi 76.86% daripada 929 sekuriti tersenarai di Bursa Malaysia.


Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah adalah berjumlah RM1,096.62 bilion atau 64.06% daripada keseluruhan permodalan pasaran, peningkatan sebanyak 5.80% berbanding pada penghujung 2018 (Carta 2 dan Jadual 2). Sektor produk dan perkhidmatan industri membentuk sebahagian besar sekuriti patuh Syariah, dengan sejumlah 218 (30.53%) sekuriti, diikuti oleh sektor produk pengguna dengan 145 sekuriti (20.31%), teknologi dengan 81 sekuriti (11.34%) dan hartanah dengan 78 sekuriti (10.92%).

Sukuk

Terbitan sukuk korporat merangkumi 77.09% (2018: 68.92%) daripada jumlah terbitan bon dan


Carta 1

Saiz pasaran modal Islam



Carta 2

Peratusan bilangan dan permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah



sukuk korporat sementara sukuk belum tebus membentuk 79.58% (2018: 76.01%) daripada keseluruhan bon dan sukuk korporat belum tebus (Jadual 3).

Terbitan sukuk oleh Kerajaan dan korporat pada 2019 merangkumi 61.11% (2018: 51.80%) daripada jumlah terbitan bon dan sukuk manakala jumlah sukuk belum tebus merangkumi 63.01% (2018: 60.05%) daripada jumlah bon dan sukuk belum tebus (Jadual 4).


Pada 2019, sejumlah 4 sukuk SRI korporat baharu telah diterbitkan yang memberi tumpuan kepada tenaga boleh diperbaharui, menjadikan jumlah sukuk SRI yang diterbitkan sejak 2015 kepada 10. Jumlah terbitan sukuk korporat SRI meningkat daripada RM0.47 bilion pada 2018, kepada RM2.16 bilion iaitu 2.11% daripada jumlah terbitan sukuk korporat. Sukuk korporat SRI belum tebus meningkat daripada RM2.61 bilion pada 2018 kepada RM4.71 bilion pada penghujung 2019, merangkumi 0.85% daripada jumlah sukuk korporat belum tebus.

Pengurusan dana Islam

Pada penghujung 2019, AUM Islam adalah berjumlah RM180.52 bilion yang mencatatkan peringkatan sebanyak 13.66% daripada RM158.83

Carta 3

AUM Pengurusan dana Islam



bilion pada penghujung 2018 (Carta 3 dan Jadual 5). Bilangan CIS Islam (UTF, WF, PRS, REIT dan ETF) adalah sebanyak 330 pada penghujung 2019, termasuk 2 UTF Islam SRI. Pada penghujung 2019, terdapat 54 syarikat pengurusan dana yang mengurus dana Islam, dengan 23 syarikat pengurusan dana Islam sepenuhnya dan 31 syarikat pengurusan dana yang menawarkan produk Islam.

STATISTIK UTAMA

Jadual 1

Saiz ICM

Pasaran modal Islam	2019 RM bilion	2018 RM bilion
Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah	1,096.62	1,036.52
Saiz sukuk belum tebus	938.96	844.21
Jumlah saiz ICM	2,035.58	1,880.73
% ICM berbanding pasaran modal	63.57%	60.55%

Jadual 2

Sekuriti patuh syariah

	2019	2018
Bilangan sekuriti:		
Sekuriti patuh Syariah	714	689
Jumlah sekuriti tersenarai	929	915
% sekuriti patuh Syariah berbanding jumlah sekuriti tersenarai	76.86%	75.30%
Permodalan pasaran (RM bilion):		
Sekuriti patuh Syariah	1,096.62	1,036.52
Jumlah permodalan pasaran	1,711.84	1,700.37
% sekuriti patuh Syariah berbanding jumlah keseluruhan permodalan pasaran	64.06%	60.96%

Jadual 3

Sukuk korporat

Jumlah terbitan (RM bilion) (jangka panjang)	2019	2018
Terbitan sukuk	102.39	72.68
Jumlah terbitan bon korporat dan sukuk	132.82	105.45
% sukuk berbanding jumlah terbitan bon korporat dan sukuk	77.09%	68.92%
Jumlah sukuk belum tebus (RM bilion) (jangka panjang)	2019	2018
Sukuk belum tebus	555.50	497.21
Jumlah bon korporat dan sukuk belum tebus	698.04	654.11
% sukuk berbanding jumlah bon korporat dan sukuk belum tebus	79.58%	76.01%

Jadual 4

Sukuk kerajaan dan korporat

Jumlah terbitan (RM bilion)	2019	2018
Terbitan sukuk	235.20	199.90
Jumlah terbitan bon dan sukuk	384.85	385.93
% sukuk berbanding jumlah terbitan bon	61.11%	51.80%
Jumlah sukuk belum tebus (RM bilion)	2019	2018
Sukuk belum tebus	938.96	844.21
Jumlah keseluruhan bon dan sukuk belum tebus	1,490.28	1,405.78
% sukuk berbanding jumlah bon belum tebus	63.01%	60.05%

Jadual 5

AUM Islam

	2019	2018
AUM Islam (RM bilion)	180.52	158.83
Jumlah industri pengurusan dana (RM bilion)	823.19	743.58
% AUM Islam berbanding jumlah industri pengurusan dana	21.93%	21.36%

Jadual 6

UTF Islam

	2019	2018
UTF Islam	236	224
Jumlah keseluruhan industri	685	650
NAV UTF Islam (RM bilion)	107.32	83.45
NAV jumlah industri (RM bilion)	482.09	426.18
% NAV UTF Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	22.26%	19.58%

Jadual 7

WF Islam

	2019	2018
WF Islam	58	76
Jumlah keseluruhan industri	323	307
NAV WF Islam (RM bilion)	12.33	23.58
NAV jumlah keseluruhan industri (RM bilion)	58.10	64.95
% NAV WF Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	21.22%	36.30%

Jadual 8

Dana PRS Islam

	2019	2018
PRS Islam	26	25
Jumlah keseluruhan industri	57	56
NAV PRS Islam (RM bilion)	1.06	0.82
NAV jumlah keseluruhan industri	3.50	2.68
% NAV PRS Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	30.29%	30.60%

Jadual 9

REIT Islam

	2019	2018
REIT Islam	4	4
Jumlah keseluruhan industri	18	18
Permodalan pasaran REIT Islam (RM bilion)	18.24	17.19
Permodalan pasaran jumlah keseluruhan industri (RM bilion)	43.83	41.43
% permodalan pasaran REIT Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	41.62%	41.49%

Jadual 10

ETF Islam

	2019	2018
ETF Islam	6	6
Jumlah keseluruhan industri	15	10
Permodalan pasaran ETF Islam (RM bilion)	0.55	0.55
Permodalan pasaran jumlah keseluruhan industri (RM bilion)	2.14	1.98
% permodalan pasaran ETF Islam berbanding jumlah keseluruhan industri	25.70%	27.78%

MODAL TEROKA DAN EKUITI SWASTA

Jumlah syarikat yang berdaftar meningkat sebanyak 122 pada 31 Disember 2019 (Jadual 1). Segmen modal teroka terdiri daripada 105 syarikat berdaftar (syarikat pengurusan modal teroka dan syarikat modal teroka – VCMC dan VCC), manakala segmen ekuiti swasta terdiri daripada 17 syarikat berdaftar (syarikat pengurusan ekuiti swasta dan syarikat ekuiti swasta – PEMC dan PEC).

Bilangan syarikat penerima pelaburan menurun daripada 387 pada 2018 kepada 304 pada 2019. Pada penghujung 2019, bilangan profesional yang diambil bekerja oleh industri dengan sekurang-kurangnya empat tahun pengalaman adalah seramai 220 orang.

Jumlah dana komited dalam industri pada akhir 2019 adalah sebanyak RM5,998.07 juta (Jadual 2).

Tahun 2019 menyaksikan pengurangan 7.6% dalam aktiviti pelaburan berjumlah RM566.37 juta dilaburkan sepanjang tahun berbanding RM613.28 juta pada 2018. Pada penghujung tahun dalam tinjauan, jumlah pelaburan terkumpul adalah RM2,961.11 juta.

Terdapat peningkatan dalam penyahlaburan daripada RM161.0 juta pada 2018 kepada RM631.16 juta pada 2019. Sehubungan ini, penyahlaburan, sama ada sebahagian atau penuh, melibatkan 149 syarikat penerima pelaburan telah dinyahlabur pada 2019 berbanding 75 syarikat pada 2018. Penyahlaburan menyaksikan peningkatan mendadak sepanjang tahun tersebut, kebanyakannya melalui penyusunan semula sebuah firma VC utama dengan beberapa pelaburan ditamatkan melalui jualan dagangan, belian balik saham atau dihapus kira.

Jadual 1

Statistik peserta industri

	31 Disember 2019	31 Disember 2018
Bilangan syarikat berdaftar	122	117
Bilangan VCMC dan VCC berdaftar	105	105
Bilangan PEMC dan PEC berdaftar	17	12
Bilangan syarikat penerima pelaburan	304	387
Bilangan profesional VC dan PE ¹	220	235


¹ Profesional dengan pengalaman melebihi 4 tahun.

Jadual 2

Statistik utama industri (Angka dalam RM juta)

	31 Disember 2019	31 Disember 2018
Jumlah dana komited bawah pengurusan [1]	5,998.07	6,084.19
Jumlah modal dikeluarkan [2]	4,285.08	4,102.12
Anggaran modal tersedia untuk pelaburan [3]=[1]-[2]	1,712.99	1,982.06
Jumlah pelaburan pada penghujung tempoh	2,961.11	3,116.33
	Sepanjang 2019	Sepanjang 2018
Pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan	566.37	613.28
Penyahlaburan	631.16	160.96

Carta 1

Sumber dana (2019: RM5,998.07 juta)

Dana awam kekal sebagai sumber modal terbesar kepada industri dengan agensi kerajaan dan syarikat pelaburan yang merangkumi 41.1%, manakala dana kekayaan negara menyumbang sebanyak 24.4%. Sumbangan sektor swasta kepada industri didahului oleh pelabur korporat (21.5%) diikuti oleh dana pencer dan kumpulan wang simpanan (5.4%), pengurus aset (3.4%) serta pelabur individu dan perniagaan keluarga (2.8%).

Tiga syarikat berdaftar teratas mengikut jumlah komitmen pelabur pada penghujung 2019 ialah Xeraya Capital, Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) dan COPE Private Equity Sdn Bhd.


Pelaburan pertumbuhan menyaksikan aktiviti urus niaga saham yang ketara pada 2019 berjumlah RM387.22 juta dilaburkan dalam 63 syarikat, mewakili 73.3% pelaburan berlaku pada 2019. Ini diikuti dengan pelaburan peringkat awal berjumlah RM167.72 juta dan 29.6% saham. (Jadual 3).

Nota:

Agensi dan syarikat pelaburan kerajaan: Termasuk syarikat pelaburan kementerian (cth. Kementerian Kewangan (Diperbadankan), agensi kerajaan, badan berkanun, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan yang ditubuhkan untuk mengurus pelaburan dana awam (cth. PNB, Ekuinas).

Carta 2

Pelaburan pada 2019, peratusan mengikut sektor



Bahagian pelaburan ke dalam sektor IT dan komunikasi kekal sebanyak 22.76%, manakala sektor pembuatan dan sains hayat masing-masing merosot kepada 1.22% dan 28.16%. Sektor lain mencatatkan peningkatan pelaburan pada 2019 sebanyak 47.86%. Sektor tersebut termasuk pelaburan dalam perdagangan borong dan runcit, logistik, dan perkhidmatan kewangan. (Carta 2).

Penyahlaburan pada 2019 tertumpu kepada syarikat penerima pelaburan di peringkat pertumbuhan berjumlah kira-kira RM316.30 juta, merangkumi 50.1% daripada jumlah penyahlaburan sepanjang tahun ini. (Jadual 3)

Jadual 3

Pelaburan sepanjang 2019

Peringkat perniagaan	Pelaburan baharu (RM '000)	% daripada jumlah pelaburan	Bil. syarikat
Permulaan	4,192.76	0.7	3
Peringkat awal	167,715.02	29.6	30
Pertumbuhan	387,218.29	68.4	63
Pengantara / mezanin / pra-IPO	5,500.00	1.0	1
Pemulihan / penyusunan semula	1,739.13	0.3	5
Jumlah pelaburan	566,365.20	100.0	102

Jadual 4

Penyahlaburan sepanjang 2019

Peringkat perniagaan	Penyahlaburan (RM '000)	% jumlah penyahlaburan	Bil. syarikat
Semai	102,423.42	16.2	24
Permulaan	24,282.28	3.9	13
Peringkat awal	158,092.14	25.0	34
Pertumbuhan	316,297.02	50.1	58
Pengantara / mezanin / pra-IPO	22,475.36	3.6	6
Pemulihan / penyusunan semula	7,592.73	1.2	14
Semua penyahlaburan	631,162.94	100.0	149

PENDANAAN EKUITI RAMAI DAN PEMBIAYAAN ANTARA RAKAN SETARA

PENDANAAN EKUITI RAMAI


Sejak 2016, jumlah modal yang dikumpulkan adalah sebanyak RM73.74 juta (Carta 1) melalui 80 kempen dengan kadar kejayaan kempen sebanyak 85%. Kempen-kempen ini telah memberi manfaat kepada 77 penerbit.

Kempen

Pada 2019, modal sejumlah RM25.16 juta telah dikumpulkan melalui 29 kempen. Sebanyak 59% daripada kempen ini ialah pengumpulan dana bagi projek bertumpu teknologi. Seperti pada 2018, terdapat trend menaik dalam bilangan kempen yang berjaya sepanjang 2019 (Carta 2). Majoriti kempen pada 2019 telah meningkat dalam lingkungan RM500,000 ke bawah (Carta 3).

Carta 1

Modal dikumpulkan



Susulan itu, kempen-kempen yang telah mengumpul lebih RM500,000 telah menyusut daripada 64% pada 2018 kepada 45% pada 2019 (Carta 3).


Carta 2

Kempen yang berjaya



Carta 3


Pengagihan kuantiti pengumpulan dana



Nota: Laporan statistik sebelum ini telah diselaraskan menurut angka terkini *Pengendali Pasaran yang Diiktiraf* (RMO).

Carta 4

Modal yang dikumpulkan mengikut sektor pada 2019




Tiga sektor teratas yang menerima sebahagian besar pembiayaan pada 2019 ialah Aktiviti Hartanah (24%), Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan (18%), Aktiviti Perkhidmatan Lain* (13%) (Carta 4).

Penerbit

Sebanyak 29 penerbit telah berjaya mengumpul dana di platform ECF pada 2019. Sebanyak 83% daripada penerbit ini kebanyakannya berpangkalan di Kuala Lumpur / Selangor. Penerbit pada peringkat semai telah menerima sebahagian besar daripada pembiayaan pada 2019, iaitu 59% daripada jumlah dana yang dikumpulkan (Carta 5). Majoriti penerbit ini memohon pengumpulan dana untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Carta 5

Peringkat pengumpulan dana pada 2019



Nota: * Sektor Perkhidmatan Lain termasuk aktiviti organisasi keahlian, pembaikan komputer, barang peribadi dan isi rumah dan aktiviti perkhidmatan peribadi lain.

Pelabur

Jadual 1 menunjukkan demografi pelabur pada 2019.

Jadual 1

Demografi pelabur pada 2019

		Peratusan jumlah pelabur
Kewarganegaraan	Malaysia	96
	Asing	4
Gender	Perempuan	31
	Lelaki	69
Umur	Bawah 35	46
	35 hingga 45	31
	>45 hingga 55	14
	Lebih 55	9
Jenis	Runcit	52
	Pelabur pemangkin	15
	Sofistikated	31
	Institusi	2

PEMBIAYAAN ANTARA RAKAN SETARA


Sejak 2017, jumlah modal yang dikumpulkan adalah sebanyak RM632.38 juta (Carta 6) melalui 8,102 kempen yang berjaya. Dengan kadar kejayaan 99%, kempen-kempen ini telah memberi manfaat kepada 1,866 penerbit.

Kempen

Jumlah modal yang dikumpulkan meningkat sebanyak 131% pada 2019, yang berjumlah RM418.63 juta (Carta 6). Sejumlah 5,583 kempen


carta 6

Modal yang dikumpulkan



Carta 7

Kempen yang berjaya




yang berjaya menyumbang kepada pertumbuhan dalam modal pada 2019. Seperti pada 2018, terdapat peningkatan stabil dalam kempen sepanjang 2019 (Carta 7). Dari segi saiz kempen, dana yang lebih kecil kekal sebagai pilihan di mana 72% daripada kempen adalah bernilai RM50,000 dan ke bawah (Carta 8).

Nota: Angka 2018 telah dilaraskan mengikut angka terkini Pengendali Pasaran yang Diiktiraf (RMO) yang dilaporkan.


Carta 8

Pengagihan kuantiti pengumpulan dana




Carta 9

Jenis nota pelaburan



Carta 10

Modal yang dikumpul mengikut sektor pada 2019



Sebanyak 72% daripada nota pelaburan yang diterbitkan pada 2019 adalah nota pembentangan perniagaan dan invois (Carta 9). Sektor perdagangan Borong dan Runcit; Pembentakan

Kenderaan Bermotor dan Motosikal menerima majoriti pembentangan pada 2019 (Carta 10) manakala 11% daripada jumlah kempen pada 2019 ialah projek bertumpu kepada teknologi.

Penerbit

Sebanyak 1,420 penerbit telah berjaya mengumpul dana melalui platform P2P pada 2019. Sejumlah 51% daripada penerbit ini adalah berpangkalan di luar Kuala Lumpur/Selangor (cth. Pulau Pinang, Sarawak, Johor). Sebanyak 88% daripada penerbit ini mengumpul dana untuk menyokong operasi perniagaan harian mereka (iaitu modal kerja).

Pelabur

Jadual 2 menunjukkan demografi pelabur pada 2019.

Jadual 2

Demografi pelabur pada 2019

		Peratusan jumlah pelabur
Kewarganegaraan	Malaysian	98
	Asing	2
Gender	Perempuan	28
	Lelaki	72
Umur	Bawah 35	62
	35 hingga 45	24
	>45 hingga 55	9
Jenis	Lebih 55	5
	Runcit	99
	Bukan runcit	1

PEMBERIAN KEBENARAN DAN PELESENAN

Pada 2019, bilangan pengantara berlesen termasuk pemegang lesen individu bagi perancangan kewangan dan nasihat pelaburan berjumlah 234 berbanding 242 pada 2018. Bilangan bersih pemegang lesen telah berkurangan susulan pemberhentian 10 CMSL, 1 pemberhentian CMSL individu, 1 pembatalan lesen dan 2 CMSL yang berpindah kepada sistem pendaftaran. Pemberhentian operasi terutamanya disebabkan oleh penyusunan semula perniagaan, rasionalisasi kumpulan dan penstrukturran semula serta peralihan tumpuan geografi. Sebanyak 6 lesen baharu juga yang dikeluarkan pada tahun ini yang mana 2 dikeluarkan bagi pengurusan dana, 2 bagi khidmat nasihat kewangan korporat, 1 bagi urus niaga dalam derivatif dan 1 bagi perancangan kewangan. SC terus menyaksikan minat dalam segmen pengurusan dana dan perancangan kewangan khususnya dalam segmen pengurusan dana digital.

Bilangan wakil niaga berlesen meningkat sedikit kepada 9,660 berbanding 9,587 pada 2018. Pada 2019, sejumlah 920 lesen baharu telah dikeluarkan kepada Lesen Wakil Niaga Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL) untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang dikawal selia. Segmen khidmat nasihat terus

menarik peserta baharu, khususnya perancangan kewangan.

Terdapat penurunan dalam bilangan Wakil Pemasaran yang didaftarkan daripada 541 pada Disember 2018 kepada 367 pada Disember 2019. Begitu juga bilangan Wakil Niaga Dagangan yang berdaftar menurun sedikit kepada 107 pada 2019 berbanding 126 pada 2018. Pada 2019, SC juga meluluskan 10 pendaftaran baharu untuk syarikat ekuiti swasta (PEC), syarikat pengurusan ekuiti swasta (PEMC), syarikat modal teroka (VCC) dan syarikat pengurusan modal teroka (VMC)¹.

Berkuat kuasa 2 Januari 2019, entiti yang menyediakan perkhidmatan pemegang amanah untuk skim unit amanah (UTS) dan skim pelaburan yang ditetapkan, PRS, bon korporat, sukuk atau mana-mana produk lain yang ditentukan oleh SC, serta rumah terbitan dikehendaki berdaftar di bawah seksyen 76A CMSA, selaras dengan pengenalan *Guidelines on the Registration and Conduct of Capital Market Services Providers* (Garis Panduan CMSP). Setakat ini, terdapat 19 CMSP yang terdiri daripada 17 pemegang amanah dan 2 rumah terbitan.

¹ 1 PEC, 4 PEMC, 3 VCC dan 2 VMC.

Jadual 1

Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal

Mengikut aktiviti teras²	2019	2018
Urus niaga dalam sekuriti ³	36	39
Urus niaga dalam derivatif	7	8
Pengurusan dana	97	98
Nasihat kewangan korporat	42	42
Nasihat pelaburan	15	16
Nasihat pelaburan (individu)	1	1
Perancangan kewangan	34	35
Perancangan kewangan (individu)	2	3
JUMLAH	234	242

Mengikut aktiviti yang dikawal selia	2019	2018
Urus niaga dalam sekuriti		
Bank pelaburan	10	10
Broker universal	1	1
Syarikat broker saham 1+1	12	12
Syarikat broker saham asing skim khas	7	7
Rumah terbitan	-	2
	30	32
Urus niaga dalam derivatif		
Bank pelaburan	5	5
Syarikat broker saham 1+1	3	3
Syarikat broker saham asing skim khas	2	2
Lain-lain	7	8
	17	18
Penjelasan		
Bank pelaburan	5	5
Syarikat broker saham 1+1	3	3
Syarikat broker saham asing skim khas	2	2
Lain-lain	6	7
	16	17

² Bagi entiti-entiti yang dilesenkan lebih daripada 1 aktiviti dikawal selia, aktiviti teras bermaksud aktiviti utama pengantara dilesenkan tersebut.

³ Termasuk 5 CMSL untuk urus niaga sekuriti terhad kepada unit amanah dan 1 CMSL untuk urus niaga sekuriti terhad kepada sekuriti tersenarai.

Jadual 1

Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (*Sambungan*)

Mengikut aktiviti yang dikawal selia	2019	2018
Pengurusan dana		
<i>Pengurusan portfolio</i>		
Bank pelaburan	1	1
Syarikat pengurusan unit amanah	24 ⁴	25
Pengurus dana asing skim khas	5	5
Pengurus dana Islam	23 ⁴	21
Pengurus dana khidmat khas (<i>Boutique</i>)	4	3
Pengurus pelaburan digital	2	1
Lain-lain	21	24
<i>Pengurusan asset</i>		
REIT	18	19
	98	99
Nasihat kewangan korporat		
Bank pelaburan	10	10
Syarikat broker saham 1+1	6	6
Syarikat broker saham asing skim khas	5	6
Syarikat kewangan korporat lain / kendiri / khidmat khas	43	43
	64	65
Nasihat pelaburan		
Bank pelaburan	9	8
Syarikat broker saham 1+1	8	8
Syarikat broker saham asing skim khas	7	7
Syarikat pengurusan unit amanah	3	2
Syarikat kewangan korporat lain / kendiri / khidmat khas	22	23
	49	48
Perancangan kewangan		
Syarikat pengurusan unit amanah	5	5
Penasihat unit amanah korporat	17	17
Syarikat kewangan korporat lain / kendiri / khidmat khas	20	21
	42	43

⁴ Termasuk 1 syarikat berlesen untuk DIM.

Jadual 1**Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (Sambungan)**

Mengikut aktiviti yang dikawal selia	2019	2018
Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah		
Syarikat pengurusan unit amanah	29	30
Pengurus dana Islam	10	8
Penasihat unit amanah korporat	17	17
Lain-lain	1	1
	57	56
Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada sekuriti tersenarai		
Lain-lain	1	1
	1	1
Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada bon OTC		
Lain-lain	1	1
	1	1
Urus niaga dalam skim persaraan swasta		
Bank pelaburan	1	1
Syarikat pengurusan unit amanah	9	9
Penasihat skim persaraan swasta korporat	17	17
Lain-lain	3	2
	30	29
JUMLAH BESAR	405	409

Jadual 2**Pemegang Lesen Wakil Niaga Perkhidmatan Pasaran Modal**

Mengikut aktiviti teras	2019	2018
Urus niaga dalam sekuriti	6,326	6,373
Urus niaga dalam derivatif	469	495
Pengurusan dana	819	818
Nasihat kewangan korporat	768	761
Nasihat pelaburan	301	307
Perancangan kewangan	977	833
JUMLAH BESAR	9,660	9,587

Jadual 3

Permohonan lesen wakil niaga baharu

Aktiviti yang dikawal selia	Urus niaga dalam sekuriti		Urus niaga dalam derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan	
	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018
Dikeluarkan	-	-	1	-	2	5	2	-	-	-	1	2

Jadual 4

Permohonan lesen wakil niaga baharu

Aktiviti yang dikawal selia	Urus niaga dalam sekuriti		Urus niaga dalam derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan	
	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018
Dikeluarkan	417	317	43	40	90	100	131	128	43	52	196	168
Ditarik keluar*	70	43	13	9	44	83	27	23	4	7	52	77
Dikembalikan*	159	145	27	20	103	84	69	54	16	24	135	128

Nota:

* Mengikut aktiviti yang dikawal selia.

Jadual 5

Penamatan lesen syarikat/individual lesen

Aktiviti yang dikawal selia	Urus niaga dalam sekuriti		Urus niaga dalam derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan		Perancangan kewangan (individu)	
	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018
Ditamatkan	1*	-	2	-	2	-	2	1	1	-	2	-	1	-
Dibatalkan	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Digantung	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Nota:

* Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah.

Jadual 6

Penamatan lesen wakil niaga

Aktiviti yang dikawal selia	Urus niaga dalam sekuriti		Urus niaga dalam derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan	
	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018	2019	2018
Ditamatkan*	514	453	107	88	88	97	121	135	46	39	47	47
Dibatalkan	1	2	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-
Digantung	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Nota:

* Mengikut aktiviti yang dikawal selia.

PENGUATKUASAAN


Pada 2019, SC menyemak 26 kes berkaitan kemungkinan pelanggaran kesalahan sekuriti, iaitu susulan pemantauan aktif ke atas aktiviti pasaran dan korporat, penyeliaan, aduan serta rujukan daripada pihak berkuasa tempatan. Rujukan terbesar daripada kes-kes ini adalah berkaitan dengan manipulasi pasaran dan penipuan sekuriti (Carta 1).

Pada 31 Disember 2019, terdapat 48 siasatan aktif. Paling ketara, 2019 menyaksikan peningkatan

dalam pengendalian siasatan penipuan sekuriti, yang merupakan seperempat daripada siasatan aktif SC pada 2019 (Carta 2). Situasi ini konsisten dengan trend tahun ke tahun sebelumnya yang menunjukkan kenaikan tahunan dalam kesalahan penipuan sekuriti sejak 2017. Sementara itu, siasastan terhadap dagangan orang dalaman terus menunjukkan penurunan pada setiap tahun, justeru menunjukkan pengurangan yang ketara dalam siasatan ke atas dagangan orang dalam sejak 2014 (Carta 3).

Carta 1


Jumlah rujukan sedang berjalan mengikut jenis kesalahan



* Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.


Carta 2

Siasatan aktif mengikut jenis kesalahan



Carta 3

Kesalahan dagangan orang dalam dan penipuan sekuriti dari 2014 hingga 2019



Pegawai Penyiasat SC diberi kuasa penyiasatan di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA) untuk memudahcarakan pengumpulan bukti. Hal ini termasuklah, kuasa untuk mendapatkan bukti dokumen dan lisan, yang merupakan proses penting dalam proses siasatan.

Pada 2019, Pegawai Penyiasat SC mencatatkan kenyataan saksi daripada 208 individu. Hampir separuh kenyataan ini direkodkan daripada para profesional (termasuk juruaudit, ahli perbankan, peguam, dan setiausaha syarikat), pengarah dan pengurusan kanan syarikat awam tersenarai serta pemegang akaun sekuriti (Carta 4).

Urus niaga rentas sempadan merupakan ciri kebiasaan dalam siasatan SC. Melalui Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala IOSCO dan Perundingan dan Kerjasama serta Pertukaran Maklumat (MMoU), SC telah mendapatkan bantuan untuk merekodkan kenyataan daripada saksi yang berada di luar negara dan mendapatkan

dokumen, seperti dokumen transaksi perbankan dan sekuriti, daripada entiti asing.


Pada 2019, SC membuat 28 permintaan bagi bantuan siasatan kepada 12 pihak berkuasa penyelia asing (Jadual 1). Sebagai sebahagian daripada MMoU tersebut, SC juga memberi bantuan kepada 5 pihak berkuasa penyelia asing berhubung 10 permintaan untuk bantuan siasatan.

Tindakan pentadbiran

Pada 2019, sejumlah 99 sekatan pentadbiran telah dikenakan oleh SC atas pelbagai salah laku dan pelanggaran undang-undang sekuriti termasuk membuat kenyataan palsu dan mengelirukan kepada SC, pelanggaran syarat pelesenan, kegagalan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan dalam penyediaan penyata kewangan teraudit dan kelewatan pengemukaan dokumen di bawah Rangka Kerja LOLA.

Carta 4

Kenyataan saksi direkodkan mengikut jenis saksi dalam 2019



Jadual 1

Permintaan bantuan asing oleh SC pada 2018 mengikut negara

Negara	Bil. permintaan
Belgium	1
BVI	3
China	1
Hong Kong	6
Jepun	1
Korea	1
Labuan	1
Luxembourg	2
Singapura	6
Switzerland	2
United Kingdom	2
Amerika Syarikat	2
JUMLAH	28

Sekatan yang dikenakan ke atas pihak yang melakukan pelanggaran merangkumi celaan, pembatalan dan penggantungan lesen, denda dan arahan serta penerbitan kenyataan awam (Jadual 2).

Pada 2019, sejumlah RM 5.38 juta penalti telah dikenakan ke atas pihak berikut:

- Sebuah firma audit kerana gagal memaklumkan kepada SC dengan segera mengenai penyelewengan yang mungkin menyebabkan impak material ke atas keupayaan penerbit membayar semula amaun di bawah program sukuk, dan kerana kegagalan firma audit untuk mengemukakan satu salinan penyata kewangan penerbit yang telah diaudit kepada pemegang amanah dalam masa yang ditetapkan;
- Seorang pengarah kerana gagal memaklumkan kepada SC perkembangan penting mengenai syarikat sebelum pelaksanaan penyenaraiannya;

Jadual 2

Tindakan pentadbiran yang diambil pada 2019 mengikut jenis sekatan dan pihak yang melakukan pelanggaran

Pihak pelaku pelanggaran	Jenis sekatan				
	Celaan	Pembatan / Penggantungan Lesen	Penalti	Arahan	Penerbitan Kenyataan Awam
Individu bertindak secara bersama	1	-	1	-	-
Individu berlesen	6	2	8	5	-
Individu berdaftar	-	-	1	-	-
PLC atau syarikat memohon penyenaraian	7	-	-	-	-
Pengarah PLC atau syarikat memohon penyenaraian	40	-	5	-	4
Syarikat swasta	1	-	-	-	-
Syarikat audit	4	-	4	-	-
Individu lain ¹	5	-	5	-	-
JUMLAH	64	2	24	5	4

¹ 2 individu yang membenarkan pihak ketiga yang merupakan penama yang tidak diberi kebenaran untuk menggunakan akaun dagangan sekuriti mereka, individu yang dikenal pasti sebagai pemilik beneficiari sekuriti yang didepositkan ke dalam akaun Central Depository System (CDS) 2 individu berlainan, 2 individu tersebut telah menjalankan aktiviti dagangan sekuriti yang melibatkan deposit sekuriti dengan bukti menunjukkan pihak ketiga (individu tersebut merupakan pemilik beneficiari dan 2 individu yang dianggap menjalankan pasaran yang diiktiraf tanpa kebenaran SC di bawah seksyen 34 CMSA).

- 6 pengantara berlesen kerana lewat mengemukakan pulangan statistik bulanan bagi dana borong dan notis pascapenerbitan di bawah rangka kerja LOLA;
- Individu berdaftar kerana lewat dalam mengemukakan laporan pascapenerbitan bagi produk berstruktur di bawah Rangka Kerja LOLA;
- Pihak yang bertanggungjawab atas kelewatan dalam mengemukakan laporan pascapenerbitan bagi program sukuk di bawah Rangka Kerja LOLA;
- Individu berlesen kerana gagal mematuhi syarat lesenya yang menghendakinya kekal layak dan sesuai pada setiap masa;
- 2 pengarah individu PLC kerana masing-masing merekodkan maklumat palsu dan mengelirukan dalam buku-buku PLC dan menyediakan maklumat palsu dan mengelirukan dalam menyediakan perjanjian PLC dan penyata kewangan teraudit PLC kepada Bursa Malaysia;
- Individu yang bertindak bersama kerana melanggar peruntukan pengambilalihan yang telah memberikan maklumat palsu kepada SC;
- 2 individu yang membenarkan pihak ketiga yang merupakan penama yang tidak diberi kebenaran untuk menggunakan akaun dagangan sekuriti mereka;
- Individu dikenal pasti sebagai pemilik benefisiari sekuriti yang didepositkan ke dalam akaun Central Depositary System (CDS) 2 individu berlainan; dan
- 2 individu yang menjalankan aktiviti dagangan sekuriti yang melibatkan deposit sekuriti dengan bukti menunjukkan pihak ketiga sebagai pemilik benefisiari.

Notis pelanggaran

Selain tindakan pentadbiran di bawah kuasa berkanunnya, SC juga menggunakan instrumen penguatkuasaan bukan statut lain ketika melaksanakan fungsi pemantauan, pengawalan dan pengawasannya.

Notis pelanggaran dikeluarkan apabila pelanggaran undang-undang atau garis panduan sekuriti yang dikesan tidak memerlukan tindakan penguatkuasaan rasmi atau pengenaan tindakan pentadbiran.

Notis pelanggaran yang dikeluarkan oleh SC meliputi yang berikut:

- **Surat penyeliaan yang melibatkan Pelanggaran** – dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi pengawasan atau pemeriksaan yang dijalankan di bawah seksyen 126 SCMA.
- **Surat amaran** – dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi pengawalan SC seperti penerbitan lesen, kelulusan cadangan korporat dan semakan ke atas prospektus. Surat amaran boleh dikeluarkan kepada individu berlesen, berdaftar atau para profesional atau pakar lain.
- **Surat ketidakpatuhan** – dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi pengawalan SC bagi pelanggaran kecil.
- **Surat henti operasi** – dikeluarkan untuk menghentikan atau mencegah pelanggaran undang-undang sekuriti. Surat henti operasi boleh dikeluarkan kepada individu yang melakukan atau hendak melakukan perbuatan pelanggaran. Kegagalan mematuhi perintah henti operasi boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan rasmi oleh SC.

Pada 2019, 99 notis pelanggaran telah dikeluarkan oleh SC seperti yang diperincikan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Jenis notis pelanggaran

Jenis	Jumlah
Surat penyeliaan membabitkan pelanggaran	33
Surat amaran	16
Surat ketidakpatuhan	26
Surat henti operasi	24
JUMLAH	99

Kes mahkamah yang sedang berjalan bagi 2019

Pada 2019, sejumlah 34 kes jenayah dan sivil sedang berjalan di pelbagai mahkamah (Jadual 4).

Dari segi jenis kes-kes tersebut, 53% adalah berkaitan dengan dagangan orang dalam manakala 26% adalah berkaitan dengan pelanggaran tadbir urus korporat seperti salah nyata kewangan dan penzahiran palsu. Ini diikuti oleh 9% kes berkaitan penipuan sekuriti, 6% berkaitan aktiviti tidak berlesen dan 6% berkaitan manipulasi pasaran (Carta 5 dan Jadual 5)


Jadual 4

Kes-kes yang masih tertangguh di mahkamah

Mahkamah	Bilangan kes	Bilangan individu
Mahkamah Sesyen	16	24
Mahkamah Tinggi (Jenayah)	12	24
Mahkamah Rayuan	1	1
Mahkamah Tinggi (Sivil)	5	14
JUMLAH	34	63

Carta 5

Kes mahkamah yang masih berjalan bagi 2019 mengikut jenis kes



Jadual 5

Pecahan kes mahkamah yang masih berjalan bagi 2019 mengikut jenis kes

Mahkamah	Bilangan kes
Tadbir urus korporat	9
Dagangan orang dalam	18
Penipuan sekuriti	3
Manipulasi pasaran	2
Aktiviti tidak berlesen	2
JUMLAH	34

Tindakan penguatkuasaan sivil dan penyelesaian kawal selia pada 2019

Pada 2019, SC memperoleh pengakiman terhadap 1 individu bekas timbalan pengarah yang telah menyebabkan kerugian secara salah dan penipuan sekuriti berjumlah RM11.54 juta dan RM1 juta penalti sivil.

Sejumlah RM17,775,986.93 telah diperolehi dari 9 individu melalui penyelesaian susulan pemfailan saman sivil, manakala sejumlah RM16,037,061.19 telah diperolehi daripada 16 individu melalui penyelesaian kawal selia.

Butiran lanjut dibentangkan dalam Jadual 6 dan 7.

Berikutan tindakan sivilnya dan penyelesaian kawal selia pada 2019, SC menyaksikan peningkatan yang besar dalam jumlah yang dipulangkan berbanding pada 2018. SC berjaya memperolehi pemulangan sebanyak RM33.8 juta menerusi penyelesaian pada 2019 berbanding RM9.2 juta yang diperolehi pada 2018.

Terdapat juga penambahan jumlah penalti sivil yang diperolehi pada 2019. SC telah memperoleh penalti sivil sebanyak RM8.7 juta berbanding RM1.4 juta yang diperolehi pada 2018. Berikutan daripada jumlah pemulangan yang diperoleh SC, setakat 31 Disember 2019, sejumlah RM1,264,882 telah dipulangkan kepada pelabur manakala sebanyak RM1,170,187.53 lagi telah diasingkan

untuk pemulangan seterusnya. Sehubungan ini, seramai 619 pelabur telah dikenal pasti untuk pemulangan wang, sementara 214 pelabur lagi telah diasingkan untuk pemulangan selanjutnya.

Sabitan jenayah diperolehi pada 2019


Pada 2019, sejumlah 14 sabitan diperoleh SC. Terdapat 12 individu yang disabitkan kesalahan selepas perbicaraan penuh oleh Mahkamah Sesyen bagi pelbagai kesalahan sekuriti termasuk dagangan orang dalam, laporan kewangan palsu dan kegagalan untuk mendaftar prospektus. Sabitan jenayah dari 2 individu yang lain telah disahkan oleh Mahkamah Tinggi.

Penjatuhan hukuman yang diputuskan termasuk hukuman penjara sehingga 5 tahun dan denda dari RM70,000 hingga RM3 juta.

Butiran lanjut dibentangkan dalam Jadual 9.

Carta 6

Perbandingan pemulangan dan penalti sivil diperoleh SC pada 2018 dan 2019



Jadual 6

Butiran pendakwaan jenayah pada 2019

Bil.	Kesalahan	Pesalah	Butiran
1.	Dagangan orang dalam saham Bolton Bhd	Lim Chiew	<p>Pada 8 Disember 2005, SC memfailkan saman sivil terhadap Lim Chiew.</p> <p>Pada 28 September 2017, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengisyiharkan SC telah berjaya membuktikan pertuduhan terhadap Lim Chiew. Mahkamah Tinggi menganahkan Lim Chiew membayar sebanyak RM1,242,061.08 yang dituntut oleh SC dan RM50,000 sebagai penalti sivil.</p> <p>Pada 7 Januari 2019, Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan Chiew dan mengenepekan arahan Mahkamah Tinggi.</p>
2.	Mibenarkan pengemukaan pernyataan palsu dan mengelirukan kerana gagal mendedahkan 4 individu yang bertindak bersama yang diumumkan pada tarikh 29 September 2008 kepada Bursa Malaysia.	Lei Lin Thai (Lei LT)	<p>Pada 20 Februari 2019, sebuah pendakwaan jenayah telah difaiklan terhadap Lei.</p> <p>Pada 8 Mac 2019, Mahkamah Tinggi merekodkan Penghakiman Persetujuan antara SC dan Lei LT sebanyak RM2,258,578.53.</p>
3.	Dagangan orang dalam saham Three-A Resources Bhd	Dato' Mohd Nor Abdul Wahid	<p>Pada 27 Februari 2019, SC memfailkan saman sivil terhadap Dato' Mohd Nor.</p> <p>Pada 14 Mac 2019, Mahkamah Tinggi merekodkan Penghakiman Persetujuan antara SC dan Dato' Mohd Nor memberikan perintah yang dipohon oleh SC, beserta bayaran sejumlah RM50,201.40 dan penalti sivil sebanyak RM1 juta.</p>
4.	Dagangan orang dalam saham Malaysia Pacific Corporation Bhd shares (MPAC)	Dato Ch'ng Poh @ Ch'ng Chong Poh (Dato Ch'ng Poh).	<p>Pada 26 Mac 2019, SC memfailkan saman sivil terhadap Dato Ch'ng Poh.</p> <p>Pada 2 April 2019, Mahkamah Tinggi merekodkan Penghakiman Persetujuan antara SC dan Dato Ch'ng Poh, dengan memberikan perintah yang dipohon oleh SC, beserta bayaran sebanyak RM390,777 dan penalti sivil sebanyak RM1 juta.</p>

Jadual 6

Butiran pendakwaan jenayah pada 2019 (Sambungan)

Bil.	Kesalahan	Pesalah	Butiran
5.	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat kenyataan atau menyebarkan maklumat palsu dan mengelirukan dan berkemungkinan menyebabkan jual beli sekuriti oleh pihak lain melalui kenyataan akhbar yang mengaitkan hubungan Kenmark Industrial Company (M) Bhd (Kenmark) dari 3 Jun 2010 hingga 9 Jun 2010. • Dagangan orang dalam saham Kenmark 	<ul style="list-style-type: none"> • Datuk Ishak Ismail (Defendant Pertama) • BHLB Trustee Bhd (Defendant Kedua) 	<p>Pada 24 September 2010, memfaikan saman sivil terhadap Datuk Ishak dan BHLB Trustee Bhd.</p> <p>Pada 6 Mei 2019, Mahkamah Tinggi merekodkan Penghakiman Persetujuan antara SC and Datuk Ishak, dengan memberikan perintah yang dipohon oleh SC, berserta bayaran sebanyak RM18,906,849.00 dan penalti sivil sebanyak RM1 juta.</p> <p>Saman terhadap Defendant Kedua telah ditarik semula dengan tiada sebarang perintah berkaitan kos.</p>
6.	Dagangan orang dalam saham Ranhill Power Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> • Amran Awaluddin (Defendant Pertama) • Nooralina Mohd Shah (Defendant Pertama) 	<p>Pada April 2019, SC telah memfaikan saman sivil terhadap defendant-defendant.</p> <p>Pada 23 Mei 2019, Mahkamah Tinggi telah merekodkan Penghakiman Persetujuan antara SC dan defendant-defendant dengan memberikan perintah yang dipohon oleh SC, berserta bayaran sebanyak RM359,061.00, dan penalti sivil sebanyak RM1 juta dari setiap Defendan.</p> <p>SC juga telah diberikan sebanyak RM50,000.00 pada kos.</p>
7.	Dagangan orang dalam saham TH Group Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> • Ang Pok Hong (Ang PH) • Wendy Wong Soon Soon (Wendy Wong) 	<p>Pada 8 Ogos 2019, satu tindakan sivil telah difaikan terhadap Ang dan Wendy Wong kerana melanggar peruntukan dagangan orang dalam.</p> <p>Pada 11 September 2019, Mahkamah Tinggi telah merekodkan Penghakiman Persetujuan antara SC and Ang dan Wendy dengan sejumlah RM2,190,729.</p>
8.	Dagangan orang dalam saham Hirotako Holdings Bhd.	Ng Ee-Fang (Ng EF)	<p>Pada 12 Julai 2019, satu tindakan sivil telah difaikan terhadap Ng EF kerana melanggar peruntukan dagangan orang dalam.</p> <p>Pada 30 Ogos 2019, Mahkamah Tinggi telah merekodkan Penghakiman Persetujuan antara SC dan Ng EF dengan sejumlah RM578,640 dan penalti sivil sebanyak RM750,000.</p>
9.	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan peranti manipulasi dan penipuan. • Menyebabkan kesalahan kerugian kepada penyenaraian korporat. 	Datin Chan Chui Mei (Datin Chan)	<p>Pada 26 September 2016, SC telah memfaikan saman sivil terhadap Datin Chan.</p> <p>Selepas perbicaraan lengkap, Pada 17 Disember, Mahkamah Tinggi telah memberikan perintah yang dipohon oleh SC, berserta bayaran sebanyak RM11.54 juta, dan penalti sivil sebanyak RM1 juta dan kos sebanyak RM150,000 kepada SC.</p>

Jadual 7

Penyelesaian kawal selia pada 2019

Bil.	Jenis Pelanggaran	Pihak terlibat	Penyelesaian
1.	<ul style="list-style-type: none"> • Dagangan orang dalam saham Johor Land Bhd (JLand) • Berkomunikasi maklumat dalam berkaitan cadangan penswastaan JLand kepada Dato' Harjit 	Dato' Harjit Singh Gurdev Singh (Dato' Harjit) A.F.M Shafiqul Hafiz (Shafiqul)	Pada 29 Januari 2019, Dato' Harjit telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM173,352. Pada 30 Januari 2019, Shafiqul telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM173,352.
2.	Dagangan orang dalam saham Malaysia Airlines Bhd (MAS).	<ul style="list-style-type: none"> • Datuk Kamarudin Meranun (Datuk Kamarudin) • Abdul Radzim Abdul Rahman (Abdul Radzim) • Mohamed Radzif Mohamed Shamsudin (Mohamed Radzif) 	Pada 2 April 2019, Datuk Kamarudin telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM3,637,252. Pada 9 April 2019, Abdul Radzim and Mohamed Radzif masing-masing telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM750,000.
3.	Dagangan orang dalam saham MAS.	Terence Wong @ Huang Thar-Rearn (Terence Wong)	Pada 8 April 2019, Terence Wong telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM573,150.
4.	Dagangan orang dalam saham EON Capital Bhd.	Poh Yang Hong (Poh YH) Ong Saw Peng (Ong SP)	Pada 15 April 2019, Poh YH telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM260,160. Pada 3 Julai 2019, Ong SP telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM1,546,300.59.
5.	Dagangan orang dalam saham Harn Len Corporation Bhd.	Chong Ah Kaim (Chong AK) Low Kok Yong (Low KY)	Pada 5 May 2019, Chong AK telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM65,157. Pada 7 May 2019, Low KY telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM85,596.
6.	<ul style="list-style-type: none"> • Dagangan orang dalam saham DIS Technology Holdings Bhd (DIS Tech). • Berkomunikasi maklumat dalam berkaitan salah nyata hasil kewangan dalam laporan suku tahun DIS Tech (Salah Nyata Kewangan) kepada Law Cheng Tiang (Law CT). • Pemerolehan undang-undang untuk menjual saham DIS Tech. • Dagangan orang dalam saham of DIS Tech. 	Lim Eu Keong (Lim EK)	Pada 23 Julai 2019, Lim EK telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM87,669. Pada 24 Julai 2019, Law CT telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM87,669.

Jadual 7

Penyelesaian kawal selia pada 2019 (Sambungan)

Bil.	Jenis Pelanggaran	Pihak terlibat	Penyelesaian
	<ul style="list-style-type: none"> Berkomunikasi maklumat dalaman berkaitan dengan Salah Nyata Kewangan kepada Lee Weng Wai (Lee WW), Pemerolehan Lee WW untuk menjual saham DIS Tech. 	Lim EK	Tambahan daripada maklumat di atas, pada 23 Julai 2019, Lim EK juga telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM83,700.
	• Dagangan orang dalam saham DIS Tech	Lee WW	Pada 23 Julai 2019, Lee WW telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM83,700.
7.	Dagangan orang dalam saham Putrajaya Perdana Bhd	Dato' Seri Tham Ka Hon (Dato' Seri Tham)	Pada 15 Oktober 2019, Dato' Seri Tham telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM4,180,309.80.
		Loo Soo Loong (Loo SL)	Pada 18 Oktober 2019, telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak Loo SL RM2,106,257.20.
		Chu Yoke Fong (Chu YF)	Pada 15 Oktober 2019, Chu YF telah mencapai penyelesaian dengan SC sebanyak RM1,393,436.60.

Jadual 8

Butiran pendakwaan jenayah pada 2019

Bil.	Jenis Kesalahan	Pesalah	Tarikh pertuduhan
1.	Dagangan orang dalam saham DIS Technology Holdings Bhd (DISTECH)	Cheah Yew Keat	10 Oktober 2019

Jadual 9

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan 2019

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Hasil
1.	Dagangan orang dalam saham TH Group Bhd	Lei Lin Thai (Lei LT)	<p>Lei LT telah dikenakan pertuduhan pada 29 Januari 2015.</p> <p>Semua pertuduhan telah ditarik semula pada 11 Mac 2019 berikutan Penghakiman Persetujuan yang telah direkodkan antara SC dengan Lei pada 8 Mac 2019.</p>
2.	Dagangan orang dalam saham Johor Land Bhd (JLand)	Dato' Harjit Singh Gurdev Singh (Dato' Harjit)	<p>Dato' Harjit telah dikenakan pertuduhan pada 22 Februari 2018.</p> <p>Semua pertuduhan telah ditarik semula pada 14 Februari 2019 berikutan pencapaian penyelesaian antara SC dengan Dato' Harjit pada 29 Januari 2019.</p>
	Menyampaikan maklumat dalaman berkaitan cadangan penswastaan JLand kepada Dato' Harjit.	A.F.M. Shafiqul Hafiz (Shafiqul)	<p>Shafiqul telah dikenakan pertuduhan pada 22 Februari 2018.</p> <p>Pertuduhan tersebut telah ditarik balik pada 4 Mac 2019 berikutan pencapaian penyelesaian antara SC dan Shafiqul pada 30 Januari 2019.</p>
3.	Mengemukakan maklumat palsu berkaitan pendapatan Axis Incorporation Bhd (Axis) kepada Bursa Malaysia.	<ul style="list-style-type: none"> • Koh Tee Jin (Koh TJ) • Lee Han Boon (Lee HB) • Saipuddin Lim Abdullah (Saipuddin Lim) 	<p>Koh TJ, Lee HB and Saipuddin Lim telah dikenakan pertuduhan pada 21 Mac 2013.</p> <p>Pada 10 Julai 2017, Lee TJ and Saipuddin Lim setiap seorang mengaku bersalah terhadap 1 pertuduhan kerana mengemukakan kenyataan palsu kepada Bursa Malaysia. Empat pertuduhan lain telah dipertimbangkan oleh mahkamah di bawah seksyen 171A <i>Kanun Tatacara Jenayah</i> (CPC) apabila menjatuhkan hukuman tersebut. Lee dijatuhi hukuman 7 bulan penjara dan RM200,000 denda sementara Saipuddin Lim dijatuhi hukuman 12 bulan penjara.</p> <p>Pada 21 Mac 2019, Koh TJ mengaku bersalah terhadap 1 pertuduhan kerana mengemukakan kenyataan palsu kepada Bursa Malaysia. Tiga pertuduhan sama yang lain telah dipertimbangkan oleh mahkamah di bawah seksyen 171A CPC apabila menjatuhkan hukuman tersebut. Koh dijatuhi hukuman 1 hari penjara dan denda sebanyak RM200,000.</p> <p>Pertuduhan kelima terhadap Koh TJ telah ditarik balik oleh pihak pendakwaan berikutan pengakuan bersalah Koh TJ.</p>

Jadual 9

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan 2019 (Sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Hasil
4.	Bersubahat dengan United U-Li Corporation Bhd (U-Li) membuat kenyataan mengelirukan dalam Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 kepada Bursa Malaysia.	Yue Chi Kin (Yue CK)	<p>Yue CK telah dikenakan pertuduhan pada 28 April 2009.</p> <p>Pada 21 Oktober 2015, Mahkamah Sesyen mendapati Yue CK bersalah dan menjatuhkan hukuman 1 tahun penjara dan denda sebanyak RM400,000 (atau, 6 bulan penjara)</p> <p>Pada 10 Mac 2019, Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan Yue dan mengetepikan sabitan dan hukuman Mahkamah Sesyen. SC memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan pada 25 Mac 2019 terhadap Keputusan Mahkamah Tinggi.</p>
5.	Dagangan orang dalam saham Three-A Resources Bhd	Dato' Mohd Nor Abdul Wahid (Dato' Mohd Nor)	<p>Dato' Mohd Nor telah dikenakan pertuduhan pada 13 Februari 2018.</p> <p>Pertuduhan tersebut telah ditarik balik pada 15 April 2019 berikutan Penghakiman Persetujuan direkodkan antara SC dan Dato' Mohd Nor pada 14 Mac 2019.</p>
6.	Memberangkan individu yang tidak diberi kuasa untuk menjalankan urus niaga berkaitan sekuriti didepositkan tersebut (saham Three-A Resources Bhd)	Azuzay Zamani (Azuzay)	<p>Azuzay telah dikenakan pertuduhan pada 13 Februari 2018.</p> <p>Pertuduhan tersebut telah ditarik balik pada 15 April 2019 berikutan tindakan pentadbiran dimulakan terhadap beliau pada 20 Mac 2019</p>
7.	Mengemukakan maklumat palsu kepada SC berkaitan dengan status penggunaan hasil terbitan hak oleh Kiara Emas bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1997, 1998, 1999 and 2000.	Ravandaran Thangeveloo (Ravandaran)	<p>Ravandaran telah dikenakan pertuduhan pada 13 Ogos 2004.</p> <p>Pada 5 April 2019, Ravandaran mengaku bersalah terhadap pertuduhan pertama, kedua dan ketiga dan dijatuhi hukuman denda sebanyak RM150,000 (atau 1 tahun penjara) bagi setiap 3 pertuduhan.</p> <p>Pertuduhan keempat telah dipertimbangkan oleh mahkamah di bawah seksyen 171A CPC apabila menjatuhkan hukuman tersebut.</p>

Jadual 9

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan 2019 (Sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Hasil
8.	Mengemukakan kenyataan palsu berkaitan dengan lapan laporan suku tahun ke atas keputusan digabungkan belum diaudit Kosmo Technology Industrial Bhd (Kosmo Tech) bagi tahun kewangan 2006 and 2007 kepada Bursa Malaysia.	<ul style="list-style-type: none"> • Norhamzah Nordin (Norhamzah) • Mohd Azham Mohd Noor (Mohd Azham) 	<p>Mohd Azham and Lim Hai Loon (Lim HL) telah dikenakan pertuduhan pada 26 Mei 2011.</p> <p>Norhamzah telah dikenakan pertuduhan pada 7 Jun 2011.</p> <p>Pada 23 September 2016, ketiga-tiganya dibebaskan dan dilepaskan pertuduhan oleh Mahkamah Sesyen pada akhir kes pendakwaan.</p> <p>Selepas rayuan, Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan Pihak Pendakwaan dan memerintahkan ketiga-tiganya untuk membela diri.</p>
	Bersubahat dengan Kosmo Tech dalam mengemukakan kenyataan palsu kepada Bursa Malaysia	Lim Hai Loon (Lim LH)	<p>Pada 29 April 2019, Mahkamah Sesyen menyabitkan Norhamzah, Mohd Azham dan Lim HL dan menjatuhkan mereka hukuman berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Norhamzah dijatuhi hukuman penjara selama 2 tahun dan denda berjumlah sebanyak RM1.45 juta. • Mohd Azham dijatuhi hukuman penjara selama 2 tahun dan denda berjumlah sebanyak RM1.45 juta. • Lim HL dijatuhi hukuman penjara selama 1 tahun dan denda berjumlah sebanyak RM560,000. <p>Hakim Mahkamah Sesyen membenarkan penangguhan hukuman penjara sementara menunggu rayuan individu tertuduh kepada Mahkamah Tinggi.</p>
9.	Gagal hadir untuk bertemu Pegawai Penyiasat SC untuk disiasat secara lisan berhubung siasatan yang sedang berjalan.	Chok Chew Lan (Chok CL)	<p>Chok CL telah dikenakan pertuduhan pada 24 Oktober 2017.</p> <p>Pada 12 Jun 2018, Mahkamah Sesyen memutuskan bahawa Pihak Pendakwaan telah membuktikan kes prima facie dan memerintahkan Chok CL untuk membela diri.</p> <p>Pada 23 Julai 2018, Chok CL mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan dan dijatuhi hukuman denda sebanyak RM35,000 bagi setiap seorang pertuduhan.</p> <p>Setelah rayuan, Mahkamah Tinggi pada 20 Mac 2019 mengesahkan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen.</p>
10.	Dagangan orang dalam saham Malaysia Pacific Corporation Bhd (MPAC)	Dato Ch'ng Poh @ Ch'ng Chong Poh (Dato Ch'ng Poh)	<p>Dato Ch'ng Poh telah dikenakan pertuduhan pada 10 Januari 2014.</p> <p>Pertuduhan tersebut telah ditarik balik pada 16 April 2019 berikutan Penghakiman Persetujuan direkodkan antara SC dan Dato' Ch'ng Poh pada 2 April 2019.</p>

Jadual 9

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan 2019 (Sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Hasil
11.	Dagangan orang dalam saham Ranhill Power Bhd (RPB)	Amran Awaluddin (Amran)	Amran dan Nooralina telah dikenakan pertuduhan pada 31 Julai 2015.
	Bersubahat dengan Amran berhubung dagangan orang dalam saham RPB.	Nooralina Mohd Shah (Nooralina)	Semua pertuduhan telah ditarik balik pada 27 Mei 2019 berikutan Penghakiman Persetujuan direkodkan antara SC dan both Amran and Nooralina pada 23 Mei 2019.
12.	Mengagihkan borang permohonan bagi sekuriti tanpa Salinan prospektus yang didaftarkan oleh SC.	<ul style="list-style-type: none"> • Chong Yuk Ming (Chong YM) • Balachandran A. Shanmugam (Balachandran) 	<p>Chong dan Balachandran telah dikenakan pertuduhan pada 21 April 2011.</p> <p>Pada 28 Jun 2019, Chong dijatuhi hukuman 1 hari penjara dan denda sebanyak RM600,000 (atau 6 bulan penjara). Balachandran dijatuhi hukuman 1 hari penjara dan denda sebanyak RM400,000 (atau 4 bulan penjara).</p>
13.	<ul style="list-style-type: none"> • Kenyataan mengelirukan butiran material • Dagangan orang dalam saham Kenmark Industrial Co. (M) Bhd 	Datuk Ishak Ismail (Datuk Ishak)	<p>Datuk Ishak telah dikenakan pertuduhan pada 13 Jun 2016.</p> <p>Kesemua pertuduhan telah ditarik balik pada 10 Jun 2019 berikutan Penghakiman Persetujuan direkodkan antara SC dan Datuk Ishak pada 6 Mei 2019.</p>
14.	Mengemukakan maklumat palsu kepada Bursa Malaysia berkaitan dengan pendapatan Megan Media Holdings Bhd (MMHB) dalam Laporan Suku Tahun ke atas keputusan digabungkan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Januari 2007	Dato' Dr Haji Mohd Adam Che Harun (Dato' Adam)	<p>Dato' Adam telah dikenakan pertuduhan pada 10 Disember 2007.</p> <p>Pada 17 Mei 2017, Mahkamah Sesyen mendapati Dato' Adam bersalah dan menjatuhinya hukuman 18 bulan penjara dan denda sebanyak RM300,000 (atau 1 tahun penjara)</p> <p>Setelah rayuan, Mahkamah Tinggi pada 21 Jun 2019, mengesahkan sabitan oleh Mahkamah Sesyen. Rayuan terhadap hukumannya telah dibenarkan, yang mana hukuman penjara 18 bulan telah dikurangkan kepada 6 bulan sementara denda sebanyak RM300,000 dikekalkan.</p> <p>Mahkamah Tinggi juga membenarkan permohonan Dato' Adam bagi penangguhan hukuman penjara sementara menunggu rayuannya kepada Mahkamah Rayuan.</p>

Jadual 9

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan 2019 (Sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Hasil
15.	Menggunakan skim untuk menipu Liqua Health Corporation Bhd (Liqua) berhubung pembelian 45,960,450 unit saham Liqua. Bersubahat dengan Alice Poh dalam pelaksanaan skim untuk menipu Liqua.	Alice Poh Gaik Lye (Alice Poh) Goh Bak Ming (Goh BM)	Alice Poh telah dikenakan pertuduhan pada 14 Jun 2010. Goh Bak Ming (Goh BM) telah dikenakan pertuduhan pada 8 Jun 2010. Pada 14 Februari 2017, Mahkamah Sesyen memutuskan bahawa Pihak Pendakwaan telah membuktikan kes prima facie dan memerintahkan Alice Poh dan Goh BM untuk membela diri. Pada 1 Julai 2019, Mahkamah Sesyen membebaskan dan melepaskan pertuduhan terhadap Alice Poh dan Goh BM pada akhir kes pembelaan. Pada 8 Julai 2019, Pihak Pendakwaan memfailkan rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap pembebasan tersebut.
16.	Mengemukakan kenyataan palsu berkaitan dengan pengumuman yang dibuat oleh Linear Corporation Bhd kepada Bursa Malaysia bahawa subsidiari milik penuhnya telah menerima projek pembinaan bernilai RM1.6 bilion untuk merekabentuk dan membina loji penyejukan daerah di Manjung, Perak, yang dikenali sebagai 'King Dome Project'.	Alan Rajendram Jeya Rajendram (Alan)	Alan Rajendram telah dikenakan pertuduhan pada 9 Julai 2015. Pada 28 Disember 2017, Alan dibebaskan dan dilepaskan pertuduhan terhadapnya oleh Mahkamah Sesyen pada akhir kes pendakwaan. Setelah rayuan, Mahkamah Tinggi pada 31 Julai 2019, telah menukar keputusan Mahkamah Sesyen dan memerintahkan Alan untuk membela diri. Alan mengaku bersalah terhadap pertuduhan tersebut dan dijatuhi hukuman 7 bulan penjara dan denda sebanyak RM100,000 (atau 6 bulan penjara).
17.	Mengemukakan maklumat palsu kepada SC berkaitan dengan status penggunaan hasil daripada terbitan hak oleh Kiara Emas bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1997, 1998, 1999 dan 2000.	Tan Kam Sang (Tan KS)	Tan Kam Sang telah dikenakan pertuduhan pada 13 Ogos 2004. Pada 18 November 2019, Tan Kam Sang mengaku bersalah terhadap pertuduhan pertama, kedua dan ketiga terhadapnya dan dijatuhi hukuman denda sebanyak RM150,000 (atau 1 tahun penjara) bagi setiap 3 pertuduhan. Pertuduhan keempat telah dipertimbangkan oleh mahkamah di bawah seksyen 171A CPC apabila menjatuhkan hukuman tersebut.

Jadual 9

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan 2019 (Sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Hasil
18.	Dagangan orang dalam saham Three-A Resources Bhd (3A).	Fong Chiew Hean (Fong CH)	<p>Fong telah dikenakan pertuduhan pada 25 Oktober 2016.</p> <p>Pada 22 Ogos 2019, Fong mengaku bersalah terhadap 9 pertuduhan dagangan orang dalam. Mahkamah Sesyen menyabitkan Fong CH ke atas pertuduhan pertama dan mempertimbangkan 8 pertuduhan selanjutnya apabila menjatuhkan hukuman tersebut menurut seksyen 171A CPC. Fong dijatuhi hukuman 1 hari penjara dan denda sebanyak RM1 juta.</p>
	Bersubahat dengan Fang Siew Yee (Fang SY) berhubung dagangan orang dalam saham 3A	Tan Bee Geok (Tan BG)	<p>Tan telah dikenakan pertuduhan pada 25 Oktober 2016.</p> <p>Pada 22 Ogos 2019, Tan mengaku bersalah terhadap 8 pertuduhan bersubahat dengan Fang SY berhubung dagangan orang dalam. Mahkamah Sesyen menyabitkan Tan BG dengan pertuduhan pertama dan mempertimbangkan 7 pertuduhan seterusnya apabila menjatuhkan hukuman tersebut menurut seksyen 171A CPC. Tan BG dijatuhi hukuman 1 hari penjara dan denda sebanyak RM1 juta.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Menyampaikan maklumat dalaman berkaitan dengan usaha sama antara perniagaan 3A dan Wilmar International Limited to Fang Ciew Hean (Fang CH) • Bersubahat dengan Fang SY berkaitan dagangan orang dalam saham 3A 	Fang Ciew Hean (Fang CH)	<p>Fang CH telah dikenakan pertuduhan pada 25 Oktober 2016.</p> <p>Pada 3 September 2019, Fang CH mengaku bersalah terhadap pertuduhan menyampaikan maklumat dalaman kepada Fang CH dan dijatuhi hukuman 1 hari penjara dan denda sebanyak RM1 juta.</p> <p>Pada 3 September 2019, CH mengaku bersalah terhadap 7 pertuduhan bersubahat dengan Fang SY berkaitan dagangan orang dalam. Mahkamah Sesyen menyabitkan Fang CH atas pertuduhan pertama dan mempertimbangkan 6 pertuduhan selanjutnya apabila menjatuhkan hukuman tersebut menurut 171A CPC. Fang CH dijatuhi hukuman 1 hari penjara dan denda sebanyak RM1 juta.</p>
19.	Dagangan orang dalam saham Malaysian Merchant Marine Bhd	Ramesh Rajaratnam (Ramesh)	<p>Ramesh telah dikenakan pertuduhan pada 29 April 2015.</p> <p>Pada 11 September 2019, Mahkamah Sesyen mendapati Ramesh bersalah dan menjatuhkan hukuman 5 tahun penjara dan denda sebanyak RM3 juta (atau, 3 tahun penjara).</p> <p>Mahkamah Sesyen membenarkan penangguhan hukuman penjara tersebut sementara menunggu rayuan Ramesh kepada Mahkamah Tinggi.</p>

Jadual 9

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan 2019 (Sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Hasil
20.	Dagangan orang dalam saham Hirotako Holdings Bhd (Hirotako)	Ng Ee-Fang (Ng EF)	<p>Ng EF telah dikenakan pertuduhan pada 13 Mac 2018.</p> <p>Pertuduhan telah ditarik balik pada 10 September 2019 berikutan Penghakiman Persetujuan direkodkan antara SC dan Ng EF pada 30 Ogos 2019.</p>
	Membenarkan individu yang bukan penama sekuriti yang didepositkan yang diberi kuasa untuk menjalankan urus niaga berkaitan sekuriti didepositkan tersebut (Hirotako shares)	Daniel Yong Chen-l (Daniel Yong)	<p>Daniel Yong telah dikenakan pertuduhan pada 13 Mac 2018.</p> <p>Pertuduhan tersebut telah ditarik balik pada 10 September 2019, berikutan tindakan pentadbiran yang dijalankan terhadapnya pada 30 Ogos 2019.</p>
21.	Dagangan orang dalam saham TH Group Bhd Ang Pok Hong (Ang PH)	Ang Pok Hong (Ang PH)	<p>Ang PH telah dikenakan pertuduhan pada 5 Februari 2015.</p> <p>Pertuduhan terhadap Ang PH telah ditarik balik pada 13 September 2019 berikutan Penghakiman Persetujuan direkodkan antara SC dan Ang PH pada 11 September 2019.</p>
	Bersubahat dengan Ang PH berhubung dagangan orang dalam saham TH Group.	Wendy Wong Soon Soon (Wendy Wong)	<p>Wendy Wong telah dikenakan pertuduhan pada 5 Februari 2015.</p> <p>Pertuduhan terhadap Wendy Wong telah ditarik balik pada 13 September 2019 berikutan Penghakiman Persetujuan direkodkan antara SC dan Wendy Wong pada 11 September 2019.</p>
22.	Mengedarkan borang permohonan sekuriti tanpa salinan prospektus yang didaftarkan oleh SC (Bestino Group Bhd)	<ul style="list-style-type: none"> • Chong Yuk Ming (Chong YM) • Balachandran A. Shanmugam (Balachandran) 	<p>Chong YM and Balachandran telah dikenakan pertuduhan pada 21 April 2011.</p> <p>Pada 28 Jun 2019, Chong YM dijatuhi hukuman 1 hari penjara and denda sebanyak RM600,000 (atau, 6 bulan penjara). Balachandran dijatuhi hukuman 1 hari penjara and denda sebanyak RM400,000 (atau 4 bulan penjara).</p> <p>Chong YM memfailkan rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap sabitan dan hukumannya dan Pihak Pendakwaan memfailkan rayuan silang terhadap hukuman tersebut.</p> <p>Pada 22 Oktober 2019, Chong YM menarik balik rayuannya terhadap sabitan dan SC menarik balik rayuannya terhadap hukuman tersebut.</p>

Jadual 9

Hasil perbicaraan jenayah dan rayuan 2019 (Sambungan)

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Hasil
23.	Menawarkan sekuriti tanpa prospektus yang didaftarkan oleh SC (JPG Holdings Bhd) Menerbitkan sekuriti tanpa prospektus yang didaftarkan oleh SC (JPG Holdings Bhd)	Raja Samsul Bahri Raja Muhammad (Raja Samsul) • Dato' Abdul Malek Yusof (Dato' Malek) • Noor Aida Abdullah (Noor Aida)	Raja Samsul, Dato' Abdul Malek dan Noor Aida telah dikenakan pertuduhan pada 1 Jun 2016. Pada 12 November 2019, Mahkamah Sesyen membebaskan and melepaskan pertuduhan ke atas ketiga-tiga mereka pada akhir kes pembelaan.
24.	Dagangan orang dalam saham Sime Darby Bhd, Maxis Communication Bhd, UEM World Bhd, dan VADS Bhd.	Sreesanthan Eliathambhy (Sreesanthan)	Sreesanthan telah dikenakan pertuduhan pada 20 Julai 2012 dengan 7 pertuduhan dagangan orang dalam. Pada 2018, Sreesanthan memfailkan semakan kepada Mahkamah Tinggi terhadap penolakan permohonan pembatalan dan permohonan mendapatkan semua kenyataan yang direkodkan ketika siasatan ke atasnya. Pada 12 Julai 2019, Mahkamah Tinggi menolak semakan Sreesanthan bagi kedua-dua permohonan pembatalan dan mendapatkan semua kenyataan yang direkodkan ketika siasatan ke atasnya.

Jadual 10

Kompaun pada 2019

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Kompaun ditawarkan
1.	Memalsukan atau menyebabkan pemalsuan mana-mana perkara yang dimasukkan, direkodkan atau disimpan dalam mana-mana buku berkaitan perniagaan Eastspring Investments Bhd, pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal	Nor Azlina Mohd Akhir	SC mengenakan kompaun kepada kesalahan tersebut sebanyak RM150,000.

INISIATIF PEMERKASAAN PELABUR

InvestSmart®

Fest 2019

18 – 20 Oktober 2019

Mid Valley Exhibition Centre, Kuala Lumpur



13,000+

Pelawat



50+

Pempamer



41

Penceramah



370

Peserta
#FinPlan4U



Huraian

SC menganjurkan pameran pendidikan pelabur tahunan utama, InvestSmart® Fest 2019 yang bertemakan 'Invest Smart • Bijak Labur' dari 18 hingga 20 Oktober 2019 di Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur. Para pelawat didedahkan kepada pelbagai peluang pelaburan melalui pasaran modal. Ia termasuk peluang bagi platform pelaburan alternatif seperti ECF, pembiayaan P2P, DIM dan bursa aset digital (DAX) yang berlangsung di Digital Pavilion, ruang khusus di dalam dewan pameran tersebut. Acara sepanjang tiga hari itu juga menawarkan lebih 400 sesi perundingan percuma dengan perancang kewangan berlesen di kaunter khidmat kewangan #FinPlan4U. Memberi orang ramai membuat penilaian awal tentang status kewangan mereka dan mendapat maklumat tentang cara mengurus simpanan dan pelaburan mereka. Pada tahun ini, #FinPlan4U juga menawarkan khidmat nasihat persaraan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).



ScamBuster Walk Hunt 2019

Bersempena dengan InvestSmart® Fest 2019, SC turut menganjurkan ScamBuster Walk Hunt pada 20 Oktober 2019, yang telah disertai oleh 19 pasukan. Ia diadakan berikutan kejayaan penganjuran Larian ScamBuster pada dua tahun yang lepas. Objektif ScamBuster Walk Hunt adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai skim pelaburan haram melalui aktiviti pendidikan bertemakan keriangan. Kesemua hasil kutipan disalurkan kepada SC HEART, inisiatif tanggungjawab sosial korporat dan kerja-kerja amal SC.



Bersama InvestSmart® @ Borneo – Sabah 2019

29 – 30 Jun 2019
Kota Kinabalu, Sabah

 **9,000+**
Pelawat

 **34**
Penceramah

 **22**
Pempamer

Huraian

Buat julung kalinya SC telah menganjurkan inisiatif pendidikan pelabur Malaysia Timur bertajuk ‘Bersama InvestSmart®@ Borneo Sabah 2019’ di Kota Kinabalu pada 29 dan 30 Jun. Acara sepanjang dua hari tersebut bertujuan melengkapkan para pelabur di Sabah dengan pengetahuan asas untuk membuat keputusan pelaburan yang tepat, termasuk pembelajaran mengenai peluang pelaburan dan melindungi diri daripada skim penipuan pelaburan.

Majlis pembukaan telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan Sabah, YB Tuan Sarifuddin Hata, yang mewakili Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Haji Apdal.



SC DAN KOMUNITI

Huraian

Inisiatif pembabitan bersama komuniti secara bersemuka di mana SC menyampaikan maklumat mengenai pelaburan bijak termasuk cara-cara untuk mengelak skim penipuan. Pasukan InvestSmart juga mengendalikan pertanyaan pelabur dan kaji selidik untuk mangkaji tingkah laku pelabur.

InvestSmart® @ The Marketplace Fair, Pulau Pinang

5 Januari 2019
Pulau Pinang

8,500
Peserta

Huraian

Marketplace Fair@Penang merupakan pameran pelaburan saham 1 hari yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia untuk mendidik dan memupuk budaya pelaburan saham dalam kalangan orang ramai melalui persekitaran yang menyeronokkan dan interaktif. Bertempat di Pusat Konvensyen Setia Spice, Pulau Pinang, pasukan InvestSmart® berinteraksi dengan para pengunjung untuk berkongsi maklumat mengenai pasaran modal Malaysia. Acara tersebut dirasmikan oleh Menteri Kewangan, YB Tuan Lim Guan Eng.

InvestSmart® @ BNM's Karnival Kewangan, Miri

23 – 24 Februari 2019
Miri, Sarawak

17,000
Peserta

Huraian

BNM telah menganjurkan acara Karnival Kewangan pertamanya di Permaisuri Imperial City Mall, Miri, Sarawak. Acara tersebut bertujuan mendekati komuniti di Miri dan berkongsi pengetahuan, kesedaran dan instrumen produk dan perkhidmatan kewangan. Dengan 17,000 pengunjung hadir sepanjang 2 hari acara tersebut. Pasukan InvestSmart® mengambil peluang untuk mewujudkan kesedaran dan berkongsi maklumat mengenai produk dan perkhidmatan pasaran modal dengan pengunjung. InvestSmart® turut mengambil bahagian dalam ‘Forum Jenayah Kewangan’ bersama dengan BNM, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

InvestSmart® @ Program Awam Mengenai Wanita Dalam Kewangan anjuran Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

23 Mac 2019
Institut Kefahaman Islam Malaysia,
Kuala Lumpur

150
Peserta

Huraian

'Wanita dalam Kewangan' adalah program awam pertama AKPK, yang dirancang bersempena dengan Hari Wanita Antarabangsa. Program tersebut bertujuan memberi pendedahan mengenai kesejahteraan kewangan wanita (menyediakan kaedah menangani ketidakseimbangan emosi, perundangan dan keusahawanan). Acara tersebut dianjurkan dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Pasukan InvestSmart® bertemu dengan peserta wanita untuk meningkatkan kesedaran mengenai SC, jenama InvestSmart® dan pasaran modal Malaysia.

InvestSmart® @ Karnival Kewangan, Kuala Terengganu anjuran BNM

4 – 6 April 2019
Kuala Terengganu,
Terengganu

25,000
Peserta

Huraian

BNM menganjurkan acara Karnival Kewangan mereka di TH Hotel & Convention Center, Kuala Terengganu. Acara tersebut bertujuan mendekati komuniti di Kuala Terengganu untuk memberi mereka pengetahuan, kesedaran dan instrumen produk dan perkhidmatan kewangan. Pasukan InvestSmart® mengambil peluang untuk bertukar maklumat dengan pengunjung untuk meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan pasaran modal.



InvestSmart® @ Minggu Saham Amanah Malaysia 2019

19 – 25 April 2019
Sungai Petani, Kedah

163,000
Peserta

Huraian

Pasukan InvestSmart® sekali lagi menyertai acara tahunan, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) diadakan oleh Permodalan Nasional Bhd di Sungai Petani, Kedah. Seperti pada tahun sebelumnya, pasukan InvestSmart® bersama wakil daripada PPA untuk bertemu dengan pengunjung sepanjang acara selama seminggu bagi meningkatkan kesedaran mengenai pasaran modal Malaysia dan menampilkan jenama InvestSmart® dan inisiatifnya. Permainan pelaburan 'Where Investment Drops!' dan 'Wheel of Wisdom' adalah antara acara tarikan pengunjung.

InvestSmart® @ SKMM

13 Mei 2019
Ibu Pejabat SKMM,
Cyberjaya

95
Peserta

Huraian

SKMM menjemput InvestSmart® untuk memberi ceramah selama setengah hari mengenai 'Pengurusan Kewangan: Asas-Asas Pelaburan' kepada kakitangannya di ibu pejabatnya di Cyberjaya. Acara tersebut disiarkan secara langsung dalam talian kepada kakitangan SKMM di 4 pejabat wilayah menerusi siaran secara langsung. Dianjurkan oleh Akademi SKMM, acara ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman umum dalam kalangan kakitangannya mengenai produk pelaburan yang sah dan mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan perancangan persaraan.



InvestSmart® @ BNM's Karnival Kewangan, Melaka

13 – 14 Julai 2019
Melaka

28,800
Peserta

Huraian

BNM menganjurkan karnival kewangan mereka di AEON Bandaraya Melaka. Acara tersebut merupakan satu pusat didik hibur sehenti untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai hal-hal kewangan dan celik kewangan. Pasukan InvestSmart® berpeluang mendekati mereka untuk meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan pasaran modal. InvestSmart® turut mengambil bahagian dalam forum jenayah kewangan bersama BNM, PDRM dan SKMM.

InvestSmart® @ Bengkel Literasi Kewangan Kebangsaan untuk Belia 2019 anjuran Majlis Perancangan Kewangan Malaysia

27 Julai 2019
Ipoh, Perak

300
Peserta

24 Ogos 2019
Kota Bharu, Kelantan

300
Peserta

2 November 2019
Petaling Jaya, Selangor

300
Peserta

Huraian

Pasukan InvestSmart® telah dijemput untuk membuka kaunter dan berceramah di 3 bengkel yang diadakan oleh Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC). Bertempat di Ipoh, Kota Bharu dan Petaling Jaya, dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia, bertujuan menggalakkan kepentingan perancangan kewangan serta memupuk tabiat menabung yang baik dan budaya pelaburan bijak dalam kalangan belia.

InvestSmart® @ Universiti Sains Islam Malaysia

Huraian

3 September 2019
USIM Campus,
Negeri Sembilan

200
Peserta

Pasukan InvestSmart® menyertai program yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia untuk pelajar tahun akhir Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Acara yang bertajuk 'Program Kebolehpasaran Graduan IPT 2019' tersebut diadakan bagi menyediakan pelajar untuk menghadapi alam pekerjaan dan mendedahkan mereka tentang pasaran saham serta peluang lain dalam pasaran modal. Acara separuh hari itu menampilkan penceramah dengan pelbagai topik termasuk gambaran kerjaya dan pengenalan produk pasaran modal serta analisis asas dan teknikal dalam perancangan kewangan.

InvestSmart® @ BNM's Karnival Kewangan, Perlis

28 – 29 September 2019
Kangar, Perlis

7,568
Peserta

Huraian

BNM menganjurkan acara Karnival Kewangan di Kangar yang menarik hampir 8,000 pengunjung. Acara tersebut bertujuan untuk memperluas capaian pendidikan kewangan dengan mendekati masyarakat di Perlis. Pasukan InvestSmart® berkongsi maklumat dengan pengunjung untuk meningkatkan kesedaran tentang SC dan pasaran modal. Mereka turut mengambil bahagian dalam forum jenayah kewangan bersama BNM dan PDRM.

InvestSmart® @ Festival Living in Future Time (LIFT) 2019 anjuran Kementerian Kewangan

28 – 29 Disember 2019
Menara PERKESO,
Putrajaya

7,000
Peserta

Huraian

Kementerian Kewangan dengan kerjasama BNM menganjurkan festival kewangan dan teknologi. Pasukan InvestSmart® mendekati pelabur runcit di Putrajaya dan kawasan sekitarnya, terutamanya penjawat awam. Acara tersebut menyediakan platform yang baik untuk meningkatkan kesedaran tentang peranan SC dalam pasaran modal dan inisiatif pendidikan pelaburnya di bawah jenama InvestSmart®.



INVESTSMART® @SC

Huraian

Acara separuh hari yang diadakan di bangunan SC disasarkan kepada demografi pelabur tertentu untuk berkongsi isu kepentingan bersama. Acara tersebut mendedahkan peserta kepada pelbagai peluang pelaburan dalam pasaran modal Malaysia dan juga pelaburan alternatif seperti ECF dan pembiayaan P2P.

Melabur Untuk Masa Hadapan Anda

13 April 2019
Kakitangan Institut
Tadbiran Awam Negara dan
Spearheading & Pioneering
Malaysian Indian Equity
Enhancement Association

144
Peserta

Invest Smart • Bijak Labur

9 Disember 2019
Anggota Suruhanjaya
Koperasi Malaysia

130
Peserta

SALURAN DIGITAL

- Laman sesawang InvestSmart® telah menarik 35,053 pengguna;
- Aplikasi Mudah Alih InvestSmart® sehingga kini mempunyai 1,607 pengguna berdaftar;
- Laman Facebook InvestSmart® telah mengumpul 63,702 pengikut;
- Akaun Instagram InvestSmart® mempunyai lebih daripada 1,350 pengikut;
- Akaun Twitter InvestSmart® telah mengumpul 340 pengikut; dan
- Jump2Invest telah dimuat turun sebanyak 301 kali.

MEDIA DAN SIARAN

- Dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia, SC telah mengeluarkan 4 pengumuman khidmat masyarakat:
 - Pengumuman khidmat masyarakat di stesen-stesen radio
 - Pengumuman radio disiarkan dari 15 Januari 2019 hingga 31 Mac 2019 di semua stesen radio Malaysia untuk mengingatkan orang ramai agar tidak melabur dalam sesuatu yang tidak mereka fahami sepenuhnya.
 - Audio dengan tajuk 'T.I.P.U' berdurasi 30 saat, mengetengahkan kaedah operasi pengendali skim penipuan yang disiarkan di semua stesen radio dari 1 Disember 2019 hingga 31 Mac 2020.
 - Iklan berlagu 'Silap Labur, Duit Lebur'
 - Iklan berlagu berdurasi 30 saat tentang kesedaran anti-penipuan, 'Silap Labur, Duit Lebur' telah disiarkan di semua stesen TV tempatan dan pengangkutan awam yang dikendalikan oleh Prasarana Malaysia bermula dari 23 Mac hingga 30 September 2019.
 - Mesej khidmat masyarakat paparan TV
 - Disiarkan dalam semua saluran TV ketika segmen berita dari 1 Disember 2019 hingga 31 Mac 2020, dengan mesej berikut:
 - Bahasa Inggeris**
*Be a smart investor! Do not invest in something you do not understand. This message is brought to you by the Securities Commission Malaysia.
www.investsmartsc.my*
 - Bahasa Malaysia**
Jom jadi pelabur bijak! Jangan labur di dalam produk yang tidak anda fahami. Pesanan ini dibawakan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
www.investsmartsc.my
- Bersempena dengan Minggu Pelabur Sedunia IOSCO 2019 (WIW2019) dari 30 September hingga 6 Oktober 2019, SC:
 - Menyiarkan Siri InvestSmart® berdurasi 3 minit, sebuah iklan pendidikan mengenai aset digital yang disiarkan di stesen radio BFM89.9 bersama Chin Wei Min, Pengarah Eksekutif, Inovasi dan Strategi Digital SC. Beliau berkongsi pandangannya mengenai aset digital dan perkara yang harus diambil kira oleh para pelabur.
 - Kempen pesanan pelbagai seperti 'Silap Labur, Duit Lebur' dan mesej audio 'T.I.P.U' yang dimainkan di 3 stesen radio utama iaitu Hot FM, Fly FM dan One FM. Mesej audio ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai ciri dan kaedah operasi skim pelaburan haram.

ADUAN DAN PERTANYAAN

Bagi tempoh berakhir 31 Disember 2019, SC menerima sebanyak:


- 821 aduan; dan
- 1,336 pertanyaan.

Jadual 1

	2019	2018	2017
Aduan	821	558	444
Pertanyaan	1,336	1,104	626


Carta 1

Klasifikasi aduan



Carta 2

Klasifikasi pertanyaan



PENERBITAN

AKTA, GARIS PANDUAN DAN KOD

Guidelines on Marketing and Distribution of Unit Trust Funds

Disemak semula | 4 Mac 2019

Guiding Principle on Business Continuity

Dikeluarkan | 13 Mei 2019

Vendor Code of Conduct

Dikeluarkan | 13 Mei 2019

Guidelines on Recognized Markets

Disemak semula | 17 Mei 2019

Guidelines on Registration of Credit Rating Agencies

Disemak semula | 14 Mei 2019

Guidelines on Registration of Bond Pricing Agencies

Disemak semula | 14 Mei 2019

Guidelines on the Registration and Conduct of Capital Market Services Providers

Disemak semula | 14 Mei 2019

Guidelines on Financial Markets Infrastructures

Disemak semula | 14 Mei 2019

Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies

Disemak semula | 14 Mei 2019

Guidelines on Recognized Markets (ECF, P2P, DAX and PCF Framework)

Disemak semula | 17 Mei 2019

Prospectus Guidelines for Collective Investment Schemes

Disemak semula | 23 Mei 2019

Guidelines on Listed Real Estate Investment Trusts

Disemak semula | 18 Jun 2019

Guidelines on Seasoned Corporate Bonds and Sukuk

Disemak semula | 19 Julai 2019

Quick Guide on Guidelines on Implementation of Targeted Financial Sanctions Relating to Proliferation Financing for Capital Market Intermediaries

Dikeluarkan | 29 Oktober 2019

Licensing Handbook

Disemak semula | 8 November 2019

Guidelines on Issuance of Corporate Bonds and Sukuk to Retail Investors

Disemak semula | 19 Julai dan 26 November 2019

Prospectus Guidelines

Disemak semula | 26 November 2019

Guidelines on Unlisted Capital Market Products under the Lodge and Launch Framework

Disemak semula | 26 November 2019

Guidelines on Sales Practices of Unlisted Capital Market Products

Disemak semula | 26 November 2019

Guidelines Note on Liquidity Risk Management for Fund Management and Unit Trust Management Companies

Dikeluarkan | 16 Disember 2019

BUKU, LAPORAN DAN KERTAS PERUNDINGAN

Public Consultation Paper No. 1/2019: Proposed Regulatory Framework for the Issuance of Digital Assets through Initial Coin Offerings

Dikeluarkan | 6 Mac 2019

Public Consultation Paper No. 2/2019: Proposed Regulatory Framework for Property Crowdfunding
Dikeluarkan | 6 Mac 2019

Securities Commission Malaysia Annual Report 2018 / Laporan Tahunan 2018 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Dikeluarkan | 14 Mac 2019

Islamic Green Finance - Development, Ecosystem and Prospects
Dikeluarkan | Mac 2019

Proceedings of the SC-OCIS Roundtable 2018
Dikeluarkan | 25 Mac 2019

Corporate Governance Monitor 2019
Dikeluarkan | April 2019
Disemak semula | Mei 2019

Audit Oversight Board Annual Report 2018 / Laporan Tahunan Lembaga Pemantauan Audit 2018
Dikeluarkan | 25 Jun 2019

Audit Oversight Board Annual Inspection Report-Findings and Insights 2018
Dikeluarkan | 25 Jun 2019

Sustainable and Responsible Investment Roadmap for the Malaysian Capital Market
Dikeluarkan | 26 November 2019

Sustainable and Responsible Investment Sukuk Framework - An Overview
Dikeluarkan | 26 November 2019

BUKU KECIL, BULETIN DAN RISALAH

SC-OCIS Scholar-in-Residence
Dikeluarkan | Mac 2019

Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia / List of Shariah-Compliant Securities by the Shariah Advisory Council of the Securities Commission Malaysia
Dikeluarkan | 31 Mei and 29 November 2019

Malaysian Islamic Capital Market
Dikeluarkan | Jun 2019

The Reporter
Dikeluarkan | Jun 2019

Keputusan Majlis Penasihat Shariah Sekuriti Malaysia 2018 / Resolutions of the Shariah Advisory Council of the Securities Commission Malaysia
Dikeluarkan | 31 Disember 2019

LAMAN-LAMAN SESAWANG

www.sc.com.my

www.investsmartsc.my

2019 SEKILAS PANDANG



JANUARI

7 SC gesa para pelabur dalam 2 niaga hadapan dan ekuiti haram agar membuat tuntutan wang pengembalian

29 AOB kenakan celaan terhadap juruaudit kerana gagal mematuhi *Piawaian Pengauditan Antarabangsa*

30

SC: File restitution claims

10 Investors of two illegal futures and equity trading schemes urged to take swift action to recover their monies

PETALING JAYA: Members of the public who invested in two illegal futures and equity trading schemes are urged to take swift action to recover their monies.

On 10 January 2019, the Securities Commission (SC) filed a civil suit against two individuals involved in the illegal futures and equity trading schemes.

The two individuals were found to have traded in illegal futures and equity trading schemes without a license.

Malik Taib (NIE number: 070230-05-000000-00000), 50, was charged with 10 counts of securities violation under section 10(1)(a) of the Securities Act 1993.

Wan Syed Zaid Albar (NIE number: 070230-05-000000-00000), 50, was charged with 10 counts of securities violation under section 10(1)(a) of the Securities Act 1993.

In September 2018, a total of RM50 million was recovered from the two defendants.

On 10 January 2019, the SC filed a civil suit against the two individuals involved in the illegal futures and equity trading schemes.

The SC urged those who had invested in the two illegal futures and equity trading schemes to file a claim with the SC by 31 January 2019.

The SC urged those who had invested in the two illegal futures and equity trading schemes to file a claim with the SC by 31 January 2019.

SC amends guidelines digital asset platform operators must register

KUALA LUMPUR: The Securities Commission (SC) has added a new chapter in the Guidelines on Recognised Markets to require digital asset platform operators to be registered as a recognised market operator.

In a technical briefing to the media on Thursday, the SC said the new framework is part of its efforts to promote innovation while ensuring investor protection in the trading of digital assets.

"While there is no framework to facilitate the trading of digital assets, investors are reminded to be mindful of the risk when dealing in digital assets such as sudden price fluctuations and liquidity risks," it said.

31

SC keenakan celaan dan mendenda Deloitte sebanyak RM2.2 juta atas 4 pelanggaran

SC perkenal rangka kerja untuk memudahkan dagangan aset digital di Malaysia

SC fines Deloitte RM2.2m

Action due to four breaches related to 1MDB

PETALING JAYA: The Securities Commission (SC) has fined Deloitte RM2.2 million for four breaches related to 1MDB Real Estate Berhad (1MDB).

This is the first time Deloitte has taken action against an audit firm for a case related to 1MDB.

In a statement, the SC said Deloitte had committed four breaches of the audit report regulations that were held in breach of the auditor's duty to exercise due care.

It had failed to disclose its statutory audit report to the group's annual report and

not to file a copy of the audit report and

the audit committee report with the company's annual report.

The breaches were in relation to the 1MDB Real Estate Berhad annual financial report issued by Kamar Malaysia Sdn Bhd, a unit of

1MDB in 2014.

Deloitte is one of the big four international

accounting companies. The firm acted as the auditors for the 1MDB Real Estate Berhad annual financial report for financial years ending on 31 December 2013 and 31 December 2014 before a regulation on the audit of listed companies was introduced in early 2015.

In a statement, the SC said Deloitte had committed four breaches of the audit report regulations that were held in breach of the auditor's duty to exercise due care.

It had failed to disclose its statutory audit report to the group's annual report and

not to file a copy of the audit report and

the audit committee report with the company's annual report.

The breaches were in relation to the 1MDB Real Estate Berhad annual financial report issued by Kamar Malaysia Sdn Bhd, a unit of

1MDB in 2014.

Deloitte is one of the big four international



Laporan Tahunan
SC 2018
diiumumkan

14

AOB kenakan sekatan terhadap firma dan rakan kongsi kerana gagal mematuhi *Piawaian Antarabangsa Pengauditan dan Kawalan Mutu*

6

MAC

FEBRUARI

12

Pengerusi SC dilantik sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa Pertumbuhan dan Pasaran Pesat Membangun

SC Chairman elected Vice Chair of IOSCO


KUALA LUMPUR: The Securities Commission Malaysia (SC) Chairman Datuk Syed Zaid Albar (pic) has been elected Vice-Chair of the International Organisation of Securities Commissions (IOSCO) Growth and Emerging Markets (GEM) Committee.


IOSCO is the leading global standard setter for securities regulation and regu-

lates more than 95 per cent of the world's securities markets in more than 115 jurisdictions, SC said in a statement.

"International cooperation and engagement through IOSCO is critical given the increasingly complex market environment, growing financial innovation and expanding cross-border activities."

"Malaysia's leadership position in IOSCO strengthens the SC's commitment to drive the digital finance agenda and augments Malaysia's position as a regional leader in sustainable finance," he was quoted as saying in the statement. - Bernama





Auditors urged to adopt more structured root cause analysis framework

PETALING JAYA: The Securities Commission's Audit Oversight Board said audit firms are taking measures to improve audit quality. It is concerned that issues in areas such as sampling and the audit of revenue recognition still persist. "The AOB urges audit firms to adopt a more structured and formalised root cause analysis framework to ensure that the remediation measures taken to address the findings raised are effective and sustainable," said AOB in a press release yesterday in conjunction with the issue of its Annual Report and Annual Inspection Report for 2018.

The reports share common inspection findings, trend analysis, and assessment of remediation efforts and progress taken by inspected audit firms. In 2018, the AOB inspected six major audit

firms and seven other audit firms. These firms collectively audit public listed companies (PLCs) representing about 4% of the total market capitalisation of PLCs.

It noted an overall reduction in the number of recurring findings – out of eight firms re-inspected, only one recurring finding each was noted in two of the firms.

In 2018, for the first time, the AOB took enforcement actions against Engagement Quality Control Review (EQR) partners for their failure in fulfilling their gatekeeping functions in the audit engagement.

It said new registration criteria were introduced to ensure that the auditors' gatekeeping role remains relevant and more importantly, to encourage audit firms to increase

their capacity and improve their audit quality. The new criteria include that no registered audit partner can be attached to only one audit firm at all times and requiring an audit firm registered with AOB to have at least three audit partners.

The EQRs of public interest entities and educational institutions will now be carried out by an AOB-registered partner of the same audit firm appointed as the auditor.

The continued registration of an audit firm with the AOB is also subject to the audit firm having conducted at least one schedule fund audit in the last 24 months.

Last year, the AOB took enforcement actions against 11 individual auditors and three audit firms for failure to comply with laws, regulation and auditing standards.

JUN

SC mendaftar
3 DAX

4

AOB umum
Laporan
Tahunan
dan Laporan
Pemeriksaan
Tahunan 2018

25

Bekas pengarah
Kumpulan Bestino
didapati bersalah kerana
mengedarkan borang
permohonan sekuriti
tanpa prospektus

28

SC InvestSmart® @Borneo,
Kota Kinabalu, Sabah

29



JULAI

Rumah
Terbuka Hari
Raya SC

1

4



SC mengingatkan
pelabur agar berhati-
hati terhadap ICO dan
DAX yang tidak diiktiraf

SC sees changes in senior management

New appointments, redesignations are part of its reorganisation

BY WONG HSU LIN
KUALA LUMPUR: The Securities Commission (SC) is undergoing reorganisation, including changes in senior management. Following the reorganisation, SC's chairman Zainal Abidin Zainal Abidin will now be responsible for corporate governance, risk management, as well as the enlarged corporate governance unit. The chairman will now include the technology division under his purview, while the other two units, accounting and a consumer protection unit, will remain as they are.

Meanwhile, the regulator has appointed a new executive director of corporate governance, risk management and consumer protection. He will assume a new role as the head of the technology division, as well as the newly created industry development Corp (IDC) division. Nordin Hashim has over 27 years of

experience in management consulting, banking and finance, and technology, including at Accenture, Sime Darby and Standard Chartered. The current SCIC CEO Sharifah Sharifah Md Zainal will now be responsible for the remaining areas of the SC, including the supervision and licensing unit, as well as the capital markets unit.

"In foster greater financial inclusion and innovation, the SC will continue to enhance its strategy and interaction between the market and the industry, as well as its efforts in promoting innovative products and services, and monitoring the evolving cyber

risk landscape," said the regulator in a statement. "The vision of promoting innovation in the capital market, the capital market's role in financing the economy and the regulatory environment are to be defined as a core priority of the SC. We believe that the capital market's development of the broader capital market will be driven by the right policies and regulations, supervision and licensing, and the direction of the market," he added.

The IDC unit will implement high-level policies that will drive the future growth of the capital market, the market development, and the implementation of the right policies and strategies," said the SC, adding that Dr Wong Hock Ching, who has been appointed as the new head of the IDC, will report directly to the president of the SC.



OGOS

8

SC umumkan penyusunan semula organisasi dan pelantikan pengurusan kanan

26

SC-BNM bersama MOF mengganjurkan Perbincangan Kumpulan Fokus Belanjawan 2020

30

- Bekas pengarah eksekutif dihukum dan didenda kerana kemuka kenyataan palsu kepada Bursa Malaysia
- Siri Ceramah Kepimpinan Merdeka SC



Pelancaran Jaringan Pendidikan Kewangan 2019-2023 (FEN) – SC kerjasama dengan BNM dan agensi-agensi lain



23



17-18

AOB menganjur Mesyuarat Tahunan Kumpulan Pengawal Audit ASEAN ke-9

9

Kunjungan hormat daripada Lord Mayor Bandar London, Alderman Peter Estlin

SEPTEMBER

17

Bekas Timbalan pengurus eksekutif dihukum penjara 5 tahun dan denda RM9 juta kerana dagangan orang dalam

Former exec deputy chairman jailed five years and fined RM9mil for insider trading

PETALING JAYA: The Kuala Lumpur Securities Commission (SC) has sentenced a former executive deputy chairman of a public-listed company to a five-year jail term and a fine of RM9mil for insider trading offences, after a full trial with 24 witnesses having testified for both the prosecution and defence.

In a statement by the Securities Commission (SC), Datuk Ramesh Rajaratnam, 55, former executive deputy chairman of Malaysian Merchant Marine Bhd (MMM), was found to have disposed 10,200,800 MMM shares while in possession of material non-public information.

25

SC mendaftar platform pendanaan hertanah ramai pertama di Malaysia

EdgeProp registered as first property crowdfunding operator

BY SURIN MURUGAH

KUALA LUMPUR: The Securities Commission Malaysia (SC) has registered EdgeProp Sdn Bhd as the first recognised market operator of a peer-to-peer property crowdfunding platform in Malaysia, following the revision of the SC's Guidelines on Recognised Markets in May.

In a statement yesterday, SC said EdgeProp was granted an approval in principle this month.

Property crowdfunding is an initiative announced in May 2019 to provide an alternative financing avenue for first-time homebuyers through a property crowdfunding scheme.

The SC said property crowdfunding offers the same potential as that of equity crowdfunding and peer-to-peer financing platforms in providing an alternative source of financing but is specifically tailored for first-time homebuyers.

At the same time, it will provide investors access to a new investment option.

"The SC would like to caution that it is an offence under the securities laws to operate a P2P (property crowdfunding platform) without authorisation from the SC."

"Any persons found to be in breach may be liable to a fine not exceeding RM10 million or imprisonment term not exceeding ten years or both," it said.

OKTOBER

2

SC batal lesen pengurusan dana VCB Capital Sdn Bhd

VCB Capital's appeal against licence revocation fails

KUALA LUMPUR: The Securities Commission Malaysia (SC) has dismissed an appeal brought by VCB Capital Sdn Bhd after its fund management licence was revoked by the regulator on June 19.

VCB's licence was revoked after the SC found that the manner in which VCB conducted its business had cast a doubt on its competence and soundness of judgement as a fund manager.

In a statement yesterday, the SC said VCB was found to have breached the Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies and Guidelines on Prevention of Money Laundering and Terrorism Financing for Capital Market Intermediaries.

10

SC kenakan pertuduhan terhadap bekas pengarah urus kerana dagangan orang dalam

Former DIS Tech MD charged for insider trading

KUALA LUMPUR: Dusain Cheah Yew Keat, former managing director (MD) of private equity firm Discrepancy Holdings Bhd (DIS Tech), has been charged with counts of insider trading.

Cheah, 62, is alleged to have disposed 10,200,800 DIS Tech shares via accounts he controlled between July 2008 and January 2010, while in possession of non-public information, the SC said in a statement yesterday.

The SC said Cheah had been charged with 10 counts of insider trading, each carrying a maximum sentence of three years in prison, a fine of not less than RM1 million, upon conviction.

Zulada Zukiffi, senior public prosecutor from the SC, Zulada Zukiffi, requested bail of RM300,000 for Cheah, who was remanded in custody yesterday, Bernama reported.

Cheah, 62, is a permanent ball, and his client is a permanent employee since the age of three, and has been working with DIS Tech since 2008.

The court then allowed Cheah to remain in custody until his trial date, for all charges, and ordered him to surrender his passport. The case will be heard on Oct 22.

DIS Tech was removed from the SC's register of fund managers after failing to appoint a sponsor within a stipulated time frame to regularise its operations, according to a regularisation plan.

The manufacturer of medical

15-17

Dialog Industri SC



18-20

- Fest InvestSmart® 2019
- SC ScamBuster Walk Hunt Pertama



DISEMBER

17

26

SC berjaya dalam saman terhadap bekas Timbalan Pengarah Urusan Stone Master kerana menyebabkan kerugian sebanyak RM11.54 juta secara salah

AOB denda juruaudit kerana tidak mematuhi *Piawaian Antarabangsa Pengauditan*



Auditor fined RM63,000 for not adhering to international auditing standards

KUALA LUMPUR: The Audit Oversight Board (AOB) of the Securities Commission of Malaysia (SCM) has fined an auditor, Huang Khen Yeong RM63,000 for failing to comply with the International Auditing Standards when carrying out a Public Interest Entity (PIE).

AOB said in a statement yesterday that it had informed Huang, who is a partner of Deloitte PLT, that he had failed to create and implement auditing procedure involving various PIE auditing location.

Huang is also found to have carried out auditing procedure that was incomplete, among others amalgamation group, construction contract and goodwill, according to the statement.

Huang did not make any appeal on the case and the fine would take effect immediately. - Bernama

26

NOVEMBER

22-23



SC menganjurkan edisi ke-6 Persidangan Fintech SCxSC

AKRONIM DAN SINGKATAN

ABMI	Inisiatif Pasaran Bon Asia
ACMF	Forum Pasaran Modal ASEAN
AE	Ekonomi maju
AGM	Mesyuarat agung tahunan
AMBD	Autoriti Monetari Brunei Darussalam
AMLATPUAA	<i>Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001</i>
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
AS	Amerika Syarikat
AS Fed	Rizab Persekutuan Amerika Syarikat
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
ASEAN GBS	<i>Piawaian Bon Hijau ASEAN</i>
ASEAN SBS	<i>Piawaian Bon Sosial ASEAN</i>
ASEAN SUS	<i>Piawaian Bon Lestari ASEAN</i>
ATCM	Persatuan Syarikat Amanah Malaysia
AUM	Aset bawah pengurusan
A-MDP	Program Pembangunan Pemasaran ACMF
BNM	Bank Negara Malaysia
BPS	Mata asas
BRIDGe	Kumpulan Pendigitalan Industri Pembrokeran
CAGR	Kadar pertumbuhan tahunan terkompaun
CCAF	Pusat Kewangan Alternatif Cambridge
Ceo	Pegawai Integriti Bertauliah
CG	Tadbir urus korporat
CG Monitor	<i>Corporate Governance Monitor</i>
CIS	Skim pelaburan kolektif
CMA	Authoriti Pasaran Modal Saudi Arabia
CMD	Pembangunan Pasaran Modal
CMM	Capital Markets Malaysia
CMP2	<i>Capital Market Masterplan 2</i>
CMSA	<i>Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007</i>
CMSL	Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal
CMSRL	Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal
CNV	Comisión Nacional de Valores
CPC	<i>Kanun Tatacara Jenayah</i>
CRWG	Kumpulan Kerja Risiko Siber
DAX	Penukaran Aset Digital
DCE	Timbalan Ketua Eksekutif
DFI	Developmental Financial Institutions
DIM	Pengurus pelaburan digital
DRP	Pelan pelaburan semula dividen
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia

ECF	Pendanaan ekuiti ramai
EME	Ekonomi pasaran pesat membangun
ESG	Alam sekitar, sosial dan tadbir urus
ETF	Dana dagangan bursa
FATF	Pasukan Petugas Tindakan Kewangan
FBMKLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia
FID	Pembangunan Institusi Kewangan
FEN	Jaringan Pendidikan Kewangan
FIMM	Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia
Fintech	Teknologi kewangan
FMC	Syarikat pengurusan dana
FSSG	Kumpulan Pengawas Penyata Kewangan
G20	Negara Kumpulan 20 – Forum Antarabangsa bagi kerajaan-kerajaan dan gabenor bank-bank pusat dari 19 negara dan Eropah Bersatu
Garis Panduan TFS-PF	<i>Guidelines on Implementation of Targeted Financial Sanction Relating to Proliferation and Financing</i>
GBI-Global	Indeks Bon Kerajaan - Antarabangsa
GBI-EM	Indeks Bon Kerajaan - Pasaran Pesat Membangun
GDP	Keluaran Dalam Negara Kasar
GEM	Pasaran Pertumbuhan dan Pesat Membangun
GFC	Krisis kewangan global
GIACC	Pusat Governans, Intergriti dan Anti Rasuah Nasional
IBFC	Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa
ICM	Pasaran modal Islam
ICMR	Institut Penyelidikan Pasaran Modal
ICO	Tawaran token awal
ICULS	Stok pinjaman tidak bercagar boleh tukar dan tidak boleh ditebus
IFWMBP	<i>Islamic Fund and Wealth Management Blueprint</i>
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IOSCO	Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti
IPO	Tawaran awam awal
JC3	Jawatankuasa Bersama mengenai Perubahan Iklim
JKKMAR	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah
LEAP	Platform Pemecut Usahawan Utama
L&I	Leveraj dan berbalik
LOLA Framework	Rangka Kerja Serah dan Simpan
LRM	Pengurusan Risiko Kecairan
MCCG	<i>Kod Malaysia mengenai Urus Tadbir Korporat</i>
MESTECC	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim
MFRS	<i>Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia</i>
MGFT	Pasukan Petugas Pembiayaan Hijau Malaysia
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
MNPI	Maklumat material bukan awam
MoF	Kementerian Kewangan
MoU	Memorandum persefahaman
MPS	Majlis Penasihat Syariah
MRWG	Kumpulan Kerja Risiko Pasaran
MSCI	Morgan Stanley Capital International
MSWG	Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti

MyCIF	Malaysian Co-Investment Fund
MVCDC	Majlis Pembangunan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia
NACP	Pelan Anti-Rasuah Nasional
NACSA	Agensi Keselamatan Siber Negara
NAV	Nilai aset bersih
OACP	Pelan Anti-Rasuah Organisasi
OCIS	Pusat Pengajian Islam Oxford
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OPR	Kadar dasar semalam
P2P	Antara rakan setara
PCF	Pendanaan harta tanah ramai
PDS	Sekuriti hutang swasta
PE	Ekuiti swasta
PEC/PEMC	Syarikat ekuiti swasta / Syarikat pengurusan ekuiti swasta
PIE	Entiti kepentingan awam
PLC	Syarikat awam tersenarai
PMKS	Perusahaan mikro, kecil dan sederhana
PPA	Pentadbir Pencen Swasta
PROFOUND	Skim Kewangan untuk Pembangunan Profesional Berterusan
PRS	Skim persaraan swasta
PSS	Jualan singkat dibenarkan
QP	Individu Berkelayakan
QSP	Personel Kanan Berkelayakan
RCEP	Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau
REIT	Pelaburan amanah harta tanah
RI	Institusi pelapor
RMO	Pengendali pasaran diiktiraf
RPA	Penasihat utama diiktiraf
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCMA	Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993
SCxSC	Kolaborasi Sinergistik oleh SC
SICDA	Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
SFN	Jaringan Kewangan Mampan
SIDREC	Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SRI	Pelaburan bertanggungjawab dan mampan
SRO	Organisasi seliaan sendiri
SROC	Jawatankuasa Pengawasan Risiko Sistemik
UK	United Kingdom
UST	Perbendaharaan Amerika Syarikat
UTS	Skim Unit Amanah
VA	Aset maya
VASP	Penyedia perkhidmatan aset maya
VC	Modal teroka
VCC / VCMC	Syarikat modal teroka / Syarikat pengurusan modal teroka
WCFSL	Jawatankuasa Kerja Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan
WC-CMD	Jawatankuasa Kerja Pembangunan Pasaran Modal

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

3 Persiaran Bukit Kiara

Bukit Kiara

50490 Kuala Lumpur

T +603 6204 8000

F +603 6201 5078

E cau@seccom.com.my

www.sc.com.my

www.investsmartsc.my

 @SecComMY

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menggalakkan amalan kelestarian.

Penerbitan ini dicetak sepenuhnya dengan menggunakan kertas mesra persekitaran.